



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

Bil. 23

Isnin

24 Ogos 2020

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 31)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 32)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 (Halaman 32)

Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020 (Halaman 140)



**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA  
Isnin, 24 Ogos 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Pagi ini saya hendak berpantun nasihat sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:**

*COVID-19 menular tanpa henti,  
Bersama tangan satu persatu,  
Rakyat mesti berhati-hati,  
Soalan saya nombor satu.*

1. **Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** minta Menteri Kesihatan menyatakan status terkini kes COVID-19 di negara ini dari segi jumlah kes termasuk yang mengakibatkan kematian, dalam wad ICU dan telah dipulihkan dalam kalangan rakyat negara ini dan warga asing serta nyatakan sejauh manakah keberkesanan tindakan kerajaan mengenakan langkah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah berjaya membendung penyakit ini dari terus menular, merebak dan menjangkiti rakyat negara ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** *[Berucap dalam bahasa Arab]* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pertanyaan ini dijawab bersekali dengan pertanyaan bertarikh 27 Ogos oleh Yang Berhormat Papar yang juga menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menyekat COVID-19?

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 23 Ogos 2020 kumulatif kes positif COVID-19 adalah sebanyak 9,267 kes yang mana 6,530 adalah warganegara, 2,737 bukan warganegara. Daripada jumlah itu, 8,959 kes telah sembuh dan *discharge* daripada wad yang menjadikan kadar kesembuhan adalah 96.68 peratus yang mana 6,276 adalah daripada warganegara dan juga 2,683 bukan warganegara.

Sebanyak 306 kes telah dimasukkan kes ke unit rawatan rapi (ICU) menjadikan kadar dimasukkan ke ICU sebanyak 3.3 peratus iaitu 287 warganegara dan 19 bukan warganegara. Sejumlah 125 kes telah dilaporkan meninggal dunia menjadikan kadar kematian sebanyak 1.35 peratus. Seramai 199 orang adalah warganegara dan enam bukan warganegara.

Daripada 125 kes yang dilaporkan meninggal, lima negeri yang tertinggi bagi kes adalah Selangor mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 24 kes, Johor sebanyak 21 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sebanyak 19 kes, Sarawak sebanyak 19 kes, Negeri Sembilan sebanyak lapan kes dan ada banyak lagi yang saya boleh melalui jawapan bertulis.

Daripada 125 kes yang dilaporkan meninggal dunia, sebanyak empat kes adalah dilaporkan dalam kalangan anggota barisan hadapan yang juga merupakan anggota kesihatan. Walau bagaimanapun, tiga daripada kes ini merupakan anggota yang mendapat jangkitan semasa melawat ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, perintah PKP yang telah mula dikuatkuasakan pada 18 Mac dilanjutkan kepada empat fasa seterusnya PKPB dan PKPP telah membantu memberi ruang kepada pihak kerajaan untuk pelaksanaan pelbagai aktiviti dan kesedaran awam untuk membendung penularan jangkitan COVID-19 secara berkesan. Selain daripada pengawalan rapi pintu masuk antarabangsa, fasa PKP khususnya turut menyaksikan kawalan pergerakan antara negeri di Malaysia dan kawalan terhadap penganjuran aktiviti berkumpulan. Tindakan drastik ini telah menyebabkan penurunan pada kes aktif COVID-19 yang direkodkan secara maksimum yang seterusnya berhasil melandai lengkuk epidemiologi.

Pada awal fasa PKP pertama dan kedua, purata kes yang dilaporkan adalah 142 kes sehari. Kini sejak fasa PKPP bermula pada 6 Jun, sehingga kini purata kes adalah sebanyak 15 kes sehari. Manakala, jumlah kematian disebabkan COVID-19 ini juga berkurangan berbanding pada awal PKP dengan angka maksimum kematian pada fasa awal PKP adalah sebanyak tujuh kes sehari pada 29 Mac dan kini angka maksimumnya hanya satu kes sehari.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung peruntukan menangani wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan telah disediakan peruntukan sebanyak RM1 bilion. Sehingga 7 Ogos 2020, KKM telah membelanjakan sebanyak RM720 juta bagi pembelian peralatan, bekalan perubatan, barang guna pakai (*consumable*) dengan izin, PPE, *test kit* dan lain-lain perkhidmatan dalam usaha mengawal wabak COVID-19. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, soalan tambahan pertama.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Selama 30 saat.

**Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kanan, Kementerian Kesihatan terutama kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Dr. Noor Hisham yang telah dianugerahkan pingat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. *[Tepuk]* Tidak lupa kepada *frontliner*, barisan hadapan yang telah bertungkus-lumus.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah kerajaan memantau perkembangan penyelidikan vaksin diberi nama Sputnik V yang dihasilkan oleh Rusia seperti yang tular di media

sosial baru-baru ini dan dijangkakan akan dihasilkan secara besar-besaran menjelang September ini. Apakah kluster-kluster penyebaran COVID-19 setakat ini? Bagaimanakah untuk mengatasi kluster-kluster yang terbaharu ini? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu minit.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Dua soalan yang sepatutnya dijawab panjang. Satu minit memang tidak cukuplah. Akan tetapi, tentang vaksin daripada Rusia ini, maklumat mengatakan vaksin ini belum lagi didaftarkan dan vaksin ini masih— Rusia mahu mengadakan ujian klinikal fasa ketiga. Jadi, bermaknanya daripada segi fasa klinikal yang perlu dilalui oleh sesuatu vaksin sebelum diluluskan adalah tidak mencukupi.

Jadi, setakat ini kita menungguhah apakah laporan seterusnya daripada Rusia berkenaan dengan vaksin yang telah dinyatakan itu. Hari ini perlumbaan vaksin berlaku di seluruh dunia. Sebanyak 165 vaksin sedang dibangunkan dan 65 vaksin telah melalui fasa klinikal dan hanya tujuh sahaja pada fasa klinikal yang terakhir.

#### ■1010

Jadi, pembangunan vaksin ini memerlukan masa yang lama dan kajian yang teliti sebelum dapat digunakan oleh dunia untuk menyembuhkan vaksin. Ini kerana kita hendakkan keselamatan vaksin (*safety vaccine*) dan juga keberkesanan sesuatu vaksin itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Itu sahaja?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Sedikit tentang soalan bahagian kedua itu, tentang kluster. Kita ada banyak kluster sebenarnya. Pada 20 Ogos, saya nyatakan ada 99 kluster yang telah dilaporkan ke CPRC dan daripada 99 kluster yang ada ini, sebanyak 6,369 kes telah dilaporkan. Jadi, ada banyak kluster.

Kalau saya hendak sebut di sini kluster yang dahulunya kluster Tabligh Sri Petaling yang ada 18 subkluster. Kluster keagamaan contohnya kluster yang melibatkan upacara agama. Kluster Tawar yang *hot* sekarang ini dan juga tempat kerja dan kediaman, import, pusat tahanan DTI dan juga kumpulan berisiko. Contohnya Hospital Sentosa dan warga emas Kluang.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit tentang langkah-langkah mengambil kira peningkatan kes yang berlaku secara mendadak dalam masa yang singkat pada bulan Ogos ini. Maka kerajaan telah bertindak dengan mengadakan *Targetted Enhanced Movement Control Order* (TEMCO) di setiap empat tempat. Ini saya menceritakan tentang kes kluster yang terkini, yang panas yang di Kedah ini iaitu Kluster Tawar.

Contohnya empat tempat ini kawasan sekitar satu kilometer radius daripada Restoran Nasi Kandar Salleh itu. Yang keduanya Kampung Pida di Daerah Kubang Pasu, Kampung Bendang Dalam di mukim Binjal, Daerah Kubang Pasu dan Kampung Ulu Padang Senai di Daerah Padang Terap. Manakala TEMCO di Perlis ada di dua kampung, Kampung Sungai Sanglang dan Kampung Tanah Timbul.

Jadi, langkah-langkah utamanya pengesahanan kes dan kontak rapat diteruskan. Kontak rapat dimestikan duduk di rumah untuk pengawasan dan kerajaan terus memberikan penekanan kepada amalan elakkan 3S, amalkan 3W dan juga memerhati SOP yang telah disarankan selama ini. Seterusnya, kerajaan juga menjalankan aktiviti pembersihan nyah kuman dan nyah cemar di kawasan-kawasan yang terlibat dengan kejadian yang terkini ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setiawangsa ingin berkongsi pandangan Yang Berhormat Sabak Bernam, mengucapkan tahniah kepada KKM dan *frontliners*. Sering diulang bahawa kita belum menang dalam mengatasi COVID-19 ini dan antara isu untuk elakkan kluster ialah untuk mematuhi SOP.

Jadi, apakah pandangan pihak kementerian terhadap ketidakpatuhan VIP seperti Menteri, sama ada perlu diberi kompaun yang lebih besar kerana mereka menjadi contoh kepada rakyat yang ramai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan SOP yang dilanggar ini, dengan izin *there is no one above the law. [Tepuk]* Tidak ada siapa yang boleh mengatasi undang-undang ini. Oleh sebab undang-undang dibuat ini bukan untuk mendera sesiapa tetapi undang-undang ini dibuat untuk menyelamatkan negara, menyelamatkan nyawa manusia khususnya di negara kita ini.

Jadi, sesiapa sahaja, kalau kita lihat semasa COVID-19 ini, malah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah melalui fasa HSO iaitu kuarantin di rumah umpamanya. Sesiapa sahaja yang melanggari patut dikenakan— sekarang ini kita kenakan kompaun sebanyak RM1,000. Jadi kalau berdasarkan kalau kesalahan dilakukan, berdasarkan Akta 342 Seksyen 25 ini maka kompaun maksimum yang dikenakan adalah RM1,000.

Akan tetapi kalau ada kes— contohnya kes-kes yang lebih serius yang telah dijalankan penyiasatan oleh pihak polis umpamanya, maka ini terpulang kepada agensi yang seterusnya contohnya pihak polis dan juga Peguam Negara. Kalau kes melalui seksyen 24 dihadapkan ke mahkamah, maka mereka akan membuat keputusan yang selayaknya untuk sesuatu kesalahan yang dilakukan. Tidak kira siapa sekalipun.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada rakyat kena penjara, Menteri tak kena penjara.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu soalan. Soalan pendek.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Menteri Pertahanan sudah buat kenyataan bahawa selepas April tidak ada lagi kompaun, akan terus ke mahkamah untuk didakwa. Akan tetapi kenapa atas seorang Menteri...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ini bukan sesi perbahasan, sesi pertanyaan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

2. **Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** minta Perdana Menteri menyatakan berapa peratusan pelajar-pelajar negeri Sabah dan Sarawak yang mendapat tajaan Biasiswa PETRONAS pada peringkat pengajian tinggi di dalam dan di luar negara bermula dari awal program tajaan ini dilaksanakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, saya jemput...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Duduklah.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Jawapan bertulis Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan bertulis. Kenapa rakyat kena penjara...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Shah Alam hari-hari pergi *pow* punya *[Tidak jelas]*. Yang Berhormat Shah Alam hari-hari *pow* punya mana tempat mahu *pow* lagi sekarang?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan..Saya minta Timbalan Menteri terus menjawab.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Tuan Arthur Joseph Kurup]:** Selamat pagi dan salam sejahtera. PETRONAS melaksanakan pelbagai program pendidikan yang dikategorikan sebagai *education corporate social responsibility* bagi semua negeri termasuk negeri-negeri pengeluar minyak utama dalam Malaysia seperti Sabah, Sarawak, Terengganu dan juga Kelantan.

Bagi negeri Sabah, PETRONAS telah membantu seramai 12,641 pelajar dan individu yang melibatkan belanja sebanyak RM213,112,358. Bagi negeri Sarawak pula, PETRONAS telah membantu seramai 12,815 pelajar dan individu yang melibatkan belanja sebanyak RM411,660,034.

Data ini adalah paling terkini setakat suku kedua tahun 2020. Bagi peringkat pengajian tinggi, PETRONAS Telah menjalankan program *PETRONAS Education Sponsorship Program* (PESP) sejak tahun 1975 yang telah memberi manfaat kepada lebih daripada 36 ribu orang dan melibatkan belanja lebih daripada RM3 bilion.

Namun begitu, data komposisi pelajar pada peringkat pengajian tinggi ini hanya dapat dikemas kini bermula daripada tahun 2010 hingga ke tahun 2019. Maka sejak tahun 2010, secara keseluruhannya seramai 3,426 pelajar telah menerima tajaan di bawah PESP yang melibatkan kos sebanyak RM874 juta. Bagi pelajar-pelajar daripada negeri Sabah dan Sarawak yang membabitkan seramai 575 orang pelajar iaitu sebanyak 17 peratus dengan kos tajaan yang sudah melebihi RM100 juta.

Jadi bagi negeri Sabah, ada seramai 245 orang pelajar yang telah mendapat tajaan PESP. Daripada jumlah tersebut, ada seramai 163 orang pelajar yang ditaja untuk mengikuti pengajian di universiti tempatan dan 82 orang pelajar ditaja untuk pengajian di universiti luar negara.

Bagi negeri Sarawak pula, seramai 330 orang pelajar telah mendapat tajaan PESP dan daripada jumlah ini seramai 234 orang pelajar telah ditaja untuk mengikuti pengajian di universiti tempatan dan 96 orang pelajar ditaja untuk mengikuti pengajian di universiti luar negara. Sekian dan terima kasih.

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Ya. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai program *PETRONAS Education Sponsorship Program* (PESP), program pengajian tinggi untuk Sabah dan Sarawak – saya ingin bertanya tentang satu perkara yang mana sudah diperakui bahawa Kementerian Pendidikan sudah memperakui bahawa infrastruktur pendidikan di negeri Sabah dan Sarawak itu amat jauh terkebelakang. Sudah diperakui oleh Kementerian Pendidikan.

Yang kedua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga mengakui bahawa infrastruktur kita juga masih lagi di belakang. Kedua-dua segmen yang saya sebut tadi amat mempengaruhi mutu pendidikan di negeri Sabah dan Sarawak.

## ■1020

Jadi ertinya, kita tidak boleh memberi padang yang sama kepada pelajar Sabah dan Sarawak jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar dari Semenanjung. Itu sesuatu yang amat *fair* saya rasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Soalannya, apakah ada sedikit *advantage* yang diberi kepada pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak jika kita melihat alasan yang saya beri tadi. Soalan yang kedua, sebagai pengeluar minyak terbesar di Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak, terdapat cuma 17 peratus sahaja pelajar-pelajar yang terlibat daripada Sabah dan Sarawak dalam *PETRONAS Education Sponsorship Programme* ini. Adakah langkah PETRONAS untuk menambah pelajar-pelajar mendapat peluang daripada *PETRONAS Education Sponsorship Programme* ini dan saya pohon agar benda ini dapat diperhalusi dengan sebaik-baiknya. Terima kasih.

**Tuan Arthur Joseph Kurup:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Untuk maklumat Yang Berhormat Putatan, setakat ini, PETRONAS telah membantu seramai 12,641 pelajar dari negeri Sabah bermula daripada peringkat sekolah rendah dan ini melibatkan kos sebanyak RM213,112,358. Kita tahu bahawa infrastruktur di Sabah ini belum lagi boleh dibandingkan dengan infrastruktur di Semenanjung. Maka dengan itu, PETRONAS mempunyai pelbagai program seperti membina MRSM di Ranau, Asrama Harian Luar Bandar di SK Balambangan Banggi dan juga beberapa *trust school* seperti Kluster Kimanis seperti SK Kimanis, SMK Bongawan, SMK Agama Limauan, SK Pekan Kimanis dan SK Mandahan.

Bagi menjawab soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Putatan, sebenarnya tidak ada perbezaan daripada *applicant* daripada Sabah, Sarawak ataupun Semenanjung. Untuk maklumat Ahli Dewan, pada tahun ini sahaja, PETRONAS telah menerima aplikasi daripada pemohon sebanyak 10,000 pemohon dan hanya ada kurang lebih 400 sahaja tajaan PESP untuk program ini. Maka, ini memang satu program yang sangat-sangat kompetitif dan hanya pelajar yang terbaik sahaja boleh diterima untuk program yang *outstanding* seperti ini. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalan tambahan pertama, sila Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah, kali ini boleh nampak Bintulu. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi kita pun dengar dia punya jawapan sudah 12,000 lebih bantuan sudah bagi Sabah dan Sarawak. Cuma saya mahu tahu, setakat bila daripada mula— daripada bila sampai sekarang, kita bagi 12,000? Akan tetapi saya mahu tanya mengenai bantuan ini ataupun *scholarship* daripada PETRONAS, setahun kita bagi berapa kuota untuk Sabah dan Sarawak? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Arthur Joseph Kurup:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Izinkan saya mencari maklumat tersebut supaya saya boleh menjawab dengan Yang Berhormat Bintulu. Untuk maklumat Yang Berhormat Bintulu yang daripada Sarawak, PETRONAS telah membantu sejak tahun 1975. Seramai 12,815 orang pelajar daripada Sarawak yang melibatkan kos sebanyak RM411,646,034 dan ini merangkumi pelbagai program dan juga pembinaan seperti MRSM, Asrama Harian Luar Bandar, VISTA, PSIP, TRENGLISH dan sebagainya.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Bintulu bahagian yang kedua, seperti mana yang saya katakan tadi, tidak ada perbezaan ataupun tidak ada kuota yang istimewa. Cuma, pelajar itu ataupun pemohon itu mesti layak. Jadi, untuk maklumat Ahli Dewan Rakyat, syarat ini adalah seperti mesti jadi warga Malaysia, berumur 17 tahun hingga 19 tahun, mencapai keputusan minimum 8A dalam SPM, mata pelajaran itu yang mesti ada A adalah Matematik, Fizik dan Kimia untuk yang memilih untuk mengikuti pengajian kejuruteraan, dan minimum A bagi pemohon yang memilih untuk mengikuti pengajian selain daripada kejuruteraan. Selepas itu, apabila mereka lulus *paper assessment*, mereka kena duduk dua *online assessment* sebelum dijemput untuk temu duga.

Akan tetapi pada tahun ini disebabkan oleh pandemik, kebanyakan temu duga itu akan dilaksanakan secara *online*. Akan tetapi pada masa yang sama, memanglah PETRONAS akan sentiasa meningkatkan usaha untuk memberi lebih banyak tajaan kepada pelajar-pelajar yang layak supaya kita boleh meningkatkan lagi daya saing dan juga mutu modal insan di negara kita bagi menceburi bidang minyak dan gas untuk tahun-tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, ada sedikit. Bukan soalan ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, mohon agar data-data terperinci boleh diberi nanti. Saya pohon. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Secara bertulis.

**Tuan Arthur Joseph Kurup:** Boleh. Tidak ada masalah Yang Berhormat Putatan.

3. **Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Luper]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah impak utama hasil promosi sawit yang dibuat oleh kementerian ke negara-negara yang pernah dilawati kepada industri sawit negara.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Untuk maklumat Yang Berhormat, sepanjang tahun 2019, antara negara-negara pernah dilawati untuk mempromosikan minyak sawit Malaysia adalah China, India dan negara-negara Kesatuan Eropah. Selain mempromosikan minyak sawit negara, misi lawatan ke negara-negara tersebut juga telah berjaya mencapai perkara berikut– Pertama, memantapkan hubungan dua hala dengan negara-negara berkait berkenaan mendahului kerangka kerjasama sedia ada bagi memudahkan penerima minyak sawit Malaysia dari segi mendapatkan terma terbaik untuk mengeksport minyak sawit negara.

Kedua, menyebarluaskan usaha dan inisiatif yang sedang diambil oleh Malaysia mengenai pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan usaha-usaha pemuliharaan hutan serta biodiversiti yang dijalankan. Sebagai contoh, semasa lawatan ke Hague, Belanda, perjanjian persefahaman antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan *IDH-The Sustainable Trade Initiative* bertajuk “*Sustainable Climate Smart Palm Oil Production by Smallholders in Malaysia*” dengan izin, serta MOU antara MPOB dan Solidaridad Network Asia Limited bertajuk “*National Initiative for Sustainable and Climate Smart Oil Palm Smallholders (NI-SCOPS)*” dengan izin, telah ditandatangani. Skop kerja di bawah kedua-dua MoU ini dijangka akan menyumbang kepada pembangunan mampan industri sawit Malaysia terutamanya dalam memastikan kesediaan pekebun kecil sawit dalam pelaksanaan MSPO serta amalan pertanian yang baik.

Ketiga, melobi negara-negara pengimport minyak sawit mengenai aspek positif penggunaan minyak sawit dalam aplikasi pemakanan dan bukan pemakanan. Antara contoh promosi produk sawit dalam sektor pemakanan adalah seperti lelemak untuk bakeri, bahan pemanis dan makanan tambahan. Manakala contoh promosi dalam sektor bukan makanan adalah seperti oleokimia, biodiesel, kosmetik dan bahan-bahan pencuci.

Keempat, membuka pintu untuk mengeksport minyak sawit ke pasaran baharu seperti di pedalaman China, negara Asia Tengah, negara Balkan, Eropah Timur, Kepulauan Karibia dan negara-negara Afrika. Sebagai contoh, semasa lawatan ke Utopia, salah satu syarikat milik Malaysia telah ditawarkan tender untuk mengeksport sebanyak 27 juta metrik tan sawit ke negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, hasil usaha yang terancang tersebut telah menunjukkan impak peningkatan eksport pada tahun 2019. Data yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kuantiti pengeksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit telah meningkat sebanyak 10.8 peratus kepada 27.98 juta tan berbanding 25.23 juta tan pada tahun 2018. Bagi pasaran India, kuantiti eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit telah meningkat sebanyak 67 peratus daripada 2.67 juta tan pada tahun 2018 kepada 4.46 juta tan pada tahun 2019.

■1030

Manakala eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara-negara Kesatuan Eropah telah meningkat 2.3 peratus daripada 3.80 juta tan pada tahun 2018 kepada 3.89 juta tan pada tahun 2019. Eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke China juga telah meningkat sebanyak 2.7 peratus daripada 3.07 juta tan pada tahun 2018 pada 3.9 juta tan pada tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga CPU ini telah juga melonjak harga buah tandan segar kerana panduan harga harian bTS yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengikut wilayah dan gred pada Jun 2020 adalah di antara RM415 hingga RM508 berbanding di antara RM333 hingga RM397 pada Jun 2019. Peningkatan harga ini telah memberi impak peningkatan hasil pendapatan kepada para pekebun kecil sawit negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila soalan tambahan pertama...

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Hang Tuah Jaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Yang Berhormat Batang Lupar, 30 saat.

**Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]:** Soalan tambahan saya. Tahniah saya ingin ucapkan sebab disebutkan tadi hasil usaha promosi yang begitu positif sekali khususnya ke China, India dan Kesatuan Eropah. Soalan tambahan saya, apakah strategi yang diguna pakai oleh kementerian bagi bersaing dengan minyak masak lain dunia terutamanya dari segi harga dan juga kualiti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan strategi yang diguna pakai oleh KPPK contohnya promosi yang berterusan melalui MPOC kepada negara-negara fokus. Selain daripada itu, kementerian juga mendapat pasaran baharu seperti di negara Turki. Kita ingin menjadikan negara Turki sebagai hab dan sasaran kita ialah pertambahan 300,000 tan eksport minyak sawit kita yang berproses. Jadi melalui negara Turki ini kita mungkin boleh memasuki pasaran Greece dan juga negara-negara di Balkan.

Selain daripada itu, kita juga mengadakan aktiviti promosi yang melibatkan Kementerian Luar Negeri yakni kerjasama daripada Pejabat Kedutaan Malaysia di Eropah khususnya bagi perkara yang melibatkan hubungan di antara G2G iaitu *Government-to-Government* dengan izin dan juga penglibatan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam aspek pemasaran.

Berkaitan dengan harga, secara bandingannya harga minyak sawit masak kita sentiasa lebih rendah secara bandingan dengan minyak-minyak seperti *soybean oil* dan *sunflower oil*. Saya mungkin bagi secara bertulis dengan lebih *detail* lagi berkaitan dengan perkara tersebut. Akan tetapi dari segi harga CPO ia ditentukan oleh kuasa pasaran, permintaan dan penawaran pada setiap hari. Jadi harga jual beli ada tertakluk kepada persetujuan antara penjual dan pembeli. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada kebiasaannya harga CPO Indonesia lebih rendah secara bandingan dengan negara kita di antara USD10 hingga USD15.

Berkaitan dengan kualiti, KPPK telah mengambil peluang ini ataupun telah melancarkan untuk melaksanakan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia iaitu sijil MSPO secara mandatori merupakan satu strategik untuk menangani isu berkaitan dengan kemapanan perkembangan industri sawit negara. Selain daripada itu kajian, satu kajian saintifik telah membuktikan bahawa minyak sawit adalah setanding dengan minyak zaitun dari sudut khasiat pemakanan dan kesihatan. Di samping itu, MPOB sedang menjalankan penyelidikan kolaboratif dengan pusat kecemerlangan di beberapa negara untuk membuktikan kebaikan dan khasiat minyak sawit ini. Itu sahaja sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Hang Tuah Jaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalan tambahan kedua...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Hulu Langat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Saya jemput Yang Berhormat Hulu Langat.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih Timbalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** 30 saat.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Yang Berhormat Batang Lupar Yang Berhormat yang mengemukakan soalan. Kita sedia maklum bahawa hubungan eksport sawit Malaysia ke India terkesan apabila Perdana Menteri ketujuh mengecam tindakan India berkaitan konflik Kashmir yang menindas masyarakat minoriti di sana. Akan tetapi kita juga bersyukur kepada Allah kerana mengikut laporan bahawa eksport dilihat meningkat kukuh terutama dari India. India meningkatkan pembelian pada Jun berikutnya negara itu mula melonggarkan langkah sekatan pergerakan dan meningkatkan stok simpanan sawit dan juga eksport Malaysia ke India kekal kukuh untuk keseluruhan tahun terutama produk MSM selepas

kerajaan mengurangkan cukai eksport kepada sifar pada Jun dan melanjutkannya pada Julai sehingga Disember akan datang.

Soalan saya, apakah kerajaan ini akan terus bertegas atau telah mula menukar angin untuk menggadaikan prinsip keadilan dan kebenaran untuk berpihak kepada mereka yang tertindas di Kashmir semata-mata untuk menjaga hubungan dagangan dengan India sama ada melalui kementerian ini ataupun Kementerian Luar Negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan sentiasa terutama KPPK ini sentiasa memberi perhatian dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan penjualan minyak kita ke luar negara. Oleh sebab harga ataupun hasil pengeluaran kita bukan sahaja diguna di domestik, kita bergantung kepada luar negara untuk menentukan harga yang tinggi dan menstabilkan harga kelapa sawit ini. Jadi kita bersyukur kerana hari ini kita nampak kerajaan baharu PN ini, Kementerian Luar Negeri dan kerajaan kita telah memainkan peranan untuk mengadakan untuk mengadakan hubungan rapat atau bilateral yang baik supaya mempromosikan minyak sawit yang banyak untuk pembelian mereka.

Ini penting sebab ini satu-satunya cara. Kedua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat memang benar, kerajaan telah mengambil strategi untuk mengadakan satu pengecualian cukai, duti eksport. Duti eksport termasuk CPO, CPKO, RBDPKO sehingga hujung tahun ini untuk membolehkan harga kita lebih kompetitif. Tadi saya kata, negara secara bandingan, kalau harga selalu lebih mahal secara bandingan dengan Indonesia di antara USD10 hingga USD15. Syukur hari ini kita menggunakan kaedah strategik ini dan dapat meningkatkan pembelian walaupun dalam keadaan COVID-19 ini kita masih dapat menjual sawit kita dengan begitu banyak ke luar negara untuk kepentingan terutama menjaga kebaikan kepada pengusaha dan pekebun-pekebun kecil di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan pertanyaan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

*Sungguh hina politik khianat,*

*Soalan saya nombor empat.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan atau Timbalannya menjawab. Tiga minit.

4. **Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan status terkini penyelesaian sempadan Wilayah Persekutuan - Selangor.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Santhara]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau pantun yang baik saya boleh balas. Kalau begitu, tidak perlulah saya balas.

[Ketawa] Status terkini penyelesaian sempadan Wilayah Persekutuan–Selangor, sebagaimana Yang Berhormat Shah Alam sedia maklum mantan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah memperakukan 18 lokasi yang telah dikenal pasti sebagai dengan izin, *outstanding boundary problem* (OBP) pada 24 Januari 2020.

Setelah mandat tersebut diberi, kedua-dua Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan Pengarah Tanah dan Galian Selangor telah bersetuju secara bersama untuk menyelesaikan kesemua 18 lokasi yang telah dikenal pasti sebagai OBP tersebut. Persetujuan ini telah dicapai semasa Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal (JBT) Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri di antara negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang telah diadakan pada 5 Mac 2020.

Namun begitu, terdapat beberapa isu teknikal yang perlu diselesaikan terlebih dahulu berikutan semenjak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Isu-isu tersebut yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum tindakan seterusnya dapat diambil adalah perlunya meminda keanggotaan di dalam JBT dan Jawatankuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri (JPPSBN) daripada Jabatan Perdana Menteri ke KWP.

#### ■1040

Oleh itu, KWP perlu memperbetulkan keadaan ini melalui suatu Memorandum Jemaah Menteri. Pada masa kini, Memorandum Jemaah Menteri tersebut berada di peringkat semakan terakhir dan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat. Untuk makluman Yang Berhormat Shah Alam yang saya hormati, proses untuk penyelesaian sempadan Wilayah Persekutuan dan Selangor akan masih mengambil masa yang lama lagi kerana ia melibatkan kerja-kerja pengukuran dan penandaan persempadan yang baharu oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) serta proses-proses susulan lain yang masih perlu dilakukan secara berperingkat.

Adalah dijangka bahawa penyelesaian kepada isu persempadan WPKL dan Selangor ini akan memberi manfaat yang mendalam iaitu di antaranya ialah pengurusan hasil oleh pihak-pihak berkuasa tempatan di WPKL dan Selangor dapat dilaksanakan dengan lebih jelas dan teratur untuk mengutip hasil daripada pelbagai sumber seperti percukaian, fi, denda, kompaun dan caj perkhidmatan.

Keduanya adalah pengurusan hasil pejabat tanah juga akan lebih jelas dan teratur untuk mengutip sewa cukai, premium, royalti dan bayaran perkhidmatan kepada pejabat tanah lain. Ketiga, menyelesaikan isu-isu penguatkuasaan dan bidang kuasa oleh pihak berkuasa tempatan serta pihak berkuasa lain di WPKL dan Selangor ke atas kawasan sempadan tersebut.

Keempat, menunjukkan sempadan jelas di antara WPKL dan Selangor bagi pemilik bangunan dan infrastruktur di kawasan sempadan tersebut. Sehubungan dengan itu, ingin saya tekankan bahawa walaupun proses ini akan mengambil masa yang lama, kementerian ini komited untuk mencapai persetujuan dan memuktamadkan isu persempadan ini bagi kebaikan bersama di kedua-dua belah pihak. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Terima kasih. Di antara benda yang paling mengejutkan bila saya dilantik sebagai Menteri Wilayah ialah mendapati bahawa sempadan di antara Kuala Lumpur dan Selangor tidak selesai lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan soal dua tahun ataupun tiga tahun tapi 26 tahun. semenjak pembentukan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan pada tahun 1994 masih ada *18 outstanding border problems* (OBP). Saya telah mengarahkan kepada Jabatan Tanah dan Galian untuk selesaikan dalam tahun ini juga.

Saya faham bagi Kerajaan Barisan Nasional dan Perikatan Nasional, ini tidak ada nilai. Ia bukan projek yang bernilai berjuta-juta macam Halal Hub di Labuan yang diberikan keutamaan. *There is no money to be made*, ini kerja dalaman. Saya tidak boleh terima alasan, soal ini akan memakan masa yang panjang. *Alhamdulillah* sempadan antara Selangor dan Wilayah Persekutuan telah pun selesai dan dimuktamadkan, sefaham saya tahun lepas.

Tahun ini, Kuala Lumpur dan Selangor selepas 26 tahun, wajib diselesaikan walaupun tidak ada nilai projek yang berjuta-juta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Soalannya sekarang. Soalannya, bagi soalan. Ini sesi soal jawab.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Sambil itu soalannya, soalan yang saya hendak beri, adakah Menteri Wilayah akan memperjuangkan bagi rakyat wilayah...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mestilah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** ...layanan istimewa seperti mana yang telah diperoleh oleh seorang Menteri Kabinet yang langgar SOP, bayar kompaun RM1,000 sahaja. Adakah Menteri Wilayah bersetuju... *[Disampuk]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Akan tetapi tidak pakai escort éoww, eoww, eoww macam Yang Berhormat dulu.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** ...dengan tindakan itu? Adakah –eh! Awak ini apa, orang gila kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat pakai escort dulu. Itu pun langgar kuasa juga, salah guna...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Baling. Saya minta supaya bagi terus satu soalan. Saya bagi satu soalan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Adakah Menteri Wilayah bersetuju...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ada lagi, eoww, eoww, eoww dulu datang.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Adakah Menteri Wilayah bersetuju dengan tindakan di mana Menteri Kabinet yang langgar SOP hanya dibayar kompaun RM1,000 dan akan memperjuangkan ini untuk seluruh warga wilayah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Ataupun adakah Menteri Wilayah akan mengutuk keputusan itu dan menuntut supaya Menteri itu didakwa di mahkamah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sekurang-kurangnya harga getah naik tinggi, berapa bilion naik, Menteri itulah bawa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik soalan sudah jelas. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Dr. Santhara:** Yang Berhormat Shah Alam, mantan Menteri yang saya hormati.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mantan Menteri eoww, eoww, eoww. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Santhara:** Mantan Menteri Wilayah Persekutuan yang saya hormati. *[Ketawa]* Soalan keduanya tiada kaitan dengan soalan pertama dan saya rasa soalan itu saya tidak perlu jawab. Akan tetapi memandangkan daripada penyataan yang diberikan, maka terdapat soalan yang tersirat dalam penyataan tersebut. Pertama sekali, untuk selesaikan ini adalah niat kita untuk selesaikan.

Akan tetapi kita perlu faham, selain daripada Jawatankuasa Teknikal yang kita telah buat dan juga sebagainya, penyediaan MGM mengenai keanggotaan jawatankuasa di peringkat wilayah adalah dalam tindakan. Memuktamadkan *terms of reference* (TOR) yang mengandungi jawatankuasa di peringkat negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan dalam tindakan.

Namun demikian, terdapat lagi lima proses yang belum bermula. Pertamanya adalah Jawatankuasa Pengukuran dan Penandaan Sempadan di peringkat negeri, yang pertamanya. Keduanya, ialah menandatangani Memorandum Persefahaman 2 (MoU 2) (Setuju Hasrat Penandaan dan Ukur). Ketiganya adalah penandaan dan pengukuran oleh JUPEM. Keempat, adalah MoU 3 (Setuju Terima Hasil Ukuran Baru). Akhir sekali adalah Perjanjian...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudah 27 tahun, 27 years is ridiculous.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Tidak boleh diterima.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Bagilah Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Tidak boleh... *[pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam, benda itu *repeated*, Yang Berhormat Timbalan Menteri sedang menjawab.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mantan Menteri Wilayah dulu... *[Tidak jelas]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia *frust*, sudah tidak ada eoww, eoww, eoww sekarang sebab itu dia merapu itu.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Baling ini terlupa makan ubat.

**Dato' Seri Dr. Santhara:** Yang Berhormat Shah Alam, saya hormati Yang Berhormat Shah Alam. Namun demikian, pernyataan yang tidak termasuk dalam soalan utama itu tidak perlulah jawab. Memandangkan Yang Berhormat tanya, perlu untuk seorang Menteri yang berkaliber seperti Mantan KWP, Yang Berhormat Shah Alam sepatutnya faham bahawa perkara teknikal perlu diselesaikan terlebih dahulu, perkara-perkara teknikal. Perkara teknikal seperti persempadanan dan pengukuran ini perlu jelas kerana ia melibatkan tanah negeri Selangor dan perlu difahamkan juga...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Sempadan negeri-negeri lain macam mana?

**Dato' Seri Dr. Santhara:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Sempadan negeri-negeri lain macam mana?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bagilah Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Shah Alam ini soalan mengenai...

**Dato' Seri Dr. Santhara:** Yang Berhormat Shah Alam ini sebenarnya bertanyakan soalan-soalan begini hanya memberi visual ataupun *visibility* yang tinggi untuk saya, untuk rakyat Malaysia tahu, pandang dan dengar. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Baguslah itu, terima kasih. Sama-sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, seterusnya tiada soalan tambahan kedua, saya menjemput Yang Berhormat Jelebu.

5. **Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan adakah undang-undang sedia ada pada ketika ini mencukupi untuk memelihara keharmonian dan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di Malaysia.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Dato' Sri Ti Lian Ker]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Tuan Yang di-Pertua,

*Kalaulah air sungai mengalir tanpa pencemaran,  
Ikan-ikan akan timbul berenang di permukaan,  
Kalaulah Ahli-ahli Parlimen memantapkan nilai dan amalan,  
Perpaduan tidak perlulah diperundangkan.*

Inilah petua perpaduan saya bagi pagi ini. Keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia dapat dipelihara dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Apa yang kita perlukan buat masa ini bukanlah undang-undang tambahan tapi penguatkuasaan, pelaksanaan dan pendidikan kesedaran.

Mana-mana pihak yang sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang mengganggu gugat perpaduan dan mengancam keharmonian rakyat, boleh disiasat dan didakwa di bawah akta-akta berikut:

- (i) seksyen 2(33), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian;
- (ii) seksyen 504, Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
- (iii) seksyen 505, Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;
- (iv) seksyen 506, Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah; dan
- (v) sub seksyen 41, Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut.

Sekian, terima kasih.

#### ■1050

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan, soalan tambahan pertama, Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana salah satu saya menghayati Tuan Yang di-Pertua tentang ayat Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, semua Ahli Parlimen memainkan peranan untuk memantapkan nilai-nilai murni.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan ini sebahagian daripada perpaduan ini puncanya apa? Puncanya ialah untuk jaga kementerian, kerajaan jaga perpaduan antara kaum, antara agama dan juga sesama agama, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut pada pagi ini. Saya hendak tanya, apakah tindakan kementerian dan juga ataupun ada tidak satu peraturan tentang tanggungjawab Ahli Parlimen, tanggungjawab kerajaan sama ada pembangkang ataupun kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Kita Ahli Parlimen kerajaan, pembangkang atau kerajaan memainkan peranan untuk memurnikan dan memantapkan perpaduan antara kaum.

Hari kemerdekaan sebagai salah satu aktiviti dan program untuk menguatkan aktiviti perpaduan kaum, Tuan Yang di-Pertua. Di Jelebu Tuan Yang di-Pertua, saya hantar surat kepada majlis daerah, pihak berkuasa tempatan untuk buat program sambutan merdeka, jelajah merdeka kawasan Parlimen, hantar kepada majlis daerah untuk minta kebenaran guna dataran bukan dewan, bukan pejabat, bukannya tempat tertutup, tempat terbuka, dataran.

Apa jawapan pihak berkuasa negeri, saya baca surat ini Tuan Yang di-Pertua. *"Sukacita dimaklumkan bahawa kami telah menerima surat daripada Yang Berhormat Dato' sebagai Ahli Parlimen Jelebu pada 14 Ogos yang lalu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Dato' pihak kami*

*telah menerima arahan daripada pihak berkuasa Negeri Sembilan untuk tidak membenar dan juga meluluskan permohonan Yang Berhormat Dato' berdasarkan kerana Yang Berhormat Dato' sebagai Ahli Parlimen Pembangkang."*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalannya Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian. Ini satu contoh kerajaan Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pakatan Harapan yang tidak terbuka langsung dalam soal perpaduan antara kaum, antara rakyat. Jelajah ini bukan UMNO, bukan PAS, bukan GPS, bukan DAP tetapi ini jelajah yang melibatkan semua kaum dan bangsa, semua peringkat umur dan melibatkan aktiviti menghayati dan menghargai sambutan Hari Kemerdekaan.

Saya hendak tanya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada tidak peruntukan yang diperuntukkan ataupun apakah tindakan pihak kementerian untuk sekurang-kurangnya menasihatkan Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Sembilan yang masih lagi duduk atau berfikiran secara kolot. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baru merasa jadi pembangkang. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Kementerian akan mengambil maklum apa yang dikatakan oleh Ahli Parlimen Jelebu tadi. Dari segi penyelesaian masalah, kita telah pun menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Negeri dan bolehlah dibangkitkan dalam jawatankuasa dan juga dalam jawatankuasa Menteri dan Exco perkara ini bolehlah kita bangkitkan dan bincangkan. Apa yang penting ialah kita sama-sama, perlulah Ahli Yang Berhormat memainkan peranan untuk kembali kepada semangat Rukun Negara dan mengamalkan prinsip-prinsip yang telah dimaktubkan dalam semangat Perlembagaan dan juga Rukun Negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalan tambahan yang kedua, saya jemput Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagaimanakah pihak Kementerian Perpaduan Negara ingin mendidik masyarakat untuk memahami dan menghormati undang-undang sedia ada dalam menangani isu-isu perpaduan dan juga keharmonian kaum. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Langkah-langkah yang boleh diambil kerajaan untuk mendidik rakyat supaya menghormati undang-undang yang sedia ada adalah seperti berikut.

Pertama, penguatkuasaan. Kerajaan perlu memperhebatkan dan memperketatkan penguatkuasaan dan mengenakan hukuman yang setimpal kepada mana-mana individu yang sengaja memecahbelahkan keharmonian masyarakat dengan mengeksplorasi emosi perkauman dan keagamaan melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Ini akan berupaya membuka mata rakyat akan ketegasan kerajaan dan sekali gus mendidik masyarakat untuk menghormati dan menegakkan undang-undang yang sedia ada.

Kedua, melalui kempen. Kerajaan hendaklah mengambil pendekatan dengan mengadakan kempen-kempen kesedaran dan semangat perpaduan yang boleh mengubah sikap masyarakat untuk menghormati dan mendukung undang-undang. Kempen-kempen ini wajar disebarluaskan kepada kumpulan-kumpulan sasar seperti pelajar sekolah, mahasiswa universiti, badan-badan NGO dan masyarakat sivil untuk membantu memantapkan amalan dan mendukung semangat ke arah perpaduan yang lebih erat.

Ketiga, melalui pendidikan. Aspek pendidikan turut memainkan peranan yang penting di dalam meningkatkan kesedaran dan tahap pengetahuan masyarakat ke arah mendokong dan memantapkan perpaduan. Pendekatan mendampingi ataupun *outreach*, mendidik dan sesi libat urus ataupun *engagement* berupaya menyampaikan mesej secara terus kepada masyarakat supaya menghormati undang-undang, bertolak ansur dan saling hormat-menghormati di antara satu sama lain demi ke arah perwujudan dan pemupukan keharmonian negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Sungai Petani.

6. **Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan langkah kementerian untuk menyelesaikan masalah kekurangan pekerja sektor perladangan komoditi akibat pemberhentian kemasukan pekerja asing akibat COVID-19.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, sektor perladangan adalah merupakan satu sektor yang berintensifkan buruh dan sangat bergantung kepada tenaga kerja asing. Sehingga 31 Mac 2020, dianggarkan lebih 500,000 orang pekerja terlibat dalam sektor ini.

Di bawah sektor perladangan dan komoditi subsektor perladangan sawit adalah merupakan subsektor yang paling banyak bergantung kepada tenaga kerja asing iaitu sebanyak 77 peratus. Sebagai penyelesaian jangka pendek, kerajaan telah membantu pihak majikan untuk

menyelesaikan isu-isu berkaitan kekurangan tenaga kerja asing melalui pelonggaran syarat bagi permohonan pertukaran majikan (PTM).

Syarat baharu prosedur ini memberi kelonggaran kepada majikan-majikan yang terkesan dan tidak berupaya untuk meneruskan penggajian pekerja asing untuk memindah atau menukar keseluruhan atau sebahagian pekerja asing mereka kepada syarikat lain yang mempunyai keperluan tenaga kerja. Kementerian juga telah memohon kepada Kementerian Sumber Manusia untuk memberikan keutamaan kepada industri berasaskan komoditi seperti perladangan sawit, pembuatan sarung tangan getah dan pembuatan perabot agar diberi keutamaan dalam pengagihan semula pekerja sedia ada.

Di samping itu, kementerian juga turut memberi latihan kepada belia-belia tempatan secara berterusan di bawah Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) sebagai persediaan untuk mereka mencebur industri komoditi. Sehingga 31 Mac 2020, IMPAC yang telah ditubuhkan pada 4 November 2001 telah berjaya melatih seramai 73,387 orang peserta yang melibatkan sebanyak 1,974 kursus kemahiran komoditi melalui pusat-pusat latihan di bawah enam agensi kementerian.

Melalui usaha-usaha yang telah dilaksanakan ini, kekurangan guna tenaga di sektor perladangan sedikit sebanyak telah dapat ditangani dan kebergantungan kepada pekerja asing juga dapat dikurangkan bagi menjamin kelestarian industri perladangan komoditi negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Sungai Petani, soalan tambahan pertama.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini membuktikan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi pun terperangkap dengan asyik-asyik menggunakan tenaga manusia. Apakah kementerian setelah sekian lama menghadapi masalah tenaga manusia ini tidak terfikir untuk menggunakan *alternative machine* contohnya.

Contoh mengambil buah, kita pernah bagi *allocation RM20 million* untuk kereta terbang, *RM20 million allocation*. Apakah kementerian tidak boleh terfikir ada atau tidak orang boleh buat prototaip bagaimana hendak ambil buah menggunakan mesin, *invite universiti-universiti* untuk bagikan pandangan macam mana hendak *produce* kan prototaip untuk mesin sembur racun dan juga kutip buah.

#### ■1100

Ini harus keluar daripada lingkaran yang akhirnya kita balik kepada tenaga manusia. Dalam jawapan Menteri tadi terbukti bahawa kementerian tidak mempunyai *seriousness* dalam menyelesaikan masalah ini selain dari akhirnya bergantung harap kepada tenaga manusia. Apakah ini menjadi amalan yang akan berterusan untuk selama-lamanya, Menteri? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Sila, Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan memang ambil berat termasuk penyelidikan untuk menggunakan jentera bagi lebih berkesan

daripada segi contohnya penuaian sawit dan sebagainya. Akan tetapi, ia perlu berperingkat-peringkat. Ia bukan begitu mudah. Satu, kena diterima pakai oleh semua perusahaan terutama kepada pekebun-pekebun kecil. Bukan mudah. Sebab, apa barang yang kita kenakan mesti ada kos. Kadangkala kos itu juga ada satu masalah.

Apa-apa pun, kementerian memang sudah ambil banyak langkah dan inisiatif termasuk dalam penyelidikan untuk jentera ini. Memang ada kajian yang telah diperkenalkan dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Akan tetapi, Menteri menjawab tadi tidak sebut pun benda-benda ini dekat saya.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng:** Sekarang saya jawablah. Saya balas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan yang kedua.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Beruas.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pokok Sena. Hendak tanya Menteri tak *mai fasal* apa? Kena kuarantin kah? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terus pada soalan kepada Timbalan Menteri. Minta Menteri jelaskan apakah langkah jangka panjang yang diambil oleh kerajaan dalam menyelesaikan masalah kekurangan pekerja sektor perladangan komoditi? Minta juga kerajaan atau Menteri nyatakan apakah inisiatif yang telah diambil oleh kementerian untuk menarik golongan pemuda mencebur sektor perladangan melalui sains dan teknologi? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sila jawab Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk jawab soalan Yang Berhormat Libaran dan juga Yang Berhormat Sungai Petani— tadi kata saya tidak tekankan. Saya tekan sedikit-sedikit daripada maklumat yang saya ada ini. Sekali gus ya saya jawab.

Jadi, untuk langkah-langkah yang diambil untuk jangka masa panjang, sebenarnya kerajaan juga menggalakkan penggunaan mesin atau jentera di sektor perladangan terutama bagi aktiviti penuaian, yang saya tekan tadi, pemungutan buah tandan segar kerana aktiviti tersebut memerlukan paling ramai pekerja. Jadi untuk itu, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM4.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi melaksanakan Skim Galakan Mekanisasi Industri Sawit atau OPIMIS. Di bawah skim tersebut, pihak peladang akan mendapat diskaun sehingga 20 peratus bagi setiap jentera yang dibeli untuk kegunaan di bidang sawit. Itu jawapannya.

Jadi, untuk mendapatkan teknologi dan inovasi baharu berkaitan industri sawit yang telah dilaksanakan secara berterusan menerusi penyelidikan dan penjenteraan industri sawit dengan mewujudkan Dana Mekanisasi Sawit berjumlah RM30 juta. Dana ini akan digunakan untuk tujuan

pembentukan penyelidikan mengenai penjenteraan, pusat penyelidikan dalam dan luar negara, perolehan teknologi penjenteraan dan juga untuk tujuan penganjuran pertandingan penciptaan jentera untuk kegunaan di bidang sawit. Adalah diharapkan melalui penyelidikan dan pertandingan ini, lebih banyak jentera yang kompetitif dapat direka cipta dan diguna pakai bagi mengurangkan penggunaan tenaga buruh.

Untuk makluman Yang Berhormat, mungkin saya tambah sikit maklumat, kerana baru-baru ini disebabkan COVID-19, memang kita kekurangan banyak tenaga kerja terutama pekerja asing yang telah balik ke negara tidak dapat pulang ke negara kita. Jadi dalam tindakan kementerian, kementerian telah mengambil inisiatif untuk tubuh satu Jawatankuasa Tenaga Kerja Sektor Perladangan dan Industri Komoditi (JTKSPIK). Anggotanya terdiri daripada banyak kementerian seperti KPPK, KDN, KSM, MITI, JTKSM dan juga persatuan-persatuan daripada perusahaan seperti MPOA, MARGMA, MFC.

Ini boleh memberi kesan di mana kementerian akan mendapat maklumat yang lebih tepat dan jelas di mana lokasi keperluan tenaga kerja di mana dapat peluang-peluang itu dan juga di mana kita dapat tawarkan kepada belia-belia kita. Kita amat berharap terutama kekosongan di dalam perladangan komoditi ini dapat sambutan daripada belia kita yang dikata begitu banyak pengangguran berlaku.

Satu contoh saya berikan. Subsidi upah iaitu kementerian KPPK melalui *Malaysian Rubber Council* (MRC) telah menyalurkan satu dana RM36 juta dalam tempoh tiga tahun ini untuk memberi peluang kepada pekerja tempatan di mana mereka akan diberi upah subsidi RM300 sebulan sehingga satu tahun. Jadi, syarikat yang berkelayakan hampir 205 buah. Mereka yang diterima ataupun dapat bekerja di kilang tersebut, mereka boleh tuntut selepas enam bulan dan kepada pekerja, mereka mesti dalam kerja kontrak selama dua tahun atau pun bekerja sebagai pekerja jawatan tetap.

Jadi, bagi saya, yang penting ialah setidak-tidaknya usaha dalam jangka masa pendek ini dapat menarik minat pekerja tempatan terutama belia-belia. Program ini kita boleh mencapai sehingga menawarkan kepada— mengisi kekosongan sehingga 10 juta pekerja yang boleh ditawarkan. Sekian, terima kasih.

**7. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]** minta Perdana Menteri menyatakan status terkini rumah generasi kedua FELDA yang terbengkalai di FELDA K5, Kemaman.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kemaman, cadangan membuat rumah Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) telah bermula pada tahun 2013 lagi. Keperluan peruntukan pada masa itu dianggarkan kira-kira RM1.5 bilion untuk membina 20,000 unit rumah generasi baharu ini. Sehingga kini, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM426.5 juta untuk membina rumah-rumah ini iaitu RM200 juta pada tahun 2017, RM180 juta pada tahun lalu dan RM46.5 juta pada tahun ini melalui Pakej PRIHATIN yang

diumumkan baru-baru ini. Manakala FELDA sendiri telah mengeluarkan peruntukan sejumlah RM490 juta pada tahun 2013 dan 2014 bagi membina rumah-rumah berkenaan.

Bagi Parlimen Kemaman, seperti Yang Berhormat sedia maklum, terdapat tujuh tanah rancangan FELDA termasuk Kerteh 5 yang mempunyai 355 orang peneroka. Mengenai status terkini projek di Kerteh 5 ini, saya ingin memaklumkan bahawa ia mengandungi 300 unit rumah. Pembinaannya telah bermula tahun 2014 lagi, enam tahun lalu, ke atas tanah seluas 26.1 ekar. Projek ini dilaksanakan oleh sebuah syarikat yang terbengkalai sejak tahun 2018 lagi dan setakat ini cuma 58 peratus sahaja sudah siap. Oleh yang demikian, FELDA telah pun menamatkan kontrak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada RM46.5 juta di bawah peruntukan PRIHATIN yang diumumkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini, RM19 juta atau 41 peratus adalah untuk Kerteh 5 bagi menyiapkan projek yang terbengkalai secara berfasa. Fasa 1 melibatkan 110 unit rumah dan Fasa 2 sebanyak 190 unit rumah. Fasa 1 dijadualkan siap kira-kira sembilan bulan lagi iaitu *insya-Allah*, pada akhir suku pertama tahun hadapan, tahun 2021. Manakala Fasa 2 akan diteruskan setelah keseluruhan fasa pertama sebanyak 110 unit dijual. Pembiayaan bagi Fasa 2 dijangka datang daripada hasil jualan rumah-rumah 190 unit rumah Fasa 1.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan Dewan ini, pada masa ini tumpuan FELDA adalah untuk menyiapkan 20 tapak projek yang mengandungi 4,794 unit dengan kemajuan kerja melebihi 70 peratus seperti yang ditetapkan dalam kertas putih yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 8,314 unit rumah di atas 38 projek yang dirancang, setakat ini 2,358 unit telah siap dibina dan daripada jumlah tersebut, 1,603 sudah pun diserahkan kunci kepada peserta.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Soalan tambahan pertama, sila Yang Berhormat Kemaman.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengambil maklum tentang keprihatinan pihak kerajaan untuk menyiapkan Projek Perumahan Generasi Kedua Felda Kerteh 5 di Kemaman ini. Namun, untuk makluman pihak kementerian, disebabkan ia terbengkalai dan tidak diselenggarakan dengan begitu lama, banyak kerosakan lain di kebanyakan unit rumah tersebut termasuklah tangki septik yang masih tidak disiapkan sepenuhnya.

Oleh itu, saya perlukan jaminan daripada pihak kementerian terhadap projek ini. Bilakah rancangan baki yang selebihnya akan disiapkan dan boleh mula diduduki sepenuhnya? Apakah pihak kementerian akan melakukan penyelenggaraan terhadap kesemua unit yang ada di sana bagi memastikan ia selamat digunakan dengan sebaiknya? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Sila Yang Berhormat Menteri, satu minit.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Baki 110 unit seperti yang disebut dalam jawapan tadi akan *insya-Allah* dimulakan pembinaan selepas yang sedang dibina sekarang siap dan peruntukannya *insya-Allah* akan datang daripada hasil jualan rumah-rumah tersebut.

Mengenai itu berkaitan dengan Fasa 1 sebanyak 110 unit, Fasa 2 selepas Fasa 1 siap. Berkaitan dengan kerosakan, FELDA ingin memberi jaminan bahawa FELDA akan menanggung segala kos kerosakan. Maknanya apabila projek-projek ini dibina semula, sudah pasti ia melibatkan juga membaiki kerosakan. Jadi, peruntukan RM19 juta ini terangkum dalam ini juga adalah untuk membaiki kerosakan.

Berkaitan dengan penyelenggaraan rumah-rumah yang sudah siap apabila diserah kunci ini sudah pasti ini tanggungan peserta. Akan tetapi apabila dalam pembinaan, apabila rumah ini hendak dibina semula dan disambung semula, ini akan ditanggung oleh FELDA. Terima kasih Yang Berhormat Kemaman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Soalan tambahan kedua...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol.

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]:** Kubang Pasu, Kubang Pasu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Saya jemput sebelah sini, saya jemput Yang Berhormat Kubang Pasu.

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya tentang juga kemajuan rumah generasi kedua yang sudah kelihatan memang hendak dekat boleh masuk sangat-sangat sudah tapi tidak selesai-selesai juga ialah di Felda Laka Selatan, dalam kawasan saya di Kubang Pasu, kalau Yang Berhormat ada maklumat tentang ini.

Kedua, yang saya hendak tanya adalah kebanyakan daripada generasi yang kedua ini, mereka adalah kelompok yang tidak *bankable*. Jadi, apa perancangan pihak kerajaan yang tadi Yang Berhormat sebut kata hendak jual kepada mereka ini, kalau mereka ini tidak *bankable*, hendak pergi korek *tang* mana hendak bayar. Jadi, apakah perancangan yang ada untuk memastikan bahawa mereka yang layak untuk mendapatkan rumah ini dan juga mereka ini dibantu untuk memastikan bahawa bayaran yang perlu dibayar itu dapat mereka selesaikan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Ya Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu. Dua soalan, yang pertama Laka Selatan. Saya melawat kawasan ini tiga minggu lalu dan saya sendiri menyerahkan kunci pada seorang keluarga. Saya telah mengarahkan FELDA bagi rumah-rumah yang sudah siap, tidak perlu tunggulah. Pada masa itu mereka mungkin hendak menunggu seorang VIP untuk menyerahkan kunci. Saya mengarahkan

mereka tidak perlu. Kalau Yang Berhormat ada maklumat rumah siap belum lagi serah kunci, beritahu saya dan kita akan pastikan rumah-rumah diserahkan kunci. Tiga minggu lepas saya sendiri serahkan kepada salah seorang penghuni.

Berkaitan dengan *bankability*, pihak FELDA sudah pun berunding dengan Bank Pertanian. Memang ini satu masalah dan setakat ini sampingan yang kecil saja, amat kecil, *single digit* saja yang diluluskan oleh Bank Pertanian. Jadi pihak FELDA telah berunding dengan Bank Pertanian dan sudah setuju untuk memberikan pembiayaan tetapi masalahnya masalah *bankability*. Jadi buat sementara waktu FELDA buat keputusan untuk membolehkan peneroka masuk rumah itu mungkin akan dikenakan sewa bermula RM300 sebulan, mungkin. Jadi, ini adalah antara tindakan yang diambil FELDA untuk memastikan rumah yang siap itu dapat diduduki oleh peserta ataupun warga berkenaan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tambah satu lagi soalan.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Untuk makluman seterusnya Ahli Yang Berhormat, di Malaysia dan di seluruh wilayah FELDA ini ada kira-kira 150,000 generasi kedua yang tinggal dalam kawasan FELDA dan terdapat kira-kira lebih 500,000 orang, 410,000 orang yang di luar kawasan FELDA. Jadi 150,000 orang tinggal dalam kawasan dan lebih kira-kira 410,000 orang tinggal di luar kawasan. Jadi ini masalahnya. Ramai generasi kedua yang tinggal dalam FELDA dan sudah pasti mereka memerlukan rumah. Perancangan cuma 20,000 dan yang memerlukan rumah sekitar 150,000. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh satu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya beri peluang kepada Yang Berhormat Jempol. Satu lagi.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Jempol. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pontian kerana beri laluan. *[Ketawa]*. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, saya sering kali membangkitkan isu, hal peneroka dan perumahan peneroka. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri kedudukan sebenar sebanyak 700 lebih unit rumah di Parlimen Jempol iaitu di kawasan Palong 14, 15, 16, Sentuhan Kasih dan Palong 7, 8.

Saya minta supaya kementerian bertindak segera, apakah pelaksanaan mencapai 70 peratus hari ini tetapi sehingga kini tidak ada kerja-kerja di jalankan. Mohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya status terkini sama ada diteruskan ataupun dibiarkan kerana tuntutan pada generasi kedua FELDA amat diperlukan. Mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Ada tiga, ada dualah kumpulan rumah ini. Pertama 70 peratus ke atas. *Insya-Allah* akan disiapkan dengan peruntukan RM250 juta termasuklah Palong 8. Palong 8 ini sudah 84 peratus, 300 unit dan dijangka tahun ini, minta maaf. Tahun

depan, tahun 2021. Mengenai beberapa Palong lagi, Jempol mempunyai banyak peserta FELDA. Palong 16 umpamanya baru 44 peratus dan Palong 12 baru 46 peratus. Bagi rumah-rumah ini kita akan cuba sedaya upaya untuk mendapatkan peruntukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi keseluruhan, seluruh negara kira-kira 3,500 rumah yang belum siap ini memerlukan peruntukan lebih kira RM550 juta. Itu keperluannya ya. Jadi, peruntukan yang ada sekarang ini RM250 juta adalah untuk menyiapkan rumah-rumah yang lebih 70 peratus siap termasuklah di Palong 8 yang disebutkan tadi, di kawasan Yang Berhormat. Di Palong 16 dan Palong 12 ini di bawah 70 peratus. Keperluan untuk menyiapkan rumah di seluruh negara sebanyak 18 rancangan FELDA adalah lebih RM550 juta dan kita akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan jawab lisan seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Datang ke Sarawak makan ikan Lalapan,*

*Soalan saya nombor lapan.*

8. **Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta Menteri Kesihatan menyatakan status pembinaan Hospital Petra Jaya Sarawak dan Klinik Kesihatan Tabuan Jaya. Jangka masa siap, pelan terkini serta syarikat-syarikat yang terlibat. Apakah sebab projek tersebut ditangguhkan dan tender dibuat sekali lagi.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Timbalan Menteri Kesihatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Bandar Kuching. Projek Hospital Petra Jaya telah diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2011 di bawah Rancangan Malaysia Ke-10. Jadi, projek ini dilaksanakan oleh JKR Malaysia dengan fasa pembinaan bermula pada 30 Mei 2013 dan akan dijadualkan siap pada 30 Jun 2018. Akan tetapi berikutnya prestasi kemajuan projek yang tidak memuaskan, maka JKR Malaysia telah menamatkan kontrak tersebut kepada Zecon Berhad pada 2 Ogos 2018.

Jadi, projek menyiapkan bagi kerja terbengkalai Hospital Petra Jaya ini sekarang akan dilaksanakan secara tender terbuka oleh JKR Malaysia. Taklimat tender telah pun dibuat dan walau tender dulu adalah tutup pada 24 April 2019 tetapi pada masa itu diketahui bahawa tiada petender yang layak. Maka, MOF melalui surat 26 Ogos 2019 memutuskan supaya projek ini *retender* semula secara tender terbuka, pra-kelayakan, diiklankan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai kod bidang kerja B29 iaitu kerja bangunan kesihatan serta mempunyai sijil kontraktor penyiap bagi pelaksanaan projek terbengkalai sebelum ini.

Projek ini berada di fasa sekarang, berada di fasa perolehan kepada empat petender yang telah lulus di peringkat pra-kelayakan dan tarikh tutup tender ialah pada 7 Ogos tahun ini.

■1120

Projek ini berada dalam peringkat penilaian dan surat terima akan dijadualkan pada Januari 2021. Bagi Klinik Kesihatan (Jenis 2) Tabuan Jaya di Kuching, projek ini juga telah diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2016 di bawah

Rancangan Malaysia Ke-11 dengan anggaran kos sebanyak RM40 juta. Projek ini telah dilaksanakan secara tender terbuka oleh JKR Sarawak. Proses perolehan projek ialah telah ditutup tender pada 25 Februari 2019.

Walau bagaimanapun, Lembaga Tender Pusat Persekutuan pada 15 Januari 2020 menetapkan agar projek ini di tender semula. Ini oleh kerana penender yang telah diberi kontrak pada masa itu menghantar surat pra mutu persetujuan sangat lewat (*delay*) ya. Jadi, oleh sebab itu, projek ini akan ditender semula dan akan dibuat pada bulan September 2020. Surat persetujuan dijangka akan berada pada bulan Januari 2021 dan projek ini mungkin akan *start* dalam Februari 2021. Sekian, terima kasih.

**Dr. Kelvin Yee Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tersebut. Sebenarnya soalan tambahan saya berkenaan COVID-19 dan juga kenyataan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh sebab ini isu yang sangat penting. Kedua-dua Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini dan memang arif tentang isu ini.

Saya hendak tanya, baru-baru ini saya baca satu laporan di Code Blue di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa kerajaan tidak sepatutnya membazirkan lebih banyak wang untuk menambahkan saringan COVID-19. Saya faham bahawa kadar positif kurang daripada satu peratus tetapi kita lihat pelbagai kluster yang dengan izin *unlink cluster* seperti kluster Tawar, Sentosa di Sarawak dan restoran di KL.

Kalau kita lihat *characteristic* di seluruh negara seperti France, Germany dan Spain, kita lihat bahawa median umur telah menurun hampir sebanyak 40 peratus iaitu di antara umur 20 hingga 39 tahun. Jadi, adakah kerajaan akan bertukar pendirian dan strategi untuk meluaskan saringan untuk *detect* semua *hidden cluster* ini. Itu soalan pertama.

Soalan kedua saya berkenaan satu yang penting juga. Adakah kementerian tahu kompaun yang telah diisu kepada Yang Berhormat Menteri telah di*back date* ke 7 Ogos? Apakah penjelasan kementerian tentang kompaun tersebut? Apakah rekomendasi yang akan dihantar oleh Kementerian Kesihatan kepada pihak polis untuk siasatan Yang Berhormat Menteri yang telah melanggar SOP tersebut? Ini kerana bagi saya Kementerian Kesihatan mempunyai kuasa yang besar dan pengaruh yang besar dan jangan hanya tolak tanggungjawab kepada pihak polis. Minta penjelasan.

**Datuk Aaron Ago Dagang:** Nampaknya soalan Yang Berhormat ini kebanyakan boleh katakan *political questions* lah tetapi tidak apa. Kedua itu *I'm not very clear on the second one* tetapi yang *the first one* tadi, yang pertama sekali berkenaan dengan jumlah saringan yang saya telah pun jawab pada minggu yang dahulu bahawa *positive case* yang kita dapati adalah kurang daripada satu persen. Itu telah dijelaskan oleh saya dengan Yang Berhormat Menteri-menteri lain dan juga Kementerian Kesihatan.

Oleh sebab itu, kita selama ini menggunakan *targeted approach* yang bermakna kita buat saringan daripada yang bergejala, mereka yang ada simptom sakit macam asma, mereka yang pergi ke *operation rooms*. Ini kita buat semua dan *of course* yang datang daripada negara luar,

warganegara Malaysia, kita buat saringan. Kita yang pergi macam ke Sarawak pun, *last week* pun saya buat saringan di Kuching. Tak ada masalah, kita buat *target*.

Daripada apa yang kita telah buat, kita mendapati cuma *less than one percent* dan seperti apa yang saya ulaskan dalam minggu yang dahulu adalah, kalau mengikut WHO punya *guideline*, kalau- [*Tidak jelas*] cases kita *less than five percent* tidak perlulah. Kalau *more than five percent*, baru kita digalakkan untuk membuat lebih banyak saringan. Itu jawapan untuk soalan pertama.

Berkaitan dengan kluster itu, / pun tidak tahu lah. Jadi, soalan kedua itu *I think this is political*, telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri I tadi dan *I think I leave to* apa yang telah dikatakan dahulu. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa pula politik?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Datuk Mohamad bin Alamin [ Kimanis]:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada soalan tambahan? Sila Yang Berhormat Kimanis.

**Datuk Mohamad bin Alamin [ Kimanis]:** Ya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. ini tentang isu projek yang tertangguh dan ditangguhkan. Yang tertangguh dan ditangguhkan, sebuah klinik kesihatan di Membakut Sabah, kawasan Kimanis, Tuan Yang di-Pertua sudah pun diluluskan dan dalam proses untuk ditender masa era Kerajaan Barisan Nasional.

Akan tetapi apabila Pakatan Harapan mengambil alih, projek ini telah ditangguhkan dan tidak ada bunyi sampai sekarang. Kenapa? Jadi saya minta kepada kerajaan, bila agaknya Klinik Kesihatan Membakut akan ditender semula dan akan dinaiktarafkan? Kalau tidak ada jawapan, mohon jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Datuk Aaron Ago Dagang:** Saya akan bagi jawapan bertulis.

**9. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan penguatkuasaan susulan bagi memastikan pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) pasca PKPB.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]:** Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Tuan Yang di-Pertua, selepas berakhir fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), kerajaan telah melaksanakan fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula pada 10 Jun 2020. Fasa pemulihan ini adalah sebahagian daripada *exit strategy* atau strategi keluar dari Perintah Kawalan Pergerakan yang mula dilaksanakan pada 18 Mac 2020 diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat sejak 4 Mei 2020,

Meskipun dalam fasa pemulihan, PKPP yang dilaksanakan ketika ini masih meneruskan penguatkuasaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 Akta 342 yang memayungi prosedur operasi standard iaitu SOP yang dikeluarkan oleh kerajaan dari masa ke semasa, berdasarkan situasi wabak COVID-19. Oleh yang demikian, penguatkuasaan ke atas

pematuhan SOP dapat dilaksanakan oleh agensi-agensi yang telah diberi kuasa di bawah Akta 342 bagi memastikan pematuhanya.

Pada masa yang sama, kerajaan juga terus memberi pendidikan kepada seluruh anggota masyarakat untuk membudayakan norma baharu kehidupan sebelum berakhirnya fasa PKPP ini. Komitmen kerajaan ini dibuktikan dengan pelancaran Kempen Pembudayaan Norma Baharu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Ogos 2020 yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kawalan dan kawalan kendiri dalam kalangan masyarakat.

Rakyat perlu terus bekerjasama dengan kerajaan khususnya para petugas kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang untuk memastikan norma baharu diamalkan bagi memutuskan rantaian wabak ini. Apa yang pasti, kita perlu sama-sama berganding bahu memastikan bahawa kehidupan mengikut norma baharu ini dapat diteruskan selagi wujud ancaman wabak COVID-19 ini dan kita kenalah terus sama-sama “kita jaga kita”. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan saya. Agak ringkas ya. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan berhasrat untuk terus melanjutkan penutupan pintu masuk negara sehingga kes-kes COVID-19 di peringkat global benar-benar reda, sedangkan kita tengok masih belum ada tanda-tanda positif ke arah itu di peringkat global.

Juga, memandangkan wujud rungutan dan sungutan di kalangan rakyat yang tidak berpuas hati dengan *maximum compound* yang dilihat rendah jumlahnya berbanding kesalahan melanggar SOP yang dilakukan oleh rakyat, termasuk pemimpin kerajaan dan kemungkinan penularan wabak yang lebih besar, apakah kementerian berhasrat untuk menggubal satu undang-undang baharu khusus bagi memastikan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap SOP pasca pemulihan. Terima kasih.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sering memantau keadaan semasa untuk memastikan kita terus melaksanakan SOP-SOP. Jika perlu, kita akan memperketatkan mengikut keadaan, sama ada kita telah nampak usaha-usaha itu memberi pulangan. Hari ini, kalau kita dengar berita-berita tertentu, ada penemuan vaksin-vaksin yang disebutkan dalam akhbar dan media sebagainya.

Akan tetapi kita masih mengkaji, sama ada ianya boleh digunakan dalam masa terdekat. Ia masih lagi dalam fasa ketiga *clinical test* yang saya difahamkan. Jadinya, SOP-SOP ini peluangnya akan diperketatkan dan kita akan selalu mengadakan mesyuarat- mesyuarat di peringkat Yang Berhormat Menteri dan di peringkat Jawatankuasa untuk memastikan adakah SOP itu perlu diperhalusi.

#### ■1130

Contoh yang disebutkan tadi sekiranya kompaun perlu ditingkatkan untuk memastikan kita ini lebih sensitif kepada keadaan semasa, itu akan disemak di dalam Majlis dan kita buat keputusan dan kita umumkan kepada masyarakat dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Soalan tambahan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila soalan tambahan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kawan saya, sedih saya kalah generasi awal PBBM kalah pertandingan Naib Presiden yang lari selepas pilihan raya daripada UMNO menang paling tinggi. Sedih kawan baik saya. Arwah ayah dia juga adalah kawan baik saya juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalannya apa Yang Berhormat Pokok Sena yang berkaitan dengan soalan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Kalah, kalahlah.

**Tuan Ahmad Fadhl bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Pokok Sena pun kalah dahulu Yang Berhormat Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Soalannya, soalan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dahulu dia kalah dengan orang perempuan. Isunya Yang Berhormat ialah isu penguatkuasaan. Apa yang berlaku kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi juga adalah berkaitan dengan penguatkuasaan. Jadi, apakah rakyat melihat kerajaan seolah-olah mewujudkan penguatkuasaan antara dua darjah. Macam P. Ramlee dengan S. Kadarisman, Antara 2 Darjah.

Jadi seolah-olahnya kalau rakyat biasa mak cik gelang *pink* dan juga Haji Salleh dihukum. Akan tetapi kalau seorang menteri dilindungi hanya didenda RM1,000. Sedangkan pelanggarannya bagi saya, saya dimaklumkan bahawa hampir lebih daripada lima ataupun mungkin sampai 10 kali program-program.....

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tidak ada kena-mengena dengan soalan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak ada kena-mengena dengan soalan. Menteri itu bawa pelaburanlah RM82 bilion. Menteri itu pergi Turki selamatkan negara daripada atuk dahulu bergaduh suruh cepat, harga minyak turun, harga kelapa sawit turun.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah kerajaan ...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik Yang Berhormat Pokok Sena soalannya sudah jelas.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ... hakikatnya bahawa ramai di kalangan menteri-menteri ...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Menteri itu patut dipuji bukan dikeji. Menteri itu bawa ...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Baling, sila duduk Yang Berhormat Baling. Sila saya minta Yang Berhormat Menteri soalan tambahan yang kedua ini.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Kalau dilihat hari ini, kerajaan terus menjunjung keluhuran undang-undang. Tidak adapun

dua darjah. Kalau kita lihat hari ini menteri yang disabitkan telah pun membayar kompaun mengikut kaedah undang-undang yang ada.

Jika perlu – contoh Yang Berhormat Bachok bertanyakan tadi jika perlu dikenakan kompaun ....

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang tidak terowong.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** ... dan kita akan pastikan ia ada pulangan yang boleh membantu mengekang penularan COVID-19.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri Pertahanan kata selepas April tidak ada lagi kompaun. Terus pergi ke mahkamah. Ini dua darjah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Cukuplah Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bagaimana dengan Presiden UMNO yang bawa motosikal tanpa topi keledar dan kembara UMNO bermaharajalela di atas jalan raya. Bagaimanakah *[Tidak jelas]* Kerajaan Barisan Nasional ini utamakan kedaulatan undang-undang.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sudahlah, duduk, duduk.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Sekiranya ia berlaku seperti itu ....

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sekiranya kes terowong kita buka balik. Itu yang lebih baik kita bincang, kes terowong, kes banglo kita buka balik.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menggulung dan menjawab. Untuk menjawab pertanyaan.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Ini bukan perbahasan. Ini menjawab soalan lisan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Jadinya saya tidak jelas soalan daripada Yang Berhormat Beruas sekiranya soalan tambahan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Beruas tanya pasal terowong Yang Berhormat, fasal kes terowong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya tidak benarkan soalan tambahan. Jawab soalan daripada Yang Berhormat Pokok Sena sahaja. Yang Berhormat Pokok Sena sahaja.

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Saya tidak perlu menjawab soalan Yang Berhormat Beruas ya. Yang Berhormat Pokok Sena saya sudah jawab. Kita akan tetap meluhurkan perundangan negara dan kalau ada kesilapan yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan perlu ditanya ...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri Pertahanan jawab silap?

**Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof:** Tidak. Jika. Saya tidak nampak pun. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini tak kan Yang Berhormat Menteri Pertahanan jawab satu kesilapan sedangkan beliau menyatakan bahawa selepas ....

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Menteri Pertahanan tidak silap.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah 1 jam 30 minit soalan-soalan bagi jawab lisan. Sila, ada usul.

**[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.34 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan D.R.4/2020 Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Corona Virus Tahun 2019 (COVID-19)) 2020 dan D.R.7/2020 Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) Tahun 2020 di nombor 1 dan nombor 2 seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 25 Ogos 2020”.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) 2020****Bacaan Kali Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2020****Bacaan Kali Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KAEADAH-KAEADAH MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2020****Bacaan Kali Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI PEMBIAYAAN  
KERAJAAN ( PENYAKIT KORONA VIRUS 2019 (COVID-19)) 2020****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.37 pg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kita sambung Ahli Yang Berhormat perbahasan dengan menjemput Yang Berhormat Johor Bahru, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jempol. Senarai nama yang telah dinyatakan minggu lepas. Jadi, saya menjemput Yang Berhormat ...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Saya telah meminta kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memulakan pagi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya ada. Baik, Ahli Yang Berhormat ...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Johor Bahru bagi laluan kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk memulakan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, sememangnya ada permohonan daripada Yang Berhormat Port Dickson. Ini jawapan daripada Pejabat Tuan Yang di-Pertua bahawa ...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Bukan soal usul, bukan soal usul, soal bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta maaf. Ya Yang Berhormat Port Dickson baik. Baik, terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Saya beri laluan kepada Yang Berhormat Port Dickson untuk pembahasan pertama pada hari ini. 10 minit Yang Berhormat.

### 11.38 pg.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya hendak jelaskan bahawa memang benar mengikut Fasal 67, Perlembagaan dan Peraturan Mesyuarat 57(4)(b)(c) dan 55(3) tidak ada usul untuk meminda Peraturan Kewangan. Saya bersetuju.

Oleh sebab itu, apa yang saya lakukan ialah mengemukakan usul untuk dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Maknanya apa yang saya sampaikan pada hari ini diminta supaya dimasukkan dan dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan dimasukkan dalam pindaan yang beliau akan kemukakan. Ini kerana saya bersetuju bahawa pindaan kewangan itu tidak boleh dikemukakan oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat.

Sebabnya ialah kerana seperti mana yang saya sebut dan tulis kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan minggu lalu bahawa suntikan fiskal yang ada sekarang ini dianggap kecil. Oleh sebab itu, kita perlu untuk menjana pertumbuhan ekonomi secara berkesan, kita memerlukan suntikan yang lebih besar dan berkesan.

### ■1140

Memang dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan, kalau di campur PRIHATIN, PRIHATIN PKS dan PENJANA jumlah pakej itu sebanyak RM295 bilion dan dianggap tinggi sebanyak 17 peratus. Saya hendak tumpukan khusus kepada suntikan fiskal kerana suntikan fiskal ini akan menyentuh secara langsung dana daripada kerajaan untuk sektor-sektor yang memerlukan bantuan segera. Ini untuk membolehkan pertumbuhan ekonomi dan pemacuan pertumbuhan ekonomi itu dapat dipercepatkan. Saya beri sebabnya ialah kerana pertama sebab pengangguran masih menjadi masalah besar. Statistik terakhir sebanyak 4.9 peratus, seramai 773,200 individu menganggur.

Penguncutan untuk suku tahun kedua ini, mengejutkan kerana ia jauh berbeza daripada unjuran Kementerian Kewangan dan kerajaan. Ini saya tekankan kita bukan hendak salahkan

kementerian kerana buat unjuran yang terus salah. Akan tetapi kita harus realistik untuk menyatakan bahawa penguncutan yang begini ini adalah parah kesannya daripada ekonomi. Umpamanya, kalau untuk suku tahun kedua peratus pada KDNK, Indonesia penguncutannya sebanyak 5.32 peratus, Thailand anggaranya di antara 12 hingga 13 peratus. Singapura sebanyak 13.2 peratus, Filipina sebanyak 16.5 peratus dan anggaran untuk Australia sebanyak tujuh peratus tetapi Malaysia penguncutannya sebanyak 17.1 peratus.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri-menteri selalunya kita telah menjalankan kegiatan yang sangat membanggakan, berjaya. Saya tidak mahu hujah bab itu. Akan tetapi kenyataannya ikut Jabatan Statistik pada 14 Ogos ialah penguncutan yang paling tinggi dan jauh lebih tinggi daripada yang dihadapi oleh negara-negara Asia. Baik, kalau penguncutan begini pakej rangsangan harus lebih tinggi. Dalam penguncutan macam ini, kita lihat pakej rangsangan dari segi suntikan dana fiskal Malaysia paling rendah. Ini kan ada anomali.

Penguncutan paling tinggi. Suntikan paling rendah. Suntikan untuk Malaysia peratus KDNK sekitar tiga peratus. Australia dengan penguncutan sebanyak tujuh peratus, pakej rangsangan sebanyak 10.6 peratus. Filipina penguncutan agak serius sebanyak 6.5 peratus, pakej rangsangan sebanyak 3.1 peratus, dianggap rendah. Singapura pakej rangsangan sebanyak 19.6 peratus— saya tidak fikir Malaysia boleh pertimbangkan ke arah itu kerana kedudukan ekonomi agak jauh berbeza, mereka ada keupayaan walaupun penguncutan di Singapura itu agak lebih rendah dari Malaysia.

Thailand penguncutan sekitar 12.13 dan di antara 12 hingga 13 peratus tetapi pakej rangsangan sebanyak 11.8 peratus. Indonesia penguncutan sebanyak 5.32 peratus, pakej rangsangan sebanyak 3.5 peratus. Inilah sebabnya mengapa saya agak menggesa Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya memberi pertimbangan yang agak serius sama seperti yang dikemukakan dalam Laporan Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM) dan juga Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang mengusulkan agar kerajaan melipatgandakan inisiatif untuk memulihkan ekonomi negara.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Port Dickson. Adakah Yang Berhormat Port Dickson setuju bahawa kita tidak perlu terlalu fokus kepada ingin memenuhi *sovereign rating* ataupun *fiscal target*, dengan izin malah ada risiko sekiranya kita terlalu konservatif di dalam *injection* fiskal kita. Maka, agensi-agensi akan merendahkan *sovereign rating* kita kerana tidak melakukan apa yang perlu untuk menyelamatkan ekonomi kita.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Terima kasih. Saya setuju dengan gesaan Yang Berhormat Setiawangsa sebab kalau lihat pandangan negara Eropah atau Amerika atau dunia umumnya, orang tidak pedulikan sangat tentang rating. *Governance* lain. Pengurusan yang cekap, tata kelola yang baik itu memang ditekankan. Akan tetapi, soal defisit tidak menjadi persoalan kerana tumpuan sekarang adalah untuk menjana pertumbuhan.

Dalam konteks ini, saya hendak jelaskan juga tentang kekeliruan. Saya percaya bila disampaikan pada Yang Berhormat Pekan yang mengatakan bahawa kita ini menolak minggu

lalu— undian pada 17 Ogos menolak pakej rangsangan COVID-19. Saya faham ia tidak hadir dalam sidang sepenuhnya tetapi saya hendak bagi tahu yang kita tolak itu adalah soal peruntukan pembaziran untuk kementerian-kementerian yang kita anggap tidak menumpu kepada isu pertumbuhan pakej rangsangan membantu penganggur meningkatkan teknologi. Jadi, saya hendak jelaskan. Tidak timbul sama sekali bantahan. Oleh sebab itu, pada hari ini kita bangun untuk bukan sekadar menyokong tetapi mengusulkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memberi pertimbangan menambah secara besar, skala lebih besar untuk memberikan kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Saya usulkan oleh demikian jumlah yang berganda seperti mana juga yang ditekankan oleh MIER dan FMM dan kita usulkan jumlah sehingga 45 peratus walaupun ia akan melibatkan defisit yang lebih besar. Negara tatkala menghadapi kemelut ekonomi global seperti ini, *pandem* ekonomi tidak sangat sibuk ataupun runsing tentang soal fiskal dengan syarat pengurusan ekonomi itu baik.

Jumlah yang dianggarkan penambahan ialah sekitar RM45 bilion. Akan tetapi saya ingin ingatkan bahawa yang menjadi masalah sekarang ini adalah isu kesediaan kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian yang terlibat untuk melihat semula pakej-pakej inisiatif yang dilakukan untuk memastikan *optimal return*. Ini dilakukan formula negara. Kalau kita buat senarai perbandingan *Germany*, UK, Australia, Kanada dan saya tertumpu lebih banyak kepada *Germany*, Kanada dan Australia kerana beberapa pakej itu lebih sensitif dan prihatin dan mengambil tindakan penyesuaian yang segera.

*Germany* umpamanya. Dia menyediakan sejumlah €500 bilion. Akan tetapi, pastikan kelulusan oleh bank itu tidak ditentukan hanya oleh bank dan mesti diluluskan dalam tempoh empat hari. Makna tidak melengahkan, ada jawatankuasa pengurusannya. Kalau diserahkan bank dan saya harap benda ini harus dibetulkan. Ini kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang ini dianggap lebih mirip kepada pemikiran *bankers* dan tidak kepada peminjam dan juga penjanaan ekonomi.

Ini kerana *bankers* kalau kita hendak pinjam, difikirkan kolateral dan *track record*. Kita tidak boleh fikir dan mengikut peraturan yang sedemikian sebab itu saya katakan *gale creative destruction* itu bermakna kita harus mengambil pendekatan-pendekatan baharu. Makna kalau kita tumpu hanya kepada bank dan menyerahkan mereka dan ini bertentangan mengikut pengalaman yang dilakukan oleh kerajaan Jerman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Port Dickson, sila gulung.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Gulung ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya bagi seminit sahaja. Sebab dia setiap lima minit Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Okey. Saya dah minta Tuan Yang di-Pertua itu tambah sedikit sahaja lagi. Minta jasa baik Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya bagi Yang Berhormat Port Dickson lagi tiga minit. Silakan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Okey, terima kasih. Switzerland umpamanya, dia anggap IKS yang kita anggap sekarang masalah besar ialah *fast tracking emergency for SMEs*. Jadi, ini baru kita lihat pakej rangsangan yang bermakna kerana dia melihat kepada keadaan yang sedemikian.

Baik, akhir yang saya hendak sebut di sini untuk memendekkan ialah isu-isu belia, isu teknologi kita bincangkan tadi macam persoalan yang dibangkitkan banyak bincang soal buruh. Pada hal, dalam laporan Jabatan Perangkaan pada Ogos 2020 menekankan kelemahan kita dalam mengusulkan dan menekankan keperluan penggunaan teknologi, baik sektor industri dan juga pertanian.

**■1150**

Ini terkait dengan apa yang kita sebut tentang isu *governance* ya. Oleh sebab itu, saya dalam merumuskan, menyatakan bahawa pengurusan dan tata kelola penting. Kalau dana yang terbatas digunakan *only* membesar kan kementerian dan menambah jawatan GLC, ini tidak menjawab tumpuan dan keutamaan. Oleh yang demikian, saya ingin tegaskan sekali lagi, membantah keras jika ada pengurusan yang lemah dan penyelewengan dalam penyaluran dana ini.

Oleh sebab itu, isu *governance* itu mesti diutamakan. Ia pakej rangsangan ekonomi ini mesti terkait dengan *good governance*. Pelaksanaan peraturan yang sangat ketat dan juga apa yang disebut tentang ketelusan, termasuk kesediaan Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan sumber wang cara teliti yang disebut, umpamanya menerbitkan *borrowing estimates to improve fiscal transparency*. Mesti ada dari mana sumbernya, berapa jumlahnya, berapa kadar faedahnya dan berapa tanggungan bagi negara?

Juga, harus ditekankan di sini ialah supaya jangan ada sama sekali unsur untuk membebankan rakyat dengan mengizinkan ketirisan atau pemborosan. Ini sebenarnya memang berlaku dalam semua pentadbiran. Akan tetapi kita harap dalam keadaan rakyat menghadapi masalah sekarang dan pengangguran, janganlah ibarat '*umpamanya membina mahligai atas pusara*'. Orang derita, kita hendak hanya senang, ya. Oleh sebab itu, kita lihat perbincangan dan kehangatan tentang antara dua darjah ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, boleh minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Antara dua darjah ini memang isu besar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat. Di saat-saat terakhir masa ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Pertama, saya hendak ucap terima kasih sebab Yang Berhormat telah mengisyiharkan bahawa PH akan menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih. Sepatutnya PH juga menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2020 kerana dalam itu termasuk perkara yang penting berhubung dengan Kementerian Perpaduan Negara. Ini sebab Yang Berhormat menjelaskan, setelah menolak, saya ingat kurang

tepat. Yang Berhormat lebih baik menyebut kata minta maaf sebab tidak sokong pada masa yang lepas. Jadi, yang ini akan menyokong. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Yang Berhormat Arau, dia celah betul tetapi dia tidak dengar habis. Ini masalahnya. Yang Berhormat tidak dengar habis. Kita bantah sebab dalam keadaan kemelut, patut kementerian dikurangkan dan tumpu bantu rakyat. *[Tepuk]* Rakyat menganggur, hampir 1 juta orang menganggur, yang kamu duduk kira, hendak bagi orang besar '*mentekedarah*' wang lebih. Ini kita bantah. *[Tepuk]*

Bagi faham yang itu dan yang lain Yang Berhormat Arau jangan bimbang. COVID-19 dan pakej rangsangan ini kita sokong, malah kita minta tambah untuk mengurangkan beban rakyat. Untuk masalah pembangunan, maknanya kita sedia bantu dan sokong kerajaan, kalaupun kerajaan hendak tambah peruntukan dan dana fiskal suntikan sehingga RM40 bilion.

Kita sanggup sokong tetapi janganlah sokong membawa rebah kerana wang itu jangan disalahgunakan untuk tujuan-tujuan yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, akhir sekali Yang Berhormat, akhir sekali. Apakah Yang Berhormat sedar *[Dewan riuh]* bahawa semasa PH memerintah, ramai daripada Ahli-ahli Parlimen di sana yang menjadi pengurus-pengurus GLC dan juga badan berkanun.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Duduklah, agensi dan GLC pun tidak faham.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apakah itu bukan satu benda yang melanggar perjanjian piagam PH, Yang Berhormat? Saya tahu Yang Berhormat dengan kata-kata retoriknya cukup hebat.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Arau tidak ambil ubat.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Minta bagi nama-nama syarikat. Nama-nama syarikat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Hapuskan kemiskinan di Baling! Akan tetapi Yang Berhormat hidup bermewah-mewah.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Bagi nama syarikat. Bagi nama syarikat dan jangan sentuh-sentuh saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekarang saya- Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jempol, silakan.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Johor Bahru, Tuan Yang di-Pertua?

**11.54 pg.**

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan RUU Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020. RUU ini telah dibentangkan kerana

terdapat keperluan bagi membenarkan sejumlah peruntukan pembiayaan kerajaan tempoh hari untuk mengurangkan kesan penularan wabak COVID-19.

RUU ini perlu disegekerakan supaya kerajaan tidak melanggar peruntukan undang-undang dan membolehkan semua perbelanjaan serta pelan yang dirangka berjalan lancar. Peruntukan terbabit dalam perbelanjaan tambahan berjumlah RM45 bilion. Secara umumnya, saya menyokong segala usaha murni kerajaan, prihatin dan peka kepada permasalahannya. Akan tetapi walau bagaimanapun, kalau ia ditambah lagi jika terdapat keperluan-keperluan rakyat, perlu ditambah dan ia telah pun melibatkan sebanyak RM295 bilion.

Saya bersetuju dengan kerajaan kerana mengukur baju di badan PN dan bukan mengukur baju di badan PH. Jadi, kita harap dengan adanya peruntukan ini dapat menyelesaikan masalah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sumber pembiayaan kerajaan sebanyak RM45 bilion. Keduanya, adakah menggunakan bon Samurai? Tujuan bon Samurai, pinjaman dalam bentuk Yen, berbanding dengan Ringgit Malaysia dan apakah kesannya?

Jadi, saya harap ia terjawab nanti bila Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya hendak pergi kepada ePENJANA iaitu perkhidmatan eDompet (eWallet) banyak tertumpu di kawasan bandar, sedangkan sebahagian besar rakyat kita di luar bandar juga turut layak dan cukup syarat untuk menerima bantuan ePENJANA. Walau bagaimanapun, terdapatkekangan yang dihadapi oleh penduduk luar bandar akibat jurang digital. Perkhidmatan pembayaran menerusi eDompet ditawarkan di premis perniagaan atau kedai juga tidak sama terhadap seperti di bandar.

Kesukaran ini telah menyebabkan golongan yang kurang berkeyakinan diri, tidak faham dan juga tidak mengendahkan inisiatif yang telah ditawarkan oleh kerajaan seperti PENJANA. Soalan saya, adakah kementerian bercadang untuk menyediakan alternatif lain supaya dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia yang tidak berupaya untuk menggunakan aplikasi eDompet seperti talian telefon pintar, tiada akses internet dan menetapkan kawasan yang tiada perkhidmatan GrabPay dan Touch 'n Go?

Sejauh manakah, e-PENJANA ini mendapat respons daripada rakyat? Minta kementerian memperincikan mengikut kawasan bandar dan juga luar bandar. Kita tidak mahu kerajaan menyediakan perkhidmatan *double standard* dan hanya dapat dinikmati oleh segelintir masyarakat sahaja. Besar harapan saya untuk melihat setiap inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan dapat dimanfaatkan oleh setiap rakyat dari Perlis hingga Sabah dan juga Sarawak.

Bantuan PRIHATIN rakyat memberi tunai secara *one-off* kepada kumpulan B40 dan buat kali pertamanya telah disalurkan kepada kumpulan M40. Golongan ini termasuklah pekerja swasta, pekebun kecil, peneroka FELDA, petani, nelayan, peladang, peniaga kecil dan semua golongan dalam kumpulan M40 di bawah. Sebanyak RM11.2 bilion telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi memberi tunai Bantuan Prihatin Nasional.

Setakat 20 Julai 2020, sebanyak RM10.4 juta penerima telah mendapat manfaat. Isu yang wujud berkaitan bantuan ini adalah berkaitan individu yang mendaftar perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Syarat yang diletakkan adalah automatik tidak layak,

untuk mendapatkan bantuan tersebut, perlu memohon Geran Khas Prihatin jika nama berdaftar sebagai SSM.

Bagi Gerak Khas Prihatin (GKP) pula, terdapat kriteria yang perlu dipatuhi bagi melayakkan permohonan menerima bantuan iaitu status permohonan aktif berniaga. Jualan tahunan perniagaan hendaklah tidak melebihi RM300,000. Soalan saya, sejauh manakah tahap keupayaan kementerian untuk mengendalikan data-data yang terkumpul dari pelbagai agensi? Apakah perancangan kementerian menambah-baik sistem pangkalan data sedia ada bagi mengelakkan isu yang berkaitan berbangkit di masa hadapan?

Sekiranya berlaku gelombang ketiga penularan COVID-19, adakah bantuan PRIHATIN Nasional ini akan dapat diberi? Apakah implikasi terhadap kantung kerajaan? Saya berharap agar kementerian dapat menambah baik dari segi sudut keupayaan mengendalikan data-data dan sebagai agensi, isu yang tidak berulang dan tidak menyusahkan rakyat juga membuat permohonan yang seterusnya.

Elaun khas petugas barisan hadapan iaitu kadar RM600 sebulan bagi petugas kesihatan dan RM200 sebulan bagi petugas-petugas lain.

#### ■1200

Sebanyak RM600 juta telah diperuntukkan bagi membiayai elauan petugas barisan hadapan yang berdepan dengan cabaran COVID-19. Elauan ini memang telah menaikkan semangat para petugas barisan hadapan dan ia merupakan satu bentuk penghargaan kepada mereka. Namun, berhubung dari segi prosedur permohonan, saya difahamkan Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan untuk menurunkan kuasa pengesahan elauan tersebut kepada ketua jabatan masing-masing.

Pada hemat saya, tindakan ini dibuat mestilah masih tidak lagi menyeluruh kerana pengelasan bagi individu yang layak menerima elauan khas ini masih kabur dan perlu penjelasan. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan menyediakan penyaluran prosedur SOP berhubung kriteria kelayakan elauan khas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Jempol. Sudah boleh *landing*.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sudah boleh *landing*? Alamat sekejap sahaja, sikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Lima minit Yang Berhormat, ini ramai orang lagi 18 orang dan semua kena selesai sebelum pukul 3.00 petang. Menteri-menteri hendak menjawab.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Oh! Saya ingat 10 minit tadi pasal sebelum ini 10 minit. Cuma...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tak boleh Yang Berhormat.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Cuma, saya hendak satu lagi, satu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Banyak lagi daripada Barisan Nasional juga.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Satu lagi yang saya hendak sebut ialah subsidi pengangkutan awam. Subsidi pengangkutan awam ini keadaan ia, pemberiannya yang berlaku di bandar, yang di luar bandar tidak dapat apa-apa. Apakah inisiatif kementerian bagi menyalurkan peruntukan yang mereka tidak menggunakan perkhidmatan awam seperti apa yang ada di Kuala Lumpur tidak sama berada di luar bandar. Jadi mohon supaya ada inisiatif lain supaya dapat hak yang sama di luar bandar. Sebelum saya mengakhiri ucapan perbahasan ini, saya ingin membaca pantunlah. Jadi sebagai penutup perbahasan pada kali ini izinkan saya menutup dengan beberapa rangkap pantun.

*COVID-19 telah menyerang kita,  
Pakatan Harapan terpinga-pinga,  
Perikatan muncul tepat masanya,  
Tangani COVID-19 dengan bergaya.*

*Perikatan Nasional mencari jalan,  
PH mencari Perdana Menteri,  
Negara ini perlu diselamatkan,  
Semoga COVID-19 berlalu pergi.*

*Tabung milo Pakatan Harapan,  
Tabung milo Yang Berhormat Bagan,  
Ayuh maju bersama Perikatan,  
Lupakan perkataan Harapan.*

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekarang Yang Berhormat Beruas.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Johor Bahru?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tak, Yang Berhormat Johor Bahru sudah *burn* tadi kalau ada masa saya selit namanya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** *Burn* pula?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ya.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Tadi semua bagi laluan untuk bermula...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Beruas lima minit. Yang Berhormat semua, kalau tidak yang 18 nama ini semua tak sempat. Silakan Yang Berhormat Beruas ada? Lima minit sahaja Yang Berhormat.

**12.02 tgh.**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dikatakan langkah-langkah ini merupakan langkah sementara tetapi hakikatnya kesannya akan berkekalan kerana kerajaan terpaksa membayar balik RM45 bilion yang dipinjam. Melainkan kerajaan boleh membayar balik RM45 bilion dalam masa tempoh dana ataupun Kumpulan Wang COVID-19 ini sebelum 31 Disember 2020 di mana dana ini diwujudkan secara sementara supaya rakyat Malaysia perlu membayar balik wang sebanyak RM45 bilion ini.

Soalan saya kepada kerajaan ialah sila senaraikan peminjam-peminjam wang RM45 bilion ini kepada kerajaan dan jumlah setiap peminjam-peminjam ini telah pinjamkan kepada kerajaan. Adakah hutang ini akan diselesaikan sebelum 31 Disember 2022 dan adakah kerajaan mempunyai keupayaan untuk membayarnya dalam tempoh yang ditetapkan? Saya juga hendak tahu daripada pihak kerajaan, dari manakah kerajaan akan mendapat dana untuk membayar balik wang sebanyak RM45 bilion ini? Adakah ia melalui cukai rakyat, melalui wang terkumpul atau *consolidated fund* ataupun kerajaan ada sumber-sumber lain, pendapatan lain untuk menjelaskan jumlah ini.

Rang undang-undang ini membenarkan kerajaan meminjam sehingga 60 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia daripada 55 peratus masa kini. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya khuatir ialah di bawah seksyen 3(2) menyatakan bahawa kerajaan dibenarkan menaikkan pinjaman sehingga 60 peratus KDNK ini adalah buat sementara waktu sahaja iaitu sehingga 31 Disember 2022. Isunya ialah kalau KDNK atau dalam bahasa Inggerisnya GDP negara terus berkembang mungkin tidak menjadi masalah kerana kita tidak akan mencecah 60 peratus berkenaan.

Apa akan berlaku kalau KDNK negara kita menyusut, lebih teruk lagi kalau menyusut dengan mendadak? Kalau kita mencecah katakan 70 peratus daripada KDNK atau 80 peratus daripada KDNK, dari manakah kerajaan hendak dapat duit atau wang untuk menyelesaikan hutang ini? Kita tahu kalau KDNK berkembang kerajaan boleh mendapat cukai yang lebih tetapi malangnya kalau ia menguncup, pendapatan kerajaan akan berkurangan. Jadi kita hendak dapat kepastian daripada kerajaan bahawa negara kita ini tidak akan melalui satu keadaan di mana kerajaan tidak dapat membayar hutang yang akan menyebabkan negara kita ini muflis seperti negara-negara yang lain.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati dana COVID-19 ini yang telah kerajaan gunakan sebelum mendapat kelulusan Parlimen ini tidak ditadbir dan dihalusi dengan baik. Kalau di bawah Pakatan Harapan saya pasti ia akan dibayar selepas di halusi dengan baik. Kerajaan perlu menggunakan wang dengan baik kerana wang ini merupakan wang pinjaman yang perlu dibayar balik. Sebagai contoh, tuan punya syarikat-syarikat sarung tangan yang mendapat keuntungan berlipat ganda kerana COVID-19 juga diberikan subsidi upah. Kerajaan haruslah menggunakan wang atau dana COVID-19 ini kepada golongan sasaran supaya lebih ramai daripada mereka yang perlu dibantu akan mendapat manfaat daripada dana ini.

Itulah sahaja perbahasan saya dan saya harap saya mendapat jawapan yang jelas daripada pihak kerajaan untuk memastikan rakyat Malaysia kita mampu membayar balik wang yang telah dipinjam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Pontian. Saya sebut nama ya, selepas Yang Berhormat Pontian ialah:

- (i) Yang Berhormat Bayan Baru;
- (ii) Yang Berhormat Gerik;
- (iii) Yang Berhormat Kuala Kedah;
- (iv) Yang Berhormat Kota Samarahan;
- (v) Yang Berhormat Hang Tuah Jaya;
- (vi) Yang Berhormat Machang;
- (vii) Yang Berhormat Batu;
- (viii) Yang Berhormat Arau;
- (ix) Yang Berhormat Muar;
- (x) Yang Berhormat Baling;
- (xi) Yang Berhormat Rompin;
- (xii) Yang Berhormat Setiu;
- (xiii) Yang Berhormat Kubang Pasu; dan
- (xiv) Yang Berhormat Johor Bahru.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang ini tidak ada kah Tuan Yang di-Pertua, Hulu Rajang tidak adakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

#### **12.08 tgh.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Perkara yang ingin saya cadangkan ialah bagaimana kita untuk mendapatkan hasil tambahan untuk kewangan negara. Penurunan 30 hasil berlaku, bagaimana kaedah untuk mengatasinya. Pertama, saya cadangkan kita tutup ruang kebocoran hasil dengan memberikan kecekapan yang lebih kepada kastam menggunakan mesin-mesin yang tertentu supaya sistem kontena di pelabuhan boleh di – tidak ada berlaku kebocoran hasil di pelabuhan misalnya.

Kedua, kastam telah mempunyai data-data begitu juga LHDN telah mempunyai data-data ketika GST. GST ini adalah untuk menutup penipuan cukai. Oleh kerana itu, data-data yang telah ada itu perlu diguna untuk mengurangkan penipuan cukai. Gunakan data-data itu walaupun kita masih lagi menjalankan sistem SST.

Ketiga, memastikan hasil bumi dijana dengan berkesan. Saya difahamkan di Malaysia ini ada hasil nadir bumi ataupun *rare earth* yang tiada kesan radioaktif. Saya difahamkan nilainya trilion ringgit.

**■1210**

Saya ingin mengetahui kesahihan tentang perkara ini. Saya harap nilai *rare earth* atau nadir bumi yang tiada kesan radioaktif ini hendaklah dicari dan didapatkan supaya kerajaan mempunyai hasil kewangan yang boleh dikongsi dengan kerajaan negeri juga.

Perkara yang keempat, menjadikan Malaysia sebagai pusat e-dagang ASEAN. Dulu kita ada kerjasama dengan Ali Baba, Jack Ma iaitu, dengan izin, *the biggest online company* untuk negara China. Tetapi saya tidak tahu apa yang berlaku tentang perkara itu.

Perkara yang kelima. Jika kita mendapat RM30 bilion dana khas ataupun dividen khas PETRONAS untuk membayar GST yang tertunggak dan juga LHDN yang tertungggak pada tahun 2018, saya kira PETRONAS mempunyai dividen-dividen khas seumpama itu yang boleh membantu kerajaan. Saya ingin bertanya, adakah dividen khas PETRONAS akan kita dapatkan?

Perkara yang keenam. Kita import makanan sebanyak satu per empat. Daripada keseluruhan makanan yang ada di Malaysia ini, satu per empat adalah import. Nilainya lebih daripada RM50 bilion. Saya kira kita perlu mengurangkan import makanan itu. Apabila kita kurangkan import makanan, maka negara mempunyai lebihan pendapatan.

Seterusnya mengenai hutang kerajaan kepada GDP ini. Kita tahu bahawa Jepun—237 peratus daripada GDP; Singapura—126 peratus daripada GDP; US—107 peratus daripada GDP; Perancis—98.1 peratus; Kanada—89.7 peratus; UK—80.7 peratus. Yang diminta dalam rang undang-undang ini ialah 60 peratus. Sebelum ini tahun 2005, Malaysia—42.1 peratus. Tahun 2010—49.6 peratus. Tahun 2015—53.6 peratus. Tahun 2016—51.9 peratus. Tahun 2017—50.1 peratus. Ini kita minta pada 60 peratus.

Saya juga mempunyai data bahawa Thailand—41.8 peratus; Australia—45.1 peratus; Filipina—41.5 peratus; Indonesia—29.8 peratus; New Zealand—19 peratus; Saudi Arabia—22.8 peratus. Negara-negara Thailand, Australia, Filipina, Indonesia, New Zealand, Saudi Arabia ini ada satu perkara yang tidak ada pada negara kita iaitu mereka ada GST. Oleh itu, mereka mempunyai kekuahan ekonomi, mempunyai sistem percuaiyan yang paling mantap dalam dunia. Itu sebabnya GST dilaksanakan di 170 buah negara. Kalau kita hendak mengurangkan kadar hutang kepada GDP ini, kerajaan perlu memikirkan adakah untuk melaksanakan semula VAT. Kalau nama GST itu tidak suka, kita boleh menggunakan nama VAT.

Tuan Yang di-Pertua, CUEPACS telah menemui saya dan mereka memohon beberapa perkara untuk saya sampaikan.

Pertama, kenaikan gaji bersamaan satu KGT secara khas kepada semua penjawat awam berkuat kuasa 1 Julai 2018 telah diumumkan pada 4 April 2018.

Kedua, pemendekan kenaikan pangkat *time-based* kali kedua dikurangkan dari 13 tahun kepada 10 tahun berkuat kuasa 1 Januari 2018 telah diumumkan pada 4 April 2018.

Ketiga, kadar Bantuan Sara Hidup (COLA) tambahan sebanyak RM50 sebulan bagi kumpulan pelaksana juga diberikan kepada penjawat awam di Sabah dan juga di Sarawak.

Keempat, penambahan gred DG56 bagi guru-guru. Sekarang gred hanya DG54. Selepas itu kena pergi ke JUSA. JUSA terhad. Oleh kerana itu, guru-guru memohon gred 56.

Ia juga telah diumumkan pada 4 April 2018. Adalah menjadi tugas kerajaan untuk melaksanakan perkara-perkara yang telah diumumkan ini.

Kelima, cadangan gaji minimum baharu penjawat awam RM1,800 sesuai dengan kenaikan Paras Garis Kemiskinan (PGK) RM2,208 untuk isi rumah.

Keenam, Sistem Saraan Baru untuk perkhidmatan awam bagi menggantikan SSM *plus*.

Ketujuh, skim yang lebih baik kepada penjawat awam kontrak.

Kelapan, kakitangan kontrak yang tidak disambung perkhidmatan di Jabatan Latihan Khidmat Negara, Jabatan Hal Ehwal Khas, Seranta Felda, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Biro Tatanegea perlu disambung.

Itu antara permohonan CUEPACS yang presidennya bertemu dengan saya pada minggu lepas. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bayan Baru.

#### 12.14 tgh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Lima minit ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya. Saya ingin bangkitkan tiga isu.

Isu pertama yang saya ingin bangkitkan adalah tentang RM1 bilion pinjaman tabung Dana Jaminan Makanan yang mula-mulanya adalah— saya mengalu-alukan tentang dana ini kerana pinjaman kadar rendah ini untuk sektor pertanian dan industri makanan. Tabung ini bermula sejak Kerajaan PH dan saya berbesar hati kerana Kerajaan PN meneruskan usaha kerajaan membantu petani, nelayan dan penternak.

Walau bagaimanapun, saya terima kompelin dan rungutan daripada petani, nelayan dan penternak bahawa mereka mengalami kesusahan untuk meminjam daripada tabung ini. Kebanyakan *commercial bank* tidak mempunyai dan tidak memahami sektor pertanian. Maka mereka tidak sanggup menerima risiko dan mereka telah menolak pinjaman-pinjaman tersebut. Agrobank pula mengalami kekurangan kapasiti untuk memproses permintaan kerana bank tidak besar sangat sehingga ke merata tempat. Maka, saya menyeru supaya Kementerian Kewangan untuk menangani masalah ini dan mendesak *commercial bank* lebih agresif membantu para petani, nelayan dan penternak.

Saya juga meminta Agrobank untuk menyelesaikan *backlogs* yang daripada permohonan dengan kadar yang segera dan *outreach* kepada golongan petani yang memerlukan bantuan.

Isu yang kedua yang saya ingin bangkitkan adalah Pakej Rangsangan COVID-19 ini seharusnya mendapat persetujuan *bipartisan*. Kita mempunyai Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet di Parlimen tetapi ia tidak diaktifkan. Untuk *COVID-19 bill* ini, kita sepatutnya mendapat— ini merupakan satu platform supaya semua daripada pihak kerajaan dan juga pihak pembangkang untuk mengadakan musyawarah. Kalau kita boleh mengadakan mesyuarat dan perbincangan,

maka tidak ada berlakunya ketidaksetujuan. Ini kerana pada Pakatan Harapan, kita minta supaya ia ditingkatkan kepada RM90 bilion ataupun lebih kurang 65 peratus GDP tetapi pihak kerajaan tidak bersetuju untuk membantu rakyat. Jadi, saya rasa ini adalah— kita perlu cari titik persetujuan di dalam jawatankuasa pilihan khas di Parlimen. Jadi, saya mohon supaya Menteri, kalau bolehlah, refer rang undang-undang ini ke dalam jawatankuasa pilihan khas parlimen selepas bacaan kedua.

Isu yang ketiga adalah isu keyakinan ekonomi. Kita tahu bahawa ekonomi ini berkait rapat dengan keyakinan. Ekonomi ini bukan sekadar ekonomi. Ia adalah *consumer confidence* dan juga *investors' confidence*. Apabila rakyat yakin, mereka akan berbelanja. Maka ekonomi akan berkembang. Apabila pelabur luar negara atau pelabur domestik berasa yakin, maka mereka akan melabur. Itu sebabnya apabila menghadapi krisis ekonomi, semua kerajaan di seluruh dunia akan melaksanakan dasar fiskal dan dasar monetari, *stimulus package* untuk menjana ekonomi negara demi mengembalikan keyakinan rakyat dan pasaran.

Negara-negara di seluruh dunia sedang mengalami dua krisis iaitu krisis pandemik dan krisis ekonomi. Kita bersyukur kerana krisis pandemik sekarang sedang diselesaikan oleh KKM, penjawat-penjawat awam yang profesional di dalam KKM. Kita juga amat berterima kasih kepada penjawat-penjawat awam dalam MoF yang profesional yang sedang menangani krisis ekonomi.

Akan tetapi, di Malaysia, kita menghadapi krisis yang ketiga iaitu krisis politik. Krisis politik ini menjelaskan segala keyakinan daripada rakyat sehingga kepada pelabur asing. Kenapa saya cakap begitu ya? Apabila negara mula menghadapi keadaan COVID-19 yang semakin serius, berlaku pergerakan politik yang mengkhianati mandat rakyat. Ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab merancang untuk merampas kuasa melalui pintu belakang. Akhirnya berlaku 'Langkah Sheraton' pada 23 Februari.

Tidak setakat 'Langkah Sheraton', Kerajaan Negeri Johor pada 27 Februari selepas itu, kerajaan tumbang. Selepas itu. Kerajaan Negeri Melaka juga tumbang pada 3 Mac. Selepas itu, Perak pula pada 8 Mac. Apabila semua rakyat dalam keadaan *full lockdown*, langkah politik berterusan. Kerajaan Negeri Kedah jatuh pada 12 Mei. Selepas itu, apabila kita ingat semua sudah selesai, berlaku pula langkah politik Sabah pada 29 Julai. Langkah-langkah ini menjelaskan keyakinan pelabur, baik dari negara dan juga negara asing.

## ■1220

Jadi, kalau kita— bukan setakat itu sahaja, Kerajaan Perikatan Nasional pada peringkat pusat juga tidak meyakinkan para pelabur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, sedikit sahaja lagi. Parti-parti komponen masing-masing merebut kuasa. Mereka pada 17 Mei 2020 mengumumkan penubuhan Perikatan Nasional. Pada 30 Julai 2020, kurang daripada 100 hari parti komponen terbesar UMNO keluar, umum keluar daripada Perikatan Nasional. Jadi, semua ini sekarang dalam kerajaan ada empat *coalition*, biasanya kerajaan satu *coalition* sahaja. Akan tetapi dalam kerajaan sekarang ada empat *coalition*, satu Perikatan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, panjang sangat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Satu Barisan Nasional, satu Muafakat Nasional...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Dan satu Gagasan Sejahtera. Jadi – saya akan *landing*-lah sekarang. Jadi, politik sekarang ini kucar kacir. Saya harap bahawa kalau kita tidak menyelesaikan masalah *crisis of confidence in politic* kita, negara dan juga ekonomi kita tidak akan berkembang maju. Jadi, saya harap supaya kita harus *make the politic rights*. Kita kena perbetulkan politik kita supaya kita boleh mengembalikan keyakinan rakyat dan memulihara ekonomi negara kita.

Jadi, adalah penting bahawa kita ini kembalikan mandat rakyat kepada Pakatan Harapan dan kita kembalikan keyakinan terhadap demokrasi dan keyakinan pimpinan politik yang berintegriti, anti rasuah dan yang boleh mengaspirasikan rakyat ke arah kebaikan. Jikalau kita tidak laksanakan reformasi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Dalam politik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Maka rakyat akan terus...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Jangan syarah politik.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh, boleh terima kasihlah. Barulah saya mohon supaya baik kerajaan dan juga pembangkang boleh sama-sama kita perbetulkan politik kita supaya kembalikan keyakinan rakyat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham semua Yang Berhormat hendak berbahas, tetapi hormatilah sahabat-sahabat Yang Berhormat yang lain. Tidak elok kita beritahu rakyat untuk menghormati undang-undang kalau kita sendiri tidak menghormati masa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya sokong Tuan Yang di-Pertua, bagus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya jemput Yang Berhormat Gerik. Silakan, lima minit Yang Berhormat.

## 12.22 tgh.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Selama 10 minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Selama lima minit.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan usul menukuhan Rang Undang-undang Kumpulan Wang COVID-19 yang mengandungi Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pelan Pemulihan Ekonomi yang telah pun berjalan cuma hendak mendapat pengesahan daripada Parlimen. Di dalam pakej tersebut, jumlah yang paling besar diperuntukkan adalah sebanyak

RM16.8 bilion adalah bagi membiayai Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan dan Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.

Saya percaya perspektif mikro, matlamat utama program bernilai RM16.8 bilion tersebut adalah bagi memastikan rakyat jelata tidak terputus sumber pendapatan bagi menyara kehidupan. Sekalipun saya menyokong hasrat murni ini, izinkan saya melontar sekilas pandangan dari kaca mata rakyat biasa. Golongan yang disalurkan bantuan dana di bawah program ini ialah majikan supaya mereka oleh meneruskan kelestarian skim pengajian kakitangan atau golongan pekerja mereka. Sekali gus diharapkan golongan pekerja tidak diberhentikan yang kelak akan menambah kadar dan bilangan pengangguran.

Di dalam konteks ini, berdasarkan pemerhatian dan maklum balas yang saya peroleh dari lapangan, bukan semua jenis sektor perniagaan boleh diselamatkan daripada sindrom '*gulung tikar*'. Dalam pada itu, mana-mana peniaga yang masih boleh bertahan, terdapat golongan yang terpaksa melakukan penguncutan dan pengubahsuaian akibat norma-norma baharu serta rantai pasaran yang telah berubah dengan mendadak akibat COVID-19.

Ada beberapa persoalan yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Satu, apakah tujuan penggubalan Akta COVID-19 ini? Kedua, dari manakah punca kuasa penggubalan akta ini? Ketiga, soalan saya hendak tanya, apakah terjadi kepada baki Akaun Kumpulan Wang COVID-19 yang tidak digunakan?

Saya perlu juga sentuh satu perkara yang pada pandangan saya amat penting. Kadar kemiskinan di kalangan bumiputera pada tahun 2019 adalah sebanyak 7.2 peratus berbanding dengan 1.4 peratus bagi kaum Cina dan 4.8 peratus di kalangan kaum India.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Pemilikan ekuiti...

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Yang Berhormat Gerik mencelah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** ...Dalam sektor – saya tidak sempat hendak berilah. Di dalam sektor korporat bagi bumiputera pada tahun 2015 adalah pada kadar 16.2 peratus berbanding 30.7 peratus milik bukan bumiputera dan 45.3 peratus milik asing. Pada tahun 2019, kadar pengangguran di kalangan bumiputera adalah 3.7 peratus berbanding purata tiga peratus di peringkat nasional. Maka pihak kerajaan perlu melihat perkara tersebut supaya bumiputera tidak terus terpinggir.

Sambungan daripada soalan lagi satu, mengapa kerajaan membatalkan Bon Samurai yang diperkenalkan kerajaan PH dahulu? Ketiga, tambahan – kerajaan perlu memperkenalkan rangsangan tambahan nilai sebanyak RM45 bilion dan melanjutkan moratorium. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri dari segi ini? Mengapa bank tidak melanjutkan moratorium selama enam bulan lagi secara automatik.

Akhir sekali, dalam kesimpulan yang saya hendak nyatakan. Pertama, sebarang usaha pemulihan dan rangsangan pertumbuhan ekonomi, tidak harus melupakan hakikat bahawa golongan sasar iaitu rakyat mempunyai tahap keupayaan yang berbeza dalam kelainan tahap keupayaan perlu dicari adunan yang serasi supaya tidak tercicir atau terpinggir dalam agenda

serta program yang diusulkan. Ibarat perahu dan dayung, biar sesuai dan keupayaan pihak yang berdayung untuk sampai ke seberang.

Kedua, segala apa yang dihasratkan dalam program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pelan Pemulihan Ekonomi yang diusulkan di dalam Dewan yang mulia ini akan mengalami kebuntuan jika terus menerus berlaku suasana ketidakstabilan politik dan keresahan sosial. Saya berharap, saya menyokong Pelan Pemulihan COVID-19 ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Kuala Kedah.

#### **12.27 tgh.**

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya – terima kasih kerana dapat turut sama berdebat Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Pembentangan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, merawat ekonomi yang sakit adalah tidak sangat berbeza dengan merawat orang yang sakit. Pertamanya, hendaklah dikenal pasti penyakitnya dan kemudiannya dikenal pasti ubatnya dan penyampaiannya kena tepat dan juga dengan dos yang tepat. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, kita mengalami COVID-19 ini merupakan *once in a lifetime experience*, dengan izin. Sepanjang hayat inilah kali pertama dan kita kena serangan pandemik yang telah memukul teruk masyarakat kita dan terus juga memberikan pukulan yang sungguh berat kepada ekonomi kita.

Untuk ekonomi kita bangun, kita memerlukan pakej rangsangan yang memberikan dos yang tepat, dos yang cukup. Oleh sebab itu, saya meminta supaya kita melihat kembali dengan teliti jumlah yang kita sarankan dalam pakej ini iaitu sebanyak RM45 bilion atau tiga peratus daripada KDNK negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat prestasi ekonomi dari segi penguncutan ekonomi akibat daripada pukulan Koronavirus ini, kita Malaysia adalah yang paling teruk sekali di Asia Tenggara. Indonesia misalannya mengalami penguncutan sebanyak 5.32 peratus, Thailand sebanyak 12 peratus hingga 13 peratus, Singapura sebanyak 13.2 peratus dan Malaysia mengalami sebanyak 17.1 peratus. Akan tetapi berbeza dengan Singapura misalannya yang telah memperuntukkan sebanyak 19.6 peratus daripada KDNK mereka sebagai pakej rangsangan, kita hanya memperuntukkan sebanyak tiga peratus.

#### **■1230**

Saya faham tidak mudah untuk kita mencari wang tetapi kita sangat memerlukan. Ini kerana kalau dibiarkan tanpa rangsangan yang tepat, yang cukup dan tidak diberikan pada masa dan ketika yang sesuai dengan jumlah yang sesuai, sebahagian ekonomi kita akan lumpuh.

Pengusaha pelancongan misalnya Tuan Yang di-Pertua, mereka telah berbulan-bulan tidak ada pendapatan tetapi terpaksa membayar sewa. Mereka juga ada menyewa kenderaan. Begitu juga peniaga-peniaga dan pengusaha restoran. Apabila saya berjumpa sebahagian

daripada mereka baru-baru ini, mereka menyatakan bahawa bantuan diminta dan sangat sukar untuk dapat, bertimbun-timbun permintaan di bank, dapat dua, tiga orang – dapat atas kertas tetapi belum lagi mendapat wang.

Maka mereka tidak dapat bergerak. Kalau mereka tutup kedai, pakej pelancongan misalannya, apabila kita buka balik sektor ekonomi, mereka tidak akan dapat turut serta dalam sektor ekonomi tadi. Kita akan hilang kerana hanya dengan penyertaan mereka yang aktif dan berkesan sahajalah sektor pelancongan kita dapat dipulihkan. Itu misalannya.

Oleh sebab realitinya Tuan Yang di-Pertua, penyampaian dana tadi dan pakej rangsangan ini, dalam banyak ketika, ia tidak mudah bagi rakyat. Sewa yang disebut oleh Perdana Menteri misalnya bahawa Makcik Kiah akan merasa selesa kerana akan mendapat pengurangan sewa, ianya tidak berlaku begitu. Agensi kerajaan atau badan-badan berkanun yang menyewakan bangunan kepada peniaga dan pengusaha misalannya, mereka menyarankan supaya membayar juga sedikit.

Ada seorang pengusaha sewanya RM1,000, dia diberitahu bayar separuh sahajalah kerana COVID-19. Akan tetapi dia sendiri pendapatannya tidak ada. Malahan untuk menyara keluarganya, memberi makan keluarganya, dia terpaksa menjual nasi lemak. Kalau ini berterusan, dia akan gulung tikar terus. Ini mesti dilihat dengan teliti.

Oleh sebab itu saya merasakan bahawa kita kena meningkatkan pakej rangsangan ini sekurang-kurangnya pada saya enam peratus daripada KDNK. Kalau kita bandingkan dengan Singapura, 17.6 peratus, Thailand 11.8 peratus, tiga peratus agak tidak munasabah. Memang sukar, memang perit tetapi kita perlu dengan bersungguh-sungguh, bertanggungjawab dan berhemah dan bijak untuk menyasarkan dana tadi terus kepada orang yang memerlukan bagi menyuntik balik, menghidupkan, membangunkan dan mencergaskan balik ekonomi kita.

Jika tidak, kita akan mengalami kelembapan ekonomi yang berpanjangan. Kita selamat dan sihat daripada COVID-19 tetapi dengan ekonomi yang merudum dan tidak boleh bangun dan pengsan tadi, ia akan memberikan kesan yang sangat buruk sampai beberapa tahun akan datang. Terima kasih atas peluang yang diberikan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Samarahan, silakan.

### **12.33 tgh.**

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin hendak mengucapkan terima kasih atas peluang untuk sama-sama menyertai perbahasan bagi menyokong Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID19)) 2020.

Sesungguhnya, kita berdepan dengan waktu yang sukar apabila pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia dan hal ini memerlukan pelbagai tindakan untuk diambil bagi memastikan rakyat kekal sejahtera dan terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa petugas barisan hadapan ataupun *frontliners*, mungkin beribu-ribu nyawa sudah terkorban akibat COVID-19. Semalam kematian akibat COVID-19 di seluruh dunia telah pun mencecah angka 800,000 dan Malaysia kekal pada angka 125 kematian sehingga semalam. Kini, kita berjaya meminimumkan penularan COVID-19 daripada tiga angka kepada dua angka, sehinggalah kepada satu angka baharu ini. Kesemua ini hasil kerja dan pengorbanan petugas barisan hadapan, khususnya petugas-petugas kesihatan yang bekerja tanpa mengenal erti putus asa sehingga berjuang dalam kepenatan yang amat sangat.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian elau sebanyak RM600 sebulan amatlah dihargai. Namun begitu, saya ingin menggesa pihak kerajaan untuk mempertimbangkan bagi mewujudkan pusat-pusat penginapan sementara yang selesa, khususnya buat petugas-petugas kesihatan yang terdedah kepada risiko jangkitan COVID-19 sebelum mereka dibenarkan kembali ke rumah masing-masing.

Setiap kali mereka terlibat dalam usaha merawat, mengesan dan menyaringkan pesakit-pesakit yang berpotensi dijangkiti COVID-19, mereka juga sebenarnya terdedah kepada risiko jangkitan misalnya kluster Sentosa di Kuching, Sarawak baru-baru ini yang berlaku melibatkan sebuah hospital di Kuching. Setiap petugas kesihatan dicadangkan diberikan kemudahan untuk ujian saringan dan penempatan sementara seperti di hotel, sehinggalah mereka dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengumumkan pandemik COVID-19 pada 11 Mac 2020, Kerajaan Malaysia mengambil langkah yang drastik mengumumkan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula 18 Mac. Maka ketika bermulanya PKP, hampir semua sektor ekonomi ditutup dan rakyat pula duduk di rumah, jalan-jalan lengang tanpa kenderaan dan kilang-kilang pula sunyi tanpa pekerja. Disebabkan hal ini, kadar pengangguran pula meningkat sebanyak 48 peratus. Ramai yang kehilangan pekerjaan dan ramai peniaga pula mengalami kerugian berganda dan ada juga sehingga terpaksa menutup perniagaan selama-lamanya.

Kita faham bahawa langkah ini bukan hanya Malaysia yang melaksanakannya, malah di seluruh dunia termasuk melaksanakan perintah berkurung atau *lockdown* yang lebih ketat seperti negara jiran kita di Filipina dan Indonesia. Kerajaan Malaysia telah bertindak secara rasional dan berhemah apabila mengumumkan pakej rangsangan ekonomi bagi membantu rakyat berdepan dengan impak daripada penularan wabak COVID-19 menerusi pakej PRIHATIN NASIONAL dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dengan memperkenalkan lebih daripada 80 inisiatif.

Bantuan PRIHATIN NASIONAL ini sangat disambut baik oleh rakyat daripada pelbagai latar belakang, sosioekonomi dan politik. Hal ini berikutan pakej bantuan ini sangat membantu rakyat dalam meneruskan kelangsungan hidup terutamanya kepada mereka yang kehilangan punca pendapatan akibat penutupan sektor ekonomi sepanjang PKP. Pemberian tunai sebanyak RM1600 kepada isi rumah golongan B40 ternyata melegakan mereka dan sangat memberi manfaat kepada mereka dalam berdepan dengan waktu-waktu sukar sepanjang PKP.

Maka RUU ini amat diperlukan bagi memastikan rakyat kekal terjamin dan sejahtera serta boleh dibantu menerusi peranan dan tanggungjawab kerajaan, khususnya melalui pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN dan PENJANA. Namun begitu, tidak semua berada dalam keadaan yang sama. Ada yang masih memerlukan bantuan lebih berbanding apa yang diberikan sekarang, misalannya golongan OKU dan ibu tunggal yang sukar mendapat pekerjaan ataupun golongan penganggur yang sudah kembali ke kampung masing-masing kerana penutupan operasi perniagaan majikannya.

Kerajaan masih boleh memberi perhatian terhadap isu ini dalam memastikan bantuan yang diberikan tidak bersifat alang-alang. Kerajaan boleh melanjutkan beberapa bantuan seperti PRIHATIN termasuklah moratorium kepada golongan yang masih terjejas. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga menggesa kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, lima minit sahaja, jangan terlepas.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** ...Okey, *last*. Selain itu, saya ingin menggesa kepada pihak kerajaan supaya mengadakan pemantauan kepada majikan-majikan yang diberikan subsidi upah supaya telus mengagihkan bantuan berkenaan dan dalam masa yang sama memastikan mereka tidak mengambil kesempatan sehingga menganiayai pekerja-pekerja yang jelas sekali jauh daripada maksud utama mewujudkan bantuan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, tidak ada? Yang Berhormat Machang? Tidak ada. Yang Berhormat Batu?

### 12.39 tgh.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dua orang Ahli Parlimen tidak hadir, so terus kepada saya.[Ketawa] Ada beberapa isu yang saya hendak bawa hari ini tetapi kerana kesuntukan masa, saya cuba membentangkan beberapa isu sebanyak yang boleh.

■1240

Berkaitan isu pesta makanan...

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Yang Berhormat Batu, boleh saya mencelah dulu kah? Sikit sahaja.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Saya baru mula, Yang Berhormat Kepong.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Sikit sahaja.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Silakan, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Batu, kalau Yang Berhormat Batu beri, masa masih berjalan Yang Berhormat Batu.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya hendak tanya apa tujuan RUU ini sekiranya ada Menteri di sebelah sana yang sengaja melanggar akta tentang

COVID-19. Juga Yang Berhormat Batu, patut atau tidak Dewan yang mulia ini yang mendesak Yang Berhormat Kuala Nerus untuk meletak jawatan? Terima kasih.

*[Tepuk]*

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Saya setuju dengan Ahli Parlimen Kepong dan masukkan dalam perbahasan saya.

Isu pesta makanan yang telah berlangsung baru-baru ini di Parlimen, isu udang galah. Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai pelbagai masalah yang sedang dialami oleh rakyat, isu kewangan, isu moratorium dan isu pengangguran. Ahli Parlimen tidak dapat membantu kesemua mereka kerana kita tidak mempunyai dana yang cukup bagi kawasan kami.

Ahli Parlimen kerajaan boleh menganjurkan pesta makanan di dalam Parlimen. Tempat yang sepatutnya berfungsi untuk menyelamatkan rakyat...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Kesian Yang Berhormat Batu.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** ...dari semua masalah ini tapi ada pihak ataupun Ahli-ahli Parlimen tertentu mengadakan pesta jamuan dengan menggunakan wang dari GLC yang sebenarnya duit rakyat.

Mengapa kita tidak menggunakan wang itu untuk membantu rakyat membayar kos kuarantin rakyat yang sedang melanda...

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Aku Menteri.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** ...dan ditekan oleh agensi kerajaan. Kanak-kanak berumur lima tahun dikuarantin, ibu yang menjaga kanak-kanak itu dipaksa membayar duit kuarantin untuk tinggal bersama anaknya. Nenek yang cacat penglihatan dan cucunya yang menjaga dipaksa untuk bayar kuarantin. Malah didenda RM1,000 lagi kerana masuk ke bilik lain untuk mengambil roti.

Rakyat Malaysia yang dikuarantin di Singapura tidak dapat apa-apa keistimewaan atau kelonggaran. Malah Menteri boleh tidak dikuarantin dan bayar RM1,000 kompaun sahaja. So, saya nasihatkan kepada orang yang kuarantin tidak payah bayar bayaran kuarantin RM2,100 hanya bayar RM1,000 yang akan dikompaun nanti.

**Seorang Ahli:** Betul, betul.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** *[Bangun]*

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Bukankah tanggungjawab kita untuk memastikan kebijakan rakyat terbaik? Wang yang dilaburkan ke dalam pinggan udang galah dan ketam batu itu boleh membantu ramai rakyat. Ini adalah eksloitasi GLC-GLC kita, FELDA, TNB, MARA dan RISDA. Ini semua bukan untuk kita makan...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Jangan buat tuduhan sembarangan.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** ...tetapi untuk menaikkan taraf kehidupan rakyat. Rakyat biasa kena bayar RM2,100 untuk kuarantin, *swab test* sekarang RM200 tetapi ini mungkin untuk rakyat biasa sahaja. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang kebal dan mempunyai jawatan dan kuasa di kerajaan bayar RM1,000 sahaja, *settle*.

Undang-undang mungkin untuk rakyat biasa sahaja. PDRM harus berlaku dengan izin *independent* dan tidak memberi kelonggaran kepada Ahli Parlimen ataupun parti politik. Undang-undang adalah untuk semua seperti yang termaktub dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Hak terhadap layanan secara sama rata di sisi undang-undang dengan tujuan untuk menegakkan keadilan hak asasi manusia.

Menteri atau mana-mana ahli politik yang melanggar SOP COVID-19 harus melalui proses yang sama. Tiada imuniti atau kelonggaran dalam isu ini. Pihak Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) harus mengambil inisiatif untuk menjelaskan kelonggaran ke atas seorang Menteri. Semua agensi yang bertanggungjawab harus memberitahu rakyat tentang kelonggaran SOP untuk ahli politik, dengan juga kepada Menteri yang melanggar SOP.

Kita ada satu isu baru-baru ini yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Kepong yang seorang penduduk yang dikuarantin tidak dapat layanan di mana beliau tidak dapat berjumpa dengan isterinya yang sakit di hospital. Akan tetapi, Menteri boleh bayar kompaun tidak perlu jalankan kuarantin. Apa masalah dengan undang-undang di negara ini? Saya ingin tanya. Ada Menteri yang hisap vape dalam Parlimen, ada yang melanggar undang-undang dan saya setuju dengan Ahli Parlimen Kepong, mereka perlu meletakkan jawatan dengan segera. Itu sahaja daripada saya sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Baling, lima minit sahaja.

#### 12.45 tgh. hari

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)).

Saya hendak terus kepada hujah saya, apa yang telah dilakukan oleh Menteri Kewangan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Pagoh pada hari ini. Saya hendak ucapkan syabas dan tahniah.

Di antara perkara dalam RM45 bilion, kalau kita tengok dalam *bill* ini yang telah diberi keutamaan kepada Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan, Pengambilan Pekerjaan dan Bantuan Latihan, pinjaman mikro untuk TEKUN Nasional, Bank Simpanan Nasional, elaun COVID-19 bagi barisan hadapan RM600 juta dan seterusnya bagi tambahan Bantuan Sara Hidup iaitu RM300 juta, RM160 juta untuk bas sekolah, untuk pemandu teksi, pemandu pelancong dan pengayuh beca. Kalau kita tengok dalam ini ada 31 — Sokongan Penjagaan Kanak-kanak (PEKA) bawah B40, geran bagi pusat jagaan kanak-kanak dan tabika. Ini semua ini RM45 bilion yang telah dinyatakan ini saya tengok tidak ada sama sekali untuk orang kaya. Ini semua adalah untuk orang miskin.

Apatah lagi bila baru-baru ini dalam perbahasan Yang Berhormat Bagan telah menyatakan, ini *Hansard* nya yang telah nyata tertera di sini bahawa iaitu Tuan Lim Guan Eng, Yang Berhormat Bagan menyatakan bahawa mereka akan menolak rang undang-undang ini sekiranya tidak diberikan pinjaman sebanyak RM90 bilion. [Merujuk kepada *Hansard*] Mereka minta kerajaan ambil RM90 bilion. Walhal pada hari ini kerajaan telah memikirkan bagaimana untuk membantu rakyat dalam fasa pertama ini sekadar RM45 bilion sudah mencukupi.

Kalau kita tengok baru-baru ini juga, bila mana mereka menolak Rang Undang-undang Kewangan yang terbaru ini iaitu di mana 106 orang wakil rakyat sebelah sana telah menolak dan apabila Yang Berhormat Langkawi bangun telah menyatakan akan tidak akan setuju kerana Rang undang-undang Penguntukan Semula Peruntukan Bekalan 2020 ini telah ditolak. Ini lagi sekali menunjukkan bahawa mereka tidak sama sekali apa yang dicakap dulu tidak dibuat dan sekarang ini sudah berlainan.

Kalau Tuan Yang di-Pertua tengok, apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan terdahulu iaitu Yang Berhormat Bagan, “*Rakyat perlu berkorban, tiada istilah wang percuma.*” [Sambil menunjukkan senaskah dokumen] Ini telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Bagan waktu itu Menteri Kewangan pada tarikh 9 September 2018. Pada masa yang sama bila mana beliau sudah tidak menjadi kerajaan, menjadi pembangkang iaitu pada 20 Ogos baru-baru ini Yang Berhormat Lim Guan Eng iaitu bekas Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat Bagan telah menyatakan “*Kerajaan jangan kedekut.*” [Sambil menunjukkan senaskah dokumen]

Maknanya kata ini dua perkara yang berbeza yang mana telah beliau katakan dan kalau kita tengok dalam— Yang ini memang *confirm* dengan izin *double standard*. Jadi, saya menyatakan di sini sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan di bawah kepimpinan Yang Berhormat Pagoh dan juga Menterinya seorang bekas pengarah urusan kumpulan CIMB yang kita tengok sentiasa keluar, masuk, keluar, masuk media antarabangsa sebelum menjadi Menteri Kewangan yang ada nama yang begitu baik, anak Melayu yang terbilang yang telah melaksanakan tanggungjawab beliau sebagai seorang pengarah urusan kumpulan. Kalau kita banding dengan Menteri Kewangan yang dulu keluar, masuk, keluar, masuk kes banglo dan sebagainya, masuk penjara keluar, masuk. Jadi inilah perbezaan.

Jadi saya hendak menyatakan di sini— Masa yang diberikan terlalu singkat kepada saya. Saya ingin menyatakan kepada rakyat semua, rakyat semua kena fikirkan apa yang dibentangkan oleh kerajaan pada hari ini dalam rang undang-undang yang kali ini RM45 bilion hanyalah untuk membantu rakyat. Jadi dalam Dewan yang mulia ini, Baling menyatakan kami menyokong penuh rang undang-undang, *bill* ini untuk sokongan RM45 bilion.

Sekiranya pembangkang tolak, saya merayu kepada seluruh rakyat khususnya pengundi-pengundi di Slim pada hari ini tolak pembangkang, tolak Pakatan Harapan dan PRU...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tolak Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...yang akan datang pun tolak mereka sebab ini satu perkara yang baik yang mana kita sendiri ingat, ini satu perkara yang tidak pernah kita ada pengalaman.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak cukup kuorum kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita tidak ada pengalaman yang mana rang undang-undang ini pada hari ini kalau kita tengok...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Takut belah bahagi kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...COVID-19 ini kita ini tidak pernah ada satu pengalaman pun dalam hidup kita ini semua orang terkejut malah satu dunia sedang gubal kaedah kewangan mereka untuk membantu rakyat.

■1250

Jadi, kalau kita tengok apa yang sedang berlaku dalam negara kita, inilah satu perkara yang bertepatan yang telah diambil oleh Menteri Kewangan dan telah berbincang dengan Kabinet untuk memutuskan kita hendak pinjam RM45 bilion. Bukan bon samurai, bukan bon mana-mana. Pinjaman dalam negara kepada agensi-agensi yang ada dan pinjaman pula dengan wang ringgit Malaysia. Bukannya wang yen atau wang lain-lain.

Jadi, ini satu kaedah yang saya fikir terbaik dan saya hendak beritahu lagi sekali, kalau Pakatan Harapan seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat Bagan baru-baru ini, mereka bertanya saya ada dalam Dewan ini sepenuh masa. Beliau tanya bilakah mahu undi? Dia kata hari Isnin, maknanya kita akan tolak kalau tidak bagi RM90 bilion. Saya rasa Yang Berhormat Menteri Kewangan, kalau sudah fikir RM45 bilion ini cukup, sudah.

Jangan dengar cakap mereka kalau mereka tolak *bill* ini, kalau mereka tolak Rang Undang-undang untuk membantu membela rakyat Malaysia dalam khususnya khas berkaitan dengan COVID-19, saya merayu, saya menyeru seluruh rakyat pengundi di luar sana tolak Pakatan Harapan dalam masa pilihan raya yang kecil, malah pilihan raya yang akan datang. Tolak mereka. Mereka tidak patut berada dalam Dewan yang mulia ini, apabila kita sedang berdepan berperang dengan isu COVID-19 yang tidak ada sempadan, tidak ada sempadan politik dan nyawa. Ini adalah nyawa rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu cakap fasal udang galah, saya tak mahu cakap fasal orang itu orang ini, saya khusus kan...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Dah makan udang galah, tak mengaku kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Berkaitan dengan menyabung nyawa, inilah nyawa rakyat. Ini yang telah *viral*...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Masa dah habis, masa dah habis.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Berkaitan dengan cikgu tabika dan mereka di bawah golongan B40.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Baling sudah COVID-19 lah, balik jaga Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya kalau berani, tolak *bill* ini. Kalau berani tolak. Kalau tolak, saya minta rakyat semua tolak Pakatan Harapan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Kamu yang takut sudah bagi. Jangan hendak cabar lah Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Baling menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Jangan main-main pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Sekarang ini saya jemput ya dalam senarai Yang Berhormat Arau yang diberi 20 minit oleh Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi disebabkan oleh dah tolak pada Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Arau ada 15 minit. Silakan Yang Berhormat Arau. Ini Tuan Yang di-Pertua, bukan Timbalan Yang di-Pertua yang putus ya, silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pihak pembangkang Yang Berhormat Bagan dapat 20 minit jadi dia bagi sama, kerajaan 20 minit. Akan tetapi sekarang saya demi rakyat, demi kawan-kawan saya kurangkan lima minit untuk membolehkan kawan-kawan yang lain untuk berucap selepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi kepada ucapan yang berikutnya ialah persoalan yang saya hendak timbul pada kerajaan. Apakah kerajaan sekarang ini dalam rang undang-undang ini kita diminta naikkan statutori hutang daripada 55 peratus kepada 60 peratus. Jadi persoalan daripada KDNK, apakah kerajaan berhasrat tinggi untuk menurunkan balik ke tahap 55 peratus dan ini merupakan satu keberuntungan kepada negara.

Keduanya, saya hendak tanya kenapa kerajaan batalkan bon samurai? Kenapa Timbalan Menteri Kewangan, batalkan bon samurai? Ini sebab samurai ini adalah merupakan impian dan juga pemikiran daripada pihak PH, pergi pinjam bon samurai. Kalau kita mendapat angka yang kita dapat ialah lebih kurang RM130 bilion. Berapakah faedahnya dan sekarang ini bila kerajaan meminjam daripada pihak tempatan, apakah keberuntungannya? Sekarang ini kerajaan tidak pergi, tidak meminjam dengan bon samurai tetapi meminjam dengan pihak tempatan.

Pada pandangan rakyat biasa, pemikirannya mudah. Kalau pinjam bon samurai, semua faedah dibayar di luar negara, luar negaralah untung, bank mereka untung. Akan tetapi kalau pinjam di pihak tempatan, faedah yang dibayar bank tempatan untung, akan tetapi dia akan menyemarakkan ekonomi tempatan. Itu dia perbezaan yang kita nampak. Kita hendak tanya, kenapa dibatalkan bon samurai dan sebaliknya ditukar pinjaman kepada tempatan.

Saya juga hendak cadangkan, kenapa seperti yang kawan-kawan saya sebut tadi, kenapa moratorium ini tidak dibuat secara automatik? Buat secara automatik lagi enam bulan untuk sambungkan moratorium sebab ini merupakan kesan kepada rakyat pada keseluruhannya. Pertama sekali ialah beberapa ucapan retorik yang dibawa oleh pihak pembangkang yang saya percaya kerajaan tidak sempat untuk menjawabnya. Saya hendak beritahu ini ialah kenyataan retorik, terutama Ahli Parlimen yang berumur 24 ke 25 tahun, saya tak pasti.

Saya hendak beritahu kepada rakyat Malaysia, kepada pegawai kerajaan, saya bekas pegawai kerajaan, sebagai bekas PTD kita bertungkus-lumus bertahun-tahun untuk naik pangkat, barisan hadapan. Ya lah mereka yang tidak, bukan semua yang berpangkat tinggi, akan tetapi barisan hadapan ialah anggota kerajaan dan juga lain-lain yang memberi jasa mereka kepada rakyat demi untuk menyelamatkan rakyat.

Akan tetapi, Ahli Parlimen kalau dibandingkan dengan pegawai kerajaan, kita tengok gaji Ahli Parlimen dulu gaji Ahli Parlimen di tahap tangga lebih kurang bersamaan M54. Akan tetapi sekarang gaji Ahli Parlimen sudah berada di tahap campur dengan elaun hampir JUSA A. JUSA A, pegawai kerajaan umur 55 tahun, 60 tahun pun tidak dapat JUSA A. Mungkin JUSA B, mungkin JUSA C merangkak-rangkak untuk naik. Akan tetapi Ahli Parlimen berumur 24 tahun, contoh bahagian pembangkang yang muda-muda itu saya ingat kalau mereka kerja dengan kerajaan, saya ingat baru M44 ataupun M41, tetapi sekarang sudah jadi JUSA A.

Bercakap fasal udang galah iaitu, ingat bahawa, dia kalau dia hendak kerja kerajaan, M41 pun belum dapat lagi. Akan tetapi sekarang dia sudah bertaraf JUSA A. Isytiharkan di Parlimen ini bahawa pihak pembangkang bersetuju untuk memberi sekurang-kurangnya 30 peratus daripada gaji mereka kepada rakyat, isytihar macam itu. Saya sanggup isytihar bagi 30 peratus kepada rakyat supaya rakyat nampak pengorbanan kita bukan cakap secara retorik. Ini retorik, cakap udang galah dan sebagainya tetapi dia lupa bahawa dia gajinya ataupun campur dengan elaun bertaraf JUSA A. Kena ingat itu, pegawai-pegawai kerajaan dan rakyat kena nampak perkara itu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Arau, apa masalah udang galah ini? Yang Berhormat Arau, apa masalahnya? Udang galah-udang galah itu apa masalahnya?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, udang galah sepatutnya Yang Berhormat Pasir Salak fasal Yang Berhormat Batu tanya tadi. Saya pun tak tahu fasal udang galah iaitu, sebab apa yang dimaksudkan udang galah...

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Maksudnya memang ada makanlah udang galah itu?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pembangkang ini, dia sebut udang galah, udang galah apa masalahnya? *Why? What is the problem?* Dengan izin.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Kalau guna duit rakyat, itulah masalahnya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya juga mencadangkan supaya Menteri-menteri potong sebulan gaji...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Gaji kau orang tu bukan guna duit rakyat?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ahli Parlimen potong sebulan gaji.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini yang dia orang ini cakap hebat sangat bukan guna duit rakyat ke sana ke mari?

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Jadi mengakulah guna duit rakyat makan udang galah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Masukkan rasa sanubari asma ramah Yang Berhormat Pasir Salak sebahagian daripada ucapan saya ya. Akan tetapi saya hendak beritahu isytiharkan hari ini, bawa Ahli Parlimen potong sebulan gaji. Tadi saya sebut 30 peratus, tetapi ada kawan-kawan saya berbisik sekurang-kurangnya sebulan, Yang Berhormat Menteri dua bulan. Jadi dengan itu, kita nampak pengorbanan terus kita kepada rakyat untuk kita bagi kepada rakyat. Itu yang terbaik, bukan kompelin tentang apa yang orang belanja.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi, isytiharkan diri kita untuk menyumbang sebanyak 10 peratus. Hai! Tak banyak masa ya.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Minta laluan, Yang Berhormat Tanjong Malim. Boleh?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** 20 second.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Arau. Arau tadi saya setuju sebab Yang Berhormat Arau ini memang prihatin kepada rakyat hendak selamatkan rakyat dan lain-lain. Akan tetapi apa pandangan Yang Berhormat Arau yang ada Yang Berhormat Menteri Kuala Nerus dia tidak menghiraukan, tidak mempedulikan keselamatan bukan sahaja Ahli Parlimen, tetapi juga pegawai-pegawai Parlimen, bentara-bentara masuk ke Parlimen tanpa menjalankan SOP kuarantin walaupun dia sudah pergi ke Turki.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Masuk istana, sekali istana.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang di-Pertuan Agong pun.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang di-Pertuan Agong pun dia tak peduli.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** 20 second already?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Sudah sudah. So, apa pandangan Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pandangan Yang Berhormat Arau cukup mudah. Ini sebab telah pun melalui proses undang-undang. Kita ikut undang-undang tidak ada masalah. Akan tetapi untuk kita menambah cerita, saya ingat tak baik. Kita kena ingat, kita menambah cerita bagi seseorang, orang hendak tambah cerita kepada kita pun banyak mereka boleh tambah cerita.

Biar undang-undang tentukan bukan kita menambah cerita, sebab kurang manis ya. Ini sebab Yang Berhormat Tanjong Malim kena ingat, cerita-cerita yang disebarluaskan melalui sosial media itu banyak ya. Kita akan bincang kemudian, saya tak sempat benda itu. Okey, saya akan bincang di bawah Rang Undang-undang MKN sekejap lagi ya.

Keduanya ialah, Yang Berhormat Bagan dengan Yang Berhormat Port Dickson minta suruh tambah RM90 bilion. Tidak apalah, sebab ini ucapan dalam bentuk kita minta kepada orang. Akan tetapi apa yang Pakatan Harapan buat semasa COVID-19 melanda negara? Kita

tahu tahun 2019 dapat RM30 dengan segala bentuk hutang dan cerita-cerita dongeng yang dibawa tentang masalah negara.

Akan tetapi dua bulan setelah mereka diambil alih oleh kerajaan Perikatan Nasional sekarang, apa mereka buat dua bulan? Malah Yang Berhormat Menteri Pelancongan pada masa tersebut berkata, mana sahabat saya daripada Warisan? Dia kata ini pelancong sihat sahaja datang, pelancong tidak sihat tidak datang. Jadi kita buat satu telahan yang tidak menggambarkan kematangan mentadbir negara. COVID-19 sudah melanda dunia, COVID-19 sudah melanda negara. Kalau sekiranya PH sebenarnya takdir yang telah berlaku, kalau—sewajarnya PH patut buat ambil apa-apa tindakan yang sesuai daripada bulan Januari untuk menyelesaikan masalah COVID-19.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Arau, minta sikit Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bila kami kerajaan PN ambil alih saya ucap tahniah, Yang Amat Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan semua pihak kerajaan yang telah memperkenankan rang undang-undang ini untuk menyelamatkan negara dalam masa yang sama, menangani masalah COVID-19. Jadi kita ucap terima kasih dan tahniah kerana mereka telah menyelamatkan negara.

Kita kena ingat menangani COVID-19 bukan sahaja untuk menyelesaikan masalah pandemik itu sendiri, tetapi orang, rakyat Malaysia itu sendiri kita kena selesaikan masalah mereka. Jadi saya ucap tahniah, dan saya hendak tanya beberapa soalan di sini berhubung 31 inisiatif yang telah dijalankan. Pertama berhubung dengan subsidi upah sebanyak RM16.8 bilion ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat hendak sambung sekarang ini ke hendak datang balik jam 2.30 petang?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Arau hendak sambung kah hendak berhenti sekarang?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa itu 2.30 petang?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Habiskan, habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Kalau 2.30 petang, Yang Berhormat sambung lagi lima minit lebih. Kalau tidak...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bagi saya 2.30 petang, enam minit fasal Yang Berhormat ganggu saya tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Jadi kita sambung ya?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Okey, Ahli Yang Berhormat, memandangkan sekarang jam telah menunjukkan lebih 1 tengah hari, saya menangguhkan mesyuarat sekarang dan akan bersambung semula jam 2.30 petang dengan Yang Berhormat Arau ya.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]*

■1430

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Tuan Yang di-Pertua, belum cukup kuorum.

Tuan Yang di-Pertua, belum cukup kuorum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Assalamualaikum semua. Bentara, tolong kira kuorum.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya datang hendak menyokong Yang Berhormat Arau, mendengar. Saya datang daripada Pulau Pinang ini tetapi tiba-tiba datang, tidak ada kuorum. Kenapa macam itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, kita bunyi loceng lagi satu kali.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak ada sesiapa berminat dengar Yang Berhormat Arau berucap kah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Arau, Kangar ada sini untuk sokong, sama-sama Perlis ini.

*[Ahli-ahli dikira]*

*[26 orang Ahli hadir]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Assalamualaikum semua, selamat tengah hari. Kuorum sudah cukup, jadi saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Arau untuk meneruskan ucapan Yang Berhormat, lima minit 13 saat.

**2.34 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa khabar rakyat Malaysia, orang-orang muda semua. Pertama sekali, saya sambung ucapan tadi. Saya sebutkan tadi bahawa terdapat dua cadangan daripada PH iaitu daripada Yang Berhormat Bagan dan juga Yang Berhormat Port Dickson. Cumanya yang menghairankan kita ialah kenapa mereka tolak Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2020 dan hari ini mereka menyokong. Bagus, *alhamdulillah* mereka menyokong. Akan tetapi kita hendak tengok nantilah sokongan mereka di tahap mana. Akan tetapi dalam masa yang sama mereka menyokong supaya dinaikkan daripada RM45 bilion kepada RM90 bilion. Saya rasa kalau mereka hendak tengok dari segi angka, tengok betul-betul. Kita hendak naikkan *statutory* daripada RM55 bilion kepada RM60 bilion. Kalau RM90 bilion, berapa? Akan tetapi yang kita *concern* sekarang ini ialah sumber kewangan yang kita dapat, kesan daripada pinjaman yang kita buat.

Kita kena tengok yang itu dulu, di tahap itu. Jadi, saya cadangkan supaya kerajaan perhatikan betul-betul. Oleh sebab perbelanjaan ini adalah perbelanjaan yang luar biasa. Akan tetapi kemampuan kerajaan untuk mencari sumber kewangan itu yang kita harus tabik. Rakyat

Malaysia harus tabik. Ahli-ahli Yang Berhormat, pembangkang baru 22 bulan RM30, tetapi kita dalam masa tidak sampai empat bulan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** RM30.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** RM30 kenapa? RM30 ya tetapi kita...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** RM30 pun duit juga.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita telah berjaya untuk secara terusnya berbelanja RM45 bilion dan jumlah semua adalah RM295 bilion. Jadi, yang ini kita hendak ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan. Saya hendak minta pembangkang, beramai-ramai kita menyokong kerana kehebatan pihak kerajaan untuk mengendalikan masalah pandemik dan juga masalah rakyat yang dibuat dengan sekali gus. Jadi, kita akan sokong beramai-ramai rang undang-undang tersebut. Saya hendak sebut satu benda, yang ini kena ambil perhatian. Oleh sebab hari itu semasa saya berucap, saya baru balik daripada Chini. Hari ini saya berucap, saya baru balik daripada Slim, di mana kita melihat peneroka-peneroka sawit di sana menceritakan kepada saya bahawa mereka bersyukur kerana harga sawit sekarang sudah mencapai RM580 satu tan.

Sebelum ini semasa PH, jatuh sampai RM200 satu tan. Sampai Menteri kelam kabut hendak tebang semua sawit, tanam buluh. Jadi panik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi kita bersyukur...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Kerajaan sekarang berjaya... *[Tidak jelas]*.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Minum sawit lagi, itu sawit *kasi* minum.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Arau, you cakap macam orang kampunglah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bagi laluanlah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Orang kampung pun tahu yang harga sawit...  
*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, kita tahu bahawa hasil daripada sawit yang meningkat dan dalam masa yang sama hasil sawit itu meningkat. Dulu hasil sawit hendak dapatkan satu bulan sekali pun susah tetapi sekarang sudah naik dua kali, kadang-kadang dua setengah kali. Ini menunjukkan Allah telah tolong kita. Allah bagi hasil sawit naik, harga naik. Dulu masa PH, harga jatuh, hasil kurang. Itu sebab kalau tidak mana boleh Menteri keluar fikiran untuk tanam buluh.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan isu peraturan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Menteri ada sini sekarang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, sikit boleh?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Isu peraturan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akhir sekali.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya bangkitkan isu peraturan 36(12).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kenyataan yang mengelirukan Dewan, menyatakan bahawa harga sawit telah jatuh ketika kita perintah. Menteri-menteri kanan tanyalah Yang Berhormat Gombak, dia ada di sana. Siapa yang menjaga isu-isu kelapa sawit yang juga terlibat? Menteri Ekonomi masa itu siapa?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Arau, sikit Yang Berhormat Arau. Baling, Yang Berhormat Arau.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Petualang-petualang itu ada di sebelah sana!

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Arau.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, yang mana mengelirukan itu?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia terkeliru, yang keliru, Yang Berhormat Jelutong yang terkeliru, bukan...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sudahlah Yang Berhormat Baling, duduklah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Arau.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kamu pencuri, orang tahu!

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bapa awak punya duit kah saya curi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Duduklah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau ambil duit cakaplah. Kalau bapak awak punya duit saya curi, awak cakap sekarang! Ada saya curi duit bapak awak?

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan mikrofon]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila duduk. Sila duduk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya, yang mana yang mengelirukan itu?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekarang masa saya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kenyataan Yang Berhormat Arau yang menyatakan bahawa harga sawit jatuh, Kerajaan PH yang bertanggungjawab. Itu adalah mengelirukan Dewan. Ketika itu Menteri-menteri di sebelah sini duduk di sebelah sana. Tanya Yang Berhormat Gombak, tanya Yang Berhormat Ampang.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Peraturan mesyuarat sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk. Boleh saya bercakap? Saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Arau itu bahawa harga sawit jatuh memang jatuh dan ketika itu Pakatan Harapan menjadi kerajaan. Itu soal interpretasilah. Silakan Yang Berhormat Arau. Teruskan, sebenarnya sudah tamat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Arau, bagi Baling sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya sudah tamat. Dua minit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Masa saya ada dua minit.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Arau, 20 saat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akhir sekali, kita— 31 inisiatif ini saya menyokong Program Subsidi Upah, insentif pengekalan pekerja dan lain-lain lagi. Ini menolong rakyat Malaysia. Terima kasih kerajaan, tidak buang kerja tetapi menolong bagi upah kepada pekerja-pekerja seperti yang telah disebutkan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Arau, Baling sikit sahaja, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Keduanya, Bantuan Prihatin Nasional. Jadi, kita bersyukur, saya sebut sekali lagi, bekas ARMADA dulu dapat RM30. Sekarang RM1,600. Atas pendapatan RM4,000, dapat RM1,000. Orang muda dapat sebanyak RM800.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yalah, Yang Berhormat Pekan sudah balun RM42 juta.

■1440

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong, tolong, tolong. Yang Berhormat, tolong. Tinggal lagi satu minit 18 saat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tidak boleh bagi ini... *[Perkataan kurang jelas]* Soalan ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini harga minyak sawit mentah melonjak naik ini, ada laporan ini. *[Sambil menunjukkan dokumen yang dipegang]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akhir sekali, ini projek berskala kecil RM4 bilion. Saya hendak beritahu bahawa dahulu semasa kegawatan ekonomi di peringkat awal tahun 2000 dahulu, kerajaan telah memperkenalkan program yang dipanggil *pre-emptive*. Mungkin semua ini belum ada yang belum menjadi Ahli Parlimen lagi. *Pre-emptive* ini ialah pendekatan untuk menolong kontraktor-kontraktor kecil. Hasil daripada digahkan, sekarang ini masalahnya kita bagi RM4 bilion tetapi kita tidak gahkan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akhirnya dia tidak mendapat rangsangan ekonomi. Sesuatu benda itu kalau digahkan macam kita sebut, *"Ada pasar malam di Kangar"*, digahkan. Jadi Ahli Parlimen Kangar pun tidak pergi, saya yang pergi. *[Dewan ketawa]* Ada pasar malam di Arau, saya yang pergilah, jadi sebagai contoh. Contoh kita gahkan menyebabkan orang ramai datang berpusu-pusu, terangsanglah pasar malam tersebut. Itulah dipanggil ekonomi.

Jadi RM4 bilion ini kita bagi dengan cara diam-diam. Sekarang ini kita hendak umumkan bahawa semua G1 sehingga G3 diberi projek seperti berikut, kita gahkan. Kita tidak sembunyi lagi dan kita beritahu sekarang ini banyak yang sudah dapat tetapi yang belum dapat lagi kita gahkan. Bila kita gahkan, ekonomi ini akan terangsang, akan wujud perniagaan-perniagaan seperti goreng pisang dan sebagainya.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dua second, dua second.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Adakah Yang Berhormat Arau bersetuju dengan pihak yang berani untuk mempertahankan bermati-matian Yang Berhormat Menteri Dato' Dr. Mohd Khairuddin apabila dia tidak mengikut perintah kuarantin tetapi dia dilihat sebagai penyelamat kerana bila dia pergi ke Turki, dia telah membawa pulang... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia penyelamat, dia bawa balik RM82 bilion.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Itu... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya, betul.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sudahlah, Yang Berhormat Baling.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya hendak beritahu...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Harga minyak sawit...  
*[Dewan riuh]*

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sudahlah Yang Berhormat Baling. Kamulah— bukan pencuri.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jangan jadi budak-budak kecil. Tidak ada budak kecil dekat Dewan ini. Dia sudah bayar denda sudah. Apalagi masalah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Jawab bahawa ini sudah melibatkan undang-undang, kita ikut proses undang-undang. Dia telah membuat sesuatu yang terbaik bukan sahaja kepada negara.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mahkamah sudah jatuh hukum, bayar denda RM1,000 sudahlah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau dahulu sawit tidak boleh jual tetapi dia berjaya gerakkan sawit.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan. Itu bukan *official trip, that is a private trip* oleh Menteri itu. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** No, itu *official*. Mana *you tahu? You hantar ejen kah pergi check? You mana tahu.*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau, tolong tamatkan perbahasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya akan tamatkan perbahasan saya yang hebat ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Untuk menyokong dengan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Seputeh sekarang ejen, orang pergi keluar pun *you tahu*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Menyokong dengan sepenuhnya...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Seputeh mahu suruh orang minum itu kelapa sawit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya ucap terima kasih kerana kerajaan telah menyelesaikan seramai—mereka yang balik dari luar negara yang diproses kuarantin wajib dan lain-lain lagi. Mereka telah diletakkan di 57 hotel di Kuala Lumpur dan lain-lain lagi. Jadi terima kasih kepada NADMA, MKN, Kementerian Kesihatan, APM, polis, kerajaan negeri, bomba dan juga JKKK dan semua sekali yang terlibat termasuk yang paling penting adalah rakyat jelata. Rakyat jelata patuh pada SOP. Kalau kita buat undang-undang mereka tidak patuh tidak ini—itu sebab negeri lain lingkup 'pahana' dalam bahasa Perlis.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kecuali Menterilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa ini, amoi cakap apa ini? *[Dewan riuh]*  
Kecuali bekas Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Termasuk Menteri atau tidak?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Termasuk Menteri atau tidak, SOP ini?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kepada semua. Kalau sekiranya orang itu sudah pun melanggar undang-undang, kita ikut proses undang-undang. Kenapa kita cakap macam itu secara terbuka, membincangkan sesuatu yang menimbulkan syak-wasangka kepada orang.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu boleh ....

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi sekali lagi saya ucap terima kasih. Tahniah kepada kerajaan. Tahniah kepada rakyat Malaysia. Tahniah kepada semua pihak dan marilah kita sokong rang undang-undang ini dengan sebulat suara kalau boleh. Kalau sekiranya Yang Berhormat tidak mahu sokong, boleh keluar masa itu sekejap, selepas itu masuk balik. Walau bagaimanapun, tunjukkan kehebatan kita dengan menyokong sesuatu untuk rakyat. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. *Waalaikumussalam.* Saya mempersilakan Yang Berhormat Muar seterusnya.

#### 2.44 ptg.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak terus menjawab...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Mahu tubuh parti baharu.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** ...Beberapa persoalan yang agak mustahaklah. Pertama sekali berkenaan undang-undang dua darjah. Saya rasa realitinya ia betul-betul dua darjah. Ya, memang dia bayar denda RM1,000 tetapi kita sudah lupakah dua bulan yang lepas Menteri mengeluarkan kenyataan, Menteri Kanan, "*Tidak ada lagi kompaun sahaja, terus diheret ke mahkamah*".

Kenapa apabila rakyat biasa, anak muda yang pakai *mask* hanya letak dekat dagu boleh didenda RM1,000? Makcik, orang tua ya berumur 72 tahun kerana tidak ikut perintah kuarantin kena bayar denda RM12,000 sampai di penjara lima bulan. Kenapa berlainan? Kenapa tidak ada denda RM1,000? Kenapa ada perbezaan daripada segi pelaksanaan undang-undang? Jangan hendak menipu kata ini atas urusan rasmi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** You kena tanya dahulu apa masalah dia, kena penjara.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Kalau atas urusan rasmi...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Baling, Baling hendak cakap Yang Berhormat.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Perlu ada— Eh! Kita dahulu dalam kerajaan juga, perlu bentangkan Kertas Kabinet, perlu dapatkan kebenaran dari Kabinet. Kebenaran daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apa yang jelas ini merupakan *personal visit*, satu keluarga ikut sekali. *[Dewan riuh]* So, jangan hendak tipu dalam Dewan sebab...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, boleh bagi Baling sedikit?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat, keluarga itu sudah kena kompaun belum?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Bagaimana untuk pastikan...  
*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, boleh bagi Baling sedikit tidak?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kamu keluar itu hari bawa...

*[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Yang Berhormat Muar tidak beri laluan. Jadi maaf, tolong teruskan, tolong teruskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya? Lepas habis berucap...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Ya, sekejap, sekejap.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Selepas Yang Berhormat Arau, Baling sedikit. *[Dewan riuh]*

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** So, yang jelas di sini memang pelaksanaan undang-undang ada perbezaannya. Tolonglah, jangan hendak pertahankan benda yang salah. Ketua Pemuda UMNO pun tidak hendak pertahankan, ada banyak yang lain tidak pertahankan. Ada sampai suruh letak jawatan, ini boleh kata dia bawa RM82 bilion fasal pelaburan kelapa sawit. Jangan menipu kerana kalau kita menipu dalam bab ini, rakyat di luar sana hilang hormat kepada kita punya khidmat dalam Dewan ini.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, tidak ada menipu, tidak ada menipu, Yang Berhormat. Yang Berhormat ingat ya, Yang Berhormat saya— Dengar.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Arau dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Mic, mic.* Speaker kena berlaku adillah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, kena siasat, Yang Berhormat. Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong, tolong. Yang Berhormat Muar tidak bagi laluan. Dipersilakan Yang Berhormat Muar.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, cerita dua darjah. Apakah Yang Berhormat sedar masa PH dahulu... *[Tepuk]* Kes Yang Berhormat Bagan ditarik balik, kes kami yang belum menentu lagi diheboh-hebohkan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ha! Jawablah, itu undang-undang sendiri kah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Itu satu, dua... *[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, maaf, maaf semua. Yang Berhormat, sebenarnya kita sekarang ini tengah memperbahaskan undang-undang *temporary measure* COVID-19, jadi kita perbahaskan lah dasar undang-undang ini. Fasal yang pergi Turki semua itu tidak ada kenamengaun pun dengan dasar... *[Dewan riuh]* Dasar atau merit, dasar atau merit rang undang-undang ini.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi marilah kita tumpukan kepada rang undang-undang ini sebab masa pun tidak banyak. Ya, silakan Yang Berhormat Muar.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya perlu bangkitkan isu ini kerana ia dibangkitkan oleh beberapa ahli yang berkhidmat yang membangkitkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tetapi boleh tidak kita pergi kepada merit atau...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia tidak fahamlah, dia tidak fahamlah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, saya ada peraturan mesyuarat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Belajar dahulu kalau tidak faham.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, saya ada peraturan mesyuarat. Sila bagi saya laluan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** ...Panjat pagarlah, panjat pagar.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih. Peraturan Mesyuarat 36(12) mengelirukan kenyataan. Saya menyatakan di sini kepada Yang Berhormat Muar, saya tidak kata Yang Berhormat Menteri pergi ke Turki dapat RM82 bilion dan sebagainya. Saya menyatakan kenyataan nilai dagangan yang beliau telah bekerja selama ini memberikan keuntungan kepada negara berbanding dengan Pakatan Harapan. *[Dewan riuh]* Saya juga ingin menyatakan bahawa baru-baru ini kenyataan...

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]:** Ini soal peraturan Dewan, abuse of peraturan Dewan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** No, 20 Julai negara dapat RM2.7 bilion. *[Tepuk]* RM2.7 bilion khas untuk melonjak kelapa sawit ini. Apa yang Yang Berhormat Langkawi gaduh dengan Pakistan, India, China, semua sudah mula beli. Jadi jangan kata saya kata RM82 bilion...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Alright, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita sudah tinggal lagi 10 minit. Sila ke dasar, sila ke dasar. Yang Berhormat Jelutong, tolong, ampun-ampun. Yang Berhormat Muar, sila ke dasar rang undang-undang COVID-19.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Isu kedua yang saya mahu bangkitkan, sambil kita bincangkan tentang belanjawan COVID-19, isu pelaksanaan adalah perkara yang perlu dititikberatkan juga. Sebelum ini banyak yang berkhidmat membincangkan soal pelantikan yang berlaku dalam GLCs. Ini penting kerana apabila duit disalurkan tetapi *in term of governance*, kalau ada isu, akhirnya bermasalah juga.

#### ■1450

Sebelum ini saya ingat Yang Berhormat Arau juga pernah bangkitkan bahawa bawah Pakatan Harapan banyak lantikan politik di GLC. Saya semak ada dalam 50 lebih GLC di Malaysia dan tidak ada seorang pun bawah pemerintahan Pakatan Harapan yang dilantik sebagai pengurus. Agensi berlainan. Akan tetapi, bawah kerajaan pada hari ini, saya boleh namakan satu persatu. Daripada Telekom Malaysia, TNB, MARA, FELCRA...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa kena-mengena sama COVID-19 punya *bill* ini? Apa kena mengena? Berapa kali sudah bahas? Pun tak pernah habis. Nak politikkan kah?

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Muar, saya sebenarnya memberi kelonggaran kepada Yang Berhormat Muar untuk membangkitkan perkara-perkara yang tidak ada kena-mengena dengan dasar rang undang-undang ini. Implementasinya saya faham. Sila juruskan kepada implementasi Rang Undang-undang COVID-19 ini ya.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Itu dua perkara.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, 22 bulan jadi Menteri dah jumpa RM250,000 dalam rumah. SPRM pun belum bawa pergi mahkamah lagi. Hendak cakap fasal integriti.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tidak habis ini. Tidak habis. Dua minit. Dasar.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Cermin muka dululah. Cermin muka dulu Yang Berhormat sebelum bercakap.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Tidak perlu tarik balik kerana saya bukan seperti Yang Berhormat Baling. Saya tidak takut. Saya isytiharkan aset. Ibu bapa isytihar aset. Satu keluarga isytihar aset. Dan sampai hari ini...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak apa, kita tunggu.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Kita biar SPRM lakukan siasatan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Masuk ASB itu akaun mana, duit mana, sikit lagi akan tahu.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Kalau ada salah, saya akan berhadapan dengan undang-undang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kami tengah tunggu juga bila Yang Berhormat akan dituduh. Sebab kami semua sudah kena tuduh.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila ke rang undang-undang.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Berkennaan undian pada hari ini, saya berharap bahawa kita boleh berikan sokongan yang padu kerana perkara ini adalah perkara yang penting. Ya, memang kita mahu minta lebih banyak peruntukan ke atas COVID-19 Bill ini. Akan tetapi dari semasa ke semasa, kita boleh mohon melalui *supplementary budget*. Akan tetapi ini merupakan salah satu situasi di mana kerajaan dan pembangkang, tidak kira ideologi politik, boleh bersatu hati untuk menyokong kerana isu COVID-19, belanjawan COVID-19 adalah kepentingan bersama. Sama seperti sebelum ini di mana Yang Berhormat Arau boleh menyokong pindaan Perlembagaan Undi 18. Apabila ada *common interest*, kita boleh sokong bersama.

Sebab itu saya hendak akhirkan ucapan saya dengan saya berharap undian sebentar nanti boleh ada sokongan daripada kerajaan dan pembangkang untuk membantu COVID-19 Bill ini kerana akhirnya ini adalah kehendak rakyat, untuk rakyat dan ini adalah jalan untuk kita buktikan *bipartisanship can win in this parliament*.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akhir sekali saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta ampun. Berkennaan dengan peraturan Dewan.

Tiga minggu yang lalu, Tuan Yang di-Pertua telah mengeluarkan satu petua menasihatkan Ahli-ahli Parlimen yang balik daripada kawasan-kawasan di mana bermula

berlakunya wabak COVID-19 ini untuk menjalani beberapa pemeriksaan kesihatan dan perkara itu disiarkan dalam media massa dan telah saya baca. “*Speaker advices those coming back from northern states to undergo COVID-19 test*”, dengan izin.

Yang Berhormat Muar tadi telah membangkitkan perkara berkenaan dengan Yang Berhormat Kuala Nerus yang balik daripada luar negara tanpa menjalani apa-apa kuarantin.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini sudah berucap ini, Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** No. *Let me finish first.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Peraturan berapa? Ini sudah berucap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, habiskan cepat sedikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya pun hendak bercakap juga lima minit.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *Please let me finish.* Yang Berhormat Arau boleh berucap kemudian. Saya cuba ingin dapat petua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pergi terus kepada poinnya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya. Cuma permintaan saya adalah kalau Ahli-ahli Parlimen yang balik daripada kawasan-kawasan kita perlu menjalani pemeriksaan kesihatan, bagaimana dengan Ahli Parlimen kerajaan, seorang Menteri yang balik dari luar negara? Bukankah dia juga tertakluk kepada perkara-perkara yang sama?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong, boleh saya cakap?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Jelutong jangan kelirukan Dewan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Adakah Tuan Yang di-Pertua akan perintahkan dia supaya jangan masuk Dewan sehingga beliau menjalani kuarantin? Ini anak isteri sekali dibawa ke luar negara. Apa cerita ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh saya cakap? Sebenarnya, saya tidak bagi petua. Saya cuma nasihatkan sesiapa yang balik ke mana-mana kawasan yang ada TEMCO, kemudian itu perlulah mengikuti SOP KKM yang telah dibuat. Kalau KKM memerlukan mereka membuat saringan, maka perlu disaringkan. Kalau KKM meminta mereka membuat *test*, maka perlu dibuat *test*.

Mengenai Yang Berhormat Kuala Nerus ini, ia berlaku sebelum pelantikan saya lagi. Sebenarnya dia pergi sebelum 13 Julai, kan? Malah kedudukan saya, *my position* mengenai perkara ini ialah saya tidak mempunyai kuasa untuk memerintahkan Ahli-ahli Yang Berhormat berbuat itu dan ini. Cuma, saya boleh nasihatkan agar sentiasa mengikuti arahan KKM, SOP yang telah ditetapkan oleh MKN. Itu sahaja. Saya tidak buat petua sebab petua yang saya boleh buat di bawah peraturan mesyuarat cumalah mengenai peraturan-peraturan mesyuarat ini. Jadi, perkara itu telah ditangani.

Saya rasa janganlah kita hendak membuang masa lagi membincangkan perkara itu di dalam Dewan kerana pada hari ini kita sepatutnya membahaskan Rang Undang-undang COVID-

19 ini yang saya rasa menimbulkan isu-isu yang sangat penting. Sekarang ini di peringkat dasar, maka kita bahaskanlah dasar rang undang-undang ini.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak jemput Yang Berhormat Rompin. Akhir sekali.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya sebagai Ahli Jawatankuasa Pilihan Bajet hendak minta juga lima minit dan saya percaya Menteri boleh beri laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebabnya, Yang Berhormat Kangar, dia tidak boleh cakap sebab yang lain-lain banyak yang melampaui masa kerana dibahaskan perkara-perkara yang tidak terlibat.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kita ada enam orang sahaja dalam jawatankuasa pilihan khas ini. Saya minta jasa baik untuk Tuan Yang di-Pertua buat keputusan. Lima minit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rompin dahulu. Kemudian saya tengok macam mana.

## 2.57 ptg.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soal penguncutan ekonomi atas alasan untuk menambahkan lagi peruntukan Rang Undang-undang COVID-19 ini.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Masa. Tidak jalan jam.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Kita harus melihat bahawa kita jangan bandingkan penguncutan ekonomi *across the board* dari segi negara-negara. Kita harus melihat profil ekonomi sesebuah negara itu. Singapura, profil ekonominya berbeza. Indonesia berbeza, Vietnam berbeza.

Salah satu faktor kenapa penguncutan ekonomi di Malaysia ini sehingga 17 peratus ialah dalam sektor *agriculture* dan sektor industri, pengantungan kepada pekerja-pekerja asing adalah sangat tinggi. Ini menyebabkan bila pekerja asing tidak bekerja dan tidak datang, ia memberi kesan yang sangat mendalam kepada sektor ekonomi negara.

Asas untuk menambahkan peruntukan kepada RM90 bilion itu di luar pertimbangan-pertimbangan asas ekonomi yang baik. Mana-mana penyakit pun kita tidak bagi ubat sekali gus, seperti yang dikatakan oleh Ahli Parlimen Kuala Kedah. Ini kerana bila kita peruntukkan satu jumlah RM40 bilion, dia diikuti oleh *monetary policy*, dasar-dasar monetari seperti menurunkan kadar *interest* dan beberapa lagi dasar-dasar monetari yang menyokong data fiskal. Bagi Malaysia, setelah dikaji, saya percaya Kementerian Kewangan memperlihatkan ini secara mendalam bahawa RM40 bilion ini satu peruntukan yang sudah cukup untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Sedikit.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Ini menyebabkan kita harus melihat bahawa—kalau ada keperluan, kita tambah lagi seperti yang dinyatakan oleh beberapa Yang Berhormat. Akan tetapi, *dosage*-nya kena betul. Kalau kita longgokkan RM90 bilion tetapi *dosages*-nya tidak betul, ia tidak memberi kesan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Rompin, Kuala Selangor minta laluan sedikit boleh? Sedikit sahaja.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Masa terhad.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Pendek sahaja.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Silakan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya percaya Yang Berhormat Rompin sangat peka dengan persoalan ekonomi dan telah beberapa kali membangkitkan perkara ini memahami bahawa apa yang berlaku hari ini adalah apa yang diistilahkan sebagai *pump priming Keynesian theory* untuk kita jana pertumbuhan. Pertanian yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rompin tadi sebenarnya mengalami pertumbuhan. Sektor-sektor yang lain seperti *services, manufacturing, construction*, semua *contract*. Itu semuanya menguncup.

#### ■1500

Persoalan besarnya adalah setelah RM45 bilion disuntik, kita masih lagi mengalami apa yang diistilahkan sebagai GDP *impairment* yang perlu difahami ataupun yang perlu diberikan suntikan yang lebih supaya faktor G ataupun *Government Spending* dengan izin, KDNK adalah C+I+G+(X-M) dan G *factor* ini perlu diberikan secukupnya dos kerana setelah 45 disuntik, kita mengalami dalam suku kedua baru-baru ini, tahun ini, 17.1 dengan izin, 17.1 penguncupan GDP.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Ya, kita faham, kita faham.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Jadi oleh sebab itu hujah Yang Berhormat Rompin sebenarnya adalah — maknanya membantu penghujahan untuk mempertingkatkan lagi suntikan dan bukan mengurangkan. Terima kasih Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tidak. Saya mencadangkan supaya jawatankuasa *private sector* dengan — jawatankuasa kerajaan dan *private sector* dihidupkan semula dan ditubuhkan di semua peringkat. Di peringkat negeri, di peringkat Persekutuan bagi melihat perkara-perkara yang ada hubung kait dengan pelaburan, pemudah cara birokrasi supaya peranan *private sector*, peranan *private sector* lebih dalam menangani masalah ekonomi negara kita ini.

Jika tidak, saya pasti kalau kombinasi *private sector* dengan kerajaan ditambah *dosage* yang betul, kalau perlu adakan *injection physical, injection* lagi kepada sistem ekonomi, kita balik kembali kepada Dewan, tambahkan lagi. Saya percaya sistem ekonomi, sistem bank negara kita *prudent*, mempunyai aliran wang yang banyak, tidak ada masalah. Akan tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat Kuala Selangor, *dosage* itu berperingkat-peringkat supaya kita mengenali masalah sebenar dalam sistem ekonomi dan profil ekonomi negara.

Satu lagi perkara...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Rompin, kita telah berbelanja dan 17.1 adalah kesannya.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Ya, itu kita lihat secara...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Itu yang menjadi pertikaian hari ini. *You see the contraction*, penguncutan dan setelah kita berbelanja RM45 bilion Yang Berhormat Rompin. Oleh sebab itu kita kena tingkatkan kepada RM45 bilion lagi. Itu adalah juga cadangan *Malaysia Institute of Economy Research (MIER)* mencadangkan sedemikian. Terima kasih Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tanya Yang Berhormat Menteri lah.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Seminit Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan adalah supaya negara mengelakkan berlaku *twin deficit*. Maknanya bukan sahaja defisit fizikal, tetapi defisit *balance of payment*. Kalau *twin deficit* berlaku dalam negara kita, ia akan memberi kesan negatif kepada sistem ekonomi negara. Jadi kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang berkesan supaya tidak berlaku *twin deficit* ataupun defisit dalam aliran *balance of payment* negara. Oleh itu, eksport harus di tingkatkan lagi, SME harus dipergiatkan lagi dan kerajaan mesti ada keberanian untuk melaksanakan dasar gaji minimum.

Saya sangat positif tentang kerajaan perlu meningkatkan lagi gaji minima kepada RM1,500 kerana supaya industri-industri yang tidak penting dengan sendirinya *natural death* akan mati dan kita menstrukturkan semula industri dalam negara kita yang berdasarkan kepada *capital intensive*, menukar dan menghasilkan barang-barang eksport yang bukan sahaja berdasarkan kepada *labor intensive* tetapi kepada *capital intensive* yang secara jangka panjangnya akan memberi kesan positif kepada negara dan ia mengurangkan pendatang asing, pekerja asing dalam negara. Dalam masa yang sama kita ambil kesempatan dalam keadaan COVID-19 ini, kita menyusun semula ekonomi kita supaya di atas landasan yang betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kangar tiga minit.

### **3.04 ptg.**

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai seorang Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Belanjawan di Parlimen ini saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang yang saya fikir penting. Kenapa kita kata penting? Ini kerana objektif utama rang undang-undang ini ialah untuk menaikkan had jumlah *statutory* hutang daripada 55 peratus kepada 60 peratus bagi membolehkan kerajaan berbelanja

bagi menampung keperluan jangka pendek dan juga jangka sederhana berikutan pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Jadi tidak ada alasan untuk kita tolak.

Cuma daripada data suku pertama yang diperoleh, hutang kerajaan kita telah mencecah RM823 bilion lebih iaitu kita kira lebih kurang dalam 58.5 peratus KDNK jika kita mengambil kira angka unjuran Bank Negara Malaysia iaitu lebih kurang dalam 35 peratus penurunan KDNK dan juga inflasi. Saya fikir angka 60 peratus ini sebenarnya agak rendah. Maka saranan Yang Berhormat Port Dickson dan juga Yang Berhormat Bagan untuk menaikkan jumlah pembiayaan ini sebenarnya adalah munasabah.

Jadi soalan saya adalah mengapa kita hanya naikkan kepada 60 peratus, kenapa tidak 65 peratus atau 70 peratus supaya kita tidak perlu lagi berulang kali membawa rang undang-undang ini sekiranya ada keperluan mendesak dalam tempoh sehingga Disember 2022 kalau ikut daripada rang undang-undang ini. Soalan saya yang kedua adalah jika kita mengambil kira jaminan kerajaan dengan izin *budget expenditure*, berapakah jumlah hutang yang kita ada sekarang? Berapakah nisbah hutang berbanding KDNK yang ada? Oleh sebab sebelum ini Yang Berhormat Menteri pernah jawab kita sudah mencecah lebih kurang 1.3 bilion. Jadi saya inginkan jawapan tentang ini.

Isu menaikkan siling hutang ini sebenarnya pernah saya bawa dalam mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Pilihan Khas. Pada ketika itu Ketua Pengarah Bahagian Belanjawan di kementerian menjawab kenapa tidak mahu naikkan adalah kerana kita hendak mengelak daripada kegagalan kerajaan membayar balik hutang yang telah matang. Kita sebenarnya telah menaikkan, ini yang kali terakhir adalah pada tahun 2009. Kita tahu pada waktu itu ada krisis sub prima di Amerika Syarikat yang memberikan kesan kepada kita. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah apakah kesan kenaikan had *statutory* ini dari segi kemampuan kerajaan untuk membayar balik hutang yang telah matang dalam jangka masa pendek, dalam jangka masa sederhana dan juga dalam jangka masa panjang.

Soalan yang berkaitan juga adalah jumlah defisit dan hutang yang sepatutnya hanya dibuat untuk membiayai hutang lama ataupun *debt roll over* dan juga untuk belanja pembangunan. Akan tetapi nampaknya perbelanjaan yang dibentangkan dalam rang undang-undang ini banyaknya bersifat belanja mengurus. Jadi tidakkah ini menyalahi peraturan kewangan yang lain. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua lagi perenggan, saya minta izin untuk habiskan. Tanpa kita sedar sebenarnya apa yang kita telah membincangkan ini telah mempengaruhi dan juga memperbaharui perdebatan panjang antara pelbagai sekolah pemikiran dalam bidang ekonomi, tentang fungsi dan juga batasan kuasa kerajaan dalam pengurusan ekonomi.

Saya sebut berkali-kali di Dewan ini bahawa isu fiskal kerajaan sebenarnya bukan baru bermula daripada zaman pentadbiran Pakatan Harapan. Akan tetapi telah mula disebut sejak daripada zaman Tun Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih kepimpinan negara sejak lebih kurang 15 tahun yang lalu. Ia telah mencapai kemuncak ketika pentadbiran Yang Berhormat Pekan. Jika kita tengok ada sebahagian daripada Ahli-ahli Parlimen di sebelah, di blok kerajaan

hari ini sering kali mengulang dan menyindir tentang pemberian RM30 sebagai inisiatif untuk kita menggalakkan transaksi kewangan secara *online*. Mungkin mereka lupa ketika zaman kemuncak, ketika Yang Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri, sekolah pun terpaksa minta daripada ibu bapa bagi sumbangan kertas A4. Punya tidak ada duit pada waktu itu.

Saya, ramai juga yang menyindir tadi tentang Bon Samurai. Saya hendak sebut sini bahawa kalau kita tengok dalam Laporan Ekonomi Tahunan yang dibentangkan di Dewan ini sebenarnya negara kita ada mekanisme kawalan hutang luar pesisir yang bagi saya cukup baik. Ini boleh dirujuk kepada Akta 403, Pinjaman Luar Negeri 1963 dan juga Kertas Statut 77 yang digubal pada tahun 2009 yang mana hanya menetapkan pinjaman luar negeri terhad kepada RM35 bilion sahaja iaitu pinjaman mata wang asing. Sehingga pertengahan tahun 2019, kita hanya meminjam kira-kira lebih kurang dalam RM29 bilion iaitu ada ruang lagi untuk kita meminjam.

Jadi ketika Bon Samurai dibuat, kerajaan menerima tempahan pembelian daripada pelabur lebih 1.5 kali ganda daripada jumlah yang kita ingin terbitkan. Ia bukan sahaja menunjukkan Bon Samurai ini baik tetapi juga dapat menggalakkan pelaburan bermutu dari Jepun. Buktinya pada tahun 2019, pelaburan langsung asing telah meningkat berbanding tahun 2018 yang mana menurut Ketua Perangkawan Malaysia menyebut bahawa FDI yang tinggi ini adalah disebabkan oleh suntikan ekuiti dari Jepun ke Malaysia untuk sektor perkhidmatan khususnya dalam aktiviti kesihatan maknanya selain daripada harta tanah dan juga kewangan. Sektor pembuatan adalah yang kedua tertinggi terutama dalam bentuk instrumen hutang dan juga ekuiti dalam produk penapisan petroleum dan elektrik elektronik diikuti sektor perlombongan dan pengkuarian.

Jadi saya hendak manafikan tuduhan sebahagian daripada kawan-kawan saya di blok sana yang mengatakan ini tidak bagus. Terakhir,...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak betul itu Yang Berhormat, mana ada ekonomi naik.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya hendak menyentuh tentang kandungan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tahun 2019, tidak betul itu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Pembiayaan RM95 bilion seperti mana tertera di dalam rang undang-undang ini...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ekonomi jatuh tahun 2019.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya tidak beri laluan ya, minta maaf. Tolong hormat walaupun lama dekat sini, kena patuh peraturan Dewan.

■1510

Perkara pertama ialah Program Subsidi Upah yang tinggi, saya...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Misleading* dalam Dewan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya kasihan pada pekerja dinafikan bantuan kerana majikan tidak mencarum di dalam PERKESO dan EPF. Jadi, kerajaan perlu melihat golongan pekerja ini yang bagi saya mereka ini dinafikan, bukan sahaja hak untuk terima bantuan

semasa COVID-19 tetapi apabila – oleh kerana ia adalah sistem, jadi ia boleh menafikan hak mereka untuk satu jangka masa panjang sepanjang umur mereka.

Dana untuk IKS ini perlu diselaraskan, yang kedua. Sama juga dengan bantuan mudah bumiputera, bagi saya jangan ada yang menerima bantuan berulang dan ada pula satu kumpulan lagi yang langsung tidak dapat.

Ketiga, sama juga dengan isu-isu untuk barisan hadapan. Siapa yang kita kategorikan sebagai barisan hadapan dan kenapa ada kakitangan kesihatan yang tidak dapat bantuan ini? Jangan ada pula Yang Berhormat Menteri yang mendakwa mereka adalah sebahagian daripada barisan hadapan.

Keempat ialah pelajar institusi pendidikan tinggi. Kita tahu universiti hendak dibuka semula yang mana kena balik dari Sabah dan Sarawak ini kos mereka tinggi. Jadi saya harap kerajaan dapat merundingkan dengan syarikat penerbangan, supaya dapat kita bagi satu kadar rata yang rendah supaya pelajar-pelajar ini dapat balik semula ke universiti.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sokong.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terakhir tentang jaminan makanan. Saya terima aduan banyak daripada nelayan di Kuala Perlis dan Sanglang. Kuala Perlis di kawasan saya, Sanglang di kawasan Arau. Penanam sayur di Pauh iaitu di kawasan Arau dan juga Cuping di kawasan Padang Besar di Perlis, tentang pekerja asing yang tidak boleh balik bekerja.

Jadi, apabila kita melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan, mereka ini terpaksa balik kebanyakannya di Thailand. Mereka tidak dapat bekerja, jadi hasil tangkapan bagi pengusaha-pengusaha bot dan juga penanam-penanam sayur ini dia terbiar, tidak dijaga. Jadi mereka bimbang bahawa bekalan sayur-sayuran dan makanan laut ini akan berkurangan dan ini akan mencetuskan kenaikan harga pada masa yang akan datang. Jadi, ini saya minta perhatian daripada kementerian.

Itu sahaja perbahasan, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan dan juga Yang Berhormat Menteri kerana sanggup bersabar sebelum menjawab. Terima kasih.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu satu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 3.12 tgh.

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-Undang Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Batang Lumar, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Gopeng, Yang Berhormat Tanjung Karang, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Bangi, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Muar dan juga Yang Berhormat Kangar.

Berdasarkan perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya boleh merumuskan bahawa isu-isu utama yang dibangkitkan adalah berkaitan penguncutan ekonomi negara, cadangan untuk meningkatkan saiz pakej rangsangan, menaikkan had statutori hutang negara melebihi sebanyak 60 peratus KDNK, moratorium pinjaman serta status pelaksanaan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Saya akan cuba untuk menjawab persoalan dan pertanyaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut isu-isu utama yang dibangkitkan.

Isu pertama yang saya ingin jelaskan adalah berkenaan prestasi ekonomi negara berikutan impak *close crisis COVID-19*. Isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Batang Lumar, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Sibuti dan ada lagi Yang Berhormat lain yang membangkitkan isu prestasi ekonomi negara. Ekonomi Malaysia tidak terkecuali daripada krisis global akibat penularan COVID-19, yang mana negara telah mencatat penguncutan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi sebanyak 17.1 peratus pada suku kedua 2020.

Ya, penguncutan suku kedua Malaysia antara yang terbesar di Asia. Walau bagaimanapun, ia perlu dilihat dalam konteks usaha-usaha yang diambil untuk memerangi COVID-19 dan meratakan lekuk sejak bulan Mac lalu, *flattening the curve* sejak Mac lalu. Secara umumnya hubung kait kadar jangkitan dan pertubuhan ekonomi adalah dengan izin, *inverse relationship*. Dalam hal ini, Universiti Oxford telah membangunkan sebuah indeks yang mengukur tahap ketegasan kerajaan-kerajaan sedunia dalam mengawal penularan COVID-19 di negara masing-masing. Indeks ini mendapat bahawa tindak balas kerajaan Malaysia merupakan salah satu kawalan yang paling ketat di rantau ini.

Ada pula beberapa negara yang tidak melaksanakan kawalan pergerakan penuh atau *total lockdown*, dengan izin dan kita lihat ekonomi mereka kurang terjejas. Sebaliknya jika kita lihat kepada statistik kadar jangkitan atau kadar kematian COVID-19 di negara-negara berkenaan, ia adalah tinggi. Di sini, penting untuk kita mengambil kira bahawa negara-negara

lain di seluruh dunia, juga turut mengalami penguncutan dalam KDNK suku kedua 2020. Ini disebut oleh Yang Berhormat Bagan dan juga Yang Berhormat Port Dickson. Jadi saya tidak payah ulanglah dengan negara-negara lain mengalami penguncutan yang sama.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Apakah maksudnya? Ini bermaksud Kerajaan Perikatan Nasional telah mengambil tindakan tegas yang diperlukan demi mengutamakan kehidupan dan keselamatan rakyat. *Alhamdulillah* keadaan kini semakin stabil walaupun kita perlu sentiasa berwaspada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ingin beri laluan kepada Yang Berhormat Pasir Salak?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh, Yang Berhormat Menteri?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Boleh ya? Okey.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Bolehkah saya habis satu lagi, hendak beri *explain* dengan izin.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ekonomi kita ini. Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat sering menekankan angka pertumbuhan suku kedua sebanyak negatif 17.1 peratus. Akan tetapi mengapa tidak melihat pertumbuhan ekonomi secara lebih halus dengan izin *granular*. Kita dapat lihat sekarang bahawa ekonomi negara kita beransur pulih. Kadar pertumbuhan ekonomi bulan April adalah sebanyak negatif 28.6 peratus tetapi kadar ini bertambah baik pada bulan Mei iaitu sebanyak negatif 19.5 peratus dan bulan Jun pertumbuhan bertambah baik iaitu sebanyak negatif 3.2 peratus. *[Tepuk]*

Ini menunjukkan penambahan ekonomi dari sebanyak negatif 28.6 peratus daripada puncak penutupan ekonomi pada bulan April dan kini negatif 3.2 peratus pada bulan Jun. Ini adalah penambahan sebanyak 25.4 peratus. Silakan, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Yang Berhormat Pasir Salak, sorry.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri, kita faham bahawa penguncutan ekonomi akibat daripada wabak COVID-19. Saya hendak bertanya sebelum itu, sebelum kita mengadakan *lockdown* dan sebagainya pada tahun 2019. Apakah sebab ekonomi merudum dalam tahun 2019 semasa pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan? Dikatakan oleh Yang Berhormat Kangar tadi, pelaburan asing begitu hebat dan ekonomi meningkat.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Pelaburan kita naik selepas lima tahun menurun.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, tetapi saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Adakah ekonomi kita meningkat naik pada tahun 2019 semasa PH?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** KDNK kita naik sebanyak RM1.4 trilion untuk makluman Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Biarlah Yang Berhormat Menteri jawab. Tunggulah bila jadi Yang Berhormat Menteri esok baru jawab. *[Dewan ketawa]*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Yang Berhormat Pasir Salak, *I think* fokus kita ialah mengenai KDNK sekarang pada negara ini pada tahun ini. Tahun ini unjurannya...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri, saya bangkitkan ini sebab Yang Berhormat Arau mengatakan...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** ...Pada tahun 2019... *[Disampuk]* Yang Berhormat Kangar mengatakan bahawa pada tahun 2019, pelaburan asing begitu hebat sekali dan dengan sebab itu ekonomi Malaysia pada masa itu meningkat.

Saya mempertikaikannya tetapi Yang Berhormat Menteri lebih tahu akan angka-angkanya. Minta komen sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Jadi kadar KDNK 2019, 2018, 2017 *is subject to* dengan izin, global *economic condition* ya. Jadi pada buat masa sekarang ini kita haruslah fokus kepada keadaan situasi semasa. Jadi, mari saya sebut sedikit mengenai ekonomi negara.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, kalau jawapan ini adalah KDNK, kita mengalami pertumbuhan sebanyak RM1.4 trilion pada tahun 2019 berbanding 2018 sebanyak RM1.3 trilion, Yang Berhormat Menteri. Itu maklumat. Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Jadi, baik saya fokus balik kepada RUU ini, ya. Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ini jelas berlaku menunjukkan pemulihan ekonomi negara kukuh sebenarnya sejajar dengan pembukaan sektor-sektor ekonomi melalui pelaksanaan PKPP.

Ini membuktikan kerajaan hari in ialah sebuah kerajaan yang peka terhadap keperluan rakyat dan ekonomi dalam menghadapi situasi yang mencabar ini. *Insyā-Allāh* pertumbuhan ekonomi dijangkakan kembali pulih secara beransur-ansur, terutamanya pada separuh kedua tahun 2020. Antara indikator yang membuktikan bahawa ekonomi negara sedang pulih ialah eksport negara berkembang, indeks pengeluaran perindustrian meningkat, nilai jualan runcit dan borong meningkat, dan kadar pengangguran pun telah menurun.

Manakala pada tahun 2021, ekonomi dijangka pulih dan berkembang sekitar sebanyak 5.5 peratus sehingga lapan peratus. Agensi antarabangsa turut mengunjurkan ekonomi Malaysia

akan kembali pulih dengan mencatatkan pertumbuhan sekitar sebanyak 6.3 hingga 6.9 peratus pada tahun 2021.

**■1520**

Kerajaan akan terus memantau perkembangan ini dan menyemak semula unjuran KDNK menjelang Belanjawan 2021.

Ini satu lagi isu yang hebat di-debate di dalam Dewan yang mulia ini ialah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Kuala Kedah. Ini ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang saya tidak sebut.

Ini ialah cadangan meningkatkan saiz pakej rangsangan. Soalannya adakah saiz pakej rangsangan ini mencukupi? Malah ada juga cadangan supaya kerajaan menggandakan saiz pakej rangsangan daripada RM45 bilion kepada RM90 bilion. Pada mulanya saya tertanya mengapa angka yang dicadangkan adalah RM90 bilion dan bukan angka yang lain. Akan tetapi saya ambil semua ini sebagai satu perkembangan yang positif iaitu secara prinsip, kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang tidak membantah Rang Undang-undang COVID-19 ini dan sebaliknya ingin melihat jumlah rangsangan ekonomi ditambah.

Mungkin ini juga satu tanda yang akhirnya pihak pembangkang menerima kenyataan bahawa negara kita tidak bankrap. Yang Berhormat Port Dickson pagi tadi telah membuat perbandingan bahawa rangsangan kita kecil. Yang Berhormat Port Dickson tidak ada sekarang tetapi telah membuat perbandingan bahawa rangsangan kita kecil, rangsangan yang kita umumkan ini tetapi penguncutan kita besar berbanding negara lain.

Jawapan saya adalah seperti berikut. Pertama, rangsangan-rangsangan negara lain tersebut turut mengambil kira sumbangan ekosistem keseluruhan. Ini termasuk jaminan kerajaan, sumber institusi perbankan, dan insentif cukai masing-masing. Oleh itu, perbandingan yang dibuat oleh Yang Berhormat Port Dickson kurang tepat dan dengan izin, *not an apple to apple comparison* dan telah menyebabkan kekeliruan. Sebagai contoh...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Itu *misrepresentation* itu Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Bangun]*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Sebagai contoh, sebagai contoh Yang Berhormat Port Dickson menyebut bahawa pakej rangsangan Australia adalah 10.6 peratus KDNK. Walau bagaimanapun, menurut data *International Monetary Fund* IMF, angka ini merangkumi bukan sahaja suntikan fiskal langsung tetapi juga dengan izin, *below the line measures* iaitu suntikan ekuiti, pinjaman, pembelian aset dan lain-lain. *[Dewan tepuk]*

Jika kita tidak mengambil kira *below the line measures* ini, angka pakej rangsangan Australia tersebut adalah 8.8 peratus sahaja. Atas dasar pengiraan yang sama, kadar pakej

rangsangan Indonesia hanyalah 2.4 peratus KDNK, bukan 3.5 peratus. Kadar Thailand ialah 8.2 peratus, bukannya 11.8 peratus. Manakala Filipina hanya 2.2 peratus, bukan 3.1 peratus.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Pasir Mas.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Oleh itu, jika kita menggunakan pakai kaedah pengiraan yang sama, jumlah keseluruhan pakej rangsangan ekonomi Malaysia adalah melebihi 10 peratus KDNK dan bukan tiga peratus seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Port Dickson. Silakan Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Pasir Mas.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, saya ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tentu kita harapkan bahawa pakej rangsangan ini dapat digandakan kerana ia amat perlu dalam keadaan yang amat merunsingkan sekarang di mana kita lihat bahawa bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia kita lihat penguncutan ekonomi yang amat ketara.

Oleh itu saya masih tidak faham mengapa pihak kerajaan tidak mahu menggandakan. Ini kerana seperti yang disebut tadi bahawa punca ataupun sumber daripada tambahan ini adalah datang daripada pinjaman, pinjaman dalam pasaran domestik. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan, daripada RM45 bilion suntikan dana ini, berapa banyak adalah dalam bentuk pinjaman daripada pasaran domestik.

Sekiranya kita pinjam lagi RM45 bilion untuk menjadikannya RM90 bilion, saya rasa sungguhpun mungkin dari segi peratusan hutang akan naik dan juga fiskal defisit akan naik tetapi ini amat perlu untuk menyelamatkan pekerjaan dan juga perniagaan. Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Saya hendak jelaskan bahawa pembentangan RUU ini hanya melibatkan suntikan langsung fiskal RM45 bilion kerana ia adalah sejumlah wang yang akan dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Namun, seperti Yang Berhormat Bagan kata kita sebenarnya ingin tahu bahawa keseluruhan rangsangan berapa banyak daripada kerajaan. Jadi betul, kerajaan RM45 bilion suntikan fiskal daripada akaun Kumpulan Wang Disatukan ini. Akan tetapi kita harus ingat bahawa keseluruhan pakej rangsangan yang diperkenalkan kerajaan adalah RM295 bilion. Daripada jumlah ini, kalau kita tolak RM150 bilion—RM100 bilion itu moratorium, lagi RM50 bilion itu daripada i-Lestari EPF totalnya RM145 bilion. Kita tolak lagi RM45 bilion suntikan fiskal jadi tinggal RM100 bilion. RM100 bilion ini ialah *this is* dengan izin, *how IMF calculate* juga untuk negara-negara lain.

So, termasuk inisiatif Bank Negara, GLC, agensi kerajaan, skim-skim jaminan seperti Danajamin dan sebagainya, SJPP, SRF dan insentif percukaian. Sebagai contoh, insentif percukaian pembiayaan bawah insentif pembiayaan bawah Bank Negara Malaysia bernilai RM13.3 bilion, *of each SRF last RM10 billion*. Insentif cukai bernilai RM8.5 bilion, subsidi bil elektrik sebenarnya RM2.6 bilion dan Danajamin RM50 bilion. So, apabila dikira sama mengikut definisi yang diguna pakai oleh IMF, nilai suntikan sebenarnya 10 peratus KDNK.

Akan tetapi saya tidak bermaksud di sini kita tidak perlu belanja lebih. *Just to give the right facts first.* Oleh itu, kita perlu ingat rangsangan bukan hanya RM45 bilion tetapi hasil sumbangan seluruh kerajaan yang RM45 bilion ini *on balance sheet*. Inilah perbandingan yang adil dan setara atau *apple to apple*.

Pendirian kerajaan Yang Berhormat Bagan dalam isu ini adalah jelas dan konsisten. Saya pernah menyebut banyak kali sebenarnya bahawa kerajaan sentiasa memantau situasi semasa dan jika ada keperluan, kerajaan bersedia untuk menambah jumlah rangsangan. Dalam hal ini, kesemua pakej rangsangan ekonomi adalah dinamik. *We have to have a dynamic plan*, dengan izin dan kerajaan sentiasa bertindak proaktif. Kita tidak harus melihat daripada jumlah yang dibelanjakan semata-mata tetapi lebih penting apakah hasilnya. Adakah ia kesan positif? Di sini saya hendak huraikan beberapa perkara secara ringkas, *just* secara ringkas.

Pertama, jumlah suntikan fiskal langsung RM45 bilion adalah hasil pemantauan sesi libat urus dan juga penambahbaikan yang berterusan. Jadi as Yang Berhormat Bagan tahu kita mula-mula melancarkan pakej PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan dan PENJANA. Sebelum itu pun pihak kerajaan sebelum ini pun mengumumkan PRE2020. Jadi, apa yang saya hendak maksudkan ini ialah kita kena lebih dinamik. Jadi, kalau perlu, kita kena belanja. Saya setuju dengan semua cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kedua-dua belah pihak.

Kedua, jumlah rangsangan yang diumumkan merangkumi peruntukan yang ditambah baik atau dilanjutkan. Jadi, memang kita ada contoh, *for example*, sebagai contoh Bantuan Prihatin Nasional. Semasa kita umumkan ialah RM10 bilion tetapi peruntukan lebih terpaksa dibuat. Jadi peruntukan sekarang RM11.2 bilion. Dalam RUU tersebut menunjukkan RM11.2 bilion. Ini menunjukkan keputusan yang dinamik.

Program Subsidi Upah juga ditambah baik di bawah PENJANA ya termasuk perlanjutan tempoh PSU selama tiga bulan. Mula-mula tiga bulan, selepas itu kita lanjutkan lagi tiga bulan. Ini tidak bermakna kita tidak boleh lanjutkan lagi tetapi kita kena buat secara berperingkat dan tengok keadaan semasa.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Boleh Yang Berhormat Menteri, sedikit? Tentang lanjutan moratorium.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Just biar saya habis jawab Yang Berhormat Bagan sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri hendak habiskan *point* dia dahulu.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Okey, terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, terima kasih ya. Saya habiskan jawab Yang Berhormat Bagan. Bagi menjawab soalan mengenai isu yang dibangkitkan tadi, kerajaan sedang menimbang keperluan tambahan. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Port Dickson, dan Yang Berhormat Bangi. Kerajaan sedang menimbang keperluan tambahan untuk Program Subsidi Upah dan mendapat maklum balas dari pihak peniaga terutama PKS.

Diskaun bil elektrik pun seperti mana yang kita tahu, mula-mula kita *announce*, kita umumkan bahawa PRIHATIN RM530 juta sahaja antara bulan April sehingga September telah dilanjutkan pula sampai Disember 2020 untuk pengguna domestik termasuk di Sabah dan Sarawak.

Selain itu kerajaan juga telah menambah bantuan melalui Bantuan Prihatin Elektrik. Jadi, kosnya yang mula-mula itu RM530 juta sudah jadi RM2.6 bilion. Ini termasuk juga dalam RUU itu RM500 juta suntikan fiskal kerajaan dan selebihnya ditanggung oleh Tenaga Nasional dan juga entiti-entiti yang berkaitan. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri pun juga sedia maklum dan semua kita sedia maklum akan kepentingan untuk kita semua menyokong apa yang diistilahkan sebagai *deficit financing* ini dalam *pump priming* yang memang perlu dilakukan dalam krisis pandemik ini.

Cuma yang dipertikaikan adalah persoalan jumlah, *the quantum* sebab apa yang diperhatikan sehingga kini unjurannya ataupun yang disaksikan dalam *quarter* kedua itu sudah kita faham. Akan tetapi memandangkan *the fund*, unjuran ke depan dalam keadaan kalaualah antara lain yang moratorium itu ditamatkan di hujung Ogos ini, bertambahlah lagi apa yang diistilahkan sebagai *the total aggregate demand*, permintaan rakyat khususnya domestik dan sebagainya akan terjejas, akan terus terjejas.

#### ■1530

Kita tak dibantu dengan *X minus M contraction* dalam perdagangan. Kita hanya ada faktor G— *the G factor*. *Consumption* kalau tidak diizinkan diberikan moratorium lanjutan itu, semuanya akan terjejas. Jadi persoalan besar adalah bagaimana persoalan *government spending pump priming quantum* itu diperlukan. Ini kerana apa? Sngka itu ditambahkan kerana MIER mengunjurkan *contraction* kalau silap kita tangani akan berada pada *minus 1.47* ataupun mungkin lebih teruk lagi *minus 3.6* hingga ke hujung tahun ini menteri. Jadi, itulah pertikaian besarnya, supaya *demand* dapat kita *inject* ataupun permintaan rakyat itu dapat kita kembangkan dan *contraction* yang lain itu dapat kita jana semula.

Jadi itu yang menjadi pertikaian yang hari ini, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tolong jawab.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah sebut tadi sebenarnya suntikan kita ialah RM100 bilion suntikan fiskal, bukan sahaja daripada kerajaan tetapi juga bagi *government agencies* yang lain seperti Bank Negara. Juga seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memang GDP ialah  $C+I+G+(X-M)$  dan di sini kita lihat bahawa GDP kita *effected* atau terkesan kerana apa yang telah terjadi di seluruh dunia kerana pandemik COVID-19. Jadi kita juga harus ingat bahawa pakej PRIHATIN dan PENJANA ini belum berakhir sebenarnya dan masih berterusan.

Ada yang bersifat *one-off* seperti Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Geran Khas Prihatin, e-Penjana, Bantuan Pelajar IPT, ini pelaksanaannya sudah 96 peratus. Akan tetapi masih ada lagi yang mengambil masa tiga hingga enam bulan seperti subsidi upah yang saya sebut tadi. Ini

sudah mencapai tahap lebih kurang 51 peratus iaitu tahap pertengahan pelaksanaan. Inisiatif-inisiatif ini masih dibuka untuk permohonan sehingga hujung September dan akan berakhir bulan Februari 2021. Apa yang saya sebut tadi dengan Yang Berhormat Bagan kalau kita perlu tambah, kita akan mengkaji dan kita akan menambah.

Inisiatif juga ada yang bersifat *long-term* yakni yang *long-term* yang ada GDP *multiplier impact* juga. Ini prestasi secara keseluruhannya adalah pada tahap antara 20 hingga 50 peratus bergantung kepada jenis program. Strategi GDP *multiplier* ini penting seperti—saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang ialah untuk fokus kepada *spending*...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Lanjutan moratorium Yang Berhormat Menteri kerana itu akan mengesan langsung tentang *demand*, *total aggregate demand*, *domestic demand*, *household demand*. Maknanya perbelanjaan *consumption* itu yang dipertikaikan. Andainya dapat dipertimbangkan untuk dilanjutkan seperti mana yang dianjurkan oleh MIER contohnya dan beberapa para pakar ekonomi yang lain.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Mengenai moratorium ini saya hendak ingin menjelaskan bahawa—ini pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Pasir Mas dan juga Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat Arau pun membangkitkan isu moratorium ini.

Sepertimana Yang Berhormat tahu mengenai pengumuman-pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 30 Julai lalu, kerajaan telah berbincang dengan Bank Negara Malaysia dan institusi perbankan, telah bersetuju melaksanakan inisiatif moratorium lanjutan tetapi bantuan bank yang lebih bersasar. *The first six-month* itu secara automatik berjumlah lebih kurang RM100 bilion di mana dari segi *household* itu lebih kurang 7.7 juta rakyat Malaysia menikmati automatik moratorium ini. Akan tetapi untuk lanjutan ini, kita mempunyai fokus khusus untuk golongan yang benar-benar memerlukan. Jadi individu yang kehilangan pekerjaan pada tahun 2020 dan masih belum mendapat pekerjaan, mereka akan ditawarkan tempoh lanjutan moratorium pinjaman selama kurang-kurangnya tiga bulan lagi, sekurang-kurangnya.

Jadi dengan izin *all you need to do is* bagi tahu bank yang *you have lost your job*, dengan izin. Bank dengan secara automatiknya akan meluluskan moratorium.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, *it's a targeted measures* yang kita perlukan. Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih ya *it is targeted*. Saya hendak tambah sedikit individu yang masih bekerja tetapi gaji mereka terjejas akibat COVID-19 akan ditawarkan juga pengurangan ansuran pinjaman yang sepadan dengan pengurangan gaji mereka. Ini bergantung kepada jenis pembiayaan. Ya, Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, tadi pun saya ada tanya dari segi punca itu RM45 bilion ini datang daripada pinjaman. So, bolehkah saya tahu berapa banyak pinjaman yang pun

telah tambahan daripada apa yang diperuntukkan di bawah Belanjawan 2020? Apakah jumlah pinjaman tambahan ini?

Kedua tentang itu moratorium, seperti mana yang tadi disarankan oleh rakan seperjuangan saya bahawa kita harap ia boleh diberikan secara automatik khususnya untuk perniagaan-perniagaan kerana memang mereka menghadapi kesukaran untuk mendapat layanan yang berpada-pada daripada pihak bank. Sekiranya mereka semua tulis kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya rasa sukar untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan jalankan tugas ini. So bolehkah ini dibuat secara automatik kerana banyak yang pergi, mereka mendapati kesukaran. So di sini pihak kami meminta sekurang-kurangnya lanjutkan kepada enam bulan. Ini banyak membantu mereka dan ini sesuatu yang kita akan sokong 100 peratus. Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Ada dua soalan itu, saya jawab soalan yang pertama dulu. Ini izinkan saya Yang Berhormat menjawab soalan Tuan Yang di-Pertua mengenai sumber pembiayaan kerajaan untuk pakej rangsangan ekonomi. Suntikan fiskal yang telah diumumkan adalah dibiayai melalui keseluruhannya 100 peratus melalui pinjaman domestik. Ini berikutan negara mempunyai tahap kecairan dalam negara yang mencukupi yang dianggarkan sekitar RM146 bilion. Buat masa ini kerajaan akan menggunakan instrumen pembiayaan dalam negeri kerana ia dapat mengurangkan pendedahan risiko tukaran asing. Satu risiko pembiayaan semula atau dengan izin *refinancing*. Sebarang penerbitan bon atau sukuk antarabangsa hendaklah mempunyai objektif yang samalah ini Yang Berhormat Bagan sebagai mantan Menteri Kewangan tahu.

Akan tetapi saya hendak tambah lagi, ini mengenai Bank Negara. Bank Negara juga telah mengumumkan penurunan nisbah Keperluan Rizab Berkanun ataupun dengan izin SRR sebanyak 100 mata asas daripada tiga peratus ke dua peratus pada bulan Mac dan Mei 2020 serta *flexibility* SRR tambahan yang diberikan kepada peniaga utama, *principle dealers* dengan mengiktiraf MGS dan MGII sebagai sebahagian daripada pematuhan SRR. Langkah ini telah menambah mudah tunai bernilai kira-kira RM46 bilion ke dalam sistem perbankan, ini *increase the liquidity* dengan izin, *to the banking system by RM46 billion*. Ia merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Bank Negara Malaysia.

Selain itu, Bank Negara Malaysia juga telah menurunkan OPR sebanyak 125 mata asas daripada tiga peratus ke 1.75 peratus dalam masa tujuh bulan pertama 2020. Ini Yang Berhormat Bagan pun tahu lah. Penurunan OPR ini merupakan paras terendah sejak tahun 2004. Berturut-turut pengurangan OPR bertujuan terutamanya untuk menyokong menambahbaikkan kegiatan ekonomi serta memberikan rangsangan dasar tambahan untuk mempercepatkan kadar pemulihan ekonomi.

Balik kepada soalan moratorium tadi, seperti saya menjawab tadi mengenai moratorium pinjaman— ini sebenarnya kalau kita lihat moratorium yang kita umumkan dalam pakej PRIHATIN akan berakhir *end of September* daripada— dan kita telah memulakan perbincangan sebenarnya dengan pihak bank dan juga pihak PKS dan juga *all the others interest group*-lah

dengan izin. Kita lihat bahawa kebanyakan bank telah sebenarnya menerima permohonan moratorium lanjutan dan bantuan bank bersasar mulai 7 Ogos. So, we are looking at it dengan izin pada 7 Ogos kita membuka permohonan. Setakat ini pada *information* saya, sebanyak 43,560 permohonan telah diterima daripada peminjam individu dan 22,266 telah pun mendapat kelulusan automatik. Ini kerana mereka hanya perlu memberitahu yang mereka telah hilang pekerjaan ini akan automatik. Juga PKS I think that's the other dengan izin poinlah Yang Berhormat Bagan. Sebanyak 3,325 permohonan telah diterima dan 2,465 telah mendapat kelulusan.

Jadi saya hendak berkongsi sedikit ini, pada masa yang mencabar ini kemampuan bank untuk menyediakan penampang yang secukupnya amatlah penting bagi membolehkan mereka menyerap kemungkinan pinjaman terjejas ataupun NPL yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, bantuan bersasar ini memastikan usaha terus tertumpu demi manfaat peminjam yang betul-betul terjejas. Ini juga bagi memastikan bank terus berupaya memberi pinjaman kepada isi rumah dan perniagaan untuk menyokong pemuliharan ekonomi. Ini adalah penting supaya tanggungjawab bayaran balik pinjaman terus dibuat oleh mereka tidak terjejas dan berkemampuan.

Ini penting supaya tanggungjawab bayaran balik pinjaman mesti dibuat oleh mereka yang tidak terjejas dan berkemampuan. Ingin saya menasihatkan orang ramai yang tiada kekangan kewangan untuk segera melunaskan hutang dan usahlah bertangguh-tangguh. Pembayaran balik hutang mereka mampu akan menyokong aktiviti pinjaman baharu untuk rakyat dan perniagaan.

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]:** Saya sedikit Yang Berhormat.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Sila Yang Berhormat Kubang Pasu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian.

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]:** Kubang Pasu ya?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Oh, okey Yang Berhormat Pontian. Sorry tak nampak tadi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Antara— saya dulukah, Yang Berhormat Kubang Pasu dulu? Saya dulu. Antara yang popular— memanglah moratorium itu antara yang popular yang dikehendaki oleh rakyat. Ada satu lagi yang cukup popular ialah Bantuan Prihatin Nasional.

#### ■1540

Kalau kita pergi ke mana-mana dan kita tanya ingin lagi atau tidak, tentu mereka ingin lagi. Sebanyak RM11.2 bilion kepada seramai 10 juta rakyat, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memberikan Bantuan Prihatin Nasional 2.0? Itu soalan yang pertama. Kita tahu KDNK menguncup pada bulan Mac, April dan Mei ini iaitu sebanyak -17.1 peratus, antara sebabnya ialah sektor pembinaan sebanyak -44.5 peratus.

Soalan saya ialah bagaimana tentang projek-projek ECRL, Pan Borneo, MRT, setakat mana penerusannya? Selain daripada itu, kita lihat projek kecil cuma sebanyak RM4 bilion yang

Yang Berhormat Menteri bagi. Itu adalah sedikit. Kalau kita lihat projek kecil ini penting untuk kami di kawasan. Terima kasih. Kalau boleh dinaikkan RM4 bilion menjadi RM10 bilion misalnya.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Dalam PRIHATIN sebenarnya sebanyak RM13– Dalam Bantuan Prihatin Nasional kita mengumumkan sebanyak RM10 bilion. Akan tetapi seperti saya sebut tadi, jumlah yang di *disbursed* adalah sebanyak RM11.2 bilion. Sehingga 14 Ogos, agihan BPN, nilainya sebanyak RM11.14 bilion dan jumlah penerima seramai 10.6 juta orang. Sama ada ini akan diteruskan lagi, *[Tepuk]* kita akan mengkaji dan kita akan *watch closely*, dengan izin, keadaan semasa.

Mengenai kontrak-kontrak kecil yang berjumlah RM4 bilion. Seperti yang saya sebutkan sebelum ini di dalam Penggulungan Perbaahan Titah Diraja, sebanyak– Setakat sehingga 14 Ogos ini, data terbaru, sehingga 14 Ogos, sebanyak RM3.4 bilion telah disalurkan sebenarnya kepada kementerian. So, masih ada lagi wang yang belum lagi disalurkan. So, masih ada lagi wang yang belum lagi disalurkan daripada jumlah RM4 bilion.

Maklumat pelaksanaan ini dikemaskinikan oleh kementerian dan juga agensi pelaksana melalui sistem iPantau. Laporan mingguan status pelaksanaan juga dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Majlis Tindakan Ekonomi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau minta penjelasan sikit, Yang Berhormat. Terima kasih...

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]:** Kubang Pasu dulu *kot.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat bagi tadi, soalan daripada Yang Berhormat Pontian. Akan tetapi saya minta, kita minta supaya yang pertama, digahkan dan diuar-uarkan supaya timbul rangsangan ekonomi. Kedua, saya minta sebab oleh sebab kontraktor kecil ini asas kepada perjuangan ekonomi di peringkat pertengahan, kalau boleh benda ini di dua kali gandakan.

Maknanya, daripada RM4 bilion, kita isytihar kata lagi tambahan lagi RM4 bilion. Ini sebab tidak rugi menolong kepada kontraktor kecil sebab ia merupakan penggerak ekonomi yang pernah pada masa dulu, hasil daripada *preemptive*, kita dapat pertumbuhan ekonomi sebanyak satu peratus lebih, hasil daripada usaha yang dibuat oleh kerajaan.

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]:** Kubang Pasu pula *kot.*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih. Yang Berhormat Kubang Pasu, silakan.

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi disebut tentang OPR yang telah *reduce* kepada sebanyak 1.75 peratus dan sebagainya.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Benar.

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]:** Cuma, saya hendak sebutkan di sini, dalam pembiayaan PKS PENJANA sebanyak RM2 bilion, keutamaan diberikan

kepada PKS sehingga pinjaman sebanyak RM500,000. Begitulah juga pembiayaan mikro kredit sebanyak RM1 bilion diberikan, maksimum sebanyak RM50,000 kepada BSN dan TEKUN.

Soalan saya ialah kenapa kita hendak letakkan kadar faedah ataupun keuntungan yang diambil sebanyak 3.5 peratus? Padahal OPR kita sudah turunkan sampai 1.75 peratus? Kalau kita hendak bantu Yang Berhormat Menteri, kita bantu *all the way*. Macam di *Singapore*, mereka hanya kenakan 0.1 peratus sahaja keuntungan ke atas pinjaman yang diberikan kepada mikro kredit dan PKS ini. Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu. Memang OPR ini telah diturunkan daripada- sehingga ke 1.75 peratus dalam masa tujuh bulan. Akan tetapi kalau kita lihat daripada *total cost of borrowings* ialah dalam lebih kurang 4.7 peratus hingga lima peratus dan bukannya sebanyak 3.5 peratus. Ini kerana OPR ialah salah satu *variables*, dengan izin, untuk tahu kos sebenar *interest rate* itu. Jadi, sebenarnya kosnya adalah lebih kurang 4.5 peratus hingga lima peratus, sementara pinjaman yang dibuat oleh BSN, SRF, TEKUN dan sebagainya ialah sebanyak 3.5 peratus.

*Just for your information* Yang Berhormat, semasa kita membuat pengumuman semasa pakej PRIHATIN, jumlahnya sebenarnya BSN dengan TEKUN itu yang berjumlah 500– kadarnya kosong peratus. Cuma semasa PENJANA itu, kita naikkan kepada 3.5 peratus kerana melihat kos. Ini juga tidak melibatkan menjadi *moral hazard* kepada peminjam-peminjam.

Akan tetapi kita akan membantu sebanyak mungkin kepada mereka yang memerlukan. Sama juga dengan pembiayaan pakej PENJANA yang di dalam rang undang-undang ini yang berjumlah RM2 bilion ini daripada kerajaan sendiri. SRF itu ialah daripada Bank Negara sebanyak RM10 bilion. BSN dan TEKUN ialah sebanyak RM1.1 bilion.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, kalau boleh saya mencelah. Yang Berhormat Menteri, kalau boleh saya dapatkan sikit– Kuala Selangor. OPR memang baik, ia *monetary policy* tetapi *monetary policy* juga ada kekangannya, ada *constraint* nya, ada ia punya *limit* dan batasannya. Cuma yang hendak saya tanya adalah *what would be the effective rate* yang akhirnya dikenakan ke atas peminjam? Itu yang lebih penting. Kadangkala OPR pun tidak dapat membantu. Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** *Effective rate* yang akan dikenakan kepada peminjam sekiranya peminjam memohon pinjaman daripada BSN ataupun TEKUN ataupun SRF di mana inisiatif-inisiatif yang diumumkan di bawah pakej PRIHATIN dan PENJANA ialah sebanyak 3.5 peratus. Juga, ini kita melalui Cagamas Berhad dan SJPP juga membuat jaminan kepada pinjaman-pinjaman ini sebanyak 80 peratus. Terima kasih Yang Berhormat. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan...

**Tuan Ahmad Fadhl bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Menteri, Pasir Mas satu lagi.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Pasir Mas?

**Tuan Ahmad Fadhl bin Shaari [Pasir Mas]:** Isu moratorium.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey.

**Tuan Ahmad Fadhl bin Shaari [Pasir Mas]:** Saya telah bangkitkan isu LPPSA ya. Kenapa tidak dimasukkan juga dalam pakej moratorium? Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Isu LPPSA ya? Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Mengenai LPPSA ini, kerajaan telah sebenarnya mengeluarkan kenyataan mengenai perkara ini dan tidak memberi moratorium secara automatik memandangkan penjawat awam menerima gaji penuh dan seperti biasa. Selain itu, kerajaan terus membantu penjawat awam melalui bonus khas BPN dan sebagainya.

Namun, kerajaan sedar ada yang mungkin mempunyai pasangan yang terkesan dan memerlukan bantuan bagi meringankan beban aliran kewangan. Sehubungan itu, peminjam disarankan mendapat nasihat terus daripada LPPSA yang menyediakan perkhidmatan seperti penstrukturran semula bayaran, penangguhan dan sebagainya berdasarkan kepada situasi semasa. Ini pernah dan ramai juga yang mendapat kelulusan daripada LPPSA.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri...

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ya, saya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bercakap tentang penjawat awam. Saya cuma ingin tanya, beberapa hari ini kita lihat pengumuman oleh Yang Berhormat Kuala Nerus, bahawa beliau akan memberi sumbangan selama empat bulan gaji. Sudah kah kementerian menerima wang itu? *[Dewan riuh]*

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** *[Tidak jelas]* Yang Berhormat Jelutong, cerita. *[Tidak jelas]* Yang Berhormat Jelutong.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ini kita lihat sebab ia boleh membantu rakyat juga. So, saya ingin tahu adakah beliau ikhlas?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tidak payah jawablah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Adakah wang itu telah diterima atau ada apa-apa komitmen dari Yang Berhormat Kuala Nerus?

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Tunggulah masa.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Itu kena bagi juga?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, Yang Berhormat Jelutong, saya tiada jawapan untuk soalan itu. *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan sesi penggulungan ini bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan sekali lagi oleh Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Lembah Pantai dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang bertanyakan.

Tadi Yang Berhormat Kangar juga tanya juga tadi berkaitan cadangan untuk kerajaan menaikkan had statutori lebih 60 peratus KDNK. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Jun 2020, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM854.1 bilion atau sebanyak 57.7 peratus KDNK. Namun begitu, berdasarkan pengiraan had statutori, ia mencatatkan sebanyak 53.2 peratus KDNK. Masih di bawah had sebanyak 55 peratus.

Kerajaan menganggarkan hutang Kerajaan Persetujuan berdasarkan pengiraan had statutori pada akhir tahun 2020 adalah sekitar 56 peratus KDNK iaitu sedikit melebihi 55 peratus, telah mengambil kira keseluruhan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi yang sebanyak RM45 bilion ini.

Ia juga bergantung kepada prestasi perbelanjaan pakej ini. Ini bermakna, selepas mengambil kira suntikan fiskal sebanyak RM45 bilion berdasarkan had sebanyak 60 peratus, kerajaan masih mempunyai ruang pinjaman tambahan dalam empat peratus. Ini bersamaan dengan RM60 bilion ataupun setiap satu peratus itu ialah lebih kurang RM15 bilion berdasarkan KDNK of RM1.5 trillion.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Boleh minta sikit Yang Berhormat Menteri? Ada soalan lanjutan saya tadi daripada ini.

■1550

Kalau kita masukkan sekali dengan *off budget* punya *expenditure*, dengan izin. Berapakah jumlah hutang kita berbanding dengan KDNK?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, sebenarnya saya sudah jawab sebelum ini tetapi mungkin— tidak apa, saya jawab sekali lagi. Hutang Kerajaan Persekutuan pada *estimate* kita 2020 iaitu *quarter* pertama yang saya sebut tadi ialah pada bulan Jun. Kalau *quarter* pertama ialah sebanyak RM823.8 bilion. Kita ada jaminan, komited sebanyak RM166.9 bilion. Kita ada 1MDB sebanyak RM32.6 bilion. Lain-lain liabiliti juga dan *total*-nya ialah sejumlah RM1.193.8. Saya sudah sebut ini banyak kali sudah. Sejumlah RM1.193 bilion. *[Disampuk]* Kalau boleh saya sambung Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bagi jawapan bertulis sahaja...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Maksud saya itu yang semasa. Akan tetapi, tadi kita bercakap tentang unjuran sebab kita buat ini...

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tidak, itu suku pertama 2020.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ya, betul. Itu suku pertama. Akan tetapi bila kita cakap tadi kita mengunjurkan tadi takkan lebih daripada 60 peratus dalam tempoh kita melaksanakan langkah sementara ini. Jadi, dalam unjuran yang sama...

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Pada akhir tahun ini. Pada akhir tahun ini, sebanyak 56 peratus. Akan tetapi kita cadangan had statutori hutang ke 60 seharusnya mencukupi buat masa ini. Meningkatkan paras hutang dengan ketara ini akan mengkompromikan kedudukan kewangan kerajaan buat jangka masa pendek dan sederhana. Kita kena menyedari sumber ini adalah sumber pinjaman seperti saya jawab pada Yang Berhormat Bagan tadi. Apa yang kita pinjam hari ini perlu dibayar balik di masa hadapan. Tentu sekali yang akan membayarnya nanti adalah anak-anak dan cucu-cucu kita.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Lagi satu, saya hendak jawab juga Tuan Yang di-Pertua. Ada beberapa Yang Berhormat yang bertanya mengenai krisis ini, jangan terlalu gusar terhadap tahap penarafan negara atau *rating agency*. Jangan risau lah tentang *rating agency* ini. Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Port Dickson dan banyak lagi Yang Berhormat yang membangkitkan ini.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Boleh beri jalan?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya setuju bahawa kita tidak boleh terlalu *obsess* dengan penarafan. Keutamaan kerajaan adalah melindungi rakyat dan perniagaan. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh lupa bahawa penarafan mencerminkan keyakinan pelabur ke atas keupayaan dan daya tahan sesebuah ekonomi. Penarafan ini juga punya kesan domino yang signifikan ke atas ekosistem dan kewangan negara termasuklah kadar tukaran asing, kos pembiayaan pelaburan langsung asing (FDI), pasaran dan aliran modal serta prestasi dagangan.

Lagi satu soalan saya hendak jawab fasal ramai yang bertanya ialah mengenai Bon Samurai ini. Bon Samurai.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tadi, Yang Berhormat Menteri Kewangan kata hutang ini banyak. Kita kena bayar. Mungkin anak dan cucu kena bayar. Saya hendak tanya langkah pendek ini. Adakah kemungkinan kerajaan akan menimbang mungkin menaikkan cukai-cukai baharu untuk menampung ini? Daripada bajet kerajaan ini yang mana lebih baik, SST kah atau pun GST?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri, kalau boleh berkenaan dengan perkara ini.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Biar saya jawab dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Perkara yang sama.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Biar saya jawab soalan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ada berkaitan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Oh, berkaitan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini kerana dalam ucapan saya, saya sudah nyatakan kerajaan mengatakan bahawa dana atau Kumpulan Wang COVID-19 ini merupakan satu langkah sementara. Tadi Yang Berhormat Menteri sudah menjawab hutang ini akan berlarutan. Jadi, apa maksudnya ini dana sementara yang akan dibubarkan pada 31 Disember 2022. Jadi, maksudnya ini dana sementara sahaja tetapi kesannya berlarutan. Kerajaan tidak boleh membayar balik dalam dua tahun ini. Jumlah RM45 bilion ini.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, bagi saya jelaskan beberapa soalan tadi. Semasa pembentangan Belanjawan 2020, sebenarnya kerajaan telah mengumumkan unjuran hasil, ini mengenai GST ataupun SST iaitu hasil kerajaanlah Yang Berhormat. Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 diunjurkan sebanyak RM244.5 bilion

dengan andaian harga minyak mentah lebih kurang USD62 setong. Namun, krisis pandemik COVID-19 telah memberikan impak yang besar kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Selain itu, hasil kerajaan juga dijangka terjejas dengan pengenalan inisiatif percuakan termasuk pengecualian cukai dan penangguhan bayaran cukai perniagaan dalam pakej-pakej rangsangan. Berdasarkan situasi semasa, mengambil kira impak krisis COVID-19 serta kedudukan ekonomi dan kejatuhan harga minyak mentah dunia anggaran hasil dijangka mengalami pengurangan sekitar 15 hingga 20 peratus. Namun demikian Yang Berhormat, kerajaan sentiasa terbuka dengan pelbagai pendekatan dalam usaha mengukuhkan asas hasil bagi menambah baik kedudukan kewangan negara.

Sebarang cadangan termasuk GST untuk memperkenalkan cukai baharu perlu diperincikan dan diteliti untuk melihat impaknya kepada kos sara hidup rakyat serta kos menjalankan perniagaan. Proses libat urus secara inklusif juga perlu diadakan supaya sebarang pengenalan cukai baharu dapat difahami dan diterima rakyat terutamanya berkenaan kepentingan dan kebaikan sesuatu cukai yang dilaksanakan.

Selain itu, kerajaan juga akan terus melaksanakan pendekatan dengan mengkaji semula sistem percuakan semasa. Kerajaan juga sedang memperkemas pentadbiran cukai bagi meningkatkan tahap pematuhan, ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi juga, di kalangan pembayar cukai sebagai langkah mengurangkan ketirisan hasil. Kerjasama dengan pelbagai agensi dalam negeri dan di peringkat antarabangsa juga akan dipertingkatkan. Tindakan penguatkuasaan dan pendidikan secara berterusan juga merupakan sebahagian daripada pendekatan yang dilaksanakan dalam meningkatkan kutipan hasil. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, tadi saya memberi cadangan. Sebanyak tujuh kaedah cadangan untuk menambah pendapatan kerajaan. Puas juga saya memikirkan itu. Tujuh hari tujuh malam baru dapat tujuh cadangan untuk menambah pendapatan kerajaan. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil tindakan terhadap cadangan-cadangan itu. Jika baik, bolehlah. Jika tidak baik, tidak apalah.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Tadi, saya sebenarnya telah dapat cadangan-cadangan dan kita akan pertimbangkan di peringkat Kementerian Kewangan dan boleh masuk dalam Belanjawan 2021 kalau ideanya bagus.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri, saya punya soalan belum dijawab. Saya ada meminta bilangan pecahan penerima daripada negeri Sabah di bawah bantuan prihatin dan juga PENJANA ini. Bagaimana disalurkan kepada mereka yang berada di luar bandar khususnya di perkampungan yang jauh? Belum terjawab lagi Yang Berhormat.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, saya akan jawab. Banyak soalan sebenarnya ya. Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Batu Sapi dan Yang

Berhormat Sibuti juga telah membangkitkan juga soalan ini tentang pembayaran Bantuan Prihatin Nasional kepada penduduk di luar bandar dan kawasan pendalamatan juga.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 14 Ogos 2020 jumlah bantuan daripada program yang disenaraikan di dalam rang undang-undang COVID-19 bagi negeri Sabah adalah bernilai RM1.6 bilion. Antaranya termasuk sebanyak 16,490 majikan di Sabah telah menerima manfaat di bawah Program Subsidi Upah. Ini bagi mengekalkan seramai 125,487 orang pekerja bernilai RM461.62 juta. Seramai 904,567 orang rakyat di Sabah telah menerima manfaat daripada Bantuan Prihatin Nasional bernilai RM983.34 juta.

Sebanyak 103 PKS di Sabah telah menerima manfaat di bawah Skim Pembiayaan PKS PENJANA sebanyak RM22.23 juta. Sebanyak 19,671 PKS di Sabah telah menerima bantuan daripada Geran Khas PRIHATIN sebanyak RM59.01 juta. Sebanyak 3,397 PKS mikro di Sabah telah diluluskan pinjaman mikro kredit BSN dan TEKUN di bawah pakej PRIHATIN dan PENJANA dengan nilai sebanyak RM45.35 juta. Seramai 65,544 orang petugas barisan hadapan di Sabah telah menerima elauan khas COVID-19 bernilai RM24.49 juta. Jadi, *total*-nya Yang Berhormat sejumlah RM1.6 bilion kepada rakyat Sabah. Ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, boleh selesaikan lima minit?

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit. Boleh selesaikan dalam masa lima minit?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain-lain boleh dijawab secara bertulis.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, ada soalan daripada Yang Berhormat Bagan sebelum ini membangkitkan perolehan secara tender terbuka. Soalan saya, adakah kaedah-kaedah tender yang ada dan semasa pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan, ada tidak tender secara rundingan terus diadakan? Berapa bilangan dan jumlahnya? Saya hendak tahu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ada banyak.

**Seorang Ahli:** Itu jawab bertulis.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Yang Berhormat Pontian, saya hendak buat *clarification* di sini, dengan izin. Perolehan projek kerajaan secara persaingan terbuka melalui kaedah perolehan secara berikut. Secara sebut harga atau tender terbuka atau tender terbuka pra kelayakan.

Namun begitu, bagi keadaan tertentu kaedah perolehan secara rundingan terus dibenarkan dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Dibenarkan berdasarkan kriteria berikut:

- (i) perolehan bekalan perkhidmatan melibatkan keperluan mendesak yang mana jika perolehan tersebut tidak dilaksanakan dengan segera, ia boleh memudaratkan dan menjelaskan perkhidmatan serta kepentingan negara;

**■1600**

- (ii) keperluan penyeragaman bagi memastikan kesesuaian penggunaan ataupun, dengan izin, *compatibility* antara barang sedia ada dengan barang baru yang diperolehi;
- (iii) satu punca bekalan atau perkhidmatan iaitu pengeluaran produk atau penyediaan perkhidmatan hanya boleh dibekalkan daripada satu sumber sahaja;
- (iv) keselamatan strategik yang melibatkan perolehan item atau perkhidmatan demi keselamatan; dan
- (v) kontrak dengan syarikat pembuat (*manufacturer*) Bumiputera yang memenuhi semua syarat kelayakan.

Di dalam perkara ini, kementerian perlu mengemukakan permohonan perolehan secara rundingan terus berdasarkan kriteria di atas kepada Kementerian Kewangan bagi mendapatkan kelulusan sebelum perolehan boleh dilaksanakan sebagai langkah kawalan. Jadi, hendak menjawab soalan tadi, saya bagi *the background first*-lah, dengan izin.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semasa pentadbiran sebelum ini, terdahulu, sejumlah 101 projek atau perolehan yang bernilai RM6.61 bilion telah diluluskan secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** RM6 bilion? *Astaghfirullah hal 'azim.*

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Banyaknya RM6 bilion, 100 lebih projek. Ya Allah, temberang betul PH.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Minta bagi senarai dan penerimanya nanti.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Direct nego* RM6 bilion, Yang Berhormat Bagan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, saya tidak berapa dengar. Berapa projek tadi? Seratus berapa projek?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, *to be fair*, kena *explain* apa projek tersebut.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, minta ulang balik tadi. Tidak berapa *clear* dekat sini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak berapa dengar yang rundingan terus semasa zaman PH.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Minta bagi senarai penerima.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terkejut kami.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** RM6.6 bilion, berapa projek, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terkejut kami.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak berapa dengar saya, minta maaf. Ulang balik boleh?

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Boleh ulang balik. Elok ulang balik. Yang Berhormat Bagan boleh nafikan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Direct nego* RM6 bilion itu, kami hendak senarai dibentangkan kepada kami semua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Jumlah rundingan terus zaman PH.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, saya ulang balik jumlahnya. Sejumlah 101 projek atau perolehan yang bernilai RM6.61 bilion.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Hebat, Yang Berhormat Bagan. Hebat!

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengakhiri...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tolonglah bangun. Tolong.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya terbuka sekiranya Yang Berhormat Menteri hendak berikan senarai itu tender-tender yang diberikan bukan secara tender terbuka. Kalau kita lihat jumlah yang diberikan secara tender terbuka, ia jauh lebih besar dan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang disebut tadi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita hendak tahu yang itu sahaja.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita hendak senarai penuh tender.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita beri peluang kepada Yang Berhormat Bagan. Silakan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri, ia adalah dalam syarat-syarat tertentu...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bagi kepada kronikah?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Dan ini di bawah...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita hendak 101 *direct nego* itu diberikan kepada kami semua.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini juga di bawah kelulusan pihak Kabinet...

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tidak payahlah. Terus jawab, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Dan juga daripada peraturan yang sedia ada. Kita tidak ada apa hendak sembunyi.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak payah jawablah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Bagan cakap bersih, DAP bersih. Bersih macam mana pun, ada rundingan terus.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa, tidak mengapa. Kita beri peluang kepada Yang Berhormat Bagan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Rakyat Malaysia 'terkujut'.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terpulang kepada Yang Berhormat untuk nyatakan apakah...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Terkujut besar di atas pembohongan yang telah dibuat.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Rakyat dekat Slim River kena tahu. Seratus satu kes...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, sila...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** RM6.61 bilion.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Boleh saya teruskan?

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Biar Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Tidak payah Yang Berhormat Bagan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seminit.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia tidak akan mengaku punya. Mati pun tidak mengaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pohon beri peluang.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak tahu sampai bila...

*[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

*[Dewan riuh]*

Yang Berhormat Jelutong, tolong. Yang Berhormat Bagan, silakan. Saya hendak selesaikan perkara ini.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Seperti yang saya sebut tadi, Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Pembohongan daripada Yang Berhormat Bagan. Tahniah!

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan apakah projek yang diberikan secara *direct award* dan ia juga diluluskan oleh Kabinet. Seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang pun tahu...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya, soalnya, ada lah *direct nego*.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Di mana kelulusan diberikan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kita tidak ada apa-apa hendak sembunyi.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tak payahlah. Habis masa sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang pentingnya...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan, tolong.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dari segi jumlah kontrak yang diberikan berbanding dengan yang diberikan secara tender terbuka dan secara *direct award*. Sekarang berbanding dengan yang dulu.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak payahlah, tidak payahlah.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kita tidak ada apa-apa hendak sembunyi. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang pentingnya, PH ada *direct nego*.

Mereka telah berbohong dengan rakyat Malaysia kononnya mereka hanya buat tender terbuka.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Pohon semua bawa bertenang. Yang Berhormat Menteri Kewangan, sila habiskan perbahasan penggulungan ini.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Perkara ini rakyat kena tahu, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapat penjelasan? Tadi kontrak-kontrak yang diberikan secara terus, adakah ia melanggar syarat-syarat yang ditetapkan?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Rakyat kena tahu di luar sana, zaman Pakatan Harapan 101 projek, RM6 bilion *direct nego*.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Bagaimana dengan Tabung Haji? Tabung Haji?

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong! Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Yang Berhormat, tolong. Yang Berhormat Menteri Kewangan, sila tamatkan perbahasan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *you should manage The House well.*

*[Dewan riuh]*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengakhiri ucapan saya ini.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ada salah laku...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Hendak dapat penjelasan.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Bukan macam Barisan Nasional.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak benarkan pencelahan lagi. Yang Berhormat Menteri Kewangan, silakan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Maklumat penting telah pun terbongkar.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri sudah bagi tahu ini tender secara terus.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Kalau ada salah laku, SPRM boleh masuk.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sedang membahaskan Rang Undang-undang COVID-19. Yang Berhormat Menteri Kewangan, sila tamatkan penggulungan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau Yang Berhormat Menteri sudah bagi jawapan, dia mesti jelaskan adakah ini syarat-syarat, peraturan daripada Kerajaan Barisan Nasional.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** You pun samalah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, tolong bagi secara bertulis kepada kami. Kami hendak senarai-senarai *direct nego* itu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri mesti beri gambaran yang betul.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Bukan semua perkhidmatan boleh...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong! Sila tamatkan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okeylah, sudahlah. Yang Berhormat Menteri Kewangan, tidak payah layanlah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak payahlah mananya pihak hendak tolong. Tidak payah tolong. Tidak payah hendak tolong Yang Berhormat Bagan.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri peluang kepada Yang Berhormat Ketua pembangkang.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Saya setuju supaya semua senarai kontrak tanpa tender dihebahkan kepada awam... *[Tepuk]* Dan sama ada semasa Pakatan Harapan atau semasa Perikatan Nasional.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak, tidak. Kita hendak zaman Pakatan Harapan. Sebab Pakatan Harapan panggil kami pencuri, kami semua perompak. Jadi kami hendak zaman Pakatan Harapan itu dahulu.

*[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Saya bukan Menteri. Menteri di depan saya. Yang Berhormat Menteri Perikatan Nasional di hadapan saya. Biar dia jawab. Fasal apa saya hendak kena jawab? Saya tanya minta penjelasan ..

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Saya rasa...

*[Dewan riuh]*

Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Yang Berhormat Menteri Kewangan mempunyai lantai percakapan. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya kita boleh tamatkan penggulungan ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Mesti tulus bagi jawapan.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya kata...

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Ini apa Menteri Kanan pula bangun ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Saya beri kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Ini floor Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Yang Berhormat Menteri Kewangan beri laluan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ini ikut peraturan mana ini?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tak percaya kah? Tak percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]:** Saya nak jawab Yang Berhormat Port Dickson.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ini ikut budaya mana ini?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh jawab sendiri.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Tak payahlah nak tunjuk act dekat sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seminit, seminit. Sila.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Duduklah. Duduk, duduk.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Speaker bagi laluan. Awak bukan Speaker.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Duduk, duduk. Ini bukan new normal.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:**  
Duduklah, Yang Berhormat Gombak.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gombak, seminit, seminit. Satu minit. Silakan.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemudian Yang Berhormat Menteri Kewangan tamatkan penggulungan.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Ini perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Port Dickson yang menyatakan kita menteri-menteri sepatutnya menjawab. Kita ada Menteri Kewangan memberikan butiran, bukti yang jelas bahawa pada zaman PH pun berlaku perkara yang sama. Jumlahnya RM6 bilion. Dan tidak betul Yang Berhormat Bagan kata Kabinet tahu. Mana ada pembentangan senarai projek.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Gombak, awak bukan PH kah semasa itu?

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat semua...

*[Dewan riuh]*

Ahli-ahli Yang Berhormat semua...

*[Dewan riuh]*

Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat semua tolong duduk. Tolong duduk, tolong duduk.

*[Dewan riuh]*

Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila duduk semua. Tolong diam, tolong diam.

*[Dewan riuh]*

*Decorum, tolong. Ahli-ahli Yang Berhormat semua...*

*[Dewan riuh]*

Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Yang Berhormat Menteri Kewangan, sila teruskan. Kita hendak mengundi ini.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Bagi senarailah baru jelas. Yang tidak jelas ini video sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang Berhormat Gombak jadi menteri Kabinet PH. Jangan malu.

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kewangan, sila teruskan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan tidak pernah bentangkan senarai projek dalam Kabinet. Tidak pernah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, beri Yang Berhormat Menteri jelaskan adakah pemberian kontrak secara terus mengikut...

*[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

■1610

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kewangan tolong – semua duduk, bertenang. COVID-19 ini, COVID-19. Yang Berhormat Menteri Kewangan, silakan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Beri senarai, baru jelas.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Menteri Kewangan, boleh minta penjelasan Menteri Kewangan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong duduk, tolong duduk.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Syarat dan peraturan...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas, amaran pertama.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Amaran kedua.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk! Duduk!

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Amaran ketiga.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk! Saya mahu kamu keluar daripada Dewan sekarang.

*[Dewan riuh]* Keluar Dewan sekarang sehingga esok baru boleh datang. Saya beri amaran kepada semua, sesiapa sahaja yang buang masa, saya usir keluar Dewan sekarang.

Yang Berhormat Menteri Kewangan, sila teruskan. Yang Berhormat Beruas, tolong keluar, tolong keluar. Yang Berhormat Menteri Kewangan, tolong, teruskan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Speaker, Speaker, be fair.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk!

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Speaker...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk!

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk! Yang Berhormat Menteri Kewangan, tolong. Yang Berhormat...

*[Dewan riuh]*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Tolong beri senarai. *[Tidak jelas]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tolonglah adil dan minta Ahli-ahli Yang Berhormat...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong duduk.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong duduk. Yang Berhormat Menteri Kewangan, tolong habiskan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak akhiri ucapan saya ini. Saya bawakan pepatah berzaman yang berbunyi, '*Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafaka'*. Mengambil pedoman daripada pepatah ini, saya yakin setiap Ahli Yang Berhormat akan menggunakan kebijaksanaan dan pertimbangan sehabis baik untuk kita sama-sama menyokong rang undang-undang ini. Marilah seiring dalam sokongan kita, '*Serumpun bak serai, sesusun bak sirih*'. Di dalam Dewan yang mulia ini, yakinlah bahawa kerajaan telah membuktikan bila mana rakyat memerlukan, kerajaan bersedia untuk melaksanakan tanggungjawabnya. *[Tepuk]*

Dalam tempoh seminggu lagi, negara kita akan meraikan kemerdekaan yang ke-63. Sebagai sebuah negara berdaulat, pelayaran yang kita tempuh bersama dalam tempoh enam dekad ini tidak sunyi daripada gelora. Namun, setiap kali kita diuji, kita membuktikan bahawa kita mampu mengatasinya dengan kebijaksanaan dan kesepakatan. Kesepakatan inilah yang rakyat mahukan daripada kita hari ini. Merentas jurang, melintas garisan parti.

Kesepakatan inilah yang rakyat mahu saksikan dalam kita memutuskan rang undang-undang yang telah pun dibahaskan, rang undang-undang yang akan membela nasib mereka yang dilanda seba cabaran. Janganlah rakyat dibiarkan hampa. Bayu telah pun bertiup, layar telah dilabuhkan, bahtera sudah pun di air, yang tinggal hanyalah keputusan sebulat suara Ahli-ahli Dewan ini untuk kita teruskan perjalanan ini. *[Tepuk]* Moga diberkati Allah SWT. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita diuji dengan RM6.61 bilion *direct negotiation*.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Rahsia terbesar sudah terbongkar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong! Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

### Fasal-fasal 1 hingga 8 –

**Tuan Pengerusi:** Saya buka kepada perbahasan. Yang Berhormat Ketua Pembangkang hendak bercakap atau Yang Berhormat Bagan? Selama 15 minit.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *Direct negotiation* belum selesai, mahu bahas lagi kah.

**Tuan Pengerusi:** Sila ...[Dewan riuh] Lantai. Yang Berhormat semua...

**[Pembesar suara dimatikan]**

Yang Berhormat semua, Yang Berhormat semua, lantai percakapan diadakan untuk Yang Berhormat Bagan. Sila berikan Yang Berhormat Bagan peluang. Selama 15 minit Yang Berhormat Bagan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua. *Point of order*, semua kena diam.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini hendak ganggu ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya bukan hendak ganggu, saya ada *point of order*.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, sila, sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tadi Yang Berhormat Bagan menyebut bahawa perkara tersebut telah dirujuk kepada Kabinet, *direct negotiation*. Yang Berhormat Gombak beritahu tidak pernah dirujuk kepada Kabinet. Dia telah mengelirukan Dewan. [Dewan riuh]

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Gombak ponteng.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Gombak ponteng.

**[Pembesar suara dimatikan]**

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Gombak yang pengkhianat.

**[Pembesar suara dimatikan]**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat...[Dewan riuh] Tolong semua. Yang Berhormat Arau, sila bangkitkan perkara ini secara bertulis. Saya akan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan. Yang Berhormat Bagan, silakan, 15 minit. Tolong, Yang Berhormat semua. Saya tak nak usir orang keluar Dewan lagi. Silakan.

**4.16 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya. Kalau sebut tentang urusan Kabinet, bukan sahaja Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pun ada minta dibuat secara *direct award*. *[Tepuk]* Itu memang semua ada dalam rekod. Terpulanglah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sekarang kita dalam peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada fasal...

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]:** Menteri dulu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, Menteri dululah. Menteri Dalam Negeri dulu. Sekarang Perdana Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Fasal berapa?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya rujuk kepada fasal 1 hingga 5, khususnya tentang penggunaan Kumpulan Wang COVID-19. Saya merujuk kepada satu laporan daripada satu kajian oleh dua agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di mana didapati empat dalam 10 keluarga berpendapatan rendah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur merasakan hidup mereka akan lebih dijerut kesempitan ekonomi dalam masa enam bulan akan datang.

Dalam kajian daripada kedua-dua agensi ini iaitu UNICEF dan juga UNFPA iaitu kajian oleh Tabung Kependudukan PBB dan Tabung Kanak-kanak PBB iaitu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang melibatkan 500 isi rumah daripada 30 buah keluarga di 16 rumah pangsa di Kuala Lumpur di antara Mei hingga November, mendapati bahawa 40 peratus menyatakan keadaan akan lebih buruk sementara dua dalam tiga, sementara satu daripada 10 menyatakan akan jadi lebih baik.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) mempergerusikan Jawatankuasa]*

Bermakna, 40 peratus menjangkakan kedudukan ekonomi mereka lebih teruk berbanding dengan hanya 10 peratus sahaja.

Itulah seperti yang saya sebut tadi, mengapa kita harus gandakan bantuan yang diberikan. Lebih-lebih lagi bila kita lihat tentang penguncutan ekonomi dalam suku kedua adalah sebanyak 17.1 peratus iaitu yang paling teruk dalam sejarah Malaysia. Tidak pernah berlaku penguncutan seperti ini. Seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Malaysia sekarang dalam kedudukan *technical recession*. Ada dua suku secara berturut-turut, kita *quarter on quarter* kita ada penguncutan.

So, sekiranya kita hendak pulih semula, adalah perlu bahawa kita membuat suntikan yang sewajarnya supaya kita dapat menyelamatkan ekonomi khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Ini satu isu yang sangat penting kerana kita semua tahu, apabila penguncutan ekonomi berlaku, kesan dan impak yang paling teruk dialami dan ditanggung oleh mereka yang berpendapatan rendah.

**■1620**

Kajian daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini membuktikan keadaan yang amat runcing ini. Kita pun lihat dari segi pendapatan mereka, banyak yang menggadaikan barang bernilai dan barang emas mereka supaya mereka boleh menempuh dan juga menghadapi keperluan mata pencarian secara harian. Termasuk juga artis-artis, ada artis-artis pun dilaporkan telah menggadaikan barang bernilai mereka, supaya mereka dapat hidup. Itu sahaja.

So, itulah sebab kita masih harap seperti mana yang disarankan oleh pihak parti pembangkang. Tambalah, kalau boleh gandakan bantuan yang diberikan seperti Yang Berhormat Menteri Kewangan sebut tadi RM45 bilion, kita tahu tidak ada hasil. Hasil pun telah turun lebih 30 peratus. Kita tidak ada sumber kewangan. Tidak apa, kita pinjam. Sungguhpun kita hendak kawal penambahan pinjaman. Keadaan sedemikian itu memang kita boleh terima kerana ini adalah keadaan krisis. Pinjam lagi daripada pasaran domestik dengan kecairan yang sedia ada di mana pasaran domestik— hutang adalah sebanyak RM1.6 trilion, memang mampu untuk kita pinjam dari segi hutang domestik ini.

So, itulah di antara permintaan daripada bukan sahaja daripada pihak pembangkang juga daripada pihak rakyat. Kita gandakan jumlah ini, kalau tidak lebih ramai rakyat Malaysia akan menghadapi kesulitan dan kesusahan. Di samping itu, saya pun hendak tahu bahawa di antara kalau kita lihat— ini saya tidak mahu pergi kepada jadual, ini akan pergi ke jadual secara terperinci kerana saya hendak bagi peluang kepada Ahli Yang Berhormat lain. Akan tetapi, di sini kita lihat kumpulan wang COVID-19 ini merangkumi ada 31 program yang telah pun dinyatakan dalam senarai ataupun jadual rang undang-undang.

Di sini saya tertarik dengan dakwaan oleh Yang Berhormat Baling tadi bahawa Yang Berhormat Kuala Nerus apabila pergi ke Turki bawa balik pelaburan luar negeri sebanyak RM82 bilion...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak betul, saya sudah betulkan, tidak betul.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** So, hendak tahu, sama ada ini adalah berjumlah...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu jangan kelirukan, cukuplah, bagi dulu. Dulu Yang Berhormat Bagan cakap tidak ada *direct nego*. Sekarang kita sudah dapat tahu *direct nego* sudah RM6 bilion.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tidak bolehlah, ini giliran...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jangan kelirukan. Ini semua kelirukan. Jangan kelirukan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi,...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya hendak bagi tahu sejak Januari sampai Jun sebanyak RM82 bilion Yang Berhormat Kuala Nerus telah bawa masuk. Itu yang saya maksudkan bukan kerana pergi Turki.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *[Tidak jelas]* Dihantar keluar. Macam mana you control the floor?

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Laporan Yang Berhormat Baling kah siapa?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Pada tahun 2019, adalah sebanyak RM31.7 bilion tapi kononnya Yang Berhormat Kuala Nerus begitu ajaib sekali, boleh bawa RM82 bilion. Kalau betullah kejayaan Yang Berhormat Kuala Nerus...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini laporan kementerian Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, kenapa Yang Berhormat Baling boleh berdiri...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kenapa benarkan Yang Berhormat Baling mencelah macam ini?

*[Dewan riuh]*

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Jangan buat lawaklah, Yang Berhormat Baling.  
*[Pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *This is the fact.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Speaker sudah bagi arahan siapa...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dulu Yang Berhormat, cukuplah tipu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, halau balik lah, *please-lah.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Baling duduk. Tolong duduk. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Bagan lapan minit 12 saat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** So, seperti yang saya sebut itu suatu prestasi yang amat mengejutkan iaitu hampir tiga kali ganda FDI yang dicatatkan pada tahun 2019. Kalau ini benar, tahniah dan syabaslah. Saya percaya perkara ini bukanlah seperti yang diuar-uarkan. Ini tidak mungkin berlaku dalam keadaan COVID-19.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat jangan kelirukan Dewan. Ini daripada kementerian punya laporan media ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, kenapa tidak ambil tindakan kepada Yang Berhormat Baling? *I want some explanation?*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ada laporan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Baling sudah melampau.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Baling, tidak boleh.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Suruh dia keluarlah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak boleh—*point of order.*

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Baling tidak boleh, Yang Berhormat Baling.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Baling tidak puas hati, buatkan usul dengan Speaker.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia sebut nama saya Tuan Pengerusi. Kalau dia tidak petik nama saya, / tidak peduli. Kenapa dia petik nama saya? Kalau di berani petik nama saya beranilah berdepan dengan saya. Saya hendak guna peraturan mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak apa. Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya ada laporan media.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Tidak mahu dengar, keluar Dewan lah.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Seorang Ahli:** Halau dia keluar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Baling. Silakan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jangan sebut nama orang lagi. Jangan hendak petik nama orang lagi.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang Berhormat Baling tidak mahu akur kepada perintah Speaker.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau sudah tidak cerdik, dia kelirukan Dewan, cukup.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, janganlah wujudkan provokasi. Yang Berhormat, kita ini Yang Berhormat dan juga yang berkhidmat. Rakyat tengah memandang kita. Jadi, tolonglah bagikan Yang Berhormat yang hendak buatkan penggulungan. Silakan. Yang lain selepas itu siapa hendak jawab terpulanglah. Silakan lagi enam minit lebih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** So, itulah hujah yang kedua. Apa penting Yang Berhormat di Dewan ini, kita hendak pastikan bahawa langkah-langkah sementara Rang Undang-undang Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan ini dapat mencapai hasrat iaitu benar-benar membantu sasaran ataupun kumpulan sasaran (*target group*). Tidak bermakna sekiranya ia tidak mencapai hasrat yang sebenarnya dan ia akan dinilai apabila kita melihat pertumbuhan GDP untuk suku ketiga dan juga suku keempat.

Tuan Pengerusi, saya rasa adalah penting bahawa dalam krisis ekonomi yang kita hadapi, ia memang adalah satu keadaan yang amat serius. Saya percaya apabila Yang

Berhormat Perdana Menteri turun padang beliau pun akan lihat macam mana teruk keadaan ekonomi sekarang.

So, itulah sebabnya penting bahawa sekiranya hendak sampai sasarnya, ia mesti memperuntukkan wang yang mencukupi untuk mereka daripada golongan yang harus menerima. Apa yang penting ialah dapat menjana peluang pekerjaan. Apa gunanya kita belanjakan wang sekiranya kita tidak boleh selamatkan pekerjaan. Kita lihat jumlah kadar pengangguran telah meningkat ke satu tahap yang membimbangkan. Ia telah turun kepada 4.9 peratus daripada 5.3 peratus iaitu untuk bulan Jun. Akan tetapi ini adalah hasil daripada bantuan yang telah diperuntukkan. Apa yang kita minta bantuan ini diteruskan dan oleh sebab itu ia harus digandakan. Itu amat penting.

Tentulah dalam aspek ini Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana cuba menjadikan isu tentang perlunya—tentang isu tender terbuka. Ini saya amat mengalu-alukan, sekiranya perkara ini didedahkan secara umum bukan sahaja untuk Kerajaan Pakatan Harapan tapi untuk Kerajaan Barisan Nasional dan juga Perikatan Nasional. Kita lihat mana yang lebih....

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Akan tetapi, rakyat hendak tengok Pakatan Harapan punya dulu. Rakyat hendak tengok Pakatan Harapan punya dulu keluarkan sebab Pakatan Harapan panggil kita penyamun, perompak dulu.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itu makanya, '*siapa makan cili rasa pedas*'. Tengok macam ini.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sebab itulah muka Yang Berhormat Bagan merah. Yang Berhormat Bagan makan cili banyak. Itulah merah jadi.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** So, itulah dan di sini saya ingin nyatakan semasa menjadi Menteri Kewangan ada yang juga minta kerana keadaan khusus tender bukan secara tender terbuka tetapi secara *direct award* ada. Seperti yang saya sebut termasuk daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dulu, itu ada. Akan tetapi kita ikut SOP yang ditetapkan bukanlah seperti yang mana berlaku sekarang ada surat sokongan untuk anak-anak dan sebagainya. Itu tidak berlaku.

So, di sini saya harap perkara ini diberikan perhatian yang sewajarnya dan bukan dipolitikkan di mana hanya satu kumpulan kecil mendapat manfaat. Apabila sebarang dasar yang dibuat, dasar yang memberikan manfaat diteruskan, tidak kira sama ada lantikan GLC tidak harus datang daripada ahli-ahli politik ataupun tender terbuka diamalkan untuk memastikan kita dapat nilai atau harga yang paling berpatutan. Itulah permintaan daripada pihak pembangkang.

Juga, tentang perlunya bahawa bila kita sebut tentang suntikan dana RM45 bilion ini. Saya hendak tahu kalau kita sebut tentang jumlah dari segi peratusan, RM45 bilion. Kalau kita tambah lagi RM45 bilion, apakah jumlah dari segi peratusan kepada GDP. Adakah ia melebihi 60 peratus? Sekiranya tidak, saya harap sekali lagi ia boleh dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi, adalah penting bahawa kita mengambil tindakan sekarang dengan segera untuk menangkis atau mengatasi masalah penguncutan ekonomi. Janganlah bertindak tahun depan, ia mungkin terlewat. Lebih baik kita belanjakan sekarang, *let's us err* dengan izin, *let's us err on the side of caution* supaya kita belanjakan sekarang dapat selamatkan, selamatkan mereka yang susah. Saya rasa sekiranya keadaan tidak begitu teruk seperti yang dijangka. Oh, kita ingat kita unjurkan bahawa kita akan dapat positif mungkin 0.5 peratus. Kalau kita tambah 45 peratus, itu mungkin akan tambah itu GDP sebanyak empat peratus lagi. Kita dapat perkembangan pertumbuhan ekonomi 4.5 peratus.

Alangkah baik kalau kita dapat lihat pertumbuhan yang begitu sihat dan pesat ini di antara – Kalau kita tidak tambah gandakan RM45 bilion, pertumbuhan ekonomi 0.5 peratus. Kita gandakan kepada RM90 bilion, sebanyak RM45 bilion lagi, pertumbuhan ekonomi akan meningkat kepada 4.5 peratus. Ia akan menjadi satu *game changer* dengan izin Tuan Pengerusi. Itulah yang kita minta.

*Game changer economy* dengan menambah peruntukan untuk menangani krisis COVID-19, gandakan sebanyak RM45 bilion kepada RM90 bilion. Ini akan membantu dengan izin, *make the difference*, membawa perbezaan kepada kehidupan rakyat Malaysia kepada perniagaan-perniagaan PKS, kepada pekerjaan dan khususnya kepada golongan wanita khususnya ibu tunggal yang menghadapi masalah dalam keadaan ekonomi pasca COVID-19. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ahli-ahli yang lain? Yang Berhormat Pontian, lima minit ya.

#### 4.32 ptg.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, saya mungkin tidak sampai 15 minit. Cuma...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Lima minit sahaja Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Oh, lima minit sahaja?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Arahan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Perkara 1(2), disebut bahawa hendaklah terus berkuat kuasa hingga 31 Disember 2022. Apa yang saya ingin tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, kita difahamkan bahawa untuk keseluruhan tahun ini kadar pertumbuhan kita secara keseluruhan ialah -3.5 hingga -5.5 dan di peringkat global -4.9. Namun pada tahun hadapan berita baik yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dan juga Bank Negara, pertumbuhan negara kita pada tahun hadapan ialah positif 5.5 hingga positif lapan peratus melihat kepada pertumbuhan ekonomi global 5.4 peratus.

Apa yang saya ingin tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, katalah kalau kita boleh keluar daripada keadaan ini segera, kenapa kita perlu letak 31 Disember 2022. Kalau kita boleh

selesai pada tahun hadapan, 31 Disember 2021 tidak perlulah kita meletakkan berkuasa sehingga 31 Disember 2022. Itu perkara yang pertama yang ingin saya nyatakan di sini.

Dalam Perkara 5(1), ruang satu Jadual dan ada ruang dua Jadual, di situ dinyatakan segala program-program RM45 bilion ini dan juga jumlah program-program tersebut. Akan tetapi yang tidak ada di sini Yang Berhormat Menteri ialah berapa ramai penerima, kalaular ada di dalam jadual ini penerimanya. Contoh perkara dua, bantuan PRIHATIN NASIONAL, RM11.2 bilion dan kita hendak tahu berapa jumlah penerimanya. Tadi kalau tidak silap Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan 10.5 juta orang begitu.

Jadi kalau kita ada kolumn, satu lagi kolumn mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menyebut dalam jawapannya, Program Subsidi Upah berapa ramai, 4.2 juta orang rakyat yang terlibat. Bantuan PRIHATIN NASIONAL, 10.5 juta orang rakyat terlibat. Jadi, kita tahu bahawa segala yang dibuat oleh kerajaan ini adalah untuk berjuta-juta rakyat, kebaikan yang dibuat daripada RM45 bilion ini melibatkan berjuta-juta rakyat.

Satu lagi perkara besar yang saya ingin timbulkan dalam urusan Kumpulan Wang COVID-19 ini ialah mengenai yang bukan melibatkan suntikan fiskal secara terus. Kita tahu daripada RM295 bilion pakej yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, ada senarai di tangan saya ini. Untuk rakyat RM132 bilion, untuk perniagaan RM121 bilion, untuk ekonomi RM7 bilion dan dicampurkan semua menjadi RM295 bilion. Suntikan fiskal secara terus cuma RM45 bilion, dengan perkataan ada RM250 bilion yang bukan suntikan fiskal secara terus.

Sebagai contoh antaranya ialah pengurangan kadar KWSP, RM10 bilion. Kalau kita boleh buat sekali lagi perkara ini, ia tidak melibatkan suntikan dana daripada kerajaan. Ada lagi contoh, EPF, eCAP mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menyatakan apa benda perkara ini, RM10 bilion. Mungkin kita boleh buat sekali lagi tanpa ada suntikan tambahan.

Jadi perkara-perkara RM250 bilion yang tidak melibatkan suntikan fiskal secara terus, apa salahnya kita buat sekali lagi. Yang Amat Berhormat Pagoh, bayangkan kalau kita buat sekali lagi RM250 bilion tanpa suntikan fiskal RM45 bilion, saya kira ekonomi kita akan menjadi begitu hebat. Kalau Yang Berhormat Bagan minta 45 campur 45, yang saya sebutkan di sini secara logik ialah 45 campur 250 sekali lagi. Saya kira ini adalah satu permohonan yang logik dari segi ekonomi dan munasabah untuk dilakukan. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Baik Yang Berhormat...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Kuala Selangor.

**Tuan Penggerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Arau.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

#### **4.36 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pertama sekali saya mengucapkan tahniah kerana kehebatan kerajaan untuk memperkenalkan rang undang-undang ini. Keduanya, sebenarnya saya terperanjat tadi, terperanjat kerana selama ini saya pun termakan dengan

pemikiran retorik pihak PH terutamanya bekas Menteri Kewangan yang mengatakan bahawa kerajaan mereka bersih, tidak pernah pun bagi *direct negotiation* dengan izin, rundingan terus tetapi hari ini terbukti bahawa bukan sahaja mereka bagi *direct negotiation* tetapi tidak dirujukkan kepada Kabinet.

Yang Berhormat Bagan dalam Dewan ini telah menyebutkan bahawa perkara ini dirujuk kepada Kabinet tetapi Yang Berhormat Gombak kata tadi, tidak pernah dirujuk kepada Kabinet. Benda ini saya telah siapkan surat, saya akan minta supaya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada orang yang mengelirukan Dewan ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Keduanya, saya hendak cakap tentang Sub Fasal 3(1) dan juga Sub Fasal 3(2). Jadi Yang Berhormat, Yang Berhormat di sini cuba tengok Sub Fasal 3(1) disebut bahawa kita akan cuba turunkan ke tahap 55 peratus, sekarang ini kita naikkan statutori ini kepada 60 peratus tetapi pada 1 Januari 2023, kita akan turunkan kembali balik kepada 55 peratus.

Akan tetapi Subseksyen 3(2), Yang Berhormat menyebut bahawa warta ini sampai 31 Disember. Jadi, kita telah memeningkan kepala semua orang, 31 Disember 2022, 1 Januari 2023, satu hari tetapi kita telah menceritakan perkataan setahun. Sepatutnya dimasukkan 1 Januari 2023 masuk kepada 31 Disember 2023 baru jumlah setahun. Ini satu hari, rakyat akan dikelirukan oleh puak-puak ini nanti kononnya sampai tahun 2023 padahal sehari sahaja, 1 Januari 2023. Warta ini sampai 31 Disember 2022. Jadi bagaimana kita momokkan cerita kepada orang kononnya ini sampai 2023, sehari sahaja. Hari itu pula hari cuti. Hari cuti tidak pernah orang buat apa kecuali PH dahulu mengisyiharkan hari cuti sebagai hari mereka menubuhkan kerajaan. Hari ini kami menang, esok turun harga minyak, tidak turun pun. Akan tetapi hari ini menang itu, hari Ahad dia isytihar hendak menubuhkan kerajaan. Belum hari Isnin.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Arau, hari ini kita menang, kita bagi *direct negotiation* RM6.1 bilion.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi nampaknya *direct negotiation* ini sudah jadi – Rakyat Malaysia yang melihat perbahasan di Parlimen ini akan melihat sendiri bahawa satu pembohongan yang dahsyat telah dilakukan oleh pihak PH bahawa mereka tidak akan membuat *direct negotiation*, rundingan terus tetapi nampaknya mereka bukan sahaja membuat rundingan terus..

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Arau..

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Tetapi mereka tidak merujuk kepada...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** ...Boleh minta laluan Yang Berhormat Arau? Yang Berhormat Arau, saya hendak tanya Yang Berhormat Arau kalau Yang Berhormat Arau ada perhatikan ketua ARMADA dalam kempen pilihan raya parti BERSATU, dia hendak tarik undi dia beritahu dia boleh kasi surat sokongan.

■1640

Sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri dia kata dia boleh bagi surat sokongan untuk dapatkan projek kerajaan. Jadi adakah ini merupakan amalan kerajaan Perikatan Nasional hari

ini? Di mana semua Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri dia boleh beri surat sokongan untuk dapat projek kerajaan?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa dia? Yang itu saya akan jawab bila saya duduk di sana nanti ya.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Jawab sekarang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Jawab sekarang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekarang ini saya belum...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Kalau berani, jawab sekarang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ini kerana awak salah sebab itu awak takut hendak jawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Awak tahu itu satu kesalahan sebab itu awak takut hendak jawab.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Takut apa? Yang Berhormat Bagan...

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tabung Haji ya, isteri, anak. *[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Isteri dengan anak. *[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia cakap saya anak jantan. Saya anak jantan daripada dalam perut mak saya lagi saya hendak beritahu. Jangan cabar anak jantan, keparat betul ya. Mana sebut kalau anak jantan macam itu. Ini Parlimen bukan tempat tinju. Yang Berhormat Kota Melaka baliklah pergi tinju.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Saya kata kalau berani, jawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini Parlimen untuk berbahas. Ya, saya jawab.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Saya tidak kata anak jantan ke anak perempuan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jangan sebut anak jantan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Saya tahu awak ada kes dengan anak perempuan. *[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka tarik balik.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tarik balik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Kota Melaka dia ada...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka tarik balik.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Memang dia ada kes Tuan Yang di-Pertua, memang dia ada kes.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *That's not the point.* Ini perbahasan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Itu adalah satu kebenaran.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka, tarik balik.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Itu adalah satu kebenaran Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka, minta maaf.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apalah tuduh anak jantan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kota Melaka, saya cakap baik-baik. Minta maaf. *Don't be too personal.*

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** *There is nothing personal*/Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Kalau tidak provokasi akan lebih daripada semua pihak. Yang Berhormat Kota Melaka, tarik balik.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Okey Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia tidak sebut tarik balik pun, dia kata "Okey Tuan Yang di-Pertua" sahaja.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia tidak cakap minta maaf, dia kena cakap minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Dia 'okey' tu minta maaf lah tu. Duduk-duduk, silakan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini kepala batu punya. Mintalah maaf.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Dah lagi satu, Yang Berhormat Arau sudah.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ini satu macam lagi, macam mana Tuan Yang di-Pertua? / terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua yang arif. Ya Tuan Yang di-Pertua. *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Okey.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pihak kerajaan perjelaskan bahawa kenapa satu hari itu dikira sampai bertahun. Patutnya kena masuk 31 Disember 2023 barulah orang nampak bahawa ini ialah tempoh yang panjang. Akan tetapi bila kita masuk satu hari sahaja, orang kata dalam tempoh yang panjang untuk kembalikan balik kepada 55 peratus. Ini teknikal, tetapi saya percaya Yang Berhormat Menteri boleh menjawab perkara ini, bahawa kenapa perbezaan satu hari itu sehingga rakyat akan cakap ianya bertahun? Jadi terima kasih lagi sekali saya menyokong Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga saya hari ini saya gembira dapat fakta bahawa sebenarnya kerajaan dahulu telah menipu kita bahawa mereka kata tidak buat *direct nego*, tapi mereka buat *direct nego*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, lima minit.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Setiu.

#### 4.43 ptg.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit sedikit sahaja untuk saya sebutkan akan betapa penting semua kita telah menyokong akan keperluan untuk kita menangani situasi krisis dalam pandemik COVID-19 ini. Cuma pertikaian daripada pihak kami adalah untuk memastikan jumlah yang diperuntukkan ketika kita mengangkat akan Akta Pinjaman Tempatan 1999 itu supaya jumlah itu adalah satu yang munasabah untuk kita *turn around* dan kita *inject* dan kita tangani penguncutan itu. Itu yang menjadi pertikaian. Apa pun kita semua sudah sedia maklum untuk keperluan ini dan ini adalah defisit *financing* yang dimaksudkan dengan izin untuk kita benar-benar sama-sama bertanggungjawab sama ada pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang Tuan Pengerusi. Lalu dalam kita memperuntukkan wang sejumlah RM45 bilion yang telah pun dibelanjakan sebahagian besarnya.

Saya hanya sekadar untuk mengingatkan kumpulan wang penggunaan COVID-19 ini supaya— saya perhatian peruntukan untuk KKM ataupun untuk kesihatan untuk peruntukan bagi Kementerian Kesihatan perbelanjaan berkaitan COVID-19 RM1 bilion itu dan juga untuk PEKA B40 yang diberikan RM50 bilion itu. Saya mahukan antara lainnya supaya benar-benar dapat kita berikan peruntukan dan setelah kita berikan pelbagai pengiktirafan dan pujian kepada *frontliners* kita. Pastikan mereka antara lainnya dalam konteks *stock file* PPE dengan izin *Personal Protective Equipment* Tuan Pengerusi supaya benar-benar ia mencukupi. Ini kerana kita perhatikan kalaualah CDC Amerika Syarikat mahukan paling tidaknya tiga bulan *for frontliners* apakah kita benar-benar mempunyai peruntukan dan memberikan peruntukan yang cukup untuk mereka? Itu satu perkara dalam semua peralatan ataupun para penyelia dengan izin PPE ini iaitu yang pertama yang saya ingin bangkitkan. Kedua adalah untuk kita berikan peruntukan untuk kita lakukan seterusnya, kerana Tuan Pengerusi, kita berdepan dengan satu suasana yang kemungkinan akan berlaku dan kita minta dijauhkan *waliya zubillah* akan apa juga gelombang

mahupun bentuknya *out break* yang berleluasa ataupun *cluster* dan mungkin jadi seperti mana gelombang di negara-negara seperti Jerman, Singapura dan sebagainya.

Lalu dengan itu kalaular kita sebutkan tadi moratorium diangkat bersekali dengan *the second search* dengan izin, ia berlaku maka ia akan mencetuskan *double warmy* ya. Ini kita perlu elakkan. Lalu dengan itu saya minta supaya antara lain kegiatan *targeted screening* khususnya kepada kumpulan-kumpulan yang bersifat *high risk group* seperti migrain, seperti *refugee*, seperti *old folks homes* dan *prison* juga begitu. Jadi jangan berlaku seperti mana Singapura setelah mereka mula untuk mengambil sikap yang agak *too late*, mengambil sikap agak selesa berlaku perkara itu.

Jadi dengan itu, saya ingin dalam segi penggunaan kumpulan wang ini Tuan Pengerusi, *targeted screening* kepada kumpulan-kumpulan ini dan juga penerusan kepada *sentinal screening* yang dikatakan *sentinal screening* atas kumpulan mereka yang punya gejala seperti *Influenza Light Illness* (ILI) mahupun SARI itu diteruskan juga. Ini akan dapat dilakukan, ataupun ini akan dapat mengelak dan menangani mitigasi to *mitigate the possibility of an outbreak* ataupun *huge super spreaders cluster* dan sebagainya. Ini saya kira adalah penting dan pendekatan *batch* ataupun *pool testing* itu juga adalah penting dan saya tidak perlu menerangkan akan mekanisme ataupun *mechanics of doing pool* ataupun *batch testing* itu yang akan dapat menangani persoalan kos. Akan tetapi ianya sekali gus akan dapat menangani atau memitigasi to *mitigate possibility of an outbreak* dengan izin.

Jadi dengan itu juga saya mahukan perkara peruntukan kewangan untuk khususnya *frontliners* kita Tuan Pengerusi untuk mereka. Jangan kita sahaja puji mereka, kita puji mereka dengan pengorbanan mereka, selepas daripada itu kita tinggalkan mereka. Jadi itulah antara lain yang kita perlu perhatikan dari sudut *the contract workers* dan sebagainya itu diberikan segala pembelaan. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih akan peluang ini.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Setiu.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya rasa Yang Berhormat Wangsa Maju dari tadi, Yang Berhormat Wangsa Maju?

#### 4.49 ptg.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh sikit dengan penggunaan kumpulan wang COVID-19. Kumpulan wang yang diperuntukkan bagi pelaksanaan program rangsangan ekonomi adalah terhad dan harus disalurkan dengan segera. Justeru itu, Program Rangsangan Ekonomi itu harus lebih fokus. Matlamatnya ialah untuk menghidupkan semula ekonomi dengan secepat mungkin. Sewaktu saya menyemak ke program yang tersenarai di dalam Jadual 5, kebanyakan program wajar diletakkan lebih tepat di dalam bajet biasa tahunan dan bukan diletakkan dalam kumpulan wang

COVID-19. Ini sebab kepentingannya dilihat kurang mendesak walaupun program-program ini amat penting sebagai strategi pembangunan jangka panjang negara.

■1650

Sebagai contoh, Program Sokongan Penjagaan Kesihatan (PEKA) B40, Dana Kandungan Digital, bantuan organisasi bukan kerajaan, *digitalization* menyampaikan perkhidmatan kerajaan, dana pemasaran dan promosi *digitalization* di bawah Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan dan juga *SME One Stop Centre, MyAssist*. Walaupun semua program ini menggunakan peruntukan yang kecil, namun penglibatan program ini mungkin bakal akan mengaburi tujuan kumpulan wang ini diadakan. Jadi, saya minta program-program tersebut dimasukkan ke Belanjawan 2021. Saya juga hendak sentuh sikit Jadual sub seksyen 5(1), yang merujukkan kepada program satu dalam Jadual ini. Saya berpendapat *quantum* subsidi upah harus dinaikkan daripada RM600 kepada jumlah mengikut *sliding skill* dari 20 peratus hingga 40 peratus mengikut gaji semasa kakitangan itu.

Hal ini sebab subsidi upah RM600 itu hanya berupaya membantu majikan mengekalkan kakitangan berpendapatan rendah. Namun begitu, untuk kekal beroperasi, syarikat memerlukan pekerja pelbagai tahap berbeza seperti buruh teknikal dan juga kakitangan pengurusan. Di kawasan bandar, kebanyakan pekerja dibayar antara RM2,500 hingga RM4,000. Oleh itu, subsidi upah sebanyak RM600 tidak banyak memberi insentif kepada majikan bagi mengekalkan kakitangannya dan meneruskan operasi mereka, terutama di saat perniagaan semakin berkurangan. Memandangkan tempoh masa memulihkan perniagaan dijangka mengambil masa lebih dari satu tahun, saya juga mencadangkan agar subsidi upah dilanjutkan setahun dan bukannya tempoh enam bulan sahaja seperti yang sedia ada.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada program dua, Bantuan Prihatin Nasional. Pembayaran sekali ataupun *one-off payment* sebanyak RM500 hingga RM1,600 kepada orang miskin adalah terlalu sedikit untuk mereka bertahan sepanjang tempoh yang mungkin berlarutan lebih satu tahun. Saya mencadangkan agar peruntukan RM11.2 bilion itu yang sedia ada untuk dinaikkan sekali ganda. Saya bersetuju dengan cadangan Ketua Pembangkang iaitu jumlah Kumpulan Wang COVID-19 itu perlu ditambahkan dari RM45 bilion ke RM90 bilion. Tuan Pengerusi, merujukkan kepada program bantuan kepada PKS. Maklum balas yang kami terima daripada PKS, bantuan secara geran adalah program yang paling disukai dan amat berguna di dalam menyelesaikan masalah aliran tunai mereka (*cash flow problem*), berbanding dengan insentif di dalam bentuk potongan cukai atau pinjaman bank. Akan tetapi PRIHATIN SME geran ini hanya dapat RM1.9 bilion sahaja. Jadi, saya mencadangkan peruntukan untuk Geran PRIHATIN PKS dinaikkan. Pembiayaan PKS PENJANA dalam bentuk pinjaman bank memerlukan PKS memenuhi kriteria tertentu sebelum pinjaman diluluskan. Tiada perbezaan dengan permohonan pinjaman biasa. PKS yang menghadapi masalah kewangan, kebiasaannya kurang mendapat simpati daripada pihak bank.

Sekiranya program ini adalah bertujuan untuk membantu PKS, biarlah satu tugas *task force* khas ditubuhkan untuk menyemak dan meluluskan permohonan SME itu. Dalam program

ini, nampak bank sahaja yang dapat perlindungan daripada kerajaan sekiranya peminjam tidak bayar hutang. Akan tetapi proses pinjaman tidak dapat dimudahkan bagi SME. Tuan Pengerusi, geran automasi pindah di bawah Program 20 adalah merupakan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, sudah lebih lima minit.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Satu *paragraph* sahaja. Adalah merupakan geran *digitalization* operasi perniagaan PKS dan bukan *conventional* automasi industri seperti yang kita fahami. Sepanjang tempoh PKP, ramai pekerja asing meninggalkan negara ini dan adalah masa penting, paling tepat bagi kerajaan mendorong automasi industri kita. Jadi, saya mencadangkan Program Automasi Industri dimasukkan dalam Jadual ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekarang ini saya jemput...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Setiu, kemudian Yang Berhormat Bandar Kuching dan kemudian Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuuh.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Pengerusi, saya pun bangun tadi.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuuh.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak. Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Bandar Kuching dan kemudian, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Lepas Klang, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Kemudian, yang lain. Silakan.

#### 4.56 ptg.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Tuan Pengerusi, saya menyentuh Fasal 5 berkait dengan penggunaan Kumpulan Wang Covid-19, RM1.9 bilion di bawah program keenam, Geran PRIHATIN PKS. Di mana saya amat bersetuju dengan langkah kerajaan memperuntukkan sejumlah RM1.9 bilion untuk Geran PRIHATIN PKS ini. Cuma saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah peruntukan yang diperuntukkan kepada PKS ini termasuk juga kos untuk menampung pelaksanaan SOP yang dikira kadang-kadang membebankan peniaga-peniaga kecil seperti contohnya, kedai gunting rambut? Di mana pemakaian apron yang perlu ditukar setiap tiga pelanggan, sarung tangan pakai buang dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, kita ini dalam Fasal, bukan Jadual. Jadi, Yang Berhormat tidak boleh lompat ke Jadual.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Fasal 5.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Fasal yang *breakdown* Jadual Yang Berhormat tadi, dalam Jadual Pembayaran PKS PENJANA betul?

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Betul.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak boleh, ia lepas ini.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Okay. Kedua, berkait dengan peruntukan yang diberi kepada tadika sebanyak RM50 juta.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak boleh Yang Berhormat. Muka surat tujuh belum sampai lagi.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Bandar Kuching.

#### **4.59 ptg.**

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang lama tapi saya cuma membangkitkan beberapa isu dalam Fasal 8 dan 10, berkenaan peruntukan kepada Kementerian Kesihatan dan juga *allowance* khas COVID-19. Dalam perbahasan yang kami...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, 8 dan 10 belum sampai lagi. Ia sekarang daripada muka surat satu hingga enam, Fasal satu hingga lapan.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Akan tetapi tadi Yang Berhormat Kuala Selangor ada menyentuh, saya sangka...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Itu sebab SUDR maklum kepada saya.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Selepas ini kita akan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Jadi, Yang Berhormat boleh- atas apa yang berdiri.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Klang tadi ada minta Fasal satu hingga lapan tapi bukan bawah Jadual. Yang Berhormat hendak *debate now?* Muka surat satu hingga enam dulu.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Berucap tanpa menggunakan mikrofon]* Satu hingga enam?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Satu hingga enam sekarang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Kalau tidak ada, tidak apalah, kita buat Jadual selepas ini.

**Seorang Ahli:** Jadual banyak tidak?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Jadual itu muka surat tujuh, selepas Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Muka surat tujuh, Jadual atau *clause*?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Muka surat tujuh belum sampai lagi. Kita muka surat satu hingga enam.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Akan tetapi ada berkaitan dengan muka surat lima, penggunaan kumpulan wang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Fasal?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Fasal 5 sebenarnya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Penggunaan Kumpulan Wang Covid-19?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tuju kepada Yang Berhormat Menteri. Silakan, lima minit.

#### **4.59 ptg.**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkit dua isu berkait dengan penggunaan Kumpulan Wang COVID-19, khususnya berkait dengan Program Subsidi Upah dan sebagainya. Kita dapat bahawa kajian daripada FMM-MIER mendedahkan bahawa 40 peratus pengilang mungkin akan digulung tikar dalam masa 12 tahun.

■1700

*Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association* melaporkan bahawa kira-kira 10 peratus daripada 20,000 syarikat yang terpaksa ditutup kerana menghadapi penurunan pendapatan sebanyak 30 peratus semasa tempoh PKP dan juga satu lagi persatuan SME menunjukkan bahawa 30 peratus PKS terpaksa ditutup kerana mereka tidak mempunyai kesinambungan kewangan ataupun *financial sustainability*, dengan izin. Kira-kira 10 juta pekerja secara keseluruhan iaitu 70 peratus daripada semua pekerjaan di negara ini bekerja dalam syarikat bersaiz SME.

Saya hendak cadang kepada pihak Yang Berhormat Menteri dan saya harap cadangan ini dapat diterima sebab ini dapat digunakan di negara-negara lain dengan bagus khususnya di Singapura dan sebagainya. Kerajaan perlu menyusun semula Program Subsidi Upah yang sedia ada untuk memberikan subsidi sebanyak 80 peratus. Ini akan membawa satu perubahan yang besar kepada program yang sedia ada, daripada gaji pekerja untuk PKS yang mengalami penurunan pendapatan sebanyak 30 peratus.

Sokongan subsidi upah harus dipanjangkan hingga Mac 2021. So, cadangan yang dibuat ialah untuk memberikan subsidi sebanyak 80 peratus dan bukan RM600 dan juga untuk 4 bulan dan sebagainya tetapi *flat* 80 peratus kepada gaji asal pekerja untuk PKS yang mengalami penurunan pendapatan sebanyak 30 peratus dan sokongan ini dilanjutkan ataupun dipanjangkan hingga Mac 2021.

Berkait dengan ini, Tuan Pengerusi ada satu lagi cadangan sebenarnya ialah untuk memasukkan di bawah program itu iaitu Program Subsidi Upah, insentif pengekalan pekerjaan dan pengambilan pekerja dan bantuan latihan iaitu sebanyak RM16.8 bilion. Satu lagi topik iaitu dana bantuan sewa ataupun *rental relief fund*.

Satu daripada masalah yang sedia ada yang dihadapi oleh majikan dan juga pihak pemilik kedai, *restaurant owners* dan juga pekerja ialah tidak dapat membayar sewa premis dan juga sewa rumah. So, saya cadang kepada kerajaan supaya memasukkan dana bantuan sewa ini dalam program satu iaitu Program Subsidi Upah, insentif pengekalan pekerjaan dan sebagainya sebagai satu lagi servis perkhidmatan yang diberikan ataupun pertolongan sebenarnya diberikan, bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada orang ramai dan juga pemilik kedai, pengusaha-pengusaha dan sebagainya. Nama yang saya gunakan ialah *rental relief fund* ataupun dana bantuan sewa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri, silakan. Masa 15 minit boleh? Okey.

### **5.03 ptg.**

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, soalan pertama ialah soalan daripada Yang Berhormat Bagan mengenai kajian UNICEF. Sebenarnya kajian ini kalau kita lihat secara terperinci melibatkan kajian 17 lokasi, kurang daripada 1,000 isi rumah di Kuala Lumpur dan juga di Petaling Jaya. Dakwaan bahawa 4 daripada 10 isi rumah tidak menerima bantuan kerajaan merupakan satu pandangan yang sukar diterima memandangkan *sample* nya terlalu kecil.

Hakikatnya Bantuan Prihatin Nasional telah diterima oleh lebih 10 juta penerima dan Bantuan Sara Hidup diterima lebih 4 juta penerima. Memandangkan Malaysia secara keseluruhannya mempunyai isi rumah berjuta ianya tidak mungkin melibatkan keciciran bantuan sehingga 40 peratus. Namun demikian, kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk menambah baik penyampaian bantuan kerajaan, antara lain melalui pendaftaran secara automatik dengan mengambil kira pangkalan data pelbagai agensi kerajaan.

Jadi satu lagi soalan Yang Berhormat Bagan, ini soalan dasar sebenarnya tetapi sekiranya RM45 bilion ditambah jadi RM90 bilion adakah had statutori melebihi 60 peratus? Sekiranya nisbah had statutori hutang mencecah 60 peratus KDNK, jumlah defisit fiskal dianggap meningkat kepada RM160 bilion atau 11 peratus KDNK.

Had statutori akan di paras 58.4 peratus tetapi kembali kepada *principle issue* dengan izin, isu pokok. Selepas mengambil kira suntikan fiskal RM45 bilion berdasarkan had 60 peratus, kerajaan masih mempunyai pinjaman tambahan dalam 4 peratus atau bersamaan dengan RM60 bilion. Dalam hal ini, sehingga kita masih belum mengetahui bilakah krisis COVID-19 ini akan berakhir memandangkan tiada penawar ataupun vaksin yang terbukti berkesan jadi kita perlu ada ruang fiskal untuk membolehkan kerajaan bertindak sekiranya krisis akibat pandemik ini berlarutan sehingga dua atau tiga tahun.

Kerajaan sedar dalam situasi krisis seperti ini perlu kita sebagai sebuah negara mempunyai ruang fiskal yang mencukupi bagi melaksanakan dengan izin, *counter-cyclical measures* dalam memastikan kelangsungan ekonomi. Walau bagaimanapun, ia perlu dilaksanakan secara berhemah dan memastikan paras hutang sentiasa terurus dan terkawal. Dengan izin, *we are planning ahead but we must manage the situation with discipline and care.*

Oleh yang demikian, dalam memastikan kerajaan bersedia untuk menambah rangsangan, kita bersedia jika diperlukan dan saya rasa kita memerlukan. Sebarang peningkatan hutang tidak boleh dilaksanakan secara mendadak atau sewenang-wenangnya kerana ia memberi kesan keupayaan kerajaan untuk menanggung bayaran khidmat hutang atau dengan izin, *debt service chargers* bagi tahun-tahun mendatang. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kangar juga tadi.

Secara kesimpulannya, cadangan menaikkan had statutori hutang ke 60 peratus seharusnya mencukupi buat masa ini, meningkatkan paras hutang dengan ketara dan mengkompromikan kedudukan kewangan kerajaan buat jangka masa pendek dan sederhana. Kita kena sedar yang seperti saya jawab soalan Yang Berhormat Bagan pada peringkat dasar tadi, semua pembayaran ini adalah daripada pinjaman. Jadi apa yang kita pinjam hari ini *of course* kita kena bayar balik pada masa hadapan. Tentu sekali yang akan membayarnya nanti adalah anak-anak dan cucu kita.

Jadi saya hendak bagi *just the scenario, so that its clear*, dengan izin. Defisit fiskal kalau stimulus RM45 bilion defisit fiskal, *I think* Yang Berhormat Bagan tahu 58 peratus dengan 6 peratus. Kalau kita tambah lagi RM45 bilion dia akan naik ke 8.8 peratus hingga 9 peratus dan had statutori saya sebut tadi -11 peratus tetapi *debt service coverage ratio* 2021 sekarang telah naik ke 17 peratus jadi RM39 bilion – kalau RM45 bilion, sebelum ini bawah 15 peratus.

Kalau kita tambah lagi RM45 bilion kita akan membelanjakan RM41 bilion. Jadi, *that means debt service coverage ratio* kita naik 18 dan kalau kita lebih sampai ke 60 peratus kita akan naik ke RM43 bilion, jadi *debt service ratio* kita akan naik sampai 18.7 peratus. Jadi oleh sebab itu kita meningkat secara berperingkat. Dengan izin, *we see how things are going in-term of the COVID-19 situation.*

Akan tetapi memang kita sebagai kerajaan bersetuju supaya banyak langkah-langkah yang perlu ditambah baik jika diperlukan tetapi masih lagi dalam pelaksanaan program PRIHATIN dan PENJANA ini. Nanti saya jawab Yang Berhormat Klang juga mengenai PSU.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Bangun]*

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Silakan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat makluman daripada Yang Berhormat Menteri, sekiranya kita tambah pakej rangsangan RM45 bilion lagi memang kita akan lihat GDP akan berkembang dan ia dengan sendirinya akan mengurangkan juga peratusan baik daripada fiskal ataupun dari segi pinjaman. So, itu ada dia punya manfaat dari segi *plus factor*, dengan izin.

Bolehkah saya juga tahu, ini seperti yang saya sebut tadi dari segi jadualnya, ini saya pernah tanya daripada RM45 bilion ini berapa peratus telah pun dikeluarkan? Itu secara spesifik, saya tidak perlu – kalau boleh terperinci tetapi kalau tidak boleh tidak apa. Bolehkah berikan secara keseluruhan *what is the percentage of the disbursement?* Dengan izin, supaya kita tahu sama ada ia berkesan kerana apa gunanya sekiranya kita peruntukkan jumlah wang sedemikian bila ia tidak dibelanjakan untuk manfaat rakyat.

Akhirnya tentang kajian yang disebutkan tadi oleh saya. Ini adalah kajian daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sungguhpun saya tahu bahawa Yang Berhormat pertikaikannya, bolehkah saya minta Yang Berhormat bincang dengan kedua-dua agensi ini kerana ia datang daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ini bukan pertubuhan sembarang, itu bukan yang di tepi jalan. Ini adalah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh sebab itu saya rasa ia memang sesuatu kajian di mana *you cakap 40 peratus dijangka menghadapi kesulitan.* Saya tidak sebut bahawa – ia tidak sebut bahawa tidak menerima bantuan, tidak. Dia sebut menjangka masa akan datang menghadapi kesulitan. Oleh sebab itu ini menunjukkan keperluan untuk kita gandakan bantuan yang diberikan sekarang. Sekian, terima kasih.

#### ■1710

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Kita akan berbincang nanti dengan pihak PBB ataupun *United Nations.* Akan tetapi, seperti saya sebut tadi, kerajaan sentiasa akan mengambil langkah sementara juga untuk menambah baik penyampaian bantuan kerajaan. Antara lain, kita buat penyampaian secara automatik dan *looking at all the other possibility* dengan *government agencies.*

Soalan sebelum itu ialah mengenai daripada suntikan RM45 bilion ini, berapa yang telah dibelanjakan. Jadi, RM45 bilion ini, yang telah disalurkan ialah RM30.608 bilion. Yang dibelanjakan ialah RM25.592 bilion ataupun *the exact amount,* dengan izin, ialah RM25,592,252,299. Jadi, kalau hendak tengok apakah pecahan itu, yang besar adalah Program Subsidi Upah yang berjumlah RM10 bilion dan Program Subsidi Upah ditambah baik berjumlah RM5.3 bilion dan juga Insentif Pengekalan Pekerjaan dan Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan berjumlah RM1.5 bilion. *So far* yang telah dibelanjakan ialah RM8.966 bilion. Sehingga 14 Ogos, PSU ini dapat dinikmati oleh 320,100 syarikat melibatkan 2.58 juta pekerja.

Akan tetapi, mungkin saya fokus kepada jumlah sahaja dahulu ya. Bantuan Prihatin Nasional telah dibelanjakan ialah RM11.140 bilion. Projek berskala kecil RM1.1 bilion. Program kemahiran adalah RM100 juta. Lagi yang besar ialah Geran Prihatin Khas PKS iaitu geran tadi yang disebut, RM1.634 bilion. Pinjaman mikro kredit di bawah BSN dan Tekun ialah RM550 juta. Yang besar-besar yang lain ialah bantuan khas kepada pelajar institut pengajian tinggi sebanyak RM221 juta. Bantuan khas untuk pemandu teksi, pemandu bas sekolah, pemandu bas pelancong, pemandu pelancong, pengayuh beca, pemandu *e-hailing* ini sebanyak RM61.78 bilion. Jadi ini adalah antara *the big one* lah yang kita telah belanjakan. Jadi, saya rumuskan

sekali lagi. Daripada jumlah RM45 bilion, yang disalurkan sebanyak RM30.6 bilion dan yang dibelanjakan setakat ini ialah RM25.6 bilion.

Soalan lagi satu ialah mengenai GDP *multiplier* lah. Logiknya yang diberi oleh Yang Berhormat Bagan, kalau kita belanja lebih, *then GDP multiplier will be there*, dengan izin. Jadi kita akan dapat pertumbuhan ekonomi yang lebih bagus. Secara matematiknya memang betul. Akan tetapi, kita kena membuat analisis mengenai *impact of the multiplier*. Oleh sebab itu, kita tidak boleh *just double the amount*. Akan tetapi, kita akan lihat inisiatif-inisiatif yang akan memberi *multiplier* yang paling tinggi. Fokus kita ialah untuk setiap RM1 yang dibelanjakan, kita mahu *multiplier* yang paling tinggi. Kita akan mengkaji mana satu *multiplier* yang paling tinggi untuk kita menambahbaikkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Ini *phase* yang pertama yang masih lagi belum selesai kerana ekonomi baru dibuka pada 4 Mei dan kita akan memantau keadaan semasa.

Selepas itu ada soalan juga daripada Yang Berhormat Arau. Ini mengenai akta-akta yang kita tamatkan pada 31 Disember 2022. Juga ditanya, bolehkah hutang Kerajaan Persekutuan kembali pada paras asalnya selepas tahun 2022.

Ya, kita boleh andaikan dengan andaian semua langkah-langkah dalam pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi dilaksanakan dengan jayanya, *insya-Allah*, kita dapat memulihkan semula ekonomi kembali ke trajektori asal. Ini satu *assumption* lah. Tambahan pula, semua langkah yang diumumkan oleh kerajaan adalah bersifat *one-off* dan tidak memberi komitmen kewangan berpanjangan kepada kerajaan dalam jangka sederhana.

Sehubungan itu, kerajaan yakin defisit akan berkurang di bawah empat peratus KDNK dalam jangka sederhana yang seterusnya mengurangkan nisbah hutang pada KDNK. Komitmen kerajaan adalah untuk kembali melaksanakan langkah konsolidasi fiskal tetapi hanya selepas ekonomi sudah pulih. Kerana fokus sekarang ialah untuk memulihkan ekonomi dan menolong rakyat dan juga perniagaan.

Kita ada dua opsyen ya, walau bagaimanapun, sekiranya perlu. Pertama, kita buat gazet PUA berkuat kuasa 1 Januari 2023 berdasarkan had yang diperlukan. Kedua, kita boleh pinda akta ini untuk panjangkan tempoh, tambah amaun sekiranya perlu ke Parliment sekali lagi.

Jadi, soalan lagi satu ialah Yang Berhormat Arau tanya mengenai program-program—ini saya sudah jawab pada soalan Yang Berhormat Bagan. Akan tetapi, dari segi jumlah penerima yang menerima setakat ini, memanglah ramai kerana setiap program itu ada *target group*-nya sendiri. Saya bagi contoh, sekali lagi, Program Subsidi Upah. Program Subsidi Upah sehingga 14 Ogos telah dinikmati oleh 320,100 syarikat melibatkan 2.58 juta pekerja. PSU lanjutan pula melibatkan 213,688 syarikat dengan 1.47 juta pekerja. Program Pengekalan Pekerja juga melibatkan 23,424 syarikat dengan 236,265 pekerja. Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan daripada 15 Jun ialah 17,400 pencari kerja didaftarkan untuk bekerja. Dan juga agihan BPN, saya sudah sebut tadi, jumlahnya RM11.14 bilion dengan jumlah penerima 10.6 juta.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, Arau sedikit hendak penjelasan. Yang Berhormat, dalam akta ini disebut kenaikan had ialah suatu langkah sementara dan had itu akan kembali kepada 55 peratus daripada keluaran negara kasar pada 1 Januari 2023. Jadi, kenapa kita ikatkan perkataan “1 Januari 2023”? Kenapa kita tidak sebut “31 Disember”? Itu maksud saya. Kita sudah terikat ini. Kalau masa zaman ini, anak cucu belum lagi ya, kita masih lagi berada pada zaman tersebut. Akan tetapi pada zaman itu, kita cuma tahun 2022. 31 Disember. Akan tetapi kita sebut atas ini ialah 1 Januari. Jadi, saya hendak tunjukkan kepada rakyat bahawa bukan setahun dua tapi satu hari sahaja. Itu maksud dia.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Kalau kita risau fasal tarikh itu, pertamanya, seperti saya sebut tadi, kita dapat membuat gazet PUA baharu, kita boleh tukar ke penguatkuasaannya bermula 1 Januari 2023. Dan kita lihat pada had yang diperlukan buat masa itu. Akan tetapi ini dari segi disiplinnya agak baik kalau kita dapat memberi tempoh yang munasabah. Akan tetapi ini, keduanya, kita masih boleh lagi meminda akta ini, melihat keadaan semasa, untuk panjangkan tempoh. Kita boleh tambah amaun dan juga kita boleh buat apa yang diperlukan sekiranya perlu dan membawanya semula ke dalam Dewan Rakyat ini.

Mengenai soalan Yang Berhormat Wangsa Maju mengenai Subsidi Upah yang dilanjutkan setahun. Mengenai Program Subsidi Upah, ini memang program yang paling popularlah setakat ini dalam projek PRIHATIN dan PENJANA. Saya sudah sebut tadi semasa perbahasan dasar, kerajaan sedang mempertimbangkan bantuan lanjut dan sedang mendapatkan maklum balas daripada pihak majikan dan juga pekerja.

Berkenaan BPN, Yang Berhormat Wangsa Maju kata jumlahnya terlalu sedikit dan mencadangkan agar peruntukan RM11.2 bilion dinaikkan sekali ganda. Untuk makluman Yang Berhormat, Bantuan Prihatin Nasional ini merupakan program bantuan langsung yang besar telah diterima 10.4 juta rakyat dengan peruntukan RM11.2 bilion. Selain itu, kerajaan masih lagi memberi Bantuan Sara Hidup yang memanfaatkan 4.3 juta penerima dengan peruntukan melebihi RM5 bilion.

Selain BPN, kerajaan juga memberi bantuan-bantuan lain dalam 31 inisiatif rang undang-undang. Kita ada diskau elektrik lebih kurang RM2.6 bilion, moratorium dan lain-lain. Bantuan tunai tersebut tidak wajar dilihat tanpa mengambil kira bantuan lain yang disediakan secara bukan tunai. Khususnya moratorium pinjaman, ini dalam enam bulan ini berjumlah lebih kurang RM100 bilion. Pengurangan caruman KWSP, *internet* percuma juga dan sebagainya. Akan tetapi, saya ingin menekankan di sini, kerajaan akan terus memantau keadaan ekonomi semasa dan akan mengambil langkah tambahan jika perlu.

Berkenaan isu PKS yang menghadapi masalah mengakses bantuan, Bank Negara Malaysia dan institut kewangan juga bekerjasama dengan persatuan-persatuan PKS untuk menangani isu yang dihadapi dengan bank-bank dalam permohonan pembiayaan. Ada juga website di mana PKS boleh mendapat khidmat nasihat yang diperlukan.

Soalan Yang Berhormat Klang mengenai cadangan menubuhkan dana khas bantuan sewa COVID-19. Ini adalah merangkumi langkah-langkah— kalau kita lihat dana khas bantuan sewa COVID-19, langkah-langkahnya, sebagai contoh, melarang pengusiran, pengecualian sewa, pembekuan kenaikan kadar sewa, moratorium pinjaman, pengecualian sewa dan geran khas untuk PKS. Ini antara yang disebut tadi.

**■1720**

Kerajaan mengambil maklum dan bersetuju bahawa rakyat dan perniagaan terutamanya syarikat PKS bakal menghadapi cabaran memenuhi komitmen membayar sewa. Semua cadangan ini sebenarnya telah diambil kira oleh kerajaan dalam merangka dua rang undang-undang Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 dan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan. Rang Undang-undang ini akan dikemukakan oleh Jabatan Perdana Menteri, antara lain memberi pengecualian bagi mereka yang terjejas dan tidak dapat membayar sewa dalam tempoh terdekat. So, kita tunggu rang undang-undang dibahaskan nanti.

Selain itu Kementerian Kewangan juga mengemukakan rang undang-undang pembiayaan untuk pakej PRIHATIN dan PENJANA yang merangkumi aspek yang dicadangkan Yang Berhormat Klang iaitu geran untuk PKS, moratorium pinjaman dan juga saham insentif cukai untuk pengurangan sewa. Terima kasih Yang Berhormat Klang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Okey. Sudah Yang Berhormat Menteri?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]:** Ya, setakat ini dahulu. Jawapan yang lain itu dia boleh masuk sekali dengan jadual jawapan-jawapan tadi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih. Fasal-fasal 1 hingga 8 jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

*[Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Jadual –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya buka untuk perbahasan Jadual. Silakan.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu sambung tadi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Lima minit ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Lima minit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekejap. Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Setiu dulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Subang.

**Dr. Ong Kian Ming [Bangi]:** Yang Berhormat Bangi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Bangi.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri, kalau boleh Jadual itu kita sebagai Peraturan *Standing Order* 57, kita pergi kepada Butiran dalam Jadual ya. Bukan atas dasar supaya Yang Berhormat Menteri boleh selesai dari segi fakta-fakta. Silakan Yang Berhormat Pontian.

### 5.21 ptg.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Tadi saya telah bertanya tentang Jadual tapi belum dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Maka saya Tuan Pengerusi, saya ingin tanya lagi bab Jadual ini mengenai jumlah mereka yang menerima daripada Bantuan Prihatin Nasional dan lain-lain, jumlah rakyat yang menerima. Itu yang pertama.

Kedua, kita tahu bahawa dalam Jadual ini disenaraikan RM45 bilion dan RM45 bilion ini yang kita ingin tanya ialah bagaimana keupayaan untuk membayar RM45 bilion ini. Jika dahulu pada tahun 2018, dalam Bajet 2018 ada yang dipanggil sebagai dividen khas PETRONAS yang diberikan oleh PETRONAS sebanyak RM30 bilion kepada kerajaan untuk membayar wang bayaran balik GST, RM19 bilion dan selebihnya wang bayaran balik LHDN.

Saya ingin mencadangkan bahawa dividen khas PETRONAS juga diberikan untuk tahun 2021 bagi membayar dalam senarai Jadual ini. Kita tahu bahawa PETRONAS ini hasilnya pada hujung tahun 2019 mengikut akaun mereka, hasil RM240.3 bilion. Ini cukup besar hasil yang diterima oleh PETRONAS. Semacam hasil sebuah negara kita ini, RM240.3 bilion. Untung bersih 16.8 peratus atau RM40.5 bilion. Akan tetapi PETRONAS bagi dividen pada tahun ini hanya RM24 bilion. Jadi, Yang Berhormat Menteri ini kita ada duit daripada PETRONAS, ini kita boleh guna untuk membayar Jadual RM45 bilion ini.

Jika PETRONAS sebagai satu agensi yang cukup hebat, boleh memberikan dividen RM30 bilion campur RM24 bilion pada tahun 2019 dan RM24 bilion untuk tahun 2020, jadi untuk membayar hutang ini saya cadang PETRONAS memberikan dividen khas yang tertentu pada jumlah yang tertentu. Oleh sebab PETRONAS bekerja kuat untuk memberikan dividen khas, apa salahnya kalau kita memaksa syarikat-syarikat di bawah Khazanah juga memberikan dividen khas selain daripada dividen biasa.

Syarikat-syarikat Khazanah seperti CIMB, dulu di bawah Yang Berhormat Menteri ya, Telekom, Axiata, TNB, UUM dan banyak lagi anak-anak syarikat Khazanah. Kita memaksa mereka untuk meningkatkan kapasiti dan produktiviti dan seterusnya keuntungan. Selain daripada dividen biasa, mereka memberikan dividen khas bagi membantu kerajaan membayar hutang RM45 bilion ini.

Saya masih lagi menunggu jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai apa yang dicadangkan saya RM250 bilion tadi, yang tidak termasuk dalam fiskal yang *direct* ini. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Menteri perkara itu? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

### **5.25 ptg.**

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak *confirm*, sekarang kita boleh bahas tentang Jadual 8, 10, 11.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Muka surat tujuh hingga lapan.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Tujuh hingga lapan ya. *It's okay.* Terima kasih. Jadi saya cuma akan sentuh tentang Jadual 8 dan Jadual 10 berkenaan peruntukan kepada Kementerian Kesihatan dan juga elaun khas COVID-19 bagi barisan hadapan. Pertama sekali bagi elaun khas.

Sebenarnya saya– kami berbahas tentang dana dan peruntukan yang sedia ada tetapi satu isu yang sangat penting adalah implementasi dan untuk memastikan dana tersebut pergi ke tempat yang sepatutnya. Saya ingin membawa satu rintihan dan rungutan seorang petugas kesihatan, sebenarnya seorang *medical officer* di mana beliau sampai sekarang masih belum dapat elaun COVID-19 bagi bulan Jun. Malah juga *on-call allowance* untuk bulan Jun.

Malah sampai sekarang belum lagi dapat elaun perpindahan untuk bulan Mac kerana banyak yang telah dipindahkan dari hospital lain ke Hospital Sungai Buloh. Jadi, ini bukan kali pertama adanya satu *delay* dengan izin. Jadi, saya harap kementerian akan melihat dan mengambil maklum isu ini dan menyelesaikan secepat mungkin kerana saya tahu elaun ini ada beberapa ratus sahaja tetapi bagi petugas khas, petugas kesihatan ini, ini adalah satu jumlah wang yang signifikan.

Seterusnya saya juga hendak menyentuh sedikit tentang gred gaji. Saya menerima satu jawapan daripada, bukan saya, satu jawapan telah diberikan oleh kementerian kepada mantan sebenarnya Timbalan Menteri Kesihatan di mana menyatakan bahawa Kerajaan Perikatan Nasional sedang mengkaji semula gred kenaikan gaji *medical officers* dalam kontrak dari UD41 ke UD43.

Sebenarnya ini telah dipersetujui oleh Kabinet Pakatan Harapan pada November tahun lalu. Bagi saya kenapa sudah dipersetujui, kenapa sekarang mahu dikaji semula? Ini tidak adil kepada mereka kerana mereka juga ada tanggungjawab yang sama, beban kerja yang sama dan risiko mendapat jangkitan penyakit yang sama tetapi jangan kita beri layanan yang berlainan. Jadi saya hendak minta penjelasan dari pihak kementerian dan juga jika boleh laksanakan secepat mungkin kerana mereka mendapat gred gaji yang berlainan.

Isu ketiga dalam peruntukan kepada Kementerian Kesihatan. Saya ingin menyeru untuk gunakan dana tersebut untuk menambahkan saringan COVID-19. Seperti yang dikatakan oleh

Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, saya tahu sekarang strategi adalah *targeted* tetapi kita melihat semakin banyak *unlink community cases* dan kita tahu ada sekarang *super spreader gen* iaitu U614G yang ada di mana hampir 80 peratus daripada kes yang kita ada sekarang ini di Malaysia disebabkan gen tersebut. Kita ada semakin banyak kes *unlink cluster*. Seperti hari ini, saya mendapat berita di Sarawak, kita ada lima kes positif dan lima antaranya semua adalah *unlink cluster*.

Jadi bagi saya, walaupun saya faham kadar positif untuk saringan COVID-19 sekarang lebih kurang satu peratus, namun kita haruslah memperluaskan saringan COVID-19 ini kerana kalau kita lihat *characteristic* penyakit di seluruh dunia, kita melihat semakin ramai orang muda mendapat penyakit ini, median umur telah lebih rendah seperti di negara di Europe, France, Germany, Belgium, Spain dan Holland semua dan 40 peratus daripadanya adalah yang berumur 20 tahun hingga 39 tahun. Oleh itu bagi saya ia sangat penting untuk kerajaan mengkaji semula langkah dan strategi untuk aktiviti saringan COVID-19 ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Setiu.

#### **5.29 ptg.**

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengulang balik apa yang disebutkan sebelum ini iaitu berkait dengan program nombor enam, Geran Prihatin PKS dan nombor 26 Geran Bagi Pusat Jagaan Kanak-kanak dan tadika di mana yang Geran Prihatin PKS sebanyak RM1.9 bilion dan untuk geran bagi pusat jagaan kanak-kanak dan tadika ini sebanyak RM50 juta.

Jadi soalan saya, adakah peruntukan yang diberikan kepada usahawan-usahawan kecil tadi iaitu PKS ini dan juga tadika tadi termasuk peruntukan untuk menampung kos SOP yang perlu dilaksanakan oleh mereka seperti di mana tadika diwajibkan untuk menyah kuman premis masing-masing.

#### **■1730**

Begitu juga dengan kedai-kedai runcit ataupun kedai gunting rambut yang mana diwajibkan pemakai apron menukar apron bagi setiap tiga orang pelanggan, sarung tangan pakai buang dan sebagainya.

Kedua, program kelapan iaitu peruntukan untuk Kementerian Kesihatan bagi perbelanjaan berkaitan COVID-19 yang diperuntukkan sebanyak RM1 bilion. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian berkait dengan bekalan pakaian pelindungan diri (PPE) untuk *front liner* terutama persediaan dalam mendepani peningkatan kes secara mendadak di kemudian hari.

Berdasarkan kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan sebelum ini, kelengkapan PPE masih mencukupi tetapi baki stok yang sedikit sangat. Sebagai contoh, alat penutup hidung dan mulut jenis *3 ply mask* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, berbaki stok hanya untuk 47 hari sahaja. Alat penutup hidung dan mulut jenis *surgical N95 mask* berbaki stok sehingga 37 hari sahaja.

*Disposable face shield* berbaki untuk 25 hari sahaja. Oleh yang demikian, sejauh manakah kementerian dapat memastikan wang yang diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan ini dapat memastikan bekalan PPE mencukupi terutama untuk mendepani masa yang akan datang dalam menghadapi kes luar jangka.

Akhir sekali berkait dengan program ke-13, iaitu Diskaun Bil Elektrik. Sejauh manakah diskalun ini dilaksanakan? Oleh sebab baru-baru ini kita dikejutkan dengan rungutan dan aduan daripada pengguna berkaitan dengan bil yang melambung tinggi semasa musim PKP ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Subang, diikuti Yang Berhormat Bangi dan kemudian Yang Berhormat Kota Melaka.

### 5.32 ptg.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada jadual ini di mana program nombor tiga iaitu Projek Berskala Kecil. Amaunnya adalah sebanyak RM4 bilion. Amaun yang cukup besar ya.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri daripada projek ini, apakah maknanya berskala kecil. Oleh sebab kita sebagai Ahli Parlimen, berskala kecil ini bermakna lebih kurang sebanyak RM10,000 satu projek. Kalau RM10,000, ini bermaknanya sebanyak 400,000 projeklah kena buat. Kalau sebanyak 100,000 sebanyak 40,000 projek ini terlalu banyak. Apakah makna berskala kecil? Apakah perimeter amaun itu? Bagi saya, saya hendak tanya juga siapakah yang ada kuasa dan juga tanggungjawab mengendalikan pelaksanaan skala projek ini? Adakah ini di bawah kementerian mana?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]*

Di bawah pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kah? Kalau di bawah pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maknanya ICU. Ini bermakna Ahli Parlimen yang akan menjaga perkara ini. Kalau sekiranya benar Ahli Parlimen yang menjaga projek berskala kecil, adakah pembangkang akan mendapat peruntukan yang sama? Itu sahaja soalan-soalan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Bangi. Lima minit.

### 5.33 ptg.

**Dr. Ong Kian Ming [Bangi]:** Saya rujuk kepada Butiran 12 iaitu e-PENJANA sebanyak RM520 juta. Dalam ucapan saya sebelum ini, saya telah merujuk kepada Paket Rangsangan Ekonomi yang telah diumumkan oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Februari, di mana satu baucar sebanyak RM100 untuk paket memulihkan pelancongan di negara kita telah dibentangkan tetapi tadi saya pun tidak ada dalam Dewan.

Akan tetapi saya rasa Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak menjawab soalan saya. Jadi saya hendak tanya, kenapa cadangan ini yang telah diumumkan oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang Berhormat Langkawi, tidak dimasukkan ke dalam e-PENJANA? Oleh kerana saya rasa ada ramai orang yang telah biasa menggunakan aplikasi ini untuk membelanjakan duit yang diberi oleh kerajaan. Saya rasa kalau hendak ubahsuai untuk pakej *tourism*, ia bukan sesuatu yang sungguh susah.

Saya juga hendak tanya sama ada *Package Tourism Financing* (PTF) telah dimasukkan ke dalam butiran di dalam Jadual ini kerana sebagaimana yang saya tahu ini adalah satu pinjaman, tetapi pinjaman dengan *interest rate* ataupun kadar pinjaman yang boleh dikatakan disubsidi dalam kadar sebanyak 3.5 peratus. Saya hendak tanya adakah subsidi itu dimasukkan ke dalam jadual sebanyak RM45 bilion? Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Seterusnya yang terakhir saya jemput Yang Berhormat Kota Melaka, kemudian akan digulung oleh Yang Berhormat Menteri. Silakan Kota Melaka.

### 5.35 ptg.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya merujuk kepada program yang ke-18 iaitu Bantuan Khas untuk pemandu teksi, pemandu bas sekolah, pemandu bas pelancong, pemandu pelancong, pengayuh beca dan pemandu *e-hailing* sebanyak RM160 juta.

Soalan saya ialah, adakah jumlah ini semua telah diagihkan? Kalau mengikut program ini akan diberikan *one off* sebanyak RM600 kepada mereka. Seperti yang kita tahu, mereka yang bekerja dalam kategori ini terjejas amat teruk. Sebenarnya sebelum MCO mereka sudah terjejas di mana ramai pelancong asing terutamanya daripada negeri China tidak datang ke Malaysia, termasuk ke Melaka.

Jadi, kalau hanya bagi sebanyak RM600 untuk bulan Mac hingga sekarang, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah masih ada baki lagi? Kalau ada baki, bolehkah memberikan mereka untuk kali kedua? Kalau tidak, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan peruntukan tambahan untuk diberikan kepada mereka?

Saya mengambil contoh di negeri Melaka, pengayuh beca di Melaka ada lebih kurang seramai 400 orang pengayuh beca dan mereka amat terjejas. Dua minggu yang lepas apabila saya lawat mereka, mereka kata perniagaan mereka hanya pulih sebanyak 10 hingga 20 peratus sahaja. Ramai yang menganggur. Jadi hanya terima RM600 bagi mereka untuk tempoh lima bulan, memang amat susah hidup mereka.

Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada perkara empat yang berkaitan dengan apa yang saya bangkit dalam Program yang ke-18 iaitu Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran iaitu *upskilling* dan *reskilling*. Kita difahamkan kementerian ada banyak membuat program *reskilling* dan *upskilling* untuk bantu mereka yang terjejas. Golongan pekerja ataupun mereka yang kerja sendiri tetapi apa *feedback* daripada orang ramai ialah ramai

yang tidak tahu, apakah program yang sedang dijalankan oleh kerajaan, *reskilling* dan *upskilling* ini?

Jadi, saya hendak minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat menumpukan perhatian supaya kita adakan program yang betul-betul dan benar-benar boleh membantu mereka yang terjejas. Saya berikan satu contoh, kononnya ada program *upskilling* dan *reskilling* itu yang meminta mereka pergi secara *online digital learning*, *one-off* sahaja, satu kali. Barangkali hanya untuk tiga jam, minta mereka pergi *online* untuk *digital learning*.

Akan tetapi, saya bagi contoh seperti pengayuh beca. Macam mana kita hendak meminta pengayuh beca pergi secara *online* untuk belajar *digital learning* ini? Sudah pasti kita harus reka program yang lebih tepat dan jitu yang boleh membantu mereka, seperti pengayuh beca ini. Kalau kita hendak kata tentang *reskilling*, bolehkah kita- sepatutnya melihat dan membantu mereka dari segi *urban farming*, contohnya, untuk mengajar mereka, bagi mereka bantuan membuat *urban farming* sementara menunggu industri pelancongan pulih semula. *Upskilling* mungkin masa ini pihak kementerian boleh anjurkan kelas untuk melatih pengayuh beca ini menjadi pemandu pelancong di masa akan datang.

Berikan mereka *course* untuk mereka pergi hadir, iaitu satu *course* jangka pendek dan kita bayar mereka. Mereka datang ke kelas, kita bayar dan akhirnya apabila tamat *course* tersebut, mereka akan mendapat sijil. Ini baharu dikatakan sebagai *upskilling*. Akan tetapi semua ini kita tidak dapat melihat di luar sana.

#### ■1740

Oleh sebab itu saya minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat menumpukan perhatian kepada program *upskilling* dan *reskilling* ini supaya ia benar-benar dapat membantu mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi, saya minta satu minit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya tetapkan satu minit dan rujuk kepada Jadual mana. Sila Yang Berhormat Jelutong.

#### 5.40 ptg.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya, saya rujuk kepada subsidi pengangkutan awam MY30 dan juga Butiran 18 berkenaan peruntukan. Saya mengambil kesempatan ini kerana Tuan Pengerusi asalnya daripada Pulau Pinang. Kita lihat berita baru-baru ini di mana terdapat berita tergempar bahawa perkhidmatan feri di Pulau Pinang tersadai, perkhidmatan feri yang menjadi ikon di Pulau Pinang tersadai.

Ramai juga yang tinggal di Pulau Pinang dan pekerja-pekerja di Pulau Pinang berulang-alik daripada Seberang Perai ke Pulau Pinang dan Pulau Pinang ke Seberang Perai di mana

perkhidmatan ini akan menyebabkan mereka menggunakan perkhidmatan awam seperti bas dan sebagainya.

So, bolehkah kita minta juga perkara ini diberi perhatian supaya peningkatan diberikan kepada yang menggunakan subsidi pengangkutan awam. Mujurlah pada hari ini juga Yang Berhormat Menteri Pengangkutan juga hadir. Saya minta supaya perkara ini berkenaan dengan feri juga diberi perhatian oleh Kementerian Pengangkutan supaya perkhidmatan feri di Pulau Pinang dapat dipulihkan dengan segera. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Itu nombor 17, bukan 18. Sila saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab pada tujuh Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas. 15 minit Yang Berhormat Menteri.

#### **5.41 ptg.**

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Terima kasih. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Pontian. Tadi saya minta maaf kerana tidak menjawab soalan tetapi saya hendak menjawab soalan Jadual. Jadi, kalau kita lihat soalan Yang Berhormat Pontian mengenai berapa ramai yang menerima Pakej Rangsangan PRIHATIN dan PENJANA terutamanya suntikan fiskal yang berjumlah RM45 bilion ini, saya kalau hendak bagi *breakdown* itu memang lamalah. Akan tetapi mungkin saya bagi yang penting sahaja.

Saya sudah sebut tadi sebenarnya seperti Program Subsidi Upah dan juga Program Subsidi Upah Ditambahbaik dan juga Insentif Pengekalan Pekerjaan ramai yang telah menerima manfaat daripada program-program ini.

PSU 2.58 juta pekerja, PSU Lanjutan 1.47 juta pekerja, Program Pengekalan Pekerja pun 326,265 pekerja. Kalau kita lihat dalam Bantuan Prihatin lebih kurang 10.6 juta rakyat Malaysia telah menerima. Kalau kita lihat Program Pembiayaan PKS PENJANA di mana kita telah pun dibuka mulai baru sahaja ini, baru 6 Julai 4,147 permohonan telah diterima ini berjumlah RM1.37 bilion dan 803 permohonan juga telah diluluskan yang berjumlah RM234.7 juta.

Geran Khas Prihatin juga sehingga 14 Ogos seramai 544,688 PKS Mikro yang telah menerima manfaat. Ini jumlahnya ialah 1.64 bilion di mana geran diberi sebanyak RM3,000 setiap mikro PKS. Pinjaman Mikro Kredit di bawah BSN dan TEKUN juga lebih kurang ramai penerima yang menerimanya. BSN Mikro 11,530 penerima dan juga TEKUN Mikro Kredit 25,997 penerima, PENJANA BSN Mikro Kredit 737 penerima baru dibuka, PENJANA Tekun Mikro Kredit juga RM5,838 penerima.

ePENJANA ini baru nombor yang terakhir pada hari ini sebenarnya 1 juta rakyat Malaysia telah menerima ePENJANA ini berjumlah RM50 berjumlah RM500 juta. Tambahan RM100 secara one-off bagi bantuan BSH juga ini dapat dinikmati seramai 402.8 juta rakyat Malaysia.

Bantuan khas kepada pelajar institut pengajian tinggi pun ramai juga yang menerimanya. Kalau hendak beri totalnya ialah 1.105 juta penerima secara keseluruhannya terdiri daripada KEDA, KEMAS, MARA, FELDA, RISDA dan sebagainya. Kalau kita tengok Pembiayaan Mudah

Bumiputera pun baru bermula, Subsidi Pengangkutan Awam My30 setakat ini 271,759 jualan pas telah diterima.

Jadi, banyak nombor ini. Jadi kalau kita buat pecahan memang ramai yang menerima. Saya akan tiap-tiap minggu kita melalui LAKSANA membuat laporan mingguan di mana akan menunjukkan berapa ramai rakyat Malaysia yang menerima setiap insentif atau program yang dilisik dalam RUU ini.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam ucapan, saya ada bangkit yang nombor 18 itu. Saya tengok dalam senarai 18 itu bas *charter* tidak ada dalam senarai. Jadi, adakah bas *charter* ini ia kena mohon yang lain ataupun akan ditimbangkan untuk diberi bantuan ini.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Karang. Mengenai bas *charter* ini kita akan buat kajian. Pada masa ini mereka tidak lagi di dalam *list* ini tetapi kita akan pertimbangkan untuk memasukkan mereka ke dalam *list* ini.

Lagi satu yang PETRONAS ini yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Pontian. Seperti saya sebut tadi, kesemua langkah RUU ini memanglah pinjaman domestik 100 peratus. Kita tidak menggunakan apa-apa dividen daripada syarikat-syarikat yang diown oleh kerajaan. Jadi kita *insya-Allah* bagi tahun akan datang hasil negara dijangka akan meningkat dengan peningkatan KDNK dengan pengukuhan ekonomi ini.

Jadi kita sudah bermula langkah, harap *insya-Allah* dapat memulakan langkah konsolidasi untuk membayar hutang. Akan tetapi kerajaan sentiasa terbuka Yang Berhormat Pontian dengan pelbagai pendekatan dalam usaha mengukuhkan asas hasil bagi menambah baik kedudukan kewangan negara. Sebarang cadangan untuk memperkenalkan dividen daripada PETRONAS ataupun dividen daripada Khazanah akan dipertimbangkan tetapi buat masa ini yang RM45 bilion ini kita sudah buat komitmen melalui pinjaman.

Juga soalan-soalan mengenai cukai baharu yang dibangkitkan juga tadi oleh Yang Berhormat Pontian ini perlu diperincikan dan diteliti. Kita hendak lihat impaknya kepada kos sara hidup rakyat serta kos menjalankan perniagaan. Proses libat urus secara inklusif juga perlu diadakan supaya sebarang penyenaraian cukai baru dapat difahami dan diterima rakyat terutamanya. Itu soalan-soalan daripada Yang Berhormat Pontian.

Saya ada soalan juga daripada Yang Berhormat Bandar Kuching. Ini mengenai ada yang belum dapat elaun untuk bulan Jun ataupun elaun perpindahan daripada hospital ke hospital yang lain. Berhubung dengan isu ini, saya ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinannya.

Kerajaan sedia maklum bahawa telah diterima aduan kelambatan bayaran elaun. Pertama, ingin ditegaskan bahawa bayaran elaun khas untuk *frontliner* Kementerian Kesihatan telah disediakan secukupnya. Kedua, Kementerian Kewangan telah berbincang perkara ini dengan Kementerian Kesihatan untuk memudahkan proses menuntut elaun. Sebagai contoh, membenarkan kelulusan tuntutan diturunkan kuasa kepada ketua jabatan. Ketiga,

Kementerian Kewangan akan terus membantu perkara ini dan akan terus memastikan tunggakan bayaran elaun dikurangkan.

Yang Berhormat Bandar Kuching juga telah bangkitkan isu kenaikan gaji doktor kontrak dari U41 kepada gred U43. Untuk makluman Yang Berhormat, semasa kerajaan terdahulu, perkara ini telah hanya dibangkitkan semasa hal-hal lain tanpa memorandum Jemaah Menteri. Dengan itu, perincian langkah ini telah dikaji dan akan diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri dalam bentuk memorandum lengkap dalam tempoh terdekat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Bandar Kuching tidak ada dalam Dewan. Teruskan.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Oh! Tidak ada dalam Dewan, sorry, okey. Seterusnya ialah soalan daripada Yang Berhormat Setiu saya rasa. Ada Yang Berhormat Setiu di sini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada, Yang Berhormat Setiu ada.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ini projek berskala kecil. Sorry soalan Yang Berhormat Subang dahulu, soalan Yang Berhormat Subang dahulu lah. Yang Berhormat Subang, projek berskala kecil apa maknanya, projek kecil dan juga siapa ada kuasa untuk luluskan projek ini. Adakah Ahli Parlimen ada kuasa?

Jadi antara objektif utama Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN adalah untuk merangsang aktiviti dan juga pertumbuhan ekonomi serta menjamin kesejahteraan rakyat. Mengambil kira kesan wabak COVID-19 kepada ekonomi terutamanya kepada PKS, kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan seperti yang dimaklumkan dalam RUU ini sebanyak RM4 bilion bagi merancakkan lagi aktiviti ekonomi.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada RM4 bilion yang diperuntukkan, sejumlah RM3.4 bilion telah dimuktamadkan melibatkan 5,695 kontraktor kecil dengan bilangan projek sebanyak 17,090 sedang dalam pelaksanaan. Projek berskala kecil ini bukan sahaja merangkumi projek-projek fizikal malah projek bukan fizikal yang memerlukan suntikan dana segera termasuk yang berkaitan dengan COVID-19.

## ■1750

Projek kecil akan merangkumi semua kawasan Parlimen sama ada di kawasan kerajaan atau pembangkang. Pelaksanaan projek-projek diuruskan oleh ICU, JPM dan agensi kerajaan lain yang dikenal pasti. Jadi, pantauan ini dipantau oleh ICU tetapi kementerian masing-masing ada *allocation to directly* lah. Yang Berhormat Setiu, mengenai Geran Khas Prihatin, adakah...

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, maaf ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Subang.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Terima kasih, terima kasih. Baik Yang Berhormat Menteri kalau program ini di bawah JPM dan di bawah kawalan ICU, bermakna Ahli Parlimen ada kuasa ataupun ada *influence* dia terhadap projek ini. Akan tetapi setahu saya, pembangkang tak ada. Ada tak komitmen daripada kerajaan untuk memberi pembangkang kuasa untuk mencadangkan atau melaksanakan projek-projek di bawah ICU? Sebab pada masa sekarang ini, semua dana

kita, dana komuniti kita telah diberhentikan. Jadi COVID-19 ini bukan sahaja perkara kerajaan, pembangkang pun mengambil perkara ini paling serius.

Jadi, boleh atau tidak dari segi *common interest* untuk melawan pandemik ini, kerajaan boleh memberi kita sedikit bantuan dan juga sedikit kelonggaran untuk melaksanakan projek yang terpenting berskala kecil di kawasan kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Subang.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Yang Berhormat Subang, saya bagi—tadi saya telah memberitahu apakah cara yang dibuat dan berapakah projek yang saya umumkan tadi. Jadi kita tengok *the details* ya projek-projek berskala kecil ini banyak daripada pakej-pakej PRIHATIN dan juga pakej PENJANA. Jadi, sebagai contoh dari Kementerian Kerja Raya sebelah kiri saya ini Yang Berhormat Menteri tahu mengenai ini kita ada rutin *pavement*, rutin *non pavement*. Ini bagi *federal road maintenance, maintenance of road furniture, installation of new road furniture, slope maintenance* dan sebagainya.

Sebab di MOE di sebelah kanan saya pula Yang Berhormat Dr. Radzi tahu mengenai gotong-royong, *personal hygiene program* ini semua salah satu program ini *personal hygiene program*, gotong-royong ini *educationnya* contohnya RM40 juta dan RM60 juta. Ada juga *school hostel facilities including furniture equipment* juga RM100 juta. Jadi ini banyak, ia bukan sahaja projek-projek kecil yang di bawah ICU tetapi banyak lagi projek-projek di bawah KPLB, KWP macam *repair and maintenance works of low cost flat including rebating and maintenance of lift* sebagai contoh dengan izin KWP ini sebanyak RM40 juta.

So, ada banyak lagi projek-projek yang dalam *list* ini yang saya boleh kongsikan dengan Yang Berhormat...

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]:** Tuan Pengerusi, boleh saya mencelah lagi Yang Berhormat Menteri Kewangan? Boleh saya tanya adakah ini, yang projek-projek ini peruntukan adakah disalurkan kepada setiap Parlimen sama rata dan saya ada meneliti ada banyak projek sudah berjalan khususnya di kawasan saya. Akan tetapi saya tak melihat projek yang dilaksanakan betul-betulnya bermanfaat kepada rakyat kerana ada banyak masalah saya sudah panggilkan kepada majlis untuk dibaiki atau menaik taraf tetapi tidak dilakukan. Akan tetapi benda yang tidak mustahak penting ya dilakukan seperti *landscaping* di Lebuhraya Pasir Gudang.

Sebelah kiri, kanan ada landskap itu sudah dibuat tetapi garisan putih tidak di cat yang akan menjaskankan keselamatan rakyat. Itu yang saya risau walaupun itu memang kita sokong kerana ini ada baik untuk rakyat. Akan tetapi saya faham Ahli-ahli Parlimen boleh diminta berbincang apa projek yang betul-betul yang bermanfaat kepada rakyat untuk dilakukan sebelum itu diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Saya ulangi sekali lagi apa yang saya sebutkan tadi. Projek kecil ini memang merangkumi semua kawasan Parlimen. Akan tetapi sama ada di kawasan kerajaan ataupun pembangkang tetapi pelaksanaan projek-projek ini semua di bawah kementerian masing-masing tetapi hanya

dipantau oleh ICU. Tidak ada penglibatan secara terus dengan mana-mana Ahli Parlimen kerajaan ataupun pembangkang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dua minit lagi Yang Berhormat.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya hendak menjawab soalan lagi, yang lain kalau boleh.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Tuan Pengerusi, saya cuma— Yang Berhormat Menteri cuma hendak diletakkan dalam rekodlah, *Hansard* ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan jawapan dan saya menunggu data-data dan *list* daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Subang, sila.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya satu soalan?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ada banyak lagi soalan saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa hanya tinggal seminit lebih sikit. Yang Berhormat jawab mana yang telah dibangkitkan tadi.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya hendak jawab soalan Yang Berhormat Bangi tadi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, sila Bangi.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Sekejap sahaja, sini, sini Petaling Jaya.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya jawab soalan Yang Berhormat Bangi tadi soalan dia penting bagi saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Petaling Jaya bagi Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu. Sila.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya bagi jawab Yang Berhormat Bangi ya. Yang Berhormat Bangi telah membangkitkan kenapa program baucar pelancongan yang telah diumumkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) pada kalau tak silap saya 27 Februari 2020 tidak termasuk di dalam rang undang-undang yang dibentangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berikut pelaksanaan langkah PKP pada bulan Mac 2020 *in fact* 18 Mac 2020 adalah tidak wajar pada masa itu untuk menggalakkan pelancongan domestik pada masa itulah. Dengan itu peruntukan yang telah dicadangkan untuk program baucar pelancongan telah diagihkan berdasarkan keutamaan untuk menampung keperluan Kementerian Kesihatan yang meningkat sehingga RM1 bilion.

Semasa disediakan program PENJANA, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan ePenjana melalui kaedah eDompet dengan melibatkan RM50 golongan berpendapatan di bawah RM100,000 setahun. Ini *similar* dengan apa yang dilihat sebelum ini. Pendekatan ePenjana ini dipercayai lebih sesuai daripada baucar pelancongan dalam memacu perbelanjaan pengguna seperti yang dijelaskan kelulusan di bawah ePenjana mencecah RM500

juta seperti yang saya telah jelaskan tadi iaitu peruntukan lebih daripada yang dicadangkan untuk baucar pelancongan.

Namun demikian, kerajaan akan terus meneliti sektor pelancongan dan akan memperincikan langkah yang sesuai untuk merancakkan dan memulihkan sektor pelancongan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Ong Kian Ming [Bangi]:** Untuk PENJANA *tourism financing*, adakah subsidi itu dimasukkan ke dalam Jadual ini?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Okey, untuk *tourism financing* ialah peruntukan daripada Bank Negara. Memang betul ratenya ialah 3.5 peratus dan ini sebenarnya peruntukan RM1 bilion daripada Bank Negara dan bukan daripada Kementerian Kewangan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan itu.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Menteri, Setiu, Setiu terlepas jawab tadi Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Setiu tadi tak jawab tadi Yang Berhormat Setiu.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Oh! Yang Berhormat Setiu sorry. Sebenarnya banyak lagi soalan tak jawab tetapi masa telah...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Kota Melaka juga.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Saya boleh jawablah Yang Berhormat Setiu punya. Okey Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu mengenai Geran Khas Prihatin dan geran bagi pusat jagaan kanak-kanak tadika, peruntukan untuk Kementerian Kesihatan dan juga diskaun bil elektrik. Banyak soalan ini.

Bil diskaun elektrik setakat ini yang total peruntukan daripada Tenaga Nasional Berhad dan juga kumpulan wang elektrik dan sebagainya ialah RM2.6 bilion. Geran Khas Prihatin ini 3,000 geran dan tertakluk kepada perbelanjaan oleh PKS mikro termasuklah sekiranya hendak digunakan untuk perbelanjaan berkaitan pematuhan SOP. So, ia termasuk.

Geran kepada tadika di bawah KPM dan juga taska ini di bawah KPWKM adalah untuk membantu mereka melengkapkan perkhidmatan selaras dengan SOP. So, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Menteri satu lagi...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Menteri macam mana dengan Kota Melaka?

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Boleh saya tanya?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang mengayuh beca. Program yang ke-18.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Program yang ke-18 ya.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Dekat RM160 juta semua telah habis diagih dan adakah tambahan ataupun boleh beri lagi satu kali *one-off*?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Oh! Ya okey. Ini nombor 18 ya.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ya dan juga *upskilling, reskilling*. Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Ini Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Kota Melaka kita mengikut rekod APAD dan juga Kementerian Pelancongan, kebanyakan golongan sasar ini telah dibayar. Lebih kurang 1,000 orang pemandu teksi yang baru memperbaharui kad APAD masih belum dibayar tetapi 99 peratus pemandu bas pelancong telah dibayar.

Kita di Kementerian Kewangan sedang memantau dan saya akan minta mereka susuli dengan Yang Berhormat. Untuk *upskilling* dan *reskilling* ya saya setuju, pihak perlu ada peluang untuk mendapat latihan terutamanya bagi mereka yang perlu di*upskill* dan juga di*reskill*kan. Kita akan meneliti ini dengan lebih baiklah, peruntukannya lebih kurang RM2 bilion saya akan jawab secara detil nanti *laterlah* Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** *One-off* lagi lah untuk pengayuh beca itu. Ada lagi *one-off* sekali lagi tak?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Buat pada masa ini tidak ada lagi Yang Berhormat.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Belum lagi?

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Belum ada lagi.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Harap boleh ada.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** *Insya-Allah.*

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi.

## ■1800

*[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengurusikan Mesyuarat]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi bila kita kata setuju, semua kata setuju. Apabila kata *tang* yang tidak bersetuju, tidak ada orang tidak bersetuju. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua kata, "*Lebih suara bersetuju*". Lebih suara bersetuju, 100 persen menyokong, kena sebut macam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa, saya ada dengar tadi. Ada dengar tadi. Baik, ada, ada.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ada dengar? Tidak, kami kata tidak ada, tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Mungkin pendengaran Yang Berhormat tidak mendengar. Baik

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Thank you.**

*[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Menteri Pengajian Tinggi (Dato' Dr. Noraini Ahmad); dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (PINDAAN) 2020

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 6.04 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.** Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*, saya bersyukur kepada Allah SWT, negara kita dalam keadaan selamat dan terkawal. Walau bagaimanapun, negara sentiasa bersedia untuk menghadapi pelbagai ancaman keselamatan yang dinamik dari semasa ke semasa. Mekanisme pengurusan keselamatan negara perlu dikemas kini bagi menghadapi ancaman keselamatan tersebut.

Sebagai mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [Akta 776] telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 Disember 2015 dan diluluskan oleh Dewan Negara pada 22 Disember 2015. Sehubungan dengan itu, sembah taklimat telah diberikan kepada Majlis Raja-raja sebanyak dua kali iaitu 16 Februari 2016 dan 10 Mei 2016. Akta 776 ini kemudiannya telah disiarkan di dalam warta pada 7 Jun 2016 di bawah Perkara 66(4A) Perlembagaan Persekutuan dan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2016.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 776 digubal berdasarkan objektif seperti berikut. Pertama, untuk menubuhkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) secara perundangan, susulan pemansuhan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1971 dan Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 pada tahun 2011 yang menjadi punca kuasa MKN sebelum ini.

Kedua, objektifnya ialah untuk mengisyiharkan kawasan keselamatan yakni bukan proklamasi darurat. Hanya pengisyiharan kawasan keselamatan apabila wujud ancaman yang serius terhadap keselamatan negara.

Ketiga, objektifnya adalah untuk mengenakan kewajipan terhadap entiti kerajaan supaya berkongsi maklumat atau risikan mengenai keselamatan negara. Keempat, objektifnya adalah untuk mewujudkan mekanisme tindak balas segera dan bersepodu apabila berlaku ancaman serius terhadap keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit kronologi pindaan Akta 776 semasa tempoh pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan. Berdasarkan kepada Janji 27, Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan adalah untuk memansuhkan akta-akta atau undang-undang tertentu yang juga meliputi Akta 776 ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pakatan Harapan pada ketika itu memutuskan untuk mengekalkan Akta 776 dengan pindaan yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada ketika itu.

Susulan itu, bacaan pertama Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2019 iaitu rang undang-undang pindaan 2019 telah dibuat di Dewan Rakyat pada 9 April 2019. Namun demikian, pada 10 Julai 2019 juga, rang undang-undang pindaan 2019 tersebut telah ditarik balik oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Kemudiannya, pindaan Akta 776 telah dibuat ataupun telah dilaksanakan dalam tempoh Kerajaan Perikatan Nasional sekarang ini. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Jun 2020 dan 10 Jun 2020 telah bersetuju supaya Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020, memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan atas nasihat Majlis Keselamatan Negara.

Saya ulangi memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan atas nasihat MKN agar segera dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan seterusnya di Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14 ini. Maka, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Ogos 2020 telah meluluskan cadangan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020 adalah bertujuan antaranya:

- (i) untuk meminda peruntukan berhubung dengan kuasa untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan dengan memberi kuasa tersebut kepada Yang di-Pertuan Agong. Susulan itu, pindaan kepada seksyen 18 Akta 776 ini tidak akan menjelaskan peranan Majlis Keselamatan Negara sebagai penasihat dalam proses pengisytiharan mana-mana kawasan keselamatan;
- (ii) untuk memperkemaskan dan memperkuuhkan keanggotaan Majlis. Ketiga, memperuntukkan kuasa kepada pengarah operasi untuk meminta apa-apa maklumat atau risikan dari mana-mana individu atau entiti selain daripada entiti kerajaan;

**■1810**

- (iv) meningkatkan penalti bagi kesalahan melanggar obligasi kerahsiaan maklumat yang berhubung dengan hal ehwal majlis;
- (v) memastikan kuasa membuat peraturan-peraturan di bawah akta ini tidak terletak pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja tetapi sebaliknya adalah hasil keputusan bersama musyawarah majlis; dan
- (vi) adalah untuk memasukkan peruntukan berhubung dengan kesalahan yang dilakukan oleh orang mana-mana orang yang merupakan suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau mana-mana orang serta tanggungan seseorang bagi apa-apa perbuatan oleh pekerja orang itu, ejen orang itu atau pekerja ejen orang itu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020 ini adalah signifikan bagi memastikan Majlis Keselamatan Negara terus melaksanakan fungsinya untuk memastikan tadbir urus keselamatan negara dapat dilaksanakan secara cekap dan

berkesan bagi tujuan keselamatan, keamanan dan kemakmuran Persekutuan Malaysia. Cadangan pindaan ini juga bagi menambah baik Akta 776, antara lain berhubung kuasa pengarah operasi untuk meminta daripada mana-mana individu atau mana-mana entiti selain entiti kerajaan, apa-apa maklumat atau risikan yang ada di dalam milikannya.

Ia menunjukkan bahawa kerajaan mengambil berat dan komited bagi memastikan ancaman keselamatan negara dapat ditangani dengan lebih cekap, cepat dan efisien. Bertindak mengambil langkah-langkah bagi menjamin perkongsian maklumat perisikan dan tindak balas segera secara bersepada oleh pasukan keselamatan ke atas sesuatu insiden ancaman keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020 yang dicadangkan ini keseluruhannya mempunyai sembilan fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda seksyen 2 Akta 776 dalam takrif “kawasan keselamatan” berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan dalam fasal 5.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 776 untuk mengeluarkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Timbalan Pengerusi Majlis daripada keanggotaan Majlis dan untuk memberi kuasa kepada Pengerusi Majlis bagi melantik seorang Timbalan Pengerusi dalam kalangan anggota Majlis yang lain. Ini adalah untuk mengukuhkan lagi keanggotaan Majlis.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 776 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan dalam fasal 3.

Fasal 5, ini yang penting adalah bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 776 untuk memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat daripada Majlis mengisyiharkan mana-mana kawasan di dalam Malaysia sebagai “kawasan keselamatan”.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 21 untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa Pengarah Operasi untuk meminta daripada mana-mana individu atau mana-mana entiti selain entiti kerajaan, apa-apa maklumat atau risikan dalam milikannya.

Peruntukan ini menggariskan kewajipan mana-mana individu atau entiti selain entiti kerajaan untuk mematuhi permintaan Pengarah Operasi. Kuasa Pengarah Operasi ini hendaklah dijalankan demi kepentingan keselamatan negara dan berhubung dengan sesuatu kawasan keselamatan. Mana-mana individu atau entiti selain entiti kerajaan yang tidak mematuhi permintaan oleh Pengarah Operasi melakukan satu kesalahan di bawah Akta 776.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 37 Akta 776 untuk menaikkan tempoh pemenjaraan bagi kesalahan di bawah seksyen ini daripada dua tahun kepada lima tahun.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 42 Akta 776 bagi membolehkan Majlis membuat peraturan-peraturan di bawah Akta 776 ini.

Akhirnya fasal 9 bertujuan untuk memasukkan ke dalam Akta 776 satu seksyen baharu iaitu 42A yang mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang merupakan suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain dan seksyen baharu 42B yang mengandungi

peruntukan yang berhubungan dengan tanggungan seseorang bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran oleh pekerja orang itu, ejen orang itu atau pekerja ejen orang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Siapa yang menyokong?

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Hang Tuah Jaya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, saya ada menerima senarai. Dalam senarai ini ada tiga orang. Akan tetapi, saya lihat ada beberapa yang telah berdiri.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Hang Tuah Jaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya catat nama-nama Ahli Yang Berhormat. Dari Yang Berhormat Hang Tuah Jaya. Kemudian, diikuti oleh Padang Rengas.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya bangun dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya hendak mulakan dahulu dan yang lain nanti saya catatkan nama. Sila Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini kita bagi nama awal. Perikatan Nasional bagi nama awal. Puak-puak ini baharu berdiri. Jadi, bagi ikut nama.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Puak-puak Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya akan catat nama.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, pembahasan yang saya ambil nama nanti. Pembahasan pertama saya bagi 15 minit dan yang lainnya lima minit seorang. Sila Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, yang lain berapa minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Diikuti Yang Berhormat Padang Rengas.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang lain berapa minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang lain lima minit. Yang Berhormat Hang Tuah Jaya selama 15 minit, Yang Berhormat Padang Rengas selamat 15 minit dan yang lain selama lima minit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, Yang Berhormat. Saya sebenarnya jadi pengucap 15 minit. Jadi, yang lain saya ingat selama 10 minit. *To be fair because* ini pindaan rang undang-undang Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, saya faham.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia tidak boleh cakap macam itu, sebab dia pinda rang undang-undang ini bukan itu...

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Siapa Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** So, saya minta bagi selama 10 minit sahaja ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya buat keputusan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang lain lima minit *alright*. Saya selama 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

#### 6.17 ptg.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kerana memberi ruang kepada Hang Tuah Jaya mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Seperti mana yang kita semua sedia maklum bahawa ini adalah berkaitan dengan isu keselamatan dan saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana dengan izin, *acknowledge* ikhtiar yang telah pun kita lakukan dan ini tentulah dalam konteks untuk menambah baik undang-undang yang sedia ada.

Seperti mana yang kita maklum bahawa Majlis Keselamatan Negara ini adalah satu Majlis yang cukup penting dari segi sejarah. Seperti mana Yang Berhormat Menteri sedia maklum, sejak peristiwa 13 Mei 1969 kita telah mula membuat atau melakukan beberapa perubahan struktur berkaitan dengan Majlis Keselamatan Negara iaitu Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia–Thailand, Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia–Indonesia, Pasukan Petugas Khas Pendatang Haram Vietnam, Jawatankuasa Penyelaras Pencegahan Penyeludupan dan Jawatankuasa Antidadah Kebangsaan.

Yang mana saya percaya objektif yang strategik bagi penubuhan ini adalah untuk menerajui penggubalan dasar dan pengurusan keselamatan negara secara komprehensif, bersepadau dan berkesan. Mendukung dasar-dasar keselamatan negara, memelihara hak-hak kedaulatan dan kepentingan strategik negara, mengukuhkan lagi ketahanan nasional, menerajui komuniti keselamatan negara, mengoptimumkan kolaborasi dan perkongsian sumber dan mempertingkatkan kapasiti dan kompetensi organisasi. Pelbagai isu ini, saya percaya telah pun

dalam usaha kita untuk memastikan Malaysia berdaulat, aman dan ditangani dengan begitu efektif dengan penubuhan MKN ini.

Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dengan dasar-dasar keselamatan negara yang penting seperti ini, apakah di sana wujud satu usaha untuk menganjurkan program-program penerangan kepada rakyat mengenai dasar-dasar keselamatan negara khususnya tentang fungsi MKN ini?

■1820

Kita semua sedia maklum bahawa antara sebab utama Akta Keselamatan ini dibantah dengan keras waktu itu ialah kerana dilihat seolah-olah kuasa itu berpusat kepada Perdana Menteri dan mengambil kira pendekatan ataupun istilah yang biasa kita dengar, *absolute power corrupts absolutely*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Untuk mengelakkan perkara ini, saya percaya antara yang telah dicadangkan oleh kerajaan pada hari ini adalah untuk meminda peruntukan tentang Perdana Menteri ini dengan memberikan kuasa itu nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong. Saya percaya ini adalah perkara yang penting kerana kita tahu bahawa dalam keadaan sekarang ini, kalau kuasa itu hanya berpusat kepada Perdana Menteri dalam hal-hal keselamatan, ia tentu akan terbuka kepada permasalahan penyalahgunaan kuasa dan sebagainya kerana kita tahu ini adalah merupakan pengisytiharan kawasan keselamatan.

Jadi saya ingin merujuk Dewan ini kepada isu yang menjadi teras kepada bantahan ketika undang-undang ini diwujudkan. Di mana saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah di sana ada terdapat *parliamentary accountability*, dengan izin, kebertanggungjawaban Parlimen dalam ketika mana kita ingin mengisytiharkan sesuatu kawasan itu sebagai kawasan keselamatan? Ini kerana kita tahu daripada segi bagaimana undang-undang ini berfungsi, ia berdasarkan nasihat daripada Majlis Keselamatan ini, Perdana Menteri mempengerusikan, dan kemudiannya mencadangkan kepada Yang di-Pertuan Agong dan kita tahu Yang di-Pertuan Agong adalah sebahagian daripada komponen penting Dewan Rakyat.

Apakah ia di sana ada iltizam daripada kerajaan untuk memastikan sebarang pengisytiharan kawasan ini ada terdapat *parliamentary accountability*? Ini kerana kita tahu sebarang isu berkaitan dengan pengisytiharan keselamatan ini tentunya akan ada pendekatan semak dan imbang. Jadi, semak dan imbang itu sudah pastilah kita rujuk semula kepada Dewan Rakyat ataupun kepada Parlimen.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, boleh mencelah? Ledang.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Silakan.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Hang Tuah Jaya sebut berkenaan dengan kepentingan untuk adanya semak dan imbang. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, dalam rangka kita untuk memastikan adanya semak dan imbang dalam Majlis Keselamatan Negara ini, apakah kemungkinan boleh

dimasukkan Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia untuk bermesyuarat dengan MKN? Di mana ada dilakukan juga di United Kingdom.

Kadangkala mereka menjemput Ketua Pembangkang untuk menghadiri mesyuarat tetapi majlis itu bersifat penasihat. Saya rasa ini boleh dipertimbangkan oleh kerajaan supaya adanya ruang untuk semak dan imbang dan untuk mengelakkan daripada berlakunya salah guna sekiranya ada. Adakah Yang Berhormat Hang Tuah Jaya bersetuju? Terima kasih.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:**

Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya percaya bahawa institusi Ketua Pembangkang ini adalah satu institusi yang diiktiraf di mana-mana Parlimen di dunia ini terutamanya di Parlimen Komanwel. Saya yakin ini adalah cadangan yang baik dan saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan ulasan tentang perkara ini kerana ia tentu akan mewujudkan lagi semangat ataupun memaparkan semangat reformasi dalam kita membuat perubahan kepada institusi penting seperti Parlimen ini.

Antara perkara yang seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah keperluan untuk mewujudkan apa yang saya sebut sebagai klausa-klausa semakan yang mana ini saya percaya tidak ada dijelaskan secara terang di dalam Akta Majlis Keselamatan Negara ini. Misalnya, adakah terdapat keperluan untuk mengekalkan atau meminda atau memansuhkan akta ini dalam satu tempoh, misalnya lima tahun, tiga tahun, untuk melihat keperluan akta ini?

Ini kerana kalau undang-undang ini relevan lima tahun lagi, maka sewajarnya dikekalkan. Tetapi kalau perlu penambahbaikan, ia perlu diberikan satu ruang di dalam rang undang-undang ini agar ada ruang-ruang untuk mana-mana pihak melakukan semakan terhadap keputusan yang telah pun diberikan mengikut lunas-lunas di dalam rang undang-undang ataupun di dalam akta ini.

Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi dalam perbahasan awal menyatakan bahawa sesuatu kawasan itu boleh diisyiharkan sebagai satu kawasan keselamatan. Saya ingin bangkitkan hal ini di peringkat dasar ini kerana saya lihat bahawa antara isu yang dilihat penting sekarang ini adalah isu geopolitik. Kita daripada segi dasar luar mengekalkan prinsip ZOPFAN, berkecuali, tetapi dalam masa yang sama, kita juga berhadapan dengan kawasan keselamatan di *South China Sea*, dengan izin. Kita melihat ada kemaraan *coast guard*, dengan izin, dari China yang menuntut kita untuk melihat sama ada kawasan keselamatan ini perlu atau tidak diisyiharkan kerana ia berkait dengan rakyat kita yang mungkin pergi ke sana untuk memancing ikan dan sebagainya.

Dan bagaimana kesiapsiagaan kepelbagaian kementerian ini? Saya percaya bukan sekadar Jabatan Perdana Menteri tetapi juga membabitkan Menteri Luar, membabitkan Menteri Pertahanan kerana dinyatakan secara jelas tadi bahawa ini boleh diisyiharkan sebagai satu kawasan keselamatan. Maka daripada segi geopolitik, apakah ini termaktub di dalam definisi kawasan keselamatan ini?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nyatakan perkara ini dengan jelas kerana biarlah undang-undang yang kita ada hari ini mencakupi seluas-luasnya isu keselamatan ini. Kita

sekarang berhadapan bukan sekadar keselamatan geopolitik tetapi juga berkait dengan digital ataupun *cyber security* yang menuntut kita untuk melakukan beberapa inovasi supaya hal-hal yang berkait dengan keselamatan digital dalam kita berhadapan dengan pasca COVID-19 ini ataupun pandemik ini, ia menuntut kita untuk mengkaji sama ada undang-undang yang sedia ada ini sesuai atau tidak dalam kita menangani serangan-serangan yang bersifat *cyber security* ini. Silakan.

**Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]:** Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, minta pencelahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Sungai Buloh.

**Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]:** Terima kasih Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat dalam rang undang-undang ini ada beberapa penambahbaikan kepada akta ibu. Apa yang saya minta penjelasan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Hang Tuah Jaya ialah berkaitan dengan ayat yang disebut dalam mukadimah tadi oleh Yang Berhormat Menteri apabila Menteri dalam mukadimah itu menyebut bahawa memang rang undang-undang ini dimulakan dalam masa pemerintahan Pakatan Harapan, dibentangkan untuk *first reading*, dengan izin, tetapi pada satu masa ditarik balik. Itulah istilah yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Apa yang saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Hang Tuah Jaya ialah bukanlah—ini adalah fahaman saya dan saya minta ini dibetulkan oleh Yang Berhormat Menteri kalau boleh. Pada masa itu, fahaman saya ialah itu tidak ditarik balik dalam erti itu. Itu adalah lebih kepada penangguhan dan alasan pada penangguhan pada masa itu ialah Yang Berhormat Port Dickson masa itu, kalau tidak silap saya, telah bawa satu kes ke mahkamah untuk mencabar kesahihan akta ini daripada segi sama ada akta ini selaras dengan Perlembagaan Malaysia. Isu pokoklah tentang sama ada persetujuan daripada Agong diterima dengan prosedur yang teratur, prosedur yang betul atau tidak. Atas alasan itu sahaja. Sebab kes ini *pending* di mahkamah. *Its own* isu subjudis pun dia berbangkit.

Rang undang-undang ini ditangguhkan dan bukan ditarik balik. Sebab, masa itu dan sampai sekarang Pakatan Harapan adalah komited untuk mansuhkan atau buat pindaan untuk menambahbaikkan akta ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Buloh. Silakan Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Buloh. Ya, memang benar. Kalau dilihat daripada segi kronologi kes ini ataupun pemfailan ataupun semakan undang-undang ini, susulan daripada keputusan kes di mahkamah, Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah pun— malah pergi untuk buat semakan, memfaillkan semakan keputusan majoriti oleh Mahkamah Persekutuan.

Tidak silap saya 5-2. Ini tentunya menuntut sidang pada waktu itu untuk tidak terikat di dalam subjudis untuk menangguhkan pembentangan ini. Saya percaya maklumat ini ada oleh

Yang Berhormat Menteri dan boleh *confirm* dan boleh sahkan perkara ini kerana kita tahu ia harus mengikut prosedur yang telah pun ditetapkan.

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Buloh kerana membangkitkan perkara ini. Saya fikir ini penting kerana telah pun difaiklan oleh Ketua Pembangkang sebelum ini dalam konteks maknanya undang-undang ini dilihat tidak mengikut Perlembagaan.

**■1830**

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, adalah seperti mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri ialah berkaitan dengan risikan. Di mana beberapa pindaan telah dibuat khusus di dalam mendapatkan maklumat risikan daripada syarikat dan sebagainya.

Saya konsisten Tuan Yang di-Pertua di dalam Dewan ini. Daripada awal lagi dalam perbahasan di peringkat Titah Yang di-Pertuan Agong, saya nyatakan pendirian saya untuk kita mulakan tindakan menangkap Jho Low ini. Dia merupakan pengkhianat besar negara ini. Saya terkejut, pada dua hari yang lalu ada laporan yang dibuat terhadap – yang dibuat oleh – kepada DOJ bahawa dalam konteks Jho Low ini, beliau menggunakan seorang pelobi yang tidak berdaftar di bawah *Foreign Agents Registration Act* (FARA) dengan izin, nanti saya semak tetapi singkatan FARA maknanya lobi itu mesti didaftarkan di Amerika tetapi tidak didaftarkan.

Apa yang membimbangkan saya Tuan Yang di-Pertua adalah apabila di dalam laporan itu disebut bahawa ada kaitan dengan seorang Menteri daripada *The Republic of China* daripada negara China. Maknanya, ini yang terbaru kerana ia laporan yang difaiklan di mahkamah daerah di Hawaii pada 17 Ogos 2020 yang lalu.

Saya percaya kerajaan tentu sahaja dalam konteks ini boleh mendapatkan maklumat risikan ataupun maklumat tambahan daripada DOJ ini. Ini kerana ia tentu membabitkan kedaulatan negara. Kita semua sedia maklum ia tentu akan menyebabkan cabaran terhadap hubungan dua negara antara Malaysia dan juga China. Apa lagi disebut di dalam laporan itu ia membabitkan salah seorang Menteri negara China.

Jadi, yang ini saya percaya bahawa ia juga berkait dengan keselamatan dan kedaulatan negara kita. Mana mungkin kita meletakkan seseorang bebas begitu sahaja yang telah melalukan pengkhianatan di dalam negara kita dan dalam masa yang sama kita juga dimaklumkan secara rasmi melalui laporan DOJ bahawa beliau ini juga ada kaitan dengan Menteri di sebuah negara iaitu negara China. Jadi, saya percaya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila rumuskan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Saya percaya bahawa ini juga tentunya di bawah *ambit* ataupun di bawah ruang lingkup keselamatan. Saya harap Yang Berhormat Menteri juga maklum saya sentiasa konsisten dalam isu ini kerana pada saya kita mesti menggunakan *all avenue*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua untuk mengembalikan semula ataupun membicarakan seseorang yang telah pun mengkhianati negara kita. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Hang Tuah Jaya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Rengas diikuti oleh Yang Berhormat Jelutong, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Arau, kemudian Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Bukit Bendera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Kemudian Yang Berhormat Pasir Mas dan...

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Kemaman.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Bukit Bendera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Yang Berhormat Pulai.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Kemaman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kemaman ada, baik saya catatkan. Sila Yang Berhormat Padang Rengas selama 15 minit.

### 6.33 ptg.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana memberi ruang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya selaku Ahli Parlimen Padang Rengas ingin menyatakan itu bahawa kita menyokong penuh pindaan kepada Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini.

Seperti mana rakan saya daripada Hang Tuah Jaya telah menyebut satu klise di dalam politik ini adalah *power corrupt absolute, power corrupt absolutely*. Ini walaupun klise tetapi ia disebut selalu dan mungkin membosankan tetapi ia adalah cukup penting dalam politik. Ini kerana klise inilah juga *our forefather* telah memastikan itu bahawa apabila kita merdeka, maka sistem pemerintahan kita ini adalah berdasarkan kepada *Parliamentary Democracy* dan juga *Constitutional Monarchy*.

Apa maksudnya di sini adalah kongsi kuasa. Di dalam soal kita kongsi kuasa ini, rakyat memilih Perdana Menteri menerusi *Parliamentary Democracy*, maka dia mempunyai kuasa. Di dalam masa yang sama, kita juga ada sistem *Constitutional Monarchy* bermakna bahawa Yang di-Pertuan Agong juga berkuasa. Jadi, kuasanya itu diturunkan di dalam Perlembagaan seperti yang dibenarkan dalam Perlembagaan.

Jadi, berkongsi kuasa ini bermakna iaitu bahawa semakan ataupun jikalau kita kata *check and balance* itu boleh berlaku sebab itulah kita tengok dalam Perlembagaan Malaysia kita ini segala apa tindakan yang dianggap penting sebagai membubarkan Parlimen sebagai contoh, perkongsian kuasa ini jelas iaitu boleh membubarkan Parlimen ialah Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi Yang di-Pertuan Agong tidak boleh sesuka hati membubarkan Parlimen mengikut kehendak dia. Dia perlu mendapatkan nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terlebih dahulu, barulah boleh Parlimen dibubarkan.

Begitu juga perimbangan kuasa itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga tidak boleh sesuka hati mahu membubarkan Parlimen. Ini kerana akhirnya yang boleh membubarkan Parlimen itu ialah Yang di-Pertuan Agong. Jadi, inilah sistem perkongsian kuasa di antara rakyat dengan Yang di-Pertuan Agong.

Oleh sebab itulah kita lihat di dalam Perlembagaan kita semuanya perkara-perkara yang penting mesti dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong di atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi sebab itu, dalam soal perkongsian kuasa ini, ianya bukan sahaja mesti dilakukan, tetapi ia mesti dinampakkan dilakukan. Ini kerana *to be seen, to be sharing power* ini mesti diberikan – orang kata apa sokongan. Oleh sebab itulah saya kira dalam soal kita hendak memindah akta ini dia akan memperbetulkan keadaan akta ini.

Bagi saya, sama ada pengisytiharan ataupun proklamasi, saya rasa kalau ditafsirkan dalam bahasa Melayu apa itu *proclamation* ialah pengisytiharan. Pada saya tidak ada bezalah dengan pengisytiharan dengan *proclamation, is one the same thing*. Jadi sebab itu, kalau kita hendak katakan bahawa ini bukan proklamasi tetapi ini pengisytiharan ia serupa sahaja.

Jadi, untuk memperbetulkan keadaan iaitu bahawa di dalam akta ini *is not seen to be sharing power* maka itulah kita perlu pinda supaya ia akan selaras dengan Perlembagaan negara kita. Termasuklah kalau kita mengisytiharkan satu kawasan sebagai satu kawasan yang darurat, maka semestinya ialah iaitu bahawa kita kena berkongsi kuasa.

Saya bersetuju ianya dipinda kerana akta seperti yang ada pada hari ini tidak menampakkan bahawa kita berkongsi kuasa dengan Yang di-Pertuan Agong. Jadi, apa yang dilakukan oleh kerajaan pada hari ini adalah betul. Kuasa dalam negara kita ini kita kongsi, tidak kepada ahli politik sahaja. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Hang Tuah Jaya sebentar tadi, kalau kita memusatkan kuasa kepada satu institusi, maknanya Perdana Menteri itu satu institusi maka dia bercanggah dengan klise iaitu *power corrupt, absolute power corrupt absolutely*.

Kita jangan menganggap seolah-olah perkara ini tidak mungkin boleh berlaku di negara kita. Malah kalau kita lihat di banyak negara yang merdeka sama dengan kita dahulu pun – apabila satu kuasa itu diberikan kepada seorang yang dipilih, kita lihat bagaimana dengan mudahnya ia menjadi sebuah negara diktator dan ia berhak untuk melakukan apa sahaja tanpa ada *check and balance* daripada satu institusi yang lain.

Jadi, sebab itu dalam hal ini, untuk menyesuaikan...

#### ■1840

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, saya bangun hendak menyokong.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]:** Okey, bangun...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Hari itu Yang Berhormat bangun hendak berbahas, saya tidak ada di sini. Jadi hari ini saya tertarik dengan perbahasan. Sebagai seorang pengamal undang-undang, saya ingin menjemput Yang Berhormat memberi

pandangan. Dalam keadaan yang melanda negara kita, seperti kita lihat ahli-ahli politik yang melompat dari satu parti kepada satu parti ke parti yang lain dan sebagainya.

Bersetuju kah Yang Berhormat bahawa kita sepatutnya menyokong undang-undang ini untuk meletakkan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong. Ini kerana isu keselamatan negara, kedaulatan negara adalah sesuatu yang boleh kita letakkan dan percaya sepenuhnya kepada Yang di-Pertuan Agong. Kita lihat musibah yang melanda negara kita di mana ahli-ahli politik mengkhianati perjuangan, melompat dari sana, melompat dari sini. Ini adalah satu isu yang patut kita beri perhatian dengan serius.

Oleh sebab itu, saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kuasa ini sepatutnya diletakkan kepada Yang di-Pertuan Agong yang boleh rakyat percaya sepenuhnya. Apakah pandangan Yang Berhormat atas perkara ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sila Yang Berhormat Padang Rengas.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tuan Yang di-Pertua – ini mengambil hak rakyat. Rakyat telah pun menentukan dalam pilihan raya, siapa yang menjadi Ahli Parlimen kawasan-kawasan tertentu. Untuk memberikan kuasa ini kepada Yang di-Pertuan Agong, itu sudah mencerobohi hak rakyat. Jadi kita bercakap tentang perkongsian.

*[Tepuk]*

Biarlah wakil rakyat, Perdana Menteri ini dipilih oleh rakyat. Apabila rakyat menentukan siapa Perdana Menteri, maka pada ketika itu berkongsilah kuasa dengan Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jelutong, dalam soal *anti hopping*, saya tidak ada kompromi. Kita boleh melihat kepada akta yang lain untuk menghentikan lompat parti yang mungkin juga kalau tidak dikawal dengan betul, ia mungkin akan mendatangkan satu suasana yang mungkin kegelisahan di kalangan rakyat. Ini perlu dihentikan. Akan tetapi saya bersetuju, anti lompat ini ataupun lompat parti ini mesti dihentikan, tetapi itu di dalam akta yang lain. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]:** Hah! Ya.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Orang lama.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]:** Yang Berhormat Pokok Sena. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Padang Rengas. Saya cukup gembira melihat perbahasan daripada Yang Berhormat yang menyokong pindaan ini. Tidak seperti pada tahun pembentangan rang undang-undang ini yang dibuat. Pada waktu itu kami membantah kerana memberikan dan memusatkan kuasa itu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sehingga kita berbahas sehingga larut malam ataupun di awal pagi, kalau tidak silap saya Yang Berhormat Arau yang membentangkannya.

Jadi, Yang Berhormat semua daripada sana, khususnya daripada BN menyokong *bill* tersebut. Akan tetapi tiba-tiba pada hari ini, Yang Berhormat menyatakan bahawa apa yang kami

bantah dahulu itu, betul. Jadi saya mengucapkan terima kasih kerana walaupun terlambat, terima kasih dan mengakui bahawa apa yang dibuat oleh kerajaan tempoh hari itu satu kesilapan. Jadi terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Padang Rengas.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat ini ... Arau kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Padang Rengas teruskan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]:** Ini perkara yang serius yang kita bincang dan saya harap Yang Berhormat Pokok Sena tidak usahlah *dok* ambil kesempatan politik dalam kita hendak memperbetulkan. *[Tepuk]*

Kita kena ingat pada ketika itu tidak pernah berlaku dalam negara kita. Ia merupakan satu kejutan pada ketika itu di mana penceroboh daripada kumpulan tentera haram, Sultan Sulu buat kali pertamanya dalam sejarah negara kita mencerobohi negara kita, tidak pernah lagi sebelum ini. Pencerobohan dilakukan di sebelah Sabah. Maka, sudah tentu pada ketika itu dalam keadaan yang sedemikian, kerajaan terpaksa mengambil satu keputusan yang cepat untuk memastikan supaya tindakan boleh diambil dengan serta-merta.

Maka, oleh sebab itulah pada ketika itu sudah tentu kerajaan merasakan kita perlu mengisytiharkan kawasan ini sebagai kawasan yang darurat supaya kita dapat menghentikan pencerobohan yang telah berlaku di negara kita dengan secepat mungkin. Itu pun Tuan Yang di-Pertua, ramai juga tentera kita yang terkorban.

Oleh sebab itulah pada ketika itu, kita perlu mengambil tindakan yang cepat. Jadi bukan kerana kita hendak mengambil alih kuasa sesiapa. Bukan kerana kita tidak mahu berkongsi kuasa tetapi kita perlu mengambil tindakan segera. Apa yang penting pada ketika itu ialah asalkan akta yang kita buat itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan, asalkan tidak bercanggah, ia dibolehkan. Ia *emergency*, dibolehkan.

Setiap rang undang-undang yang kita lakukan, sudah tentu kita mesti memberikan kepada AG Chambers untuk mereka melihat. AG Chambers ini terdiri daripada peguam-pegawai kita yang duduk dalam AG Chambers ini- yang memerhati dan melihat. Kerja dia ialah setiap kali kalau ada rang undang-undang, maka ia mesti diberikan kepada AG Chambers. SOPnya yang pertama sekali ialah jangan bercanggah dengan Perlembagaan kita. Ia tidak bercanggah, maka oleh sebab itulah, kita boleh lakukan kerana tindakan serta-merta perlu diambil untuk kita memastikan supaya pencerobohan ini dapat dihentikan serta-merta. Yang Berhormat Kangar, ya?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]:** Sekejaplah, saya ada 15 minit, dua minit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada dua minit sahaja lagi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]:** Jadi, saya menyokong. Saya juga menyokong berkenaan dengan Perdana Menteri melantik mana-mana ahli anggota menjadi Pengerusi. Ini sebab sekarang ini pun kita tidak ada Timbalan Perdana Menteri. Jadi kalau kita tidak ada Timbalan Perdana Menteri, macam mana kita hendak melantik seorang Pengerusi di dalam ketiadaan Perdana Menteri untuk mempengerusikan mesyuarat. Jadi, jangan kita nanti buat sesuatu yang melanggar akta. Jadi saya amat memahami iaitu bahawa Timbalan Perdana Menteri tidak lagi menjadi Timbalan Pengerusi kerana pada waktu ini kita tidak ada Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang paling penting sekali kita pinda ini ialah kita hendak melindungi Yang di-Pertuan Agong. Saya bimbang satu sahaja iaitu kita merupakan anggota kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Sekarang ini apa juga tindakan yang diambil oleh kita, sentiasa diperhatikan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga suara-suara *netizen* di seluruh dunia. Jadi, dengan kita mengatakan itu bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh mengisyiharkan di atas nasihat Majlis, sekarang lagi bagus sebab pengisyiharan ini bahaya.

Ini kerana macam berlaku pencerobohan di negeri Sabah dahulu, tentera haram Sultan Sulu ini mempunyai juga penyokong-penyokong daripada masyarakat Suluk di negeri Sabah. Kalau sekiranya tentera kita mengambil tindakan termasuklah membunuh orang-orang Suluk di negeri Sabah, maka kita boleh dihadapkan kepada ICC. Jadi, kalau kita mengisyiharkan dan kita kata Yang di-Pertuan Agong boleh mengisyiharkan, Yang di-Pertuan Agong nanti akan dibawa ke ICC, dihadapkan ke ICC kerana mungkin akan dikatakan melakukan *ethnic cleansing* terhadap masyarakat Suluk di Sabah.

Akan tetapi apabila kita buat iaitu bahawa Yang di-Pertuan Agong di atas nasihat majlis, ini yang terbaik kerana kita memberikan perlindungan kepada Yang di-Pertuan Agong iaitu bahawa bukan dia bertanggungjawab secara bersendirian untuk mengisyiharkan darurat. Akan tetapi sebenarnya telah pun dinasihatkan oleh Majlis. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa. Terima kasih. Padang Rengas menyokong pindaan Rang Undang-undang MKN ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Rengas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong dan ada 10 orang lagi pembahas, saya terpaksa hadkan lima minit kepada pembahas kita.

#### **6.49 ptg.**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin membahaskan rang undang-undang ini berkenaan dengan dua, tiga perkara. Saya bangun untuk menyatakan sokongan penuh kepada rang undang-undang ini yang telah dibentangkan bersama-sama dengan rakan-rakan saya daripada PH. Kami berpandangan bahawa pindaan ini adalah tepat pada masanya.

Negara kita adalah negara yang aman dan damai tetapi beberapa perkara yang berlaku terutamanya seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Hang Tuah Jaya. Kita lihat pencerobohan-pencerobohan di Laut China Selatan, perkara yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat Padang Rengas tadi pencerobohan di Sabah adalah perkara-perkara yang melibatkan keselamatan negara.

■1850

Sebagai rakyat biasa, saya menganggap diri saya sebagai rakyat biasa. Saya penuh keyakinan untuk meletakkan puncak kuasa keselamatan negara kepada Yang di-Pertuan Agong. Baginda lah merupakan orang yang penting yang boleh kita percaya 100 peratus berkenaan dengan semua perkara yang melibatkan kebijakan rakyat, keselamatan, kesejahteraan rakyat dan sebagainya.

Pada masa sekarang perkara ini adalah penting seperti yang telah saya tanya kepada Yang Berhormat Padang Rengas tadi, negara kita dilanda dengan satu musibah yang begitu teruk pada tahun ini. Saya bukan bercakap tentang COVID. Saya bercakap tentang satu musibah pergelakan politik yang berlaku di negara di mana kita lihat pemimpin-pemimpin daripada Pakatan Harapan telah pun keluar dari kerajaan dan sekarang telah berada di sebelah sana. Rakyat tertanya-tanya adakah kita ingin meletakkan sesuatu yang melibatkan keselamatan negara kepada individu-individu seperti ini.

Ini adalah perkara yang melibatkan keselamatan negara, kedaulatan negara, kepentingan negara, nyawa rakyat kita. Bayangkan, saya tidak mahu merujuk kepada mana-mana orang tertentu tapi pengkhianatan ataupun istilah yang baru-baru digunakan petualang menjadi isu yang begitu hangat diperbincangkan.

Jadi rakyat tertanya-tanya sama ada keselamatan negara boleh diletakkan kepada individu-individu atau pemimpin-pemimpin seperti ini. Sebab itulah saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order, point of order.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *No I didn't refer to anybody in particular. I said,* saya kata saya tidak merujuk kepada siapa-siapa individu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi, dia merujuk kepada mereka yang melompat sebagai pengkhianat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *No, no. Saya hanya...*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa itu lompat? Sebab benda yang berlaku ada undang-undang...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak apalah, okey. Saya tarik baliklah. Saya tarik balik kenyataan itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ia ada undang-undang. Kita ada undang-undang, kalau tidak ada undang-undang tidak apa.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya hanya merujuk—Saya tarik balik kenyataan itu. Kalau terpaksa...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau tidak ada undang-undang, kita boleh tuduh pengkhianat. Ini undang-undang pun membolehkan. Takkan kita pengkhianat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apalah Yang Berhormat Jelutong tarik baliklah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak apalah. Ya, saya sudah tarik balik. Tidak ada masalah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, perkataan pengkhianat tidak sesuai. Sebenarnya penyamun tarbus itu lagi teruk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, tapi perkataan pengkhianat tidak sesuai...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** So, saya— Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...ada undang-undang yang boleh mereka masuk mana-mana parti. Mana boleh pengkhianat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya tidak mahu. Saya ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pengkhianat, petualang digunakan. Dia orang ini baik sangat kah? Penyamun tarbus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa Yang Berhormat Arau, dia sudah tarik balik sudah Yang Berhormat Arau. Tidak apa Yang Berhormat Arau, terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak apa, tidak ada masalah, / can withdraw. Saya membangkitkan perkara ini kerana ia melibatkan keselamatan, kedaulatan, kedamaian, kesejahteraan rakyat. So, rakyat...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sikit sahaja, sikit sahaja.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, berikan saya masa. Okey, saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sikit Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Jelutong. Adakah Yang Berhormat Jelutong bersetuju bahawa tindakan Duli Yang Amat Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sudah betullah. Dia panggil kita semua untuk menentukan siapa hendak jadi *Prime Minister*. Kenyataan di sini, adakah itu tindakan yang betul? Adakah Yang Berhormat bersetuju yang menyebabkan jadi kelam kabut ini ialah kerana kumpulan Yang Berhormat ada yang sokong mencalonkan Yang Berhormat Langkawi, ada yang calonkan Yang Berhormat Port Dickson. Itu yang menyebabkan jadi kelam kabut. Setuju atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Tanjung Karang. Silakan Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya enggan menjawab soalan tersebut tapi saya menggunakan kesimpulan itu atau kejadian bersejarah itu sebagai salah satu sebab mengapa kita perlu menyokong undang-undang ini.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Habis itu Yang Berhormat...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kalau kita lihat bahawa Yang di-Pertuan Agong dapat menyelesaikan masalah ini...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Jelutong hendak tanya sikit.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dan kita lihat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tanjong Karang sudahlah. Yang Berhormat Tanjung Karang duduklah.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Dulu Yang Berhormat Jelutong calon Yang Berhormat Port Dickson kah? Calon Yang Berhormat Langkawi? Saya hendak tanya saja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang Berhormat Port Dickson.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaflah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan, teruskan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta maaf.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Jelutong, sikit Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Walaupun ia merupakan sindiran dan rupa-rupanya mereka ingin melawak jenaka.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong sokong Yang Berhormat Port Dickson. Itu masalahnya itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak apa Yang Berhormat Arau, duduk Yang Berhormat Arau.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** So, saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa rakyat di luar sana— Yang Berhormat Kangar?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sudah habis masa sudah Yang Berhormat Kangar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sudah habis masa Yang Berhormat Kangar. Tidak apa, tolong rumuskan, terus.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** So, saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan sokongan penuh saya kepada rang undang-undang ini kerana Yang di-Pertuan Agong adalah seorang yang boleh dipercayai yang akan memastikan bahawa keselamatan negara kita sentiasa terjamin. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong, baik.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Sepang dan kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Kemudian Yang Berhormat Kulai. Kemudian Yang Berhormat Kemaman. Kemudian Yang Berhormat Pasir Gudang dan yang kesepuluh Yang Berhormat Bukit Bendera. Sila Yang Berhormat Arau.

#### 6.55 ptg.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin menegur dalam masa 30 saat ini kepada pihak pembangkang yang bercakap berbelit-belit. Tadi Yang Berhormat Bagan bercakap cara pembohongan yang luar biasa berlaku. Sekarang Yang Berhormat Jelutong pula cakap berbelit-belit, saya sayang kepada Agong sana sini selepas itu pergi *sign SD* tidak menyokong Yang Berhormat Langkawi. Bila *mari* keputusan, tuduh orang sana pengkhianat. Siapa pengkhianat?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua,..

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebenarnya mereka adalah pengkhianat kepada Yang Berhormat Langkawi. Jadi, tak nak ganggu ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membangkitkan peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak bagi laluan. Baik terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pengkhianat. Siapakah pengkhianat kepada Yang Berhormat Langkawi adalah mereka ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya ingin membangkitkan peraturan. Apa yang berlaku di antara saya dengan Yang di-Pertuan Agong adalah di antara kami, beliau tidak tahu. Kenapa hendak mengelirukan Dewan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini menunjukkan kalau sekiranya sudah undi, dapat sokongan. Sudah pasti Yang Berhormat Langkawi menjadi Perdana Menteri.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dia sudah bersekongkol dengan pengkhianat atau petualang dengan *political prostitute*.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya minta Yang Berhormat Arau teruskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekarang sebab, saya kena masuk rang undang-undang ini. Pertama sekali,...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Arau kena ada penghormatan dirilah. Kamu sudah bersekongkol dengan pengkhianat, petualang, *political prostitute*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau dengan ini— hei! *Shut up duduk!* Arau dengan ini menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada rang undang-undang ini sebab Menteri tadi menyebut perkataan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong. Dia tidak sebut lain. Kalau sebut tersilap tadi, saya yang akan menentang dengan hebatnya. Oleh sebab sebut memberi kuasa saya bersetuju.

Akan tetapi, saya hendak bagi tahu Yang Berhormat bahawa punca kuasa kepada rang undang-undang ini ialah Perkara 74(1) Perlembagaan dan Perkara 149 di mana Parlimen boleh membuat apa-apa undang-undang sekiranya perkara-perkara tersebut yang mengancam keselamatan dan sebagainya. Kita buat rang undang-undang ini. Itu sebab kuasa Perdana Menteri dibagi di bawah Perkara 149 tetapi kuasa Agong ialah Proklamasikan Darurat pada Perkara 150. Jadi, untuk keselamatan darurat yang berskala besar kita bagi kepada Agong dan yang berskala kecil yang merupakan pengisyiharan kawasan keselamatan, diberikan kuasa kepada Perdana Menteri.

Akan tetapi tidak ada masalah sebab benda ini kita hendak lihat punca kuasa itu balik sebab disebut punca kuasa ini dulu daripada Perkara 149 dan juga Perkara 74(1). Sekarang punca kuasa ini hendaklah memasukkan juga ataupun tidak terpulang kepada kerajaan. Akan tetapi saya hendak bertanya, adakah kita hendak masuk punca kuasa ini kepada 150 iaitu hak Agong untuk mengisyiharkan darurat? Ini adalah mengisyiharkan keselamatan yang berskala kecil.

Jadi, contohnya berlaku satu ancaman di sesuatu tempat, maka kita isytiharkan kawasan keselamatan. Itu pertamanya. Antara yang jadi *confuse* ini sebab kita buat dua perkara. Satu memberi kuasa satu rang undang-undang kepada MKN untuk meneruskan kehidupan mereka. Kedua, kita masukkan sekali pengisyiharan kawasan keselamatan yang menjadi pertikaian sama ada Perdana Menteri ataupun Agong.

Tidak salah seperti Yang Berhormat Padang Rengas sebut. Kita buat rang undang-undang pada masa tersebut kerana kita berdasarkan punca kuasa bukan daripada Perkara 150 tetapi Perkara 149 dan juga Perkara 74(1). Jadi sekarang ini punca kuasa ini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat apakah kita sudah perbetulkan punca kuasa ini supaya rakyat tahu bahawa sebelum ini kita bukan membuat salah tetapi kita membuat suatu akta untuk menyelamatkan negara.

Keduanya, saya ingin bertanya kenapa kawasan ESSCOM yang merupakan ancaman keselamatan sehingga kini daripada tahun 2013 sampai sekarang. Rang undang-undang ini dibuat pada tahun 2016. Jadi 1 Oktober 2016 telah dikuatkuasakan. Akan tetapi, kawasan keselamatan di Sabah masih lagi pengisyiharannya dibuat oleh Perdana Menteri dan juga Ketua Menteri Sabah. Jadi, apakah boleh rang undang-undang ini digunakan untuk kawasan

keselamatan di ESSCOM supaya ia menjadi satu tanda aras bahawa ini dia bentuk kawasan keselamatan yang dimaksudkan?

Jadi dengan itu, kita tidak ada masalah, Parlimen pada hari ini akan menyokong 100 peratus iaitu memberi kuasa kepada Agong untuk mengisyiharkan kawasan keselamatan. Juga Agong diberi kuasa daripada Perkara 150 untuk mengisyiharkan darurat.

**■1900**

Jadi, sekarang ini YDP Agong mempunyai kuasa untuk mengisyiharkan keselamatan berskala kecil dan juga keselamatan berskala besar. Akhir sekali kita kena perbetulkan, kita berbincang tentang kuasa kepada Agong ini, jangan kita libatkan dengan benda-benda yang lain. Kita telah kaitkan Agong dengan satu perubahan kuasa, kita libatkan Agong. Padahal Agong sendiri mengetahui bahawa Agong telah membuat keputusan yang betul bahawa bila memilih seorang Perdana Menteri yang mendapat sokongan majoriti, terbukti bila pemilihan Tuan Yang di-Pertua. Pemilihan Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini, kita terdapat beberapa jumlah yang Tuan Yang di-Pertua dapat, berapa pihak pula yang menentang.

Jadi bila Agong buat keputusan, mereka sudah tuduh macam-macam. Dulu kata kononnya mereka kata mereka dapat lebih undi. Akan tetapi sebenarnya bila terbukti, di Parlimen ini membuktikan bahawa mereka tidak dapat undi yang lebih dan dengan itu kita melantik Perdana Menteri seperti yang telah dinyatakan.

Akan tetapi yang saya *dok* marah sampai hari ini ialah kenapa digunakan perkataan ‘pengkhianat’. Kenapa digunakan perkataan ‘petualang’? Padahal pengkhianat dan petualang ini adalah sesama mereka. Kalau Yang Berhormat Langkawi dapat undi lebih, Yang Berhormat Langkawi jadi Perdana Menteri.

Saya pun masa itu pun sokong Yang Berhormat Langkawi, tetapi Yang Berhormat Langkawi tak menang juga. Makna kata, ada petualang di kalangan puak-puak PH masa itu yang tidak sokong Yang Berhormat Langkawi. Saya sokong Yang Berhormat Langkawi, majoriti kawan-kawan sini sokong Yang Berhormat Langkawi. Akan tetapi nampaknya yang sokong Yang Berhormat Langkawi, kami.

Akan tetapi yang tidak sokong Yang Berhormat Langkawi, mereka. Oleh kerana mereka tidak sokong, kami pun buat pilihan untuk pilih kepada pilihan kedua iaitu kepada Yang Amat Berhormat Pagoh, maka Yang Berhormat Amat Pagoh jadi Yang Berhormat Perdana Menteri.

Maka petualang itu kembalilah kepada orang yang suka bercakap. Petualang di kalangan politik ialah mereka sendiri yang mengkhianati Yang Berhormat Langkawi. Akan tetapi, kita bersyukur kerajaan telah diselamatkan oleh Yang Amat Berhormat Pagoh sehingga kita berjaya memperkenalkan rang undang-undang COVID-19.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Puan Teresa Kok [Seputeh]:** Keluar tajuklah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Eh! Kalau berani bangunlah, makcik. Kenapa cakap sambil duduk? Bangunlah makcik. Saya bagi peluang, cakap tanya soalan. Bangun, bangun.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Arau, habis masa dah Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Makna dalam lenggok bahasanya, akhir sekali kita hendak nyatakan bahawa kita menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Kalau perbahasan pun semua bersekitar di perkara yang tersebut. Cuma ada antara orang yang...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah tidak?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Membaca rang undang-undang...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya minta penjelasan sikit daripada Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Penjelasan penjelasan, 101 projek RM6.6 bilion ini *direct nego* ini Yang Berhormat Arau. Tolong bagi penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi *direct nego* ini, saya minta kerajaan senaraikan 111 projek RM6.2 bilion yang dibagi...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Kepada kalangan orang-orang PH.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Zaman Pakatan Harapan, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih. Saya minta pandangan Yang Berhormat Arau tentang satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat di sebelah sana iaitu Yang Berhormat Padang Rengas yang mengatakan bahawa kita perlu hapuskan *political prostitute* daripada politik negara kita. Adakah Yang Berhormat Arau setuju?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tapi ini...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *You must get rid of political prostitute.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Padang Rengas juga menyebut dengan terang. Perkara itu dibenarkan oleh undang-undang. Akan tetapi perkataan menuduh kata Yang Amat Berhormat Pagoh pengkhianat, kawan-kawan sana pengkhianat adalah satu kesalahan, Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat pengkhianat kepada Yang Berhormat Langkawi. *[Tepuk]* Saya simpatilah kepada Yang

Berhormat Langkawi, malangnya dia dikhianati oleh orang-orang Pakatan Harapan. Saya menyesal ini, saya sain SD.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Arau, kami masih duduk di sebelah yang sama, *where are still on the same side*.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Akan tetapi blok yang lain. Bukan blok yang sama, blok yang lain. Itu bukannya blok Pakatan Harapan.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat Arau sudah habis. Saya rasa Yang Berhormat Sepang tengah tunggu giliran dia, saya mempersilakan Yang Berhormat Sepang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dahlah saya dah habis, dengan ini saya hendak mengisyiharkan saya menyokong rang undang-undang dengan hebatnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Sepang, silakan.

#### 7.04 mlm.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun pada petang ini dengan memulakan ayat beginilah ya. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong diam.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Untuk makluman Yang Berhormat Menteri yang membentangkan rang undang-undang ini, *I'm prepared to agree, not I'm prepared to consider*. Ada beza itu. *I'm prepared to agree* pada saya bersedia untuk dalam bahasa Inggeris maksudnya *I'm prepared to agree* maknanya saya bersedia untuk bersetuju. *I'm prepared to consider* maknanya saya bersedia untuk mempertimbangkan untuk makluman Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi Akta Majlis Keselamatan ini, pertamanya saya ingin bersetuju tentang peruntukan mengenai klausa yang meminda seksyen 37 iaitu ini tentang obligasi kerahsiaan di mana hukuman dinaikkan daripada dua tahun kepada lima tahun. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memang dari segi undang-undang keselamatan ini, dia punya kalau kita guna dalam bahasa Latinnya *sine qua non* adalah kerahsiaan. Itu adalah asas kepada undang-undang keselamatan ini.

Jadi, bagi saya apabila ada undang-undang yang memperuntukkan tentang obligasi kerahsiaan dan dikenakan hukuman yang lebih berat kepada mana-mana pihak yang melanggar obligasi kerahsiaan, bagi saya ini satu peruntukan yang memang patut disokong.

Kalau kita lihat dari segi *peak and substancenya*, rang undang-undang ini adalah berkisar tentang pindaan daripada kuasa Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya terlibat ketika berbahas semasa rang undang-undang ini hendak dibentangkan dan diluluskan. Semasa itu dibentangkan oleh Yang Berhormat Arau.

Memang pada masa itu kita punya *position* adalah akta ini adalah akta yang bercanggah daripada Perlembagaan Persekutuan kerana dia dibuat tidak mengikut Artikel 150. Tadi Yang

Berhormat Arau mengatakan ia dibuat di bawah Artikel 149 dan juga Artikel 74. Saya rasa Artikel 74 ini tidak sepatutnya dihujahkan. Semua undang-undang di Parlimen memang kena buat bawah Artikel 74.

Artikel 74 berkaitan tentang hak Parlimen untuk buat undang-undang di peringkat Persekutuan. Semua undang-undang memang dibuat di bawah Artikel 74, cumanya ini adalah undang-undang yang ada *special features* iaitu ada berkaitan dengan *emergency* juga. Walaupun tidak disebut secara spesifik *emergency*, tetapi undang-undang itu ialah...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Masa, minta maaf Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sikit sahaja. Yang Berhormat Sepang kata melanggar Perlembagaan. Tidak melanggar Perlembagaan, kita bawa di bawah Artikel 149. Yang Berhormat Sepang, di mana langgar Perlembagaan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, tidak apa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekarang ini kita hendak serah kuasa kepada...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Masa, masa. Jangan kacaulah Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi *you* sebut nama Yang Berhormat Arau.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okeylah saya sebutlah betul, saya...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Dia bercerita fasal hari itu masa dahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya tahu Yang Berhormat Sepang terlampau rindu kepada saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, tetapi saya tidak kata Yang Berhormat Arau...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Berkaitan tentang masa Yang Berhormat Arau bentang dulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebenarnya Yang Berhormat Arau, pada masa itu, kita mengatakan bahawa ialah bercanggah dengan Perlembagaan. Ini kerana Artikel 150 bercerita tentang Yang di-Pertuan Agong, sebab itulah sekarang ini nak pulihkan semula—rang undang-undang ini digubal oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi sekarang ini, kerajaan sekarang meneruskan. Memang nampaknya tidak meminda. Maknanya bersetujulah bahawa kuasa yang untuk mengisyiharkan kawasan keselamatan ialah Yang di-Pertuan Agong, bukan Perdana Menteri.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Sepang, sikit Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta maaf, saya...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Kangar, sikit sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Sepang, kita boleh lawan...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Cuma 15 saat Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Kangar minta.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tadi Yang Berhormat Sepang sebut tentang obligasi kerahsiaan. Setuju atau tidak Yang Berhormat Sepang dalam hal-hal berkaitan keselamatan ini, kadang-kadang kerajaan kena buat tender tertutup, kena buat runding terus untuk mendapatkan keperluan-keperluan keselamatan?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak apalah, saya hendak fokus fasal ini. Minta maaf pada Yang Berhormat Kangar. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jangan kacaulah Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Rundingan terus 101 projek, RM6.6 bilion dibolot oleh semua orang PH.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi, saya hendak mengatakan bahawa...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Membohong kepada rakyat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Oleh kerana kuasa Yang di-Pertuan Agong di bawah Artikel 150, sebab itulah apabila kita berkuasa, kita pulihkan semula rang undang-undang atau akta ini dengan kita kembalikan kuasa Yang di-Pertuan Agong. Untuk makluman Yang Berhormat Arau, saya rasa Yang Berhormat Arau pun tahu bahawa semasa undang-undang ini diluluskan, memang ada *reservation* daripada kalangan Majlis Raja-raja tentang undang-undang ini.

Oleh sebab itulah kita merasakan bahawa ada sampai masanya ketika itu kita kembalikan semula kuasa Yang di-Pertuan Agong. Oleh sebab itulah kita telah menggubal undang-undang ini. Oleh kerana kita dijatuhkan oleh kerajaan dan dijatuhkan tanpa mandat rakyat, maka kita terpaksa tidak dapat teruskan untuk membawa rang undang-undang ini ke Parlimen.

Akan tetapi sekarang saya bersyukurlah kerana kerajaan sekarang ini nampaknya meneruskan idea ataupun gagasan yang dibawa oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi tentang—Tuan Yang di-Pertua saya hendak sentuh sikit. Kerana apa kita mengekalkan kuasa Yang di-Pertuan Agong?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Masa dah cukup.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi pun *you* lebih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya masa okey sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Arau, *you* rasa okey tetapi orang kat luar nampak *you* macam badut tau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *You* macam badut? Okey cantik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** You macam badut ini kat luar orang nampak. You're badutlah, clown. Eh! Clown, duduklah. You're clown. Duduk.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kepada orang yang mengaku jadi 'Tuhan' ini, sampai sekarang...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Janganlah. Jangan, jangan. Sila, sila. Yang Berhormat Sepang, tolong habiskan.

■1910

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta orang yang tidak sihat ini tarik balik perkataan ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini clown ini minta saya...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Janganlah. Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Arau, tidak apa, kita break. Silakan, habiskan itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Point of Order 36(6).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Oleh kerana undang-undang ini dibentangkan oleh seorang yang tahu undang-undang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta 36(6).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau sekiranya rang undang-undang ini dibentangkan oleh Yang Berhormat Arau yang tidak tahu undang-undang ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tarik balik, tarik balik!

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, 36(6).

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia sangkaan jahat kepada saya perkara ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Badut, diamlah badut! Badut diamlah!

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Nampak? Apakah boleh kita mengeluarkan perkataan tersebut? 36(4).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau benda...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolonglah jangan kita panggil orang badut kerana tidak elok. Tidak apa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dekat circus ada orang macam inilah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak boleh buat macam itu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Sepang diisyiharkan bapa badut!

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bapa kepada badut! Itulah...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa itu bahasa yang— Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat semua, saya rasa...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya sedar dia tidak sihat badan dan juga mungkin pemikiran. Akan tetapi kita tidak boleh guna...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, dua orang itu, badut dengan si bebal itu, Tuan Yang di-Pertua. Minta tolonglah jangan kacau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia tidak sihat, nampak? Dulu dia mengaku 'Tuhan'.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Seorang bebal, seorang badut.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong. Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang tolong duduk, Yang Berhormat Arau tolong duduk. Kita sudah petang ini, sudah petang. Saya rasa perkataan itu kurang enak tetapi saya nasihatkan tolong jangan *repeat* lepas ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia salah seorang daripada pengkhianat dan juga...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Duduk Yang Berhormat Arau, ini *floor* Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Terima kasih semua, saya hendak menjemput Yang Berhormat Pasir Mas. Silakan.

## 7.12 mlm.

**Tuan Ahmad Fadhl bin Shaari [Pasir Mas]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020 ini. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di atas kesungguhan dan komitmen untuk membawa pindaan ini ke Dewan Rakyat ini.

Komitmen yang sama telah ditunjukkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang dulu tetapi mengikut rekodnya, pindaan tersebut ataupun rang undang-undang ini telah ditarik balik. Mungkin di sana ada sebab-sebab yang tertentu. Akan tetapi Kerajaan Perikatan Nasional ini dengan komitmennya, dalam masa beberapa bulan sahaja berjaya untuk memastikan pindaan ini menjadi kenyataan dan dibawa ke Parlimen. Ini suatu kejayaan yang cukup baik untuk Kerajaan Perikatan Nasional yang nampaknya tidak beretorik dan tidak hanya menguar-uarkan sahaja tanpa apa-apa tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, suka untuk saya nyatakan bahawa apabila disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi saya setuju bahawa agenda untuk meminda akta ini ialah daripada

Kerajaan Pakatan Harapan sebelum daripada ini. Kerajaan yang ada pada hari ini tidaklah bertumpu kepada untuk melupakan ataupun hanya untuk menumpukan kepada meminda nama dan sebagainya. Apa-apa yang baik daripada kerajaan terdahulu kita teruskan, termasuklah pindaan terhadap Akta Majlis Keselamatan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang telah disebut oleh rakan-rakan sebentar tadi bahawa *absolute power corrupt absolutely* iaitu apabila kuasa dipusatkan kepada orang-orang tertentu sahaja, kemungkinan akan berlakunya di sana penyalahgunaan. Akan tetapi dalam masa yang sama, suka untuk saya menyebut bahawa di samping kita cuba untuk hendak mengembalikan posisi asal ataupun hasrat asal MKN ini, di sana adanya penguatkuasaan yang mungkin kita boleh terlepas pandang. Walaupun ia akta yang berlainan tetapi kerana hasrat yang sama, akta-akta seperti SOSMA, POTA dan MKN ini adalah dianggap sebagai tiga beradik yang memfokuskan kepada isu-isu untuk keselamatan negara.

Saya ingin menarik perhatian kerajaan terhadap tahanan-tahanan SOSMA yang ada pada hari ini. Apakah di sana sudah ada semakan semula terhadap tahanan-tahanan SOSMA? Ada aduan-aduan sampai kepada saya Tuan Yang di-Pertua. Ada yang telah pun dirayu untuk ditambah hukuman mereka. Saya bukan tidak percaya kepada pihak polis dan pihak keselamatan. Akan tetapi dalam isu apabila tahanan-tahanan yang berkait dengan LTTE dibebaskan dengan sepenuhnya seramai berbelas-belas orang itu, apakah nasib mereka yang masih ditahan di bawah Akta SOSMA yang tidak sebangsa dengan mereka, yang ditahan akibat daripada LTTE ini.

Apabila mereka ditahan kerana LTTE ini telah dibebaskan, apa nasib anak-anak bangsa kita? Bukan saya bercakap soal bangsa tetapi soal keadilan yang masih lagi ditahan di bawah Akta SOSMA ini yang aduan-aduan sampai kepada kita. Ada yang ditahan hanya kerana gambar-gambar yang ada dalam *Telegram*, yang mereka ada di dalam *group* yang sama.

Saya mohon supaya semakan semula terhadap tahanan-tahanan ini dapat diadakan ataupun dapat dilakukan dan supaya pihak kementerian dan pihak kerajaan melihat dengan serius aduan-aduan daripada pihak keluarga yang terbabit. Setakat manakah mereka ini diberikan keadilan di bawah Akta SOSMA, tahanan-tahanan ini diberikan layanan di bawah Akta SOSMA ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka ingin juga untuk memanjangkan perhatian ataupun mengambil perhatian pihak kerajaan terhadap kawalan-kawalan ataupun pengisytiharan kawalan-kawalan yang kritikal dari sudut keselamatannya. Kawalan sempadan kawasan saya, Pasir Mas dan Rantau Panjang dengan Thailand adalah merupakan kawalan yang agak kritikal.

Beberapa hari lepas, salah seorang daripada rakyat saya telah pun ditembak mati di Thailand tapi itu isu yang berlainan. Cuma apa saya hendak sebut ialah bagaimana sempadan di antara Malaysia dan Thailand ini boleh dicerobohi dengan begitu senang yang menyebabkan akhirnya pengedaran-pengedaran pil kuda dan sebagainya menjadi satu masalah yang serius di kawasan-kawasan yang bersempadan ini.

Saya menyambut baik kawalan daripada pihak keselamatan yang meletakkan dawai berduri di sekitar sempadan di antara Pasir Mas, Rantau Panjang dengan Thailand ini tetapi ia masih belum cukup untuk memastikan bahawa ruang sempadan ini tidak dicerobohi. Kelmarin saya sudah mengadakan lawatan kerja di pintu masuk di antara Malaysia dan Thailand, saya mendapati keadaannya sudah cukup baik. Akan tetapi di kawasan-kawasan kampung yang masih lagi begitu panjang dan luas ini, ia masih boleh diceroboh oleh penceroboh-penceroboh yang berniat tidak baik.

Begitu juga dengan isu kesopanan dan kesusilaan dan kepatuhan kepada Perlembagaan. Kita mahu juga supaya kerajaan bertindak tegas pencerobohan terhadap isu-isu yang melibatkan cabaran terhadap norma-norma kehidupan masyarakat di Malaysia. Sebagai contoh, beberapa hari lepas ada beberapa pihak cuba menampal tulisan yang berbahasa lain daripada bahasa yang sepatutnya telah ditampal di papan tanda di tepi-tepi jalan. Bagi saya ini adalah merupakan satu perkara yang sangat mencabar undang-undang. Kerajaan kita minta supaya bertindak dengan tegas dan segera terhadap perkara-perkara seperti ini supaya tidak menjadi satu bahan mulut ataupun bahan ejekan semata-mata penguatkuasaan undang-undang.

Hari ini sudah tentu Pakatan Harapan dalam isu yang berlaku sehari dua ini melontarkan isu keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang yang kononnya hendaklah disamaratakan kepada semua pihak. Tanpa saya merujuk kepada sesiapa, kita juga ada gambar-gambar Ahli-ahli Parlimen Pakatan Harapan yang melanggar SOP. Ada yang pergi mengurut di rumah jirannya ketika Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

Jadi, kita hendak bagi satu amaran atau hendak bagi satu peringatan bahawa kalau isu SOP berkenaan dengan PKPP ini dibangkitkan, maka di sana ada banyak lagi SOP-SOP yang melibatkan pemimpin-pemimpin politik kita boleh dihighlightkan. Kita bimbang sebiji batu tidak terkena kepada seekor burung sahaja tetapi terkena kepada burung-burung yang lain yang boleh menyebabkan bukan satu sahaja yang terkena tetapi mereka yang berada pada dahan yang sama juga turut menerima tempias.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pasir Mas mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Pulai.

### 7.18 mlm.

**Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan juga keizinan untuk membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020 ini. Saya hanya ada dua perkara sahaja. Pertama, saya bersetuju dengan rakan-rakan, Yang Berhormat Hang Tuah Jaya dan juga sahabat saya daripada Padang Rengas bahawa *the spirit of this law* ataupun pindaan ini adalah untuk kita memurnikan hubungan di antara Yang di-Pertuan Agong dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan diwakili oleh Majlis Keselamatan Negara. Hal ini supaya apa yang disebutkan tadi *the balance of power* itu ataupun yang dikatakan perimbangan kuasa itu dapat diterjemahkan dan tidak mencemarkan antara kedua belah pihak.

Hal ini kerana pelanggaran di antara Raja dan rakyat ini akan mencetuskan sesuatu yang tidak baik kepada negara. Jadi, negara harus berpegang dengan prinsip ini, Raja Berperlembagaan. Sekiranya rang undang-undang ini, pindaan ini akan menjadi satu kenyataan, bagaimana hubungan yang baik, satu keputusan besar terhadap keselamatan negara dapat diterjemahkan dengan satu rundingan di antara Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Keselamatan Negara, maka ia harus juga dicontohi oleh sekalian Raja-raja Melayu yang juga mendokong prinsip yang sama di peringkat negeri-negeri.

■1920

Saya sangat bimbang Tuan Yang di-Pertua supaya jangan ada yang *go beyond* dengan izin, yang ada sama ada pihak Perdana Menteri, Menteri-menteri dan rakyat yang diwakili dalam setiap pilihan raya ini masuk dalam garisan Raja-raja Melayu dan juga di sebaliknya. Jadi ini sangat penting supaya ianya akan menjadi suatu teladan yang akan dapat kita abadikan dalam kita memurnikan *spirit of this law* ataupun enakmen ini ataupun pindaan ini.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bagi pihak kerajaan, adakah kita punya suatu kemampuan untuk kita merisik? Adakah negara kita ini ada *double agent*? Ya, saya ingin merujuk seorang tokoh *double agent* ini namanya Kim Philby ataupun dikenali dengan sejarah *The Cambridge Five*. Dia juga adalah ejen British, MI6 dan dia juga akhirnya dikenali sebagai ejen KGB. Dalam sejarah negara pernah ada tokoh namanya Lai Teck. Dia adalah ejen British dan dia adalah Setiausaha Agung kepada Parti Komunis Malaya.

Saya membangkitkan perkara ini supaya- adakah kita punya cukup latihan? Adakah mereka-mereka yang dipertanggungjawabkan dalam negara kita sama ada di pihak polis dan tentera yang sangat kita hormati punya kepakaran untuk kita *trace* ataupun kita melihat perkara ini secara serius kerana ancaman pembocor rahsia ini sangat besar kesannya kepada negara.

Banyak buku-buku yang boleh kita rujuk contohnya *The Silent War*, *The Post-Cold War* yang memporak-perandakan Eropah Barat dan Eropah Timur yang dimainkan peranan oleh *double agent* ini. Jadi saya harap pihak kerajaan sentiasa dapat mempertingkatkan latihan, dapat mempertingkatkan risikan kerana mereka ini bukan calang-calang kecekapannya.

Saya rasa banyak filem-filem *Hollywood* yang dapat kita saksikan bagaimana ianya ia difiksyenkan. Macam filem *The Salt* sebagai contoh *Salt* ejaannya S.A.L.T dan banyak lagi filem-filem lain yang saya rasa kita harus belajar dan apa yang penting bagi saya adalah tahap keselamatan negara harus dipelihara. Tadi Yang Berhormat Padang Rengas menyebut tentang bagaimana perancangan yang dibuat oleh yang *so-called* Kesultanan Sulu yang mengancam Sabah beberapa tahun yang lepas sehingga terlahirnya idea ataupun semangat untuk meminda akta ini.

Jadi saya rasa dengan beberapa pengalaman negara yang melalui detik-detik yang mencemaskan ini akan menjadikan *insya-Allah* saya yakin Majlis Keselamatan Negara akan dianggotai oleh mereka yang benar-benar berwibawa, berintegriti dan mampu untuk menelaah ataupun orang kata sebagai satu badan yang benar-benar dapat memelihara keselamatan negara ini daripada ancaman zahir, ancaman yang tersirat. Apa yang paling penting tadi ialah

kita pastikan tidak ada *double agent* yang akan menguasai politik dan keselamatan negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pulai. Saya ingin menjemput yang seterusnya Yang Berhormat Kemaman.

### 7.24 mlm.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020.

Kita sedia maklum bahawa Majlis Keselamatan Negara telah pun ditubuhkan pada 1971 dengan fungsinya sebagai suatu majlis yang besar untuk melindungi keselamatan negara, tidak boleh dipertikaikan lagi. Begitu juga penggubalan Akta Majlis Keselamatan Negara suatu ketika dahulu lebih menekankan aspek integrasi tindakan keselamatan negara dalam menghadapi sebarang ancaman. Kita melihat dalam konteks semasa bagaimana peranan Majlis Keselamatan Negara yang dioptimumkan dengan berkesan dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di negara kita pada hari ini.

Dalam tempoh awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini di mana pentadbiran negara disatukan di bawah Majlis Keselamatan Negara bagi memastikan PKP dapat dikuatkuasakan sepenuhnya. Gabung jalin penguatkuasaan di antara Angkatan Tentera Malaysia dan PDRM dalam mengawal pergerakan memberikan kesan yang positif dalam melandaikan lingkungan peningkatan kes-kes positif sepanjang Mac hingga Jun ini. Ini suatu yang perlu kita beri perhatian mengenai impak positif daripada bentuk pentadbiran *centralization* di bawah MKN ketika berhadapan dengan krisis ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya rang undang-undang ini menyentuh mengenai beberapa perkara yang penting iaitu perubahan kuasa yang disalurkan kepada Yang di-Pertuan Agong bagi mengisyiharkan kawasan keselamatan, keanggotaan majlis, penalti bagi pelanggaran obligasi kerahsiaan dan kuasa membuat peraturan di bawah musyawarah majlis itu sendiri dan tidak sepenuhnya di bawah Perdana Menteri.

Oleh itu saya sebutkan bahawa langkah pindaan ini bersifat mengharmonikan semula pentadbiran Majlis Keselamatan Negara supaya lebih efisien dan lebih efektif. Saya tertarik dengan pindaan yang dinyatakan mengenai perubahan kuasa membuat peraturan-peraturan diletakkan di bawah musyawarah majlis kerana ia lebih cenderung kepada *corrective decision* dan *collective responsibility* dalam melakukan sebuah keputusan yang besar kepada negara ini. Perkara ini merupakan suatu yang sangat penting kerana majlis ini memerlukan *informed decision* dalam melakukan sesuatu keputusan kerana implikasi dan kesannya sangatlah besar kepada rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berhubung dengan ancaman siber yang lebih pantas menular pada zaman teknologi ini berbanding bahaya di lapangan. Ancaman siber

yang dimaksudkan berkaitan dengan penyebaran fitnah, berita palsu, hasutan perkauman dan keagamaan.

Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah mendedahkan 80 peratus daripada aduan yang diterima dalam Platform 3R, perkauman, keagamaan, roayali adalah berbau perkauman. Saya ingin panjangkan perbahasan kepada kawasan keselamatan khususnya di media sosial yang menjadi medan penularan pemahaman-pemahaman yang mendorong kepada ketidakstabilan dalam negara sehingga boleh menggugat kestabilan negara.

Saya ingin sebutkan bahawa dalam konteks hari ini isu keselamatan tidak hanya terhad di atas lapangan semata-mata bahkan juga kita berhadapan dengan ancaman keselamatan yang lebih besar di media sosial hari ini. Ia mungkin tidak berlaku di atas lapangan tetapi jika kita tidak kawal apa yang berlaku di media sosial kita bimbang lambat laun dia akan menjadi barah di lapangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah pelan strategik yang telah diaturkan di bawah Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan CyberSecurity bagi meningkatkan penguatkuasaan dan keselamatan di media sosial. Saya difahamkan NACSA juga – kementerian dalam perancangan untuk membentangkan Pelan Induk Kesedaran Keselamatan Siber. Jadi, sejauh manakah aspek penguatkuasaan media sosial dibangunkan dengan terperinci bagi menghadapi isu ini? Jadi saya mohon pandangan pihak kementerian berkenaan hal ini.

Seterusnya, mengenai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA). Ketiga-tiga ini sangat berkait dengan isu keselamatan di negara ini. Jadi, saya ingin tahu apakah pendirian semasa kerajaan terhadap ketiga-tiga akta ini? Apakah aspek utama yang akan dipinda oleh pihak kerajaan bagi memastikan ianya tidak disalahgunakan untuk kepentingan tertentu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

■1930

7.30 mlm.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong rang undang-undang pindaan Akta 776 ini. Akan tetapi, ada beberapa perkara yang merisaukan saya dan ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

Pertama ialah berhubung dengan fasal 5 rang undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda seksyen 18 Akta 776 ini untuk memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh mengisyitiharkan mana-mana kawasan di Malaysia sebagai kawasan keselamatan atas nasihat Majlis. Isu yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan frasa “*Nasihat Majlis*”. Ini kerana saya merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Artikel 40(1) menyebut Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat-nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seorang Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri. Majlis yang disebut di dalam pindaan seksyen 18 Akta 776 itu tentulah merujuk Majlis Keselamatan Negara.

Pada pandangan saya, Majlis Keselamatan Negara ini, setakat apa yang saya tahu, bukan kesemua anggotanya terdiri daripada Jemaah Menteri. Mungkin bukan Menteri pun ada di dalam Majlis Keselamatan Negara. Jadi, jika seksyen 18 itu nanti dipinda, adakah ia bercanggah dengan peruntukan Artikel 40(1) Perlembagaan Persekutuan itu? Iaitu yang menyebut dengan jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Perdana Menteri, Jemaah Menteri atau Menteri. Bukan pihak yang lain.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara yang sama juga. Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 18 yang akan dipinda ini boleh mengisytiharkan mana-mana kawasan di Malaysia sebagai kawasan keselamatan atas nasihat Majlis. Saya ingin merujuk kepada Artikel 150(1) berkenaan proklamasi darurat, pengisytiharan darurat. Di dalam Artikel 150(1) itu, tidak disebut pun apabila Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat, baginda perlu mendapatkan nasihat daripada Perdana Menteri atau Jemaah Menteri. Tidak langsung disebut.

Maknanya pada Artikel 150(1) itu bermakna kuasa itu adalah kuasa Yang di-Pertuan Agong sendiri. Manakala di dalam undang-undang biasa ini, Akta Majlis Keselamatan Negara di bawah seksyen 18 yang hendak dipinda ini, untuk mengisytiharkan suatu kawasan keselamatan, bukan seluruh negara seperti darurat itu, Yang di-Pertuan Agong perlu mendapat nasihat daripada Majlis. Jadi, tidakkah ini janggal berlaku perkara ini?

Untuk Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat di bawah Artikel 150(1) Perlembagaan, tidak perlu menerima nasihat daripada Perdana Menteri atau Jemaah Menteri. Akan tetapi untuk di bawah seksyen 18 Akta Majlis Keselamatan Negara ini, perlu menerima nasihat daripada Majlis pula.

Jadi, walau apa pun, saya ingin menyokong pindaan kepada rang undang-undang ini supaya dapat berkuat kuasa dengan segera. Akan tetapi, saya ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri supaya kita kemaskan ini supaya tidak berlaku seperti pepatah Melayu, '*rumah siap pahat berbunyi*' kemudian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Silakan Yang Berhormat Bukit Bendera.

### 7.34 mlm.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin menyertai perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum bahawa akta ibu Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 antaranya memaktubkan prosedur-prosedur pengisytiharan kawasan keselamatan. Tadi pembahas-pembahas sebelum ini telah mengutarakan bahawa memperbetulkan apa yang tidak betul sebelum ini.

Akan tetapi, saya ingin membangkitkan satu perkara iaitu kalau kita meneliti tentang seksyen 6, keanggotaan Majlis Keselamatan Negara, Perdana Menteri sebagai Pengerusi, kemudian Timbalan Pengerusi yang akan dipinda melalui rang undang-undang ini, Menteri

bertanggungjawab pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Ketua Setiausaha Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara. Di bawah seksyen 8(3), kuorum Majlis Keselamatan Negara adalah lima.

Akan tetapi, saya nampak ada satu *lacuna*. Kalau dari segi legislatif, satu *lacuna* dari segi ini. Ini kerana apabila berlakunya keadaan seperti hanya ada *caretaker prime minister* ataupun apabila selepas pilihan raya sebelum tubuhnya Kabinet, maksudnya itu kita ada satu tempoh di mana tiada Menteri Pertahanan, tiada Menteri Dalam Negeri, tiada Menteri Komunikasi dan Multimedia dan Majlis Keselamatan Negara tidak boleh berfungsi. Apabila Majlis Keselamatan Negara tidak boleh berfungsi, bagaimana seksyen 18(1) boleh dilaksanakan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk mengisyiharkan kawasan keselamatan?

Walaupun kemungkinan perkara ini berlaku adalah kecil tetapi ia akan berlaku. Terdapat *lacuna* iaitu sebelum penubuhan Kabinet, tidak ada Menteri dan tidak ada kuorum. Tidak ada kuorum dalam Majlis Keselamatan Negara. Perkara ini tidak timbul sebelum ini kerana sebelum wujudnya Akta Majlis Keselamatan Negara, Yang di-Pertuan Agong di bawah Artikel 150 Perlembagaan Persekutuan boleh mendeklarasikan kawasan darurat atas nasihat Perdana Menteri yang bermaksud termasuk juga *caretaker Prime Minister*.

Bagaimanakah pindaan ini ada satu *lacuna* di sana yang saya nampak besar dan perlu difikirkan. Ini kerana sepatutnya satu undang-undang yang baik perlulah meneliti segala keadaan. Yang sebaiknya, satu anggota Majlis tidak menentukan nama-nama Menteri ataupun melalui gazet dengan jawatan-jawatan tertentu. Saya rasa ia memerlukan satu penjelasan daripada Menteri.

Lagi satu perkara yang saya ingin bangkitkan ialah tentang prinsip *federalism* di Malaysia. *Federalism* Malaysia ialah sebuah negara persekutuan dan di bawah Majlis Keselamatan Negara, saya memang faham bahawa di bawah jadual legislatif, hal ehwal pertahanan keselamatan adalah di bawah Persekutuan. Akan tetapi, apakah peranan kerajaan negeri? Apakah pandangan kerajaan negeri dalam perkara ini perlu diambil perhatian?

Ini kerana kuasa di bawah Majlis Keselamatan Negara, walaupun dipinda, tidak menggariskan peranan Ketua Menteri atau Menteri Besar di mana kawasan keselamatan itu diisyiharkan. Saya faham bahawa di bawah seksyen 10, Majlis boleh mengundang orang lain untuk menghadiri Majlis tetapi ia hanya boleh mengundang. Dia tidak mewajibkan Majlis Keselamatan Negara untuk menyenaraikan kerajaan negeri dalam keanggotaan Majlis ini. Saya rasa itu satu perkara yang perlu kita berikan perhatian.

*Parliamentary oversight* iaitu saya ambil maklum bahawa melalui pindaan ini juga, Majlis Keselamatan Negara walaupun masih mempunyai kuasa seksyen 42 di bawah peraturan-peraturan, Majlis Keselamatan Negara boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan peruntukan akta ini untuk mengawal pergerakan, menetapkan apa-apa aktiviti yang dilarang dan sebagainya adalah kuasa yang amat besar. Apakah peranan kerajaan negeri? Apakah peranan Majlis Keselamatan Negeri dalam struktur

ini? Saya rasa ada kekurangan dari segi itu dan saya meminta penjelasan Menteri. Sekian, terima kasih.

■1940

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Akhir sekali saya menjemput Yang Berhormat Beaufort.

**7.40 mlm.**

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini untuk memberikan sokongan yang penuh ke atas pindaan yang dibuat rang undang-undang ini untuk meminda Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 dan saya bersetuju sangat dengan pemindaan kuasa pengisytiharan ini kepada Yang di-Pertuan Agong.

Saya ingin menyatakan beberapa perkara dan bertanya beberapa perkara kepada Yang Berhormat Menteri di dalam rang undang-undang ini. Pertamanya, apakah faktor-faktor yang diambil kira sebelum sesuatu kawasan itu diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan di bawah Akta 776 ini. Saya tahu di bawah seksyen 18 ini terdapat beberapa perkara yang telah diperkatakan.

Akan tetapi saya ingin tahu lagi secara terperincinya apakah di antara faktor-faktor yang diambil kira sebelum sesuatu kawasan itu diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan. Saya ingin bertanya, adakah kawasan-kawasan yang selalu dibolosi oleh pendatang tanpa izin (PTI) yang berterusan ke negara kita boleh diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan.

Kedudukan sempadan kita yang terdedah dan yang terlalu mudah untuk dimasuki sehingga berlaku insiden seperti mana yang berlaku di Tanduo, di Lahad Datu Sabah pada tahun 2013 di mana kita telah dikejutkan dengan kehadiran penceroboh dari luar negara yang menyebabkan keadaan yang begitu kritikal dan genting kepada kami di negeri Sabah. Ini perkara yang menyebabkan askar-askar kita dan polis-polis kita terkorban untuk mempertahankan negara. Ini adalah perkara yang harus kita ketahui terlebih awal supaya kawasan-kawasan tertentu seperti di negeri Sabah yang begitu luas sempadannya, begitu panjang sempadannya, maka mungkin boleh dilihat sebagai kawasan-kawasan yang boleh diisytiharkan sebagai kawasan-kawasan yang dikatakan kawasan keselamatan.

Begitu juga saya ingin bertanya, adakah kawasan yang juga selalu menjadi tempat di mana dadah datang dari luar negara yang boleh menyebabkan, yang membahayakan rakyat dalam negara kita terutamanya generasi muda kita disebabkan banyak dadah ini datang ke negara kita terutama sekali di negeri Sabah juga. Maka ramai anak muda negeri itu yang terjerumus dengan dadah ini dan merosakkan kesihatan mereka dan juga masa hadapan mereka.

Bagi saya, ini adalah juga satu perkara yang harus diambil kira bagaimana kita dapat memastikan dadah tidak dapat datang dan masuk dari luar negara dan kalau ada tempat-tempat

yang sudah dikenal pasti sebagai tempat di mana ia dibolosi membawa dadah ini masuk ke negara kita, maka boleh diisyiharkan sebagai kawasan keselamatan juga.

Saya juga ingin bertanya kerana apa yang berlaku di Tandu di Lahad Datu tidak diketahui oleh perisik kita dalam negara ini menyebabkan sudah masuk ke dalam negara kita, berlaku kematian, maka barulah tindakan diambil. Saya ingin bertanya, adakah daripada segi perisikan dalam negara kita ini berupaya untuk mengesan dari awal lagi sebarang usaha ataupun gerakan dari luar negara ataupun daripada para penceroboh tidak kiralah Sultan Sulu dan sebagainya yang menceroboh dalam negara kita.

Tidak semestinya di Sabah, mungkin di sebelah Semenanjung Malaysia ini juga mungkin berlaku kerana sempadan kita masing-masing yang kita bersempadan dengan negara-negara yang lain. Ini adalah perkara-perkara yang membimbangkan kita sebagai rakyat dalam negara kita Malaysia, sebuah negara yang berdaulat ini.

Oleh sebab itulah saya ingin kepastian adakah daripada segi perisikan negara kita berupaya untuk mengesan lebih awal ataupun mungkin seperti apa yang disebutkan tadi sudah ada mereka yang daripada luar negara ini yang datang ke dalam negara kita sebagai *trojan horse* dengan izin yang boleh menyebabkan pencerobohan berlaku pada bila-bila masa sahaja di dalam negara kita. Saya ingin kepastian daripada kerajaan supaya perkara ini diambil kira dan diberikan perhatian yang khusus demi untuk keselamatan dan kedaulatan negara kita Malaysia yang tercinta ini. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Kalau boleh 20 minit Yang Berhormat.

#### **7.45 mln.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih ke atas rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan bagi rang undang-undang ini yang mengikut senarainya seramai 11 orang iaitu Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, Yang Berhormat Padang Rengas, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Pulai, Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Bukit Bendera dan terakhir sekali Yang Berhormat Beaufort dan juga ahli-ahli yang mencelah iaitu Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Sungai Buloh, Yang Berhormat Pokok Sena dan juga Yang Berhormat Kangar.

Saya tidak berhasrat untuk menyentuh semua perkara yang dibangkitkan kerana sebahagiannya adalah pandangan, bukannya persoalan. Terdapat beberapa soalan yang telah dibangkitkan. Pertama oleh Yang Berhormat Hang Tuah Jaya yang bertanya apakah terdapat *Parliamentary accountability* berhubung kuasa mengisyiharkan kawasan keselamatan ini. Saya ingin memaklumkan bahawa berhubung dengan kuasa mengisyiharkan kawasan keselamatan di bawah seksyen 18(6) akta ini, ia sebenarnya dibuat berdasarkan kepada Perkara 18(1).

Dalam melaksanakan tindakan ini ia hendaklah— pengisytiharan kawasan keselamatan hendaklah disiarkan di dalam warta dan dibentangkan di dalam Parlimen seberapa segera dan seterusnya perkara ini boleh dibatalkan jika sekiranya ada resolusi dan resolusi tersebut telah diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen untuk membatalkan pengisytiharan tersebut.

Lagipun tempoh pengisytiharan kawasan keselamatan ini hanya tidak lebih daripada enam bulan untuk satu pengisytiharan, bagaimana subseksyen 18(3) dan juga subseksyen 18(4) akta ini. Perkataan “seberapa segera” ataupun dalam bahasa Inggerisnya “*at the earliest opportunity*” itu, sekiranya Parlimen tidak bersidang pada ketika itu, ia sama ada ia dibentang dalam sidang yang paling hampir, *the next Parliament session* ataupun apa-apa sidang khas Parlimen yang dipohon melalui satu usul.

Yang Berhormat Hang Tuah Jaya juga membangkitkan apakah wujud usaha memberi penerangan kepada rakyat mengenai Dasar Keselamatan Negara. Saya ingin jelaskan bahawa Dasar Keselamatan Negara 2017 telah digubal sebagai dasar yang bertujuan memayungi semua dasar berkaitan keselamatan negara. Oleh itu, sesi penerangan kepada rakyat telah dan sedang dilaksanakan di semua peringkat Persekutuan, negeri, malahan daerah dan dasar ini sedang diteliti bagi tujuan penambahbaikan selaras dengan ancaman keselamatan negara yang tidak bermusim.

Yang Berhormat Hang Tuah Jaya juga membangkitkan sama ada rang undang-undang pindaan 2019 yang telah dibentang oleh Kerajaan Pakatan Harapan dulu ditarik balik pada tahun 2019 kerana isu subjudis. Saya ingin menjelaskan bahawa walaupun fakta menunjukkan bahawa— Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim pada masa itu belum wakil rakyat ya. Pada tahun 2016, sekarang ini Yang Berhormat Port Dickson telah mencabar *constitutionality* ataupun keperlembagaan Akta 776. Dari segi undang-undang ia bukanlah terjumliah kepada satu subjudis, pindaan kepada sesuatu undang-undang yang masih berkuat kuasa walaupun undang-undang itu sedang dicabar di mahkamah, mengikut undang-undang masih boleh diteruskan.

Kerajaan difahamkan— kerajaan kita sekarang ini difahamkan pindaan yang cuba dibawa masuk oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebenarnya telah ditarik balik. Oleh sebab itulah kita kena bawa satu pindaan yang baharu dan ini adalah dasar Kerajaan Pakatan Harapan pada ketika itu yang saya sendiri tidak ada maklumannya.

Yang Berhormat Ledang semasa mencelah membuat pertanyaan sama ada wujud atau tidak semak dan imbang atau *check and balance*. Apakah sesuai Ketua Pembangkang dimasukkan menjadi Ahli Majlis Keselamatan Negara? Kerajaan menegaskan bahawa mana-mana individu mengikut Majlis Keselamatan Negara boleh dipanggil atau dijemput sebagai ahli turut hadir sekiranya terdapat keperluan berkaitan dengan situasi atau perkara-perkara keselamatan yang wujud iaitu selaras dengan seksyen 10 akta ini. Ahli yang dijemput perlu mempunyai pengetahuan berhubung dengan perkara yang dibincangkan.

**■1950**

Ini sudah tentulah termasuk kalau sekiranya Ketua Pembangkang mempunyai pengetahuan tertentu yang berkaitan dengan keselamatan, beliau boleh dipanggil untuk memberi apa-apa maklumat mengenai perkara yang dianggap mengancam keselamatan negara.

Yang Berhormat Arau yang merupakan Yang Berhormat Menteri yang membentangkan akta ini pada tahun 2015 yang berpengalaman besar, terima kasih, telah membangkitkan, adakah telah dijelaskan mengenai punca kuasa Akta 776 dan perbezaannya dengan pengisytiharan darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan. Saya ingin menjelaskan bahawa Akta 776 ini merupakan suatu undang-undang yang digubal menurut Perkara 74(1) berkaitan dengan Butiran Pertahanan dan Keselamatan. *Threshold* setakat ancaman antara pengisytiharan di bawah Perkara 150 iaitu perkara pengisytiharan darurat dengan seksyen 18 adalah berbeza.

Darurat hanya boleh diisyiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong apabila berlaku darurat yang besar ataupun *grave emergency*, dengan izin dan bukannya ancaman keselamatan biasa. Dalam mengawal dan mengurus sesuatu ancaman yang dihadapi, kerajaan mengambil pendekatan bahawa proklamasi darurat di bawah 150 adalah kaedah penyelesaian yang terakhir sekali (*the last resort*) memandangkan kesan proklamasi darurat yang amat besar termasuklah kuasa Parlimen untuk membuat undang-undang dan kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan yang boleh meliputi Dewan Undangan Negeri dan kerajaan negeri kecuali dalam hal ehwal agama Islam, adat istiadat dan hak anak Sabah dan Sarawak.

Seterusnya, Yang Berhormat Arau juga membangkitkan adakah Akta 776 boleh digunakan untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan di ESSZONE? Memandangkan terdapat ancaman keselamatan yang berterusan di kawasan Timur Sabah, kawasan keselamatan khas Pantai Timur Sabah (ESSZONE) telah ditubuhkan sebenarnya di bawah Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam 1962 yang merupakan Undang-undang Persekutuan yang hanya terpakai di negeri Sabah.

Pengisytiharan di bawah subseksyen 31 Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam 62 ini dibuat pada 20 Mac 2013 meliputi daerah di Sabah Timur iaitu Kudat, Kota Merudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahat Datu, Kunak, Semporna dan Tawau. Oleh itu buat masa sekarang tidak ada keperluan untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan di bawah Akta 776 di kawasan ESSZONE ini. Yang Berhormat Sepang meminta...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat sedikit sahaja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini sebab dahulu pun saya AG dok tolong bagi jawapan ya. Jadi sekarang ini AG juga bagi jawapan ini. Jadi Yang Berhormat, sekarang ini kawasan ESSZONE, sebab bukan apa, ini tiada masalah. Kalau sekiranya kita tidak ada keperluan tetapi kawasan ESSZONE, katalah berlaku lagi sekali di tempat-tempat lain, jadi kita hendak kena pakai undang-undang mana? Hendak pakai undang-undang ini ataupun hendak pakai undang-undang yang diisyiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Ketua Menteri sebab rang undang-undang itu untuk Sabah.

Akan tetapi kalau berlaku tempat lain di Sabah, jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Yang Berhormat Ketua Menteri jadi maksud saya. Bila kita serah kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong, apakah pindaan ini akan berkaitan? Oleh sebab di sana, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Ketua Menteri. Terima kasih. Yang Berhormat jawab bertulis pun tidak apa, ingat tak payah jawab sekarang.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya terima kasih. Secara ringkasnya, yang sepenuhnya saya akan beri secara bertulis. Secara ringkaskan Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah Akta Persekutuan yang terpakai kepada seluruh Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak. Jadi, sama ada akan digunakan pada masa akan datang, saya akan beri secara bertulis Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Sepang meminta penjelasan mengenai punca kuasa penggubalan Akta 776.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit boleh Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Daripada Kimanis, sedikit boleh.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya, sila.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya minta peluang ini untuk Yang Berhormat Menteri menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini kerana banyak kekeliruan kepada rakyat negeri Sabah pada hari ini bahawa kuasa di bawah MKN ini kalau di Sabah ini katanya Yang Berhormat Ketua Menteri ada kuasa, bukannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jadi, ini mengelirukan keadaan di negeri Sabah. Jadi saya minta satu jawapan yang tuntas daripada Yang Berhormat Menteri sama ada kuasa di bawah MKN ini kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu kuasa Pusat bukannya kerajaan negeri. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Saya akan berikan jawapan bertulis untuk perkara itu. Yang Berhormat Sepang meminta penjelasan mengenai punca kuasa penggubalan Akta 776 yang bukannya dibuat di bawah Perkara 149 dan Perkara 150.

Sebagaimana yang saya jelaskan tadi, Akta MKN ini merupakan undang-undang yang berkaitan dengan pertahanan dan keselamatan negara yang perlu digubal menurut Perkara 741 Perlembagaan yang dibaca bersama dengan Butiran 2 di dalam Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan iaitu yang berkaitan dengan pertahanan bagi Persekutuan atau mana-mana bahagiannya.

Akta 776 mempunyai ciri-ciri dan sifat yang sama dengan undang-undang yang digubal mengenai keselamatan dan pertahanan negara yang lain seperti contohnya *Penal Code*, *Criminal Procedure Code*, Akta AMLATPUAA, Akta Polis dan seumpamanya.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas mempersoalkan apakah nasib mereka yang ditahan di bawah SOSMA, selain daripada kumpulan LTTE yang telah dibebaskan. Saya ingin menjelaskan bahawa isu mengenai tahanan SOSMA ini

adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri dan tidak berkaitan dengan perkara ini. Saya tidak berhasrat untuk mengupas perkara ini.

Seterusnya Yang Berhormat Kemaman bertanya mengenai mekanisme untuk menangani ancaman keselamatan akibat ancaman serangan-serangan siber yang sekarang ini agak meluas sifatnya. Saya ingin menjelaskan dalam menangani sesuatu ancaman yang tidak melibatkan sesuatu kawasan tertentu, maka tiada pengisytiharan kawasan keselamatan akan dibuat.

Sebaliknya ancaman keselamatan sedemikian seumpama serangan siber akan ditangani melalui arahan Majlis kepada mana-mana entiti kerajaan di bawah perenggan 5(b) Akta 776. Dalam hal serangan siber, mekanisme pengurusan ancaman adalah berdasarkan kepada arahan MKN, Nombor 24 iaitu berhubung dengan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Krisis Siber Negara Tahun 2011.

Yang Berhormat Kemaman juga bertanya mengenai pendirian kerajaan berhubung dengan SOSMA, POCA dan juga POTA. Saya juga menyatakan bahawa ketiga-tiga akta ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Seterusnya Yang Berhormat Bukit Bintang bertanya mengenai peranan ataupun input yang melibatkan Yang Berhormat Menteri Besar atau Yang Berhormat Ketua Menteri apabila suatu kawasan diisyiharkan kawasan keselamatan. Perkara berhubung dengan Pertahanan Persekutuan dan Keselamatan Dalam Negeri adalah merupakan perkara yang berada di dalam bidang kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan.

Namun demikian, perkara ini adalah jelas diperuntukkan di bawah Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersekali dengan Butiran 23, Senarai Pertama Jadual Kesembilan sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Oleh sebab itu, penglibatan Yang Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ketua Menteri adalah tidak diwajibkan kecuali sebagai mana saya sebutkan tadi MKN boleh meminta pandangan ataupun pengetahuan mengenai sesuatu perkara yang terlibat itu.

Yang Berhormat Pulai mengemukakan persoalan adakah kita Malaysia ini mempunyai kemampuan membuat risikan dan adakah kita mempunyai *double agent*? Saya ingin menjelaskan bahawa pasukan keselamatan kita sentiasa meningkatkan anggotanya dalam kemahiran perisikan sama ada melalui kursus ataupun latihan di dalam maupun di luar negara.

Ini terbukti dengan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh anggota keselamatan kita termasuk risikan mencegah ancaman keselamatan negara seperti ancaman keganasan dan seumpamanya. Persoalan mengenai adakah kita mempunyai *double agent*? Hanya boleh dijawab oleh pasukan keselamatan. Itu adalah perkara keselamatan.

Yang Berhormat Pasir Gudang bertanya adakah frasa atas nasihat Majlis bagaimana dalam pindaan kepada Seksyen 18 akan bercanggah dengan Perkara 40, Perlembagaan Persekutuan iaitu yang mana Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menjelaskan peruntukan bahawa Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis sebagaimana dicadangkan

dalam pindaan seksyen 18. Pada pandangan kerajaan, tidak sama sekali bercanggah dengan Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan.

**■2000**

Ini kerana fasal 3 dalam Perkara 40, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti yang berikut. Ditulis dalam bahasa Inggeris. So, saya teruskan untuk menjimatkan masa. Clouse 3, “*Federal Law may make provision for requiring the Yang di-Pertuan Agong to act after consultation with or on the recommendation of any person or body or persons other than Cabinet in the exercise of any of His function other than function as exercisable in his discretion.*” Maknanya bukan hanya nasihat Perdana Menteri dan juga Menteri Kabinet tertentu sahaja tetapi Perkara 43 dengan jelas menyatakan *any other person other than the Cabinet*.

Terakhir Yang Berhormat Kemaman, yang terakhir yang mempersoalkan apakah pelan strategik oleh NACSA dan CyberSecurity dalam menangani isu berhubung keselamatan siber. Jawapannya, kerajaan akan melancarkan Strategi Keselamatan Siber Negara dalam masa terdekat. Strategi ini adalah satu pelan strategik yang komprehensif dalam menangani ancaman siber yang semakin kompleks melalui suatu pendekatan *active cyber defense* bagi melindungi ruang siber negara secara bersepadu. Tuan Yang di-Pertua, itulah...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, ada satu soalan yang berkenaan perkara itu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Apabila kita berkongsi maklumat melalui *handphone*, ada juga kerisauan apabila kita berkongsi maklumat melalui *handphone*, membuat penempahan seperti *Lazada* dan sebagainya. Kemungkinan besar maklumat-maklumat ini juga boleh digunakan melalui *Facebook*.

Sekarang juga ada kerisauan bahawa *Facebook* digunakan untuk membuat *tracking* dengan izin. Maklumat-maklumat yang dikongsi dalam *Facebook* itu boleh digunakan oleh pihak di luar negara untuk membuat serangan dan ancaman tertentu. Mungkin perkara ini boleh diperhalusi juga dalam pembentangan rang undang-undang berkenaan yang bakal dibentangkan nanti. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong atas pandangan tersebut. Kerajaan yakin aspek sekuriti atau *security aspect* ini telah diambil kira oleh pihak-pihak tertentu di dalam negara kita. Namun demikian, perkara ini akan ditambah baik daripada semasa ke semasa. Terima kasih. Itulah penggulungan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

### Fasal-fasal 1 hingga 9 -

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Hang Tuah Jaya.

#### 8.03 mlm.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Satu sahaja, satu sahaja. Yang Berhormat Menteri jawab secara bertulis.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Hang Tuah Jaya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jawab bertulis iaitu Perkara 1 sampai pindaan tadi. Pindaan ini tidak sebut punca kuasa. Jadi Yang Berhormat boleh supaya menenangkan jiwa-jiwa yang memberontak dari segi kefahaman undang-undang ini supaya punca kuasa itu dibetulkan untuk membolehkan rakyat selesa. Paling penting kami rakyat Malaysia menyokong penuh kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. [Tepuk]

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Hang Tuah Jaya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kami pun sokong, kami pun sokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

#### 8.04 mlm.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pindaan Seksyen 6 berkaitan dengan dibaca di sini Perkara 3C iaitu Pengerusi hendaklah melantik dalam kalangan anggota Majlis seorang Timbalan Pengerusi.

Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa rasional pindaan ini kerana sekarang ini memanglah kita tidak ada Timbalan Perdana Menteri tetapi mungkin esok, minggu depan, mungkin Yang Berhormat Kota Bharu menjadi Timbalan Perdana Menteri. Jadi, pindaan ini nampaknya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya saya sokong, saya sokong Yang Berhormat Kota Bharu *no problem*.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Tidak sesuai berada pada saat ini.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** *Amin.*

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Gombak nanti marah pula.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sokong Yang Berhormat Gombaklah.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Gombak pun tidak ada dalam Jawatankuasa. Ini kerana Majlis ini terdiri daripada anggota-anggota seperti Menteri Pertahanan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Apakah di sana terdapat perancangan untuk misalnya Menteri Pertahanan secara automatik menjadi Timbalan Pengerusi kerana ia bersabit soal-soal keamanan dan juga keselamatan.

Perkara seterusnya Tuan Pengerusi ialah pindaan bagi Seksyen 21. Dalam akta ibu, seksyen 21 ini membicarakan tentang kewajipan dan kuasa pengarah operasi iaitu dalam item 3. Di mana dalam kuasa pengarah operasi ini yang berhubung dengan kawasan keselamatan ia dalam Akta Ibu ada dua iaitu menubuhkan satu jawatankuasa yang difikirkan sesuai untuk membantu dalam menjalankan kewajipan dan mengeluarkan arahan kepada mana-mana entiti kerajaan yang dikerah tugas ke kawasan keselamatan.

Dalam pindaan ini ditambah meminta daripada mana-mana individu atau entiti selain entiti kerajaan apa-apa maklumat atau risikan dalam milikannya. Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah ada entiti-entiti lain yang dijalankan secara swasta dalam hal berkait dengan risikan dan juga keselamatan ini.

Ini kerana kita sepanjang sefaham kita tidak banyak ada agensi perisikan yang *private* dengan izin Tuan Pengerusi. Apakah sebenarnya pindaan ini dibuat *in anticipation* dengan izin bahawa terdapat pandangan misalnya oleh IGP baru-baru ini bercadang dari segi visi beliau untuk menswastakan ataupun meletakkan Cawangan Khas secara bebas sama seperti CIA, MI6, FBI dan sebagainya yang dilihat lebih efektif sekiranya bebas daripada pasukan keselamatan. Maka dibuat pindaan ini. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah ini alasan-alasannya ataupun ada alasan-alasan lain. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat.

#### **8.07 mlm.**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi dengan izin berkenaan perkara yang sama 6(3)(c) yang berbunyi, "...meminta daripada mana-mana individu atau entiti selain dari Entiti Kerajaan apa-apa maklumat atau risikan dalam milikannya." Saya cuma ingin bertanya sama ada ia juga terpakai kepada maklumat yang dimiliki oleh mana-mana syarikat swasta, bank umpamanya maklumat-maklumat berkenaan dengan seseorang individu ataupun daripada Celcom, Maxis atau mana-mana agensi yang mempunyai maklumat-maklumat berkenaan dengan seseorang.

So, adakah pihak akta ini akan memberi kuasa sepenuhnya kepada pihak bank ataupun pihak agensi ataupun pihak Celcom dan Maxis mendedahkan maklumat tersebut. Ini adalah persoalan yang ingin saya tanya berkenaan dengan peruntukan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Tanjung Karang.

**8.08 mlm.**

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya pun bangkit perkara yang sama seksyen 6(c) ini. Kalau tengok di sini bahawa Pengerusi hendaklah *shall is mandatory*. Jadi adakah jawatan Timbalan Pengerusi ini memang wajiblah kalau ikut di sini. Jadi, apa rasionalnya yang timbalan ini wajib dilantik sedangkan sekiranya ada jawatan Timbalan Perdana Menteri, adakah nanti jawatan Timbalan Perdana Menteri itu nanti seperti mana yang sebelah sana cakap ia akan masuk di dalam sebagai timbalan. Jadi nampaknya ini macam mandatori untuk melantik timbalan ini. Apa rasionalnya? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ada lagi? Kalau tidak ada lagi saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**8.09 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara yang dibangkitkan tadi. Pertamanya daripada Yang Berhormat Arau mengenai punca kuasa. Sebagaimana yang telah saya jawab beberapa kali tadi, punca kuasa kepada kita membuat pindaan dan juga sebenarnya MKN ini sendiri berdasarkan kepada Perkara 74.

Perkara 74 ini kalau dibaca adalah bertajuk Hal, Perkara Undang-undang Persekutuan dan Negeri yang mana Parlimen boleh membuat undang-undang berkaitan dengan senarai Persekutuan dan juga senarai bersama sama ada di bawah senarai negeri mahupun senarai Persekutuan.

**■2010**

Jadi soal keselamatan ini sebagaimana saya sebutkan tadi adalah di bawah senarai persekutuan iaitu butirannya berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman dalam negeri. Kedua, Yang Berhormat Hang Tuah Jaya membangkitkan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, sikit Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi saya tak hendak jawab di Parlimen saya minta jawab bertulis ya. Saya ingat punca kuasa itu ialah 149 dan juga 74(1). Akan tetapi sebab dalam 150 dia sebut Proklamasi Darurat di bawah 149 dengan 170(1)(1) disebut pengisytiharan darurat seperti Yang Berhormat Padang Rengas yang sebut tadi. Jadi yang itu tidak ada, tidak ada masalah ini bukan ada persoalan yang besar sebenarnya benda yang besar ialah kita memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong.

Cuma sebab Yang di-Pertuan Agong sendiri mempunyai kuasa di bawah 150, sekarang ini undang-undang ini di bawah 149 dan juga 74(1). Itu sahaja jadi punca kuasa ini kalau boleh disebut mungkin daripada dua, iaitu daripada 150 dan juga 149. Sebab kita sekarang ini Yang di-

Pertuan Agong mengisytiharkan darurat Yang di-Pertuan Agong juga mengisytiharkan kawasan keselamatan. Terima kasih. Jawab secara bertulis Yang Berhormat, saya tak nak jawab.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Kita akan jawab secara detil secara bertulis ya. Yang Berhormat Hang Tuah Jaya membangkitkan mengenai seksyen 6 iaitu apabila pelantikan kuasa pengerusi untuk melantik timbalan pengerusi apabila jawatan ataupun keahlian timbalan pengerusi di tiadakan. Sebagaimana disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Padang Rengas juga dipinda seksyen ini oleh kerana pada masa ini tidak wujud jawatan Timbalan Perdana Menteri dan yang lebih penting lagi, sebelum kewujudan Akta 776 ini iaitu sebelum dibuat keanggotaan sidang MKN dipanggil bukan Majlis MKN. Sidang MKN terdiri daripada mereka yang memegang portfolio berhubung pertahanan dan keselamatan negara dan pada masa itu Timbalan Perdana Menteri bukan merupakan anggota sidang MKN.

Akan tetapi, Timbalan Perdana Menteri boleh dijemput untuk menghadiri mesyuarat Majlis MKN berdasarkan keperluan. Walau bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri telah dijadikan anggota tetap MKN kerana pada masa itu, pada masa Akta MKN ini dibuat Timbalan Perdana Menteri turut memegang portfolio Menteri Dalam Negeri iaitu tahun 2015. Maka mengambil kira persekitaran sekarang dan masa hadapan, hanya mereka yang memegang portfolio keselamatan sahaja sepatutnya menjadi ahli. Justeru jika Timbalan Perdana Menteri diisi oleh portfolio lain selain portfolio keselamatan maka keanggotaannya tidak diperlukan melainkan pertahanan dalam negeri dan komunikasi serta multimedia.

Pindaan ini adalah perlu memandangkan perjalanan sementara fungsi pengerusi di bawah seksyen 9 dijalankan oleh timbalan pengerusi. Subseksyen 9(1) Akta 7 memperuntukkan timbalan pengerusi hendaklah bertindak sebagai pengerusi semasa tempoh pengerusi kosong jawatannya, pengerusi tidak hadir dan tidak ada di Malaysia ataupun pengerusi atas sebab apa-apa sebab lain tidak dapat menjalankan fungsinya. Jadi buat masa sekarang kalau dalam keadaan Timbalan Perdana Menteri, maka jikalau begitu ketiadaan pengerusi tidak boleh dilaksanakan mesyuarat ini adalah rasional kenapa ia dibuat pindaan ini.

Seterusnya soalan mengenai entiti bukan kerajaan yang dibangkitkan oleh beberapa orang rakan-rakan tadi termasuk Yang Berhormat Jelutong juga. Dalam hal ini perkataan entiti selain entiti kerajaan adalah termasuk syarikat-syarikat swasta, GLC, GLIC, persatuan firma pertubuhan perkongsian dan lain-lain entiti selain daripada entiti kerajaan dan termasuklah syarikat telekomunikasi. Inilah, tetapi entiti bukan kerajaan ini adalah mereka yang mempunyai maklumat yang diperlukan dalam membantu pengarah operasi dan pasukan keselamatan menangani isu keselamatan di dalam kawasan keselamatan.

Bukan saja-saja boleh minta maklumat. Maklumat yang relevan sahaja Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya faham Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas pencerahan dan penjelasan tersebut. Akan tetapi bukankah ia akan memberi kuasa mutlak kepada Majlis Keselamatan untuk memperoleh maklumat-maklumat ini yang boleh kita tafsirkan sebagai maklumat sensitif. Sebab itu, saya lontarkan soalan sama ada

Celcom, Maxis, akan terpaksa dipaksa memberi maklumat ini. So, bagaimana kita ingin membuat keputusan sama ada maklumat itu perlu baik, tak baik dan kerana kita menyerahkan kuasa mutlak kepada pihak...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya, kita faham Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong seorang peguam apa-apa maklumat yang diminta oleh pihak penyiasat dan sebagainya *the relevant evidence* bukan semua *evidence* diminta daripada mana-mana orang. Hanya katakanlah seorang itu suspek dalam satu-satu kes ancaman keselamatan, hanya maklumat berkaitan orang itu sahajalah yang diminta untuk dijadikan keterangan dan seumpamanya. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat di atas penjelasan. Akan tetapi kerisauan saya adalah bagaimana ingin kita tafsirkan sama ada orang itu terlibat atau tidak. Kita lihat baru-baru ini Yang Berhormat Gombak juga tanpa apa-apa hal beliau juga dikaitkan dengan satu tindakan yang dibuat oleh seorang berkenaan yang dikenali sebagai nama Ramesh Rau. Beliau pergi membuat beberapa perkara yang tak– beliau ingin buat keputusan sendiri, beliau laksanakan sendiri tiba-tiba bila diheret untuk soal siasat beliau menuju Yang Berhormat Gombak.

Jadi...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Yang Berhormat Jelutong saya yakin banyak membuat kes jenayah di mahkamah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya tau.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ya, dalam kes jenayah sebagaimana kita tahu apabila adanya *reasonable suspicious* maka orang itu boleh disiasat. Dalam siasatan itulah pengarah operasi memerlukan kepada maklumat daripada entiti kerajaan *as well as* entiti bukan kerajaan. Terima kasih. Itu sahaja penggulungan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Akan tetapi adakah pihak-pihak umpama – saya tidak mempertahankan siapa-siapa. Di sini saya cuma ingin bertanya Yang Berhormat untuk memberi penjelasan. Adakah pihak telekomunikasi syarikat penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi bukan sahaja melibatkan syarikat telekomunikasi tetapi ia juga melibatkan bank. Ia juga mungkin melibatkan agensi-agensi lain yang mempunyai maklumat sensitif. So, adakah mereka berhak untuk menolak untuk memberi apa-apa maklumat yang dipohon.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih yang terakhir ya. Perkara ini adalah perkara yang terlibat di dalam kawasan keselamatan iaitu Yang Berhormat Jelutong bukan di semua tempat. Kawasan diisyiharkan keselamatan maklumat diperlukan untuk menyelesaikan masalah keselamatan di dalam sekuriti area itulah yang perlu diberikan kepada pengarah operasi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

*[Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 25 Ogos 2020. Assalamualaikum dan selamat malam. *[Tepuk]*

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.20 malam]*